




RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS

2026-2030

MELAKAR SEMULA PEMBANGUNAN



Rukun Negara

Bahawasanya, Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

- ❑ mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;
- ❑ memelihara satu cara hidup demokratik;
- ❑ mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- ❑ menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan
- ❑ membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAN

ISBN 978-967-5842-53-5



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
MALAYSIA

<https://www.ekonomi.gov.my>

T: 603-8000 8000

Dicetak pada 15 Julai 2025

Maklumat dan data dikemas kini sehingga 14 Julai 2025

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Ekonomi, Malaysia.



Dicetak oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2025
W: www.printnasional.com.my
E: cservice@printnasional.com.my
T: 603-9236 6895
F: 603-9222 4773

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS

2026-2030

MELAKAR SEMULA PEMBANGUNAN

Prakata

Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030 (RMK13), dengan tema **Melakar Semula Pembangunan** menjadi hitungan baharu Kerajaan melalui perencanaan utuh dan tuntas dalam mengolah serta menterjemah cita besar Ekonomi MADANI. RMK13 bakal menjadi obor perubahan dalam membantu rakyat menghadapi tantangan yang kian getir dan sukar, terutama jika diteliti dari pergerakan serta perubahan landskap ekonomi dan geopolitik global, peningkatan kos sara hidup, pertumbuhan gaji yang perlahan, peralihan menuju negara menua, kemerosotan kualiti alam sekitar serta dampak perubahan iklim yang terus merempuh.

RMK13 bukan rencana biasa Kerajaan. Malah, ia merupakan usaha dan upaya Kerajaan dalam mencakup hasrat rakyat yang dipasak pada iktikad Maqasid Syariah. Justeru, ikhtiar untuk menaikkan lantai kehidupan rakyat yang memenuhi hak manusiawi akan diutamakan. Bagi merealisasi hasrat ini, sistem sosial yang dapat menjamin kehidupan wajar dan bermaruah akan dibangunkan, bukan setakat memberi tumpuan pada penyediaan akses dan pencapaian material semata, tetapi memberi peneguhan kepada asas rohaniah, nilai insaniah dan ketinggian fikrah setiap rakyat.

Tatakelola yang baik, yakni yang telus, tangkas dan tuntas berteraskan prinsip MADANI adalah prasyarat dalam memastikan amanah moral dan politik dipikul dengan penuh tanggungjawab. Tatakelola yang ampuh adalah sebuah tuntutan pentadbiran yang tidak harus dilihat hanya sebagai pelengkap dasar, tetapi sebagai wahana untuk memastikan kekayaan negara diagih dengan adil dan saksama kepada rakyat tanpa mengira latar belakang.

Bagi mencapai status negara maju menjelang 2030, pertumbuhan ekonomi sudah sewajarnya dilonjakkan dalam membangunkan negara, umpamanya, menaikkan siling. Seyogianya, ikhtiar ditumpukan untuk meningkatkan kerencaman ekonomi melalui peralihan kepada penciptaan nilai yang berlandaskan pendigitalan dan

kecerdasan buatan. Budaya mencipta juga akan dipupuk dalam mempelbagaikan penghasilan produk bernilai tinggi 'Made by Malaysia'. Hasrat ini akan didukung melalui inisiatif pembangunan bakat berkemahiran yang bidangnya serba rencam, dari sains dan teknologi hingga kepada seni dan kreatif. Wacana pembangunan ini akan turut mendukung tuntutan kelestarian alam sekitar, sebagai lambang keterikatan dan ikrar negara untuk melindungi bumi sebagai amanah Tuhan dan generasi penerus.

Selain memperteguh perihal pembangunan domestik, Malaysia terus melebarkan sayap di persada antarabangsa demi merealisasikan azam menjadi peneraju ekonomi Asia Tenggara. Lantaran itu, negara ini harus tampil unggul sebagai destinasi utama pelaburan berkualiti dan bernilai tinggi, termasuk dalam industri kecerdasan buatan (AI), semikonduktor dan tenaga boleh baharu. Tekad bulat Kerajaan untuk memacu ekonomi Islam global diteruskan melalui peluasan produk kewangan Islam dan pemantapan industri halal. Jalinan kerjasama antarabangsa terus diperkukuh untuk meneroka pasaran baharu bagi memperluas akses kepada pasaran global.

Saya ingin menzahirkan penghargaan tertinggi kepada semua pihak yang telah mencurahkan bakti dan sumbangan tanpa mengenal erti lelah dalam merangka RMK13. Meski gelora dan kembara yang ditempuhi tidak mudah—bahkan acap kali memberi dentuman kepada semangat dan ketajaman fikiran—kebijakan ini berjaya digarap melalui wacana serta musyawarah yang senada dan muafakat, melibatkan segenap pihak, menjadi tanda nyata kecintaan kita terhadap tanah air. Namun, mesti ditegaskan betapa perencanaan sebesar ini hanya akan berdiri dan terjelma dengan idea, keringat, tenaga, kerjasama dan kekuatan semua pihak dan Kementerian dalam bersinergi dan menterjemah prinsip semangat berpasukan. Ini semangat MADANI yang sebenar-benarnya.

Akhirul kalam, mari bersama berganding bahu mengatur langkah dan kesungguhan dalam menjayakan agenda RMK13 ini. Insya-Allah, dengan berkat ikhtiar dan tekad yang jitu untuk melakar semula raga dan nurani pembangunan negara, saya percaya wadah ini bakal memahat sejarah baharu serta membuahkan kejayaan yang gemilang demi mengangkat martabat, lantas mencipta tamadun yang bermaruah dan berketerampilan.

ANWAR IBRAHIM

Perdana Menteri
Putrajaya

31 Julai 2025



ISI KANDUNGAN

BAB

1



MELAKAR SEMULA PEMBANGUNAN

PENGENALAN	1-2
------------	-----

PENCAPAIAN SOSIOEKONOMI MALAYSIA, 2021-2025	1-3
---	-----

Sorotan Ekonomi Makro	1-3
-----------------------	-----

Pencapaian Ekonomi MADANI	1-3
---------------------------	-----

Menaikkan Siling: Menstruktur Semula Ekonomi	1-4
--	-----

Menaikkan Lantai: Meningkatkan Darjat Hidup Rakyat	1-6
--	-----

Memperkuh Tatakelola Baik: Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam	1-7
---	-----

MENUJU MALAYSIA 2030	1-8
----------------------	-----

Trend Mega dan Cabaran Domestik	1-13
---------------------------------	------

Prospek Ekonomi Global	1-13
------------------------	------

Prospek Ekonomi Negara	1-14
------------------------	------

Sasaran Ekonomi Makro	1-14
-----------------------	------

Menaikkan Siling: Mempercepat Perubahan Struktur Ekonomi	1-15
--	------

Meningkatkan Kerencaman Ekonomi	1-15
---------------------------------	------

Melonjakkan Pertumbuhan yang Terangkum dan Mampan	1-16
---	------

Meningkatkan Keseimbangan Kemajuan Wilayah dan Mengukuhkan Pembangunan Luar Bandar	1-18
--	------

Memperluas Jaringan Perdagangan pada Peringkat Global	1-18
---	------

Menaikkan Lantai: Meningkatkan Darjat Hidup Rakyat	1-20
--	------

Menangani Kos Sara Hidup	1-20
--------------------------	------

Merekayasa Sistem Sosial Berteraskan Insan MADANI	1-21
---	------

Mempertingkatkan Mutu Kehidupan Rakyat	1-23
--	------

Memperkasakan Golongan Sasar	1-25
------------------------------	------

Memperkuh Tatakelola Baik: Tadbir Urus MADANI	1-26
---	------

Memperkuh Integriti dan Akauntabiliti	1-26
---------------------------------------	------

Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam	1-26
--	------

Memantapkan Pengurusan Fiskal	1-27
-------------------------------	------

Kerangka RMK13	1-27
----------------	------

RUMUSAN	1-31
---------	------

BAB

2



MENINGKATKAN KERENCAMAN EKONOMI

PENGENALAN

2-2

SEPULUH KEUTAMAAN KERENCAMAN EKONOMI

2-3

A1: Pelonjakan Pertumbuhan Industri HGHV dan Sektor Strategik Berimpak Tinggi

2-4

Matlamat 2-4

Pencapaian RMKe-12 2-4

Sasaran 2-6

Strategi 2-8

Strategi A1.1: Mereformasi Industri
Semikonduktor Tempatan 2-8

Strategi A1.2: Memperkukuh Industri Bekalan
Gas Asli 2-8

Strategi A1.3: Memantapkan Pembekalan
Tenaga Elektrik 2-9

Strategi A1.4: Meningkatkan Akses Bekalan
Elektrik Hijau 2-9

Strategi A1.5: Memperkenalkan Tenaga
Nuklear sebagai Sumber Tenaga Elektrik
Bersih 2-9

Strategi A1.6: Membangunkan Keseluruhan
Rantaian Nilai REE 2-9

Strategi A1.7: Melonjakkan Subsektor
Agromakanan dan Agrikomoditi 2-10

Strategi A1.8: Memperkukuh Pembangunan
Ekonomi Digital 2-10

Strategi A1.9: Mengembangkan Industri
Pengangkutan Udara 2-11

Strategi A1.10: Memantapkan Pelancongan
Berpendapatan Tinggi dan Lestari 2-12

Strategi A1.11: Memperkukuh Ekosistem
Halal 2-12

Strategi A1.12: Mencergaskan Industri
Perkhidmatan Global Bernilai Tinggi 2-13

Strategi A1.13: Memperkukuh Ekosistem
Ekonomi Jingga 2-13

Strategi A1.14: Memantapkan Industri
Perkhidmatan Kewangan 2-13

Strategi A1.15: Mempertingkatkan
Kecekapan Industri Peruncitan 2-14

Strategi A1.16: Meningkatkan Kecekapan
Industri Logistik 2-14

Strategi A1.17: Membangunkan Industri
Sukan Negara 2-15

Strategi A1.18: Mengarusperdanakan Sains,
Teknologi dan Inovasi 2-15

A2: Pengukuhan Ekonomi Hijau 2-15

Matlamat 2-15

Pencapaian RMKe-12 2-15

Sasaran 2-16

Strategi 2-17

Strategi A2.1: Memudah Cara Perdagangan
Karbon 2-17

Strategi A2.2: Melonjakkan Industri CCUS 2-17

Strategi A2.3: Mempertingkatkan Akses
Pembiayaan Hijau 2-17

Strategi A2.4: Melonjakkan Permintaan dan
Penawaran Produk Hijau 2-18

A3: Pemerkasaan Ekonomi Biru 2-18

Matlamat 2-18

Pencapaian RMKe-12 2-18

Sasaran 2-19

Strategi 2-19

Strategi A3.1: Memperkukuh Ekosistem
Ekonomi Biru 2-19

Strategi A3.2: Mempertingkatkan
Pertumbuhan Industri Strategik Ekonomi Biru 2-20

Strategi A3.3: Memelihara Khazanah dan
Mengekalkan Kelestarian Biodiversiti 2-21

A4: Pengukuhan Keterjaminan Makanan 2-21

Matlamat 2-21

Pencapaian RMKe-12 2-21

Sasaran 2-22

Strategi 2-23

Strategi A4.1: Mempertingkatkan
Pengeluaran Makanan 2-23

Strategi A4.2: Memantapkan Keterjaminan
Bekalan Makanan 2-23

Strategi A4.3: Memperkukuh Rantaian
Bekalan Makanan 2-24

A5: Pemantapan Ekosistem R&D&C&I	2-24	<i>Strategi A8.1: Meningkatkan Kemampanan Kewangan Operator Pengangkutan Awam</i>	2-33
Matlamat	2-24	<i>Strategi A8.2: Menggalakkan Pembangunan Berorientasikan Transit</i>	2-33
Pencapaian RMKe-12	2-25	<i>Strategi A8.3: Mempertingkatkan Infrastruktur dan Fasiliti Sokongan Pengangkutan Awam</i>	2-34
Sasaran	2-25	<i>Strategi A8.4: Menstruktur Semula Tadbir Urus dan Operasi Pengangkutan Rel</i>	2-34
Strategi	2-26		
<i>Strategi A5.1: Menambah Baik Model Pelaburan R&D&C&I</i>	2-26		
<i>Strategi A5.2: Meningkatkan Penciptaan Nilai Harta Intelek</i>	2-26		
<i>Strategi A5.3: Memastikan Ketersediaan Bakat R&D&C&I</i>	2-26	A9: Penskalaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana	2-34
<i>Strategi A5.4: Memantapkan Tadbir Urus R&D&C&I</i>	2-27	Matlamat	2-34
A6: Peningkatan Produktiviti dan Daya Saing Negara	2-27	Pencapaian RMKe-12	2-35
Matlamat	2-27	Sasaran	2-35
Pencapaian RMKe-12	2-27	Strategi	2-36
Sasaran	2-28	<i>Strategi A9.1: Memperkukuh Model Perniagaan PMKS</i>	2-36
Strategi	2-29	<i>Strategi A9.2: Menambah Baik Ekosistem PMKS</i>	2-36
<i>Strategi A6.1: Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti Negara</i>	2-29	A10: Pemeraksanaan Sektor Ketiga	2-36
<i>Strategi A6.2: Memperkukuh Ekosistem Persaingan</i>	2-29	Matlamat	2-37
A7: Pengukuhan Mitigasi dan Adaptasi Banjir	2-29	Pencapaian RMKe-12	2-37
Matlamat	2-30	Sasaran	2-37
Pencapaian RMKe-12	2-30	Strategi	2-38
Sasaran	2-30	<i>Strategi A10.1: Memperkukuh Daya Tahan Pemain Sektor Ketiga</i>	2-38
Strategi	2-31	<i>Strategi A10.2: Meningkatkan Keterlihatan Sektor Ketiga</i>	2-38
<i>Strategi A7.1: Menyegerakan Mitigasi Banjir</i>	2-31	<i>Strategi A10.3: Melipatgandakan Penyertaan Syarikat dalam Perniagaan Inklusif</i>	2-38
<i>Strategi A7.2: Menerima Pakai Pendekatan Inovatif dalam Adaptasi Banjir</i>	2-31		
<i>Strategi A7.3: Memantapkan Mekanisme Tadbir Urus</i>	2-32		
A8: Penambahbaikan Ketersediaan Infrastruktur Pengangkutan Awam	2-32		
Matlamat	2-32		
Pencapaian RMKe-12	2-32		
Sasaran	2-33		
Strategi	2-33		
		RUMUSAN	2-39

BAB

3



MENINGKATKAN MOBILITI SOSIAL

PENGENALAN

3-2

LIMA KEUTAMAAN MOBILITI SOSIAL

3-3

B1: Reformasi Pendidikan

3-4

Matlamat

3-4

Pencapaian RMKe-12

3-4

Sasaran

3-5

Strategi

3-6

Strategi B1.1: Memperkukuh Tadbir Urus

3-6

Strategi B1.2: Merasionalisasikan Fungsi dan Peranan Institusi Pendidikan

3-6

Strategi B1.3: Mempertingkatkan Keberhasilan Pendidikan

3-6

Strategi B1.4: Menambah Baik Penilaian dan Pentaksiran Pembelajaran

3-7

Strategi B1.5: Memantapkan Kompetensi dan Kecekapan Warga Pendidik

3-7

Strategi B1.6: Menambah Baik Pelaburan Pendidikan

3-7

Strategi B1.7: Memperkasakan Pembelajaran Sepanjang Hayat

3-8

Strategi B1.8: Memperkukuh Ekosistem TVET

3-8

B2: Reformasi Pasaran Buruh

3-9

Matlamat

3-9

Pencapaian RMKe-12

3-9

Sasaran

3-10

Strategi

3-10

Strategi B2.1: Mengurangkan Kebergantungan kepada Pekerja Asing

3-10

Strategi B2.2: Mempercepat Penyelarasan Gaji secara Menyeluruh

3-11

Strategi B2.3: Menyelaras Penawaran dan Permintaan Tenaga Kerja

3-11

Strategi B2.4: Meningkatkan Kesejahteraan Pekerja

3-11

Strategi B2.5: Meningkatkan Penyertaan Pekerja Berusia, Wanita dan Orang Kurang Upaya

3-12

Strategi B2.6: Menambah Baik Pengurusan Perburuhan

3-12

B3: Pengukuhan Pembangunan Terangkum dari Perspektif Pelbagai Dimensi

3-12

Matlamat

3-13

Pencapaian RMKe-12

3-13

Sasaran

3-14

Strategi

3-14

Strategi B3.1: Memperkukuh Pengurusan Kos Sara Hidup

3-14

Strategi B3.2: Menangani Kemiskinan

3-15

Strategi B3.3: Merapatkan Kesenjangan

3-16

Strategi B3.4: Menambah Baik Perlindungan Sosial

3-16

B4: Peningkatan Tahap Sosioekonomi Golongan Sasar

3-16

Matlamat

3-17

Pencapaian RMKe-12

3-17

Sasaran

3-18

Strategi

3-19

Strategi B4.1: Meningkatkan Keberhasilan Bumiputera yang Lebih Bermakna

3-19

Strategi B4.2: Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli

3-19

Strategi B4.3: Membangunkan Sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak

3-19

Strategi B4.4: Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Cina

3-20

Strategi B4.5 Menambah Baik Kualiti Hidup Masyarakat India

3-20

Strategi B4.6: Meningkatkan Kesejahteraan Kanak-Kanak

3-20

Strategi B4.7: Membangunkan Belia yang Berkebolehan, Berdaya Saing dan Sejahtera

3-21

Strategi B4.8: Memperkukuh Peranan dan Tanggungjawab Lelaki dan Wanita dalam Pembangunan Sosioekonomi Negara

3-22

Strategi B4.9: Meningkatkan Kesejahteraan Orang Kurang Upaya

3-22

Strategi B4.10: Memperkukuh Institusi Kekeluargaan

3-23

B5: Penyeimbangan Kemajuan Ekonomi Wilayah dan Pengukuhan Pembangunan Luar Bandar

3-23

Matlamat

3-23

Pencapaian RMKe-12

3-24

Sasaran	3-25
Strategi	3-26
<i>Strategi B5.1: Mempercepat Pembangunan Kawasan yang Kurang Membangun</i>	3-26
<i>Strategi B5.2: Meningkatkan Pembangunan dan Pengurusan Bandar</i>	3-27
<i>Strategi B5.3: Meningkatkan Kecekapan Perancangan dan Tadbir Urus Pembangunan Wilayah</i>	3-28
<i>Strategi B5.4: Memperkukuh Integrasi Ekonomi</i>	3-28

RUMUSAN	3-29
----------------	-------------

BAB

4



MEMPERCEPAT PELAKSANAAN AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

PENGENALAN	4-2
-------------------	------------

LIMA KEUTAMAAN AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM	4-3
--	------------

C1: Penambahbaikan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan Berlandaskan Prinsip ILTIZAM	4-4
--	------------

Matlamat	4-4
Pencapaian RMKe-12	4-4
Sasaran	4-5
Strategi	4-5
<i>Strategi C1.1: Melaksanakan Semakan Instrumen Kawal Selia</i>	4-5
<i>Strategi C1.2: Mengurangkan Beban Kawal Selia</i>	4-5
<i>Strategi C1.3: Memperkukuh Prestasi Pelaksanaan ILTIZAM</i>	4-5

C2: Pemerkasaan GovTech ke arah Pembaharuan Perkhidmatan Kerajaan	4-6
--	------------

Matlamat	4-6
Pencapaian RMKe-12	4-6
Sasaran	4-7
Strategi	4-7
<i>Strategi C2.1: Menambah Baik Pendigitalan Perkhidmatan dan Proses Kerja Kerajaan</i>	4-7
<i>Strategi C2.2: Memperkukuh Tatakelola Pendigitalan</i>	4-8
<i>Strategi C2.3: Meningkatkan Pembangunan Bakat Digital</i>	4-8

C3: Pemantapan Tatakelola Baik	4-8
---------------------------------------	------------

Matlamat	4-9
Pencapaian RMKe-12	4-9
Sasaran	4-9
Strategi	4-10
<i>Strategi C3.1: Memperkukuh Integriti dan Akauntabiliti</i>	4-10



BAB

5

MEMPERTINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

PENGENALAN

5-2

TUJUH KEUTAMAAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

D1: Pembentukan Negara Bangsa

5-4

Matlamat 5-4

Pencapaian RMKe-12 5-5

Sasaran 5-5

Strategi 5-5

Strategi D1.1: Memperkukuh Integrasi dan Perpaduan Nasional 5-6

Strategi D1.2: Memperkukuh Patriotisme dan Identiti Nasional 5-6

Strategi D1.3: Memperkukuh Diplomasi Berkesan dan Imej Malaysia di Arena Antarabangsa 5-6

Strategi D1.4: Mempertingkatkan Penglibatan Rakyat dalam Aktiviti Sukan 5-6

Strategi D1.5: Mempertingkatkan Kecemerlangan Sukan pada Peringkat Dunia 5-7

D2: Persediaan Menuju Negara Tua

5-7

Matlamat 5-7

Pencapaian RMKe-12 5-8

Sasaran 5-8

Strategi 5-8

Strategi D2.1: Mewujudkan Ekosistem 5-9

Penjagaan Jangka Panjang yang Mampan 5-9

Strategi D2.2: Mempersiapkan Pasaran Buruh, Kemahiran dan Pendidikan 5-9

Strategi D2.3: Menyesuaikan Keutamaan Fiskal dan Menambah Baik Perlindungan Sosial 5-10

Strategi D2.4: Meningkatkan Kesejahteraan Warga Berusia 5-10

D3: Reformasi Kesihatan

5-10

Matlamat 5-11

Pencapaian RMKe-12 5-11

Strategi C3.2: Mereformasi Perundangan dan Institusi	4-11
Strategi C3.3: Mempercepat Rasionalisasi Fungsi dan Peranan Kementerian dan Agensi	4-11
Strategi C3.4: Memantapkan Pembangunan Sumber Manusia Sektor Awam	4-11
C4: Reformasi Pengurusan Projek dan Fiskal	4-12
Matlamat	4-12
Pencapaian RMKe-12	4-12
Sasaran	4-13
Strategi	4-13
Strategi C4.1: Menambah Baik Keberkesanan Perancangan dan Pelaksanaan Projek Pembangunan	4-13
Strategi C4.2: Membangunkan Mekanisme Kawalan Kos	4-14
Strategi C4.3: Memperkukuh Kerjasama Awam Swasta	4-14
Strategi C4.4: Mempercepat Konsolidasi Fiskal	4-14
Strategi C4.5: Mempertingkatkan Kutipan Hasil	4-14
C5: Pengukenan Ekosistem Ekonomi Sosial bagi Mengarusperdanakan Sektor Ketiga	4-15
Matlamat	4-15
Pencapaian RMKe-12	4-15
Sasaran	4-15
Strategi	4-16
Strategi C5.1: Membangunkan Dasar Ekonomi Sosial	4-16
Strategi C5.2: Menggubal Perundangan dan Memperkukuh Kawal Selia Ekonomi Sosial	4-16
Strategi C5.3: Memperkukuh Tadbir Urus Pembangunan Ekonomi Sosial	4-16

RUMUSAN

4-17

Sasaran	5-11	<i>Strategi D6.2: Mempertingkatkan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Biodiversiti</i>	5-23
Strategi	5-11	<i>Strategi D6.3: Memperkukuh Pelaksanaan Ekonomi Kitaran dan Menambah Baik Pengurusan Sisa</i>	5-23
<i>Strategi D3.1: Mereformasi Pembiayaan dan Tadbir Urus Kesihatan</i>	5-12		
<i>Strategi D3.2: Memperkukuh Promosi dan Sekuriti Kesihatan</i>	5-12		
<i>Strategi D3.3: Memperkasakan Ekosistem Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan</i>	5-13		
<i>Strategi D3.4: Mempertingkatkan Pendigitalan Pengurusan Maklumat Kesihatan</i>	5-13		
<i>Strategi D3.5: Memperkukuh Keterjaminan Ubat dan Peranti Perubatan</i>	5-13		
D4: Reformasi Perumahan	5-14	D7: Pemantapan Pengurusan Bencana	5-24
Matlamat	5-14	Matlamat	5-24
Pencapaian RMKe-12	5-14	Pencapaian RMKe-12	5-24
Sasaran	5-15	Sasaran	5-25
Strategi	5-15	Strategi	5-25
<i>Strategi D4.1: Meningkatkan Penyediaan Perumahan Berkualiti, Berdaya Huni dan Terangkum</i>	5-15	<i>Strategi D7.1: Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus</i>	5-25
<i>Strategi D4.2: Meningkatkan Pemilikan Rumah</i>	5-16	<i>Strategi D7.2: Mempertingkatkan Kesiapsiagaan dan Program Sokongan Bencana</i>	5-26
<i>Strategi D4.3 Memantapkan Kecekapan Kawal Selia dan Pengurusan Perumahan</i>	5-16		
D5: Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan	5-17		
Matlamat	5-17		
Pencapaian RMKe-12	5-17		
Sasaran	5-18		
Strategi	5-18		
<i>Strategi D5.1: Mempertingkatkan Keselamatan dan Ketenteraman Awam</i>	5-18		
<i>Strategi D5.2: Memelihara Kedaulatan Negara</i>	5-19		
<i>Strategi D5.3: Meningkatkan Kesejahteraan Anggota Keselamatan</i>	5-20		
<i>Strategi D5.4: Menambah Baik Pengurusan dan Pemulihan Pesalah Jenayah</i>	5-20		
D6: Pemeliharaan Kesihatan Bumi	5-20		
Matlamat	5-21		
Pencapaian RMKe-12	5-21		
Sasaran	5-21		
Strategi	5-22		
<i>Strategi D6.1: Memantapkan Pengurusan Perubahan Iklim dan Alam Sekitar</i>	5-22		
		RUMUSAN	5-27

BAB

6



PEMANTAUAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS

PENGENALAN 6-2

KERANGKA PEMANTAUAN RMK13 6-3

Mekanisme Pemantauan 6-3

Tadbir Urus Pemantauan 6-4

RUMUSAN 6-7

BAB

7



MEREALISASIKAN MALAYSIA MADANI: ASPIRASI 2040

PENDAHULUAN 7-2

ASPIRASI 2040 7-3

Masyarakat yang Saksama 7-3

Ekonomi yang Terangkum dan Progresif 7-4

Bumi yang Sihat dan Berdaya Tahan 7-5

Tatakelola Baik 7-6

PENUTUP 7-7

LAMPIRAN

Jadual A-2

Glosari A-21

Indeks A-26



BAB**1****MELAKAR SEMULA
PEMBANGUNAN****PENGENALAN 1-2****PENCAPAIAN SOSIOEKONOMI MALAYSIA, 2021-2025 1-3****Sorotan Ekonomi Makro 1-3****Pencapaian Ekonomi MADANI 1-3**

Menaikkan Siling: Menstruktur Semula Ekonomi 1-4

Menaikkan Lantai: Meningkatkan Darjat Hidup Rakyat 1-6

Memperkuh Tatakelola Baik: 1-7
Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian
Perkhidmatan Awam

MENUJU MALAYSIA 2030 1-8**Trend Mega dan Cabaran Domestik 1-13****Prospek Ekonomi Global 1-13****Prospek Ekonomi Negara 1-14**

Sasaran Ekonomi Makro 1-14

Menaikkan Siling: Mempercepat Perubahan Struktur Ekonomi 1-15

Meningkatkan Kerencaman Ekonomi 1-15

Melonjakkan Pertumbuhan yang Terangkum dan Mampan 1-16

Meningkatkan Keseimbangan Kemajuan Wilayah dan Mengukuhkan Pembangunan Luar Bandar 1-18

Memperluas Jaringan Perdagangan pada Peringkat Global 1-18

Menaikkan Lantai: Meningkatkan Darjat Hidup Rakyat 1-20

Menangani Kos Sara Hidup 1-20

Merekayasa Sistem Sosial Berteraskan Insan MADANI 1-21

Mempertingkatkan Mutu Kehidupan Rakyat 1-23

Memperkasakan Golongan Sasar 1-25

Memperkuh Tatakelola Baik: Tadbir Urus MADANI 1-26

Memperkuh Integriti dan Akauntabiliti 1-26

Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam 1-26

Memantapkan Pengurusan Fiskal 1-27

Kerangka RMK13 1-27

RUMUSAN 1-31

Pengenalan

Kerangka 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat' telah diperkenalkan pada tahun 2023 bertujuan untuk menstruktur semula ekonomi bagi mengangkat semula darjat dan martabat negara ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara. Pelaksanaan agenda pembangunan dalam tempoh separuh kedua Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) telah ditumpukan kepada usaha merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI. Dalam tempoh ini, pembangunan sosioekonomi telah menunjukkan perkembangan positif yang disokong oleh pengenalan lebih daripada 40 dasar dan inisiatif utama, penggubalan dan pindaan lebih daripada 80 perundangan serta pelaksanaan lebih daripada 50 projek berimpak tinggi yang memberikan manfaat langsung kepada rakyat. Perkembangan ini berserta usaha yang dimulakan dalam RMKe-12 telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dan kualiti kehidupan rakyat yang lebih baik, walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran pada peringkat global dan domestik.

Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030 (RMK13) dengan tema '**Melakar Semula Pembangunan**' merupakan tekad berterusan Kerajaan untuk merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI. Pembangunan negara untuk tempoh lima tahun mendatang akan ditunjangi peralihan secara menyeluruh kepada pendigitalan dan teknologi termaju, terutama kecerdasan buatan (AI) serta pembangunan sistem sosial berteraskan insan MADANI dengan masyarakat yang bersatu di bawah pendekatan keseluruhan negara. Penstrukturan semula ekonomi yang berlandaskan teknologi dan pembentukan sistem sosial yang utuh merupakan elemen penting dalam membina negara bangsa yang berdaulat dan bermaruah. Peralihan ini memerlukan perancangan dan tindakan yang bersepadu untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara seumpama menaikkan siling, meningkatkan darjat hidup rakyat seumpama menaikkan lantai dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan ke arah tatakelola terbaik.

Usaha untuk merancakkan ekonomi akan dipergiat dengan memperhebat transformasi struktur, melonjakkan pertumbuhan yang terangkum dan mampan, meningkatkan keseimbangan pembangunan antara wilayah dan luar bandar serta memperluas integrasi ekonomi pada peringkat global. Selain itu, darjat hidup rakyat atau mobiliti sosial akan ditingkatkan dengan memperkasakan rakyat dalam menangani beban kos sara hidup, merekayasa sistem sosial berteraskan insan MADANI dan mempertingkatkan mutu kehidupan. Bagi mewujudkan tatakelola terbaik, tadbir urus MADANI akan menumpukan kepada usaha memperkukuh integriti dan akauntabiliti, mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam serta memantapkan pengurusan fiskal. Semua usaha ini dapat menyumbang kepada kehidupan rakyat yang sejahtera, bumi yang sihat serta negara berdaulat dan bermaruah yang dikenali di persada dunia.

Pencapaian Sosioekonomi Malaysia, 2021-2025

Sorotan Ekonomi Makro

Ekonomi dan perdagangan dunia telah mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, walaupun berhadapan dengan persekitaran yang kompleks dan dinamik dalam tempoh 2021 hingga 2024. Pertumbuhan ekonomi global meningkat sebanyak 4.2% setahun, dipacu oleh pengukuhan prestasi pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun sebanyak 5% setahun. Permintaan barangan dan komoditi yang tinggi daripada kumpulan ekonomi ini turut membantu melonjakkan pertumbuhan perdagangan dunia sebanyak 5.3% setahun. Selain itu, inflasi dunia meningkat sebanyak 6.4% setahun, terutama disebabkan oleh peningkatan harga komoditi dan konflik geopolitik yang menjejaskan rantai bekalan global. Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka menyederhana pada tahun 2025, berikutan ketidaktentuan geopolitik yang berterusan dan perang tarif yang dimulakan oleh Amerika Syarikat (AS).

Dalam tempoh empat tahun pertama RMKe-12, pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia telah meningkat sebanyak 5.2% setahun. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik, terutama perbelanjaan sektor swasta. Dari sudut penawaran pula, pertumbuhan diterajui oleh sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Pasaran buruh

bertambah baik dengan kadar pengangguran kembali kepada tahap guna tenaga penuh, manakala inflasi kekal terkawal pada kadar purata 2.5% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2024 dan semakin menyederhana kepada 1.2% pada bulan Mei 2025. Pendapatan negara kasar (PNK) per kapita meningkat kepada RM54,793 atau AS\$11,974 pada tahun 2024, berbanding RM42,838 atau AS\$10,191 pada tahun 2020. Pelaksanaan kerangka Ekonomi MADANI dalam tempoh separuh kedua RMKe-12 telah menyumbang kepada pencapaian ekonomi yang memberangsangkan ini.

Pencapaian Ekonomi MADANI

Malaysia mencapai kedudukan ke-36 ekonomi terbesar dunia daripada 183 negara pada tahun 2024, menghampiri sasaran untuk berada di kedudukan ke-30 teratas. Kedudukan daya saing negara pada peringkat global juga bertambah baik dengan lonjakan 11 anak tangga ke kedudukan ke-23 pada tahun 2025, berbanding kedudukan ke-34 pada tahun 2024 dalam IMD World Competitiveness Yearbook. Bahagian pampasan pekerja (CE) kepada KDNK mencapai 33.1% pada tahun 2023, berbanding sasaran 45%. Peratusan defisit fiskal kepada KDNK mencatatkan 4.1%, manakala kadar penyertaan tenaga buruh wanita mencapai 56.5% pada tahun 2024. Namun, kedudukan Malaysia dalam Indeks Pembangunan Manusia dan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) masih ketinggalan dan memerlukan usaha yang lebih gigih.



Sasaran dan Pencapaian Terkini Ekonomi MADANI



Menaikkan Siling: Menstruktur Semula Ekonomi

Dalam tempoh RMKe-12, usaha bagi menstruktur semula ekonomi ditumpukan kepada pembangunan dalam sektor ekonomi, peluasan pasaran, peningkatan daya saing, penskalaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan pemerksaan sektor ketiga. Secara keseluruhan, sektor perkhidmatan menunjukkan prestasi yang kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan nilai ditambah sebanyak 6% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2024. Nilai eksport sektor ini telah mencapai RM242.9 bilion pada tahun 2024, berbanding RM93 bilion pada tahun 2020. Pertumbuhan sektor ini disumbangkan oleh subsektor maklumat dan komunikasi serta pengangkutan dan penyimpanan yang meningkat sebanyak 7.6% setahun. Subsektor perdagangan borong dan runcit serta makanan & minuman dan penginapan pula berkembang sebanyak 6.7% setahun. Industri pelancongan menunjukkan pemulihan sepenuhnya, disumbangkan oleh perbelanjaan pelancong asing yang melonjak daripada RM12.7 bilion pada tahun 2020 kepada RM102.2 bilion pada tahun 2024 dengan peningkatan ketibaan pelancong asing kepada 25 juta. Jumlah pelawat domestik juga meningkat, iaitu berkembang 18.6% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2024.

Sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.6% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2024. Nilai eksport sektor ini telah mencapai RM1.3 trilion pada tahun 2024, berbanding RM849.5 bilion pada tahun 2020. Prestasi ini disokong oleh pelaksanaan dasar perindustrian yang progresif, terutama Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) yang menggalakkan pelaburan, automasi dan integrasi dalam rantai bekalan global. Subsektor elektrik dan elektronik memberikan sumbangan terbesar sebanyak 30.2% kepada nilai ditambah sektor pembuatan pada tahun 2024 dan berkembang sebanyak 7.6% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2024. Subsektor produk petroleum, kimia, getah dan plastik pula berkembang sebanyak 4% setahun, diikuti oleh subsektor makanan, minuman dan tembakau sebanyak 4.9% setahun dalam tempoh yang sama.

Sektor pertanian berkembang sebanyak 1.1% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2024, disokong oleh pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 dan Dasar Agrikomoditi 2021-2030. Nilai eksport sektor ini mencapai RM105.7 bilion pada tahun 2024, berbanding RM71.7 bilion pada tahun 2020. Subsektor agromakanan terus menjadi penyumbang utama, berkembang sebanyak 2.1% setahun dengan bahagian kepada nilai ditambah mencapai 53.5%, manakala subsektor agrikomoditi berkurang kepada 45.1% pada tahun 2024. Pengeluaran buah-buahan meningkat pada kadar 3.5% setahun, manakala sayur-sayuran pada kadar 3% setahun dan ternakan pada kadar 2.2%. Subsektor agrikomoditi merosot secara marginal sebanyak 0.1% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2024, disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah dan getah yang rendah. Namun, nilai eksport sawit dan produk berasaskan sawit meningkat kepada RM79.2 bilion pada tahun 2024 dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 10.9% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2024.

Sektor pembinaan terus mencatatkan prestasi memberangsangkan dengan pertumbuhan sebanyak 5.6% setahun bagi tempoh 2021 hingga 2024. Sektor ini disokong terutama oleh subsektor kejuruteraan awam dengan sumbangan sebanyak 28.1%, aktiviti pembinaan pertukangan khas sebanyak 26.6% dan bangunan bukan kediaman sebanyak 24.5%. Pembinaan infrastruktur awam, terutama penaiktarafan lapangan terbang dan pembinaan lebuh raya juga menyumbang kepada pertumbuhan sektor ini. Antara projek infrastruktur lapangan terbang yang dilaksanakan termasuk pembesaran Lapangan Terbang Miri, Sarawak dan Lapangan Terbang Tawau, Sabah serta pembesaran terminal Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kelantan. Pembinaan lebuh raya pula termasuk Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH), Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE), Lebuhraya Setiawangsa-Pantai (SPE) dan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE).

Sektor perlombongan dan pengkuarian mencatatkan pertumbuhan yang perlahan pada kadar 1.5% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2024. Prestasi ini adalah berikutan pengurangan permintaan minyak mentah

dan ketidaktentuan pasaran global pasca COVID-19, di samping pengeluaran domestik yang rendah. Nilai eksport sektor ini telah mencapai RM102.8 bilion pada tahun 2024, berbanding RM58.4 bilion pada tahun 2020. Subsektor gas asli menyumbang sebanyak 54.5% kepada nilai ditambah dengan eksport gas asli cecair (LNG) mencapai RM60.8 bilion pada tahun 2024, berbanding RM38.2 bilion pada tahun 2021. Subsektor minyak mentah dan kondensat pula menyumbang sebanyak 35.7% kepada nilai ditambah pada tahun 2024 dengan nilai eksport meningkat kepada RM28.6 bilion, berbanding RM20.1 bilion dalam tempoh yang sama.

Dalam tempoh 2021 hingga 2024, jumlah pelaburan sebanyak RM1.29 trilion telah diluluskan, meningkat pada kadar 23.1% setahun. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 56.7% disumbangkan oleh pelaburan langsung asing (FDI), manakala baki sebanyak 43.3% daripada pelaburan langsung domestik (DDI). Pelaburan dalam sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 52.5% kepada jumlah keseluruhan pelaburan, manakala sektor pembuatan menyumbang 42.7% dalam tempoh yang sama.

Daya saing negara telah menunjukkan peningkatan sebahagiannya hasil daripada pelaburan untuk meningkatkan produktiviti dan inovasi. Produktiviti buruh telah berkembang sebanyak 2.7% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2024, disumbangkan oleh peningkatan kecekapan buruh dan penggunaan teknologi termaju. Selain itu, Malaysia telah mencatatkan prestasi yang lebih baik dalam Global Innovation Index (GII), iaitu daripada kedudukan ke-36 pada tahun 2021 kepada ke-33 pada tahun 2024. Pencapaian ini disumbangkan oleh peningkatan dalam beberapa indikator, terutama peratusan graduan dalam bidang sains dan kejuruteraan serta eksport barangan berteknologi tinggi dan eksport hasil kreatif. Perbelanjaan kasar R&D (GERD) kepada KDNK pula telah meningkat daripada 0.95% pada tahun 2020 kepada 1.01% pada tahun 2022, dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta yang meningkat daripada RM4.61 bilion kepada RM9.33 bilion.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk mengintegrasikan PMKS ke dalam rantai bekalan domestik dan global, dengan tumpuan kepada teknologi,

pendigitalan, sokongan kewangan dan pengembangan pasaran. Prestasi PMKS bertambah baik dengan sumbangan kepada KDNK sebanyak 39.1% dan sumbangan kepada jumlah eksport sebanyak 12.2% pada tahun 2023. Penyertaan sektor ketiga, termasuk koperasi, perusahaan sosial dan persatuan berasaskan pertanian dalam aktiviti pembangunan sosioekonomi rakyat juga semakin meningkat. Nilai hasil perolehan daripada aktiviti perniagaan koperasi telah meningkat kepada RM68.1 bilion pada tahun 2024, daripada RM41.5 bilion pada tahun 2020. Sehingga tahun 2024, seramai 56,964 golongan sasar telah menerima manfaat sosial bernilai RM213 juta melalui pelaksanaan inisiatif di bawah Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030.

Menaikkan Lantai: Meningkatkan Darjat Hidup Rakyat

Dalam tempoh RMKe-12, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk membentuk negara bangsa serta meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar. Pembentukan negara bangsa menunjukkan hasil yang positif berdasarkan peningkatan skor Indeks Perpaduan Nasional daripada 0.567 pada tahun 2018 kepada 0.629 pada tahun 2022. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI) juga menunjukkan peningkatan sebanyak 1.3% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2023, disumbangkan oleh peningkatan dalam beberapa komponen, seperti kesihatan, pengangkutan serta hiburan dan rekreasi. Selain itu, sebanyak 179,769 unit rumah mampu milik siap dibina, manakala sebanyak 312,591 unit telah diluluskan dan dalam pelbagai peringkat pembinaan sehingga Mac 2025. Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan, 2025-2045 pula telah diluluskan pada tahun 2025 sebagai panduan untuk persediaan menyeluruh menghadapi cabaran negara tua.

Pengambilan lepasan SPM atau setaraf ke program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) meningkat dengan signifikan, mencapai 53.6% pada tahun 2024 berbanding 31.3% pada tahun 2020. Namun, pencapaian pelajar Malaysia dalam skor Programme

for International Student Assessment dan Trends in International Mathematics and Science Study masih berada di bawah purata antarabangsa. Sasaran dua universiti tempatan tersenarai dalam kelompok 100 universiti terbaik dunia di bawah penarafan QS World University Rankings masih belum dicapai dengan hanya satu universiti awam berada dalam kelompok ini.

Kadar kebolehpasaran graduan pula telah bertambah baik, iaitu kepada 89.8% pada tahun 2023, berbanding 84.4% pada tahun 2020. Pasaran buruh negara semakin stabil dengan kadar penyertaan tenaga buruh meningkat kepada 70.6% dan kadar pengangguran berkurangan kepada 3.2% pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran masih tinggi, iaitu pada kadar 36.1%, berikutan ketidakpadanan antara penawaran dan permintaan bakat. Bahagian CE kepada KDNK pula mencatatkan peningkatan marginal kepada 33.1% pada tahun 2023. Kadar gaji minimum telah dinaikkan kepada RM1,700 dan pelaksanaan penuh Dasar Gaji Progresif (DGP) telah dimulakan pada tahun 2025 dalam usaha meningkatkan gaji dan upah golongan pekerja. Selain itu, pada tahun 2025, sebanyak 34 syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) telah memberi komitmen untuk menyokong agenda nasional bagi mereformasi gaji dengan melaksanakan gaji wajar minimum bulanan sebanyak RM3,100 melibatkan 153,000 pekerja.

Rakyat Malaysia telah memperoleh pendapatan yang lebih baik dengan pendapatan purata bulanan isi rumah meningkat kepada RM9,155 pada tahun 2024¹, berbanding RM7,901 pada tahun 2019. Insiden kemiskinan mutlak berada pada tahap 5.8% pada tahun 2024 berbanding 5.6% pada tahun 2019. Pencapaian ini lebih baik daripada insiden kemiskinan pada tahun 2020 yang mencecah 8.4% akibat pandemik COVID-19. Di samping itu, skor Indeks Belia Malaysia meningkat kepada 73.59 pada tahun 2024, menunjukkan kehidupan belia yang lebih sejahtera. Penyertaan wanita dalam tenaga buruh juga bertambah baik, iaitu pada kadar

¹ Merujuk kepada data awalan daripada Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia.

56.5% pada tahun 2024, berbanding 55.1% pada tahun 2020. Usaha menyeimbangkan pembangunan ekonomi antara wilayah turut menunjukkan perkembangan positif melalui penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan asas, termasuk penyediaan jalan luar bandar, bekalan air bersih dan selamat, bekalan elektrik serta rangkaian telekomunikasi.

Usaha untuk melonjakkan kelestarian alam sekitar menunjukkan pencapaian positif. Kadar intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) kepada KDNK berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005 telah berkurang sebanyak 37.1% pada tahun 2021², berada pada landasan yang tepat untuk mencapai sasaran pengurangan GHG sebanyak 45% pada 2030. Kadar kitar semula sisa isi rumah juga telah meningkat kepada 37.9% pada tahun 2024, berbanding 30.6% pada tahun 2020. Selain itu, sebanyak 16% kawasan terrestrial dan air daratan telah dipulihara sehingga tahun 2024, berbanding 10% pada tahun 2018.



Memperkukuh Tatakelola Baik: Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Pelbagai dasar dan perundangan serta strategi dan inisiatif telah dilaksanakan dalam usaha untuk mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Dalam hubungan ini, dasar yang telah dirangka dalam tempoh RMKe-12, termasuk Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025, Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional, 2024-2028, Pelan Induk Kerjasama Awam Swasta 2030 dan Dasar Sosial Negara 2030. Pelbagai akta baharu telah diperkenalkan, termasuk Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850], Akta Perkongsian Data 2025 [Akta 864] dan Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 [Akta 867] telah diluluskan. Selain itu, beberapa akta sedia ada telah diluluskan pindaan, seperti Akta Polis 1967 [Akta 344] dan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732].

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan juga bertambah baik dengan defisit fiskal yang semakin mengecil kepada 4.1% pada tahun 2024, berbanding 6.2% pada tahun 2020. Perkhidmatan dalam talian Kerajaan Persekutuan dari peringkat awal ke akhir telah mencapai 88.7% pada tahun 2024, daripada 75.8% pada tahun 2020. Selain itu, sebanyak 96.7% pihak berkuasa tempatan (PBT) telah mencapai taraf 4 bintang dan ke atas pada tahun 2024, menunjukkan penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan pada peringkat kerajaan tempatan. Pencapaian Malaysia bagi subindeks Kecekapan Kerajaan dalam Daya Saing Global di bawah IMD World Competitiveness Ranking telah bertambah baik kepada kedudukan ke-25 pada tahun 2025, melonjak sembilan anak tangga dalam tempoh setahun. Malaysia kekal berada pada kategori A dalam GovTech Maturity Index pada tahun 2022, menunjukkan keberhasilan pelaksanaan pendigitalan perkhidmatan awam.


² Merujuk kepada data rasmi terkini yang digunakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam dalam Laporan Biennial Transparency 1 yang dikemukakan kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) pada Disember 2024.

Pelaksanaan strategi untuk memperkukuh keselamatan dan pertahanan negara turut menunjukkan pencapaian yang baik. Malaysia telah berada pada kedudukan ke-13 dalam Indeks Keamanan Global (GPI) pada tahun 2025, berbanding kedudukan ke-20 pada tahun 2020. Kedudukan kes jenayah indeks, iaitu 164 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2024 menunjukkan komitmen berterusan dalam pencegahan jenayah. Selain itu, Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 dan Arahan NADMA No. 1: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana telah dibangunkan sebagai rujukan utama dalam usaha meningkatkan lagi kecekapan pengurusan bencana pada semua peringkat.

Menuju Malaysia 2030

RMK13 merupakan kesinambungan kepada dasar Ekonomi MADANI yang telah diperkenalkan semasa KSP RMKe-12. Penumpuan RMK13 akan berpaksikan kepada tiga teras utama kerangka Ekonomi MADANI, iaitu

menaikkan siling, menaikkan lantai dan memperkukuh tatakelola baik. Usaha menaikkan siling akan ditumpukan kepada penstrukturan semula ekonomi ke arah menjadikan Malaysia antara negara *consumption powerhouse* utama di dunia. Inisiatif menaikkan lantai pula memberi penekanan kepada peningkatan darjat hidup rakyat ke arah mencapai kehidupan wajar yang berteraskan insan MADANI. Pemantapan tatakelola baik akan ditumpukan kepada aspek pengukuhan integriti dan akauntabiliti serta peningkatan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Bagi merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI, keutamaan dasar dan strategi RMK13 digubal dengan mengambil kira peluang daripada trend mega serta cabaran domestik yang memberi kesan kepada prospek ekonomi negara. Selain itu, transformasi digital dan penggunaan teknologi AI akan menjadi tunjang utama kepada pelaksanaan keutamaan dan strategi RMK13 ke arah menjadikan Malaysia sebagai antara negara AI utama di dunia.



Kotak 1-1

Malaysia Sebagai Negara AI

Aspirasi Malaysia pada tahun 2030 adalah untuk menjadi **negara AI** yang terangkum dan mampan serta berperanan sebagai hab pengeluar teknologi digital serantau dalam penciptaan inovasi serta penghasilan produk dan perkhidmatan 'Made by Malaysia'. Aspirasi ini adalah sejajar dengan **Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat** bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam **menaikkan siling**; mengangkat darjat hidup rakyat dalam **menaikkan lantai**; dan **memperkukuh tatakelola baik**. Negara AI merujuk kepada negara berteknologi AI yang mengintegrasikan AI secara menyeluruh sebagai teras utama dalam pembangunan sosioekonomi, pentadbiran negara dan kehidupan seharian rakyat.

Peralihan kepada negara AI merupakan satu pembaharuan melalui pendigitalan yang sistematik dan memerlukan pembangunan ekosistem AI yang terangkum dan beretika berasaskan teknologi termaju. Sebagai sebuah negara berteraskan AI, pelbagai manfaat strategik akan diperolehi, terutama dalam memperkukuh daya saing dan kemampanan negara melalui peningkatan produktiviti, kecekapan dan inovasi merentas sektor. Bagi merealisasikan aspirasi Malaysia sebagai negara AI, penyelesaian berasaskan AI akan disepadukan dalam semua sektor utama, seperti pembuatan, pertanian, perkhidmatan, kesihatan, pendidikan, kewangan, keselamatan dan pertahanan, perumahan serta perbandaran dan perkhidmatan awam.

Menaikkan Siling

Peralihan kepada negara AI yang berasaskan inovasi dan teknologi mampu meningkatkan pelaburan berkualiti dan melonjakkan pertumbuhan industri, seterusnya meningkatkan kerencaman ekonomi yang memberi limpahan nilai yang tinggi kepada negara. Penghasilan produk dan perkhidmatan bernilai tinggi menggunakan teknologi tempatan turut membuka peluang untuk mewujudkan pekerjaan berkemahiran dan memperkukuh daya saing negara pada peringkat antarabangsa.

Penerimgunaan AI dan teknologi termaju lain yang lebih meluas dalam keseluruhan rantai nilai industri dapat meningkatkan kecekapan, inovasi dan daya saing tempatan. Pengaplikasian AI seperti dalam automasi bersepadu, analitik ramalan dan sistem robotik dapat meningkatkan pengeluaran produk dan perkhidmatan bernilai tinggi.

Dalam sektor pertanian contohnya, AI boleh diaplikasikan bagi tujuan pemantauan tanaman secara berketepatan tinggi, peramalan cuaca dalam masa nyata dan perancangan penggunaan sumber secara lebih lestari. Penggunaan teknologi robotik dalam perladangan kelapa sawit dapat meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Dalam industri tenaga boleh baharu (TBB), keupayaan analitik ramalan berasaskan AI boleh digunakan dalam penyediaan unjuran permintaan dan bekalan tenaga dengan lebih tepat, yang seterusnya dapat mengoptimumkan pengurusan grid pintar serta meningkatkan kecekapan operasi dan penyediaan infrastruktur TBB.

Penubuhan pusat inkubasi, hab penyelidikan dan *sandbox* berteraskan AI dalam ekosistem penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) akan memudah cara pembangunan dan pengujian penyelesaian tempatan. Pendekatan ini turut disokong oleh penggunaan pemodelan simulasi lanjutan yang dapat mempercepat penciptaan teknologi baharu serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses inovasi secara menyeluruh.

Cabaran yang dihadapi dalam pasaran buruh negara berkaitan ketidakpadanan permintaan dan penawaran boleh ditangani melalui pengintegrasian AI dalam pelbagai mekanisme perancangan dan pembangunan bakat. Aplikasi AI dalam membuat ramalan keperluan dan kemahiran bakat melalui analitik tenaga kerja, analisis data prestasi dan kebolehan kognitif serta sistem perancangan penggantian dan mobiliti dalaman membolehkan penyedia bakat dan industri mengenal pasti keperluan bakat dan potensi individu dengan lebih tepat.

Menaikkan Lantai

Masyarakat yang menerima guna AI dan teknologi termaju lain dalam pelbagai aspek kehidupan dapat bergiat aktif dalam aktiviti sosioekonomi yang terangkum tanpa ada sesiapa yang terpinggir ke arah meningkatkan tahap mobiliti sosial. Di samping itu, rakyat yang diperkasakan dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan AI dan teknologi termaju akan berupaya untuk menyumbang kepakaran dan kemahiran dalam pelbagai bidang untuk mencapai kehidupan yang wajar dan bermaruah. Penggunaan teknologi AI dalam pelbagai aspek kehidupan, seperti pendidikan, kesihatan, pemeliharaan kesihatan bumi dan keselamatan dapat mengangkat darjat hidup rakyat.

Peranan AI dalam pendidikan sebagai pemangkin kepada sistem pembelajaran yang lebih tangkas, terangkum dan berkesan dapat meningkatkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang disesuaikan mengikut keperluan pelajar. Penerimgunaan AI membolehkan pelajar memanfaatkan platform interaktif dan akses kepada sumber maklumat yang lebih baik bagi meningkatkan prestasi pembelajaran. Selain itu, melalui analisis data pembelajaran, AI membantu pendidik mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar secara lebih tepat, seterusnya membolehkan intervensi awal dan sokongan yang disasarkan.

Pelaksanaan agenda pendigitalan kesihatan negara dapat meningkatkan keberkesanan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Melalui keupayaan menganalisis data raya, AI membolehkan diagnosis awal dan penyesuaian rawatan yang lebih tepat mengikut keperluan pesakit. Dalam pentadbiran hospital, AI boleh dimanfaatkan untuk pengurusan jadual rawatan, penggunaan fasiliti dan peralatan perubatan serta aliran pesakit, sekali gus mengurangkan masa menunggu dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan serta mengoptimumkan sumber.

Dalam aspek pemeliharaan kesihatan bumi, penerimgunaan AI membolehkan pemantauan kualiti udara dan air yang lebih tepat dan berdasarkan masa nyata serta pengurusan sisa secara pintar. Teknologi AI dapat meningkatkan inovasi teknologi hijau bagi

mempercepat peralihan kepada ekonomi rendah karbon yang lebih mampan. Penggunaan AI juga dapat meningkatkan kecekapan, ketepatan serta keberkesanan persediaan dan tindak balas menghadapi bencana. AI digunakan untuk ramalan bencana, membantu dalam pengurusan logistik bantuan, pengagihan sumber dan pusat pemindahan, pengesanan kawasan terjejas serta penilaian kerosakan infrastruktur dan mengoptimumkan pelan pemulihan.

Teknologi AI memainkan peranan penting dalam usaha memperkukuh keselamatan dan pertahanan negara. AI digunakan dalam sistem pengesanan wajah dan biometrik untuk pengesanan identiti digital yang pantas dan tepat. Sistem pemantauan berasaskan AI juga membolehkan pengawasan automatik di kawasan sempadan fizikal melalui penggunaan dron, kamera pintar dan sensor yang berupaya memberikan amaran awal kepada pihak berkuasa. AI digunakan untuk mengesan ancaman siber secara masa nyata dan membolehkan tindak balas segera terhadap potensi serangan.

Memperkukuh Tatakelola Baik

Pendigitalan dalam perkhidmatan kerajaan melalui pemerksaan GovTech yang berpaksikan teras tatakelola terbaik berupaya menyediakan ekosistem kerajaan digital yang bukan hanya menghubungkan kerajaan dengan kerajaan, tetapi juga kerajaan dengan rakyat dan komuniti perniagaan. Pelaksanaan pendigitalan di bawah GovTech ini yang mengarusperdanakan penerimgunaan teknologi termaju, seperti AI, internet benda dan realiti terimbuhan akan mampu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih telus, tangkas dan tuntas.

Pemerksaan GovTech akan mewujudkan sistem perkhidmatan digital kerajaan yang menyeluruh merentas fasa kehidupan rakyat, iaitu bermula dari kelahiran sehingga kematian bagi memudah cara urusan rakyat dan komuniti perniagaan tanpa mengira lokasi, termasuk di luar bandar dan pedalaman. Penerimgunaan AI yang meluas oleh semua agensi kerajaan, termasuk agensi barisan hadapan, agensi penguatkuasaan, agensi keselamatan dan agensi penyelidikan dapat memastikan urusan perkhidmatan yang telus, tangkas dan tuntas.

Justeru, AI yang diaplikasikan dalam perkhidmatan awam boleh membantu rakyat mendapat perkhidmatan yang cepat dan maklumat yang tepat serta membolehkan urusan harian dan transaksi perniagaan secara dalam talian dijalankan dalam ekosistem pendigitalan yang selamat dan dipercayai.

Penerimgunaan AI dalam pentadbiran kerajaan turut menawarkan pembaharuan dalam aspek membuat keputusan berasaskan data melalui penganalisan maklumat secara masa nyata. Sebagai contoh, penerimgunaan analitik data raya dalam institusi perundangan dapat membantu hakim dan majistret membuat keputusan yang lebih tepat berdasarkan analisa fakta kes terdahulu secara menyeluruh. AI juga dapat memperkukuh integriti dan akauntabiliti sistem pentadbiran negara apabila risiko ketidakpatuhan, penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa dapat dikesan pada peringkat awal.

Kerangka Pembangunan Negara AI

Kerangka pembangunan negara AI, seperti di *Paparan 1* memetakan ekosistem pembangunan negara AI kepada tiga teras Ekonomi MADANI, iaitu menaikkan siling, menaikkan lantai dan memperkukuh tatakelola baik. Kerangka ini yang berlandaskan kepada tiga objektif dan dicerakinkan kepada lima elemen utama dalam pembangunan ekosistem AI seperti berikut:



Membangunkan dasar

Aspirasi mewujudkan negara AI memerlukan hala tuju yang jelas dan boleh dijadikan rujukan oleh semua pihak. Dalam hubungan ini, Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030 akan diperkenalkan sebagai asas kepada perancangan, pembangunan, pelaksanaan dan inovasi AI. Elemen ini adalah untuk memastikan ekosistem AI negara berkembang seiring dengan perubahan teknologi.



Memperkukuh pembangunan bakat

Ketersediaan bakat berkemahiran yang mencukupi, mencakupi semua bidang dan pada pelbagai peringkat adalah penting bagi menjayakan aspirasi negara AI. Literasi AI akan dipupuk dari peringkat awal pendidikan. Program pembangunan bakat dan pengkhususan meliputi pensijilan, peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula akan diperkukuh. Kerjasama dalam kalangan sektor awam, industri dan akademik akan dipergiat untuk memperkasakan bakat tempatan berkemahiran dalam teknologi termaju.



Mempertingkatkan infrastruktur digital dan data

Infrastruktur digital dan data yang lengkap dan menyeluruh merupakan asas dalam menyokong ekosistem AI yang mampan dan berdaya saing. Penyediaan infrastruktur dan infostruktur digital, seperti pusat data, pengkomputeran awan dan capaian internet, terutama yang berkelajuan tinggi akan dipertingkatkan bagi menyokong penggunaan AI secara meluas, termasuk di luar bandar. Selain itu, peluasan pelaksanaan repositori data bersepadu akan memudahkan akses dan perkongsian maklumat, di samping menyokong proses membuat keputusan yang lebih tepat.



Meningkatkan kepercayaan digital

Kepercayaan digital adalah penting untuk memastikan penggunaan teknologi AI secara selamat dan beretika. Kepercayaan digital akan dipertingkatkan bagi membina keyakinan rakyat terhadap AI melalui literasi dan keselamatan siber. Strategi kepercayaan digital dan keselamatan data nasional akan diluncurkan

bertujuan memastikan ekosistem digital negara kekal teguh, beretika dan selamat untuk rakyat, perniagaan dan kerajaan.



Mempertingkatkan pelaburan strategik

Penguatan ekosistem AI memerlukan sokongan kewangan, teknologi dan kepakaran daripada pelbagai pihak, termasuk sektor swasta. Kerjasama awam dan swasta akan dipergiat bagi meningkatkan pelaburan strategik berkaitan AI menerusi pepadanan projek dan pelaburan. Usaha ini akan melibatkan semua pihak berkepentingan, termasuk syarikat berkaitan kerajaan,


syarikat multinasional dan akademik. Selain itu, model *quadruple helix* akan dimanfaatkan bagi menggalakkan inovasi dalam pengurusan sumber.

Kesimpulan

Malaysia sebagai negara AI yang berpacuan teknologi termaju memerlukan anjakan daripada semua pihak, termasuk rakyat dan komuniti perniagaan. Penekanan terhadap lima elemen utama dalam rangka kerja negara AI yang memberi tumpuan kepada pembangunan terangkum dan mampan akan meletakkan Malaysia sebagai hab pengeluar teknologi digital serantau yang berupaya menghasilkan produk dan perkhidmatan 'Made by Malaysia'.

Paparan 1

Kerangka Pembangunan Negara AI



Trend Mega dan Cabaran Domestik

Perubahan berskala besar pada peringkat global atau trend mega akan memberi impak yang ketara, bukan sahaja terhadap pertumbuhan ekonomi, tetapi juga kepada kesejahteraan rakyat. Perubahan penguasaan dan landskap blok ekonomi, ketidaktentuan dalam dasar perdagangan dunia, perkembangan teknologi disruptif, peralihan struktur demografi dan krisis kesihatan bumi berpotensi menjadi ancaman yang perlu ditangani. Namun, pada masa yang sama trend mega ini juga mencipta peluang yang boleh dimanfaatkan oleh negara. Perang tarif yang dimulakan oleh AS pada tahun 2025 memberi tekanan kepada dunia dan perlu ditangani secara strategik bagi mengurangkan impak kepada ekonomi. Negara juga masih berhadapan dengan isu dan cabaran domestik, seperti perubahan struktur ekonomi yang perlahan, pelaburan berkualiti yang rendah, penerimgunaan teknologi yang perlahan, ruang fiskal yang terhad, kebergantungan yang tinggi kepada import serta pasaran buruh yang kurang cekap. Mobiliti sosial yang rendah dan krisis perubahan iklim turut memberi impak kepada kesejahteraan hidup rakyat dan ekosistem alam sekitar.

Prospek Ekonomi Global

Prospek pertumbuhan ekonomi negara berkait rapat dengan persekitaran ekonomi global yang dijangka menyederhana dalam tempoh RMK13 berikutan pelbagai cabaran. Berdasarkan unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa, pengeluaran ekonomi dunia dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.1% dan perdagangan sebanyak 3% setahun dalam tempoh 2026 hingga 2030, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 1*. Pertumbuhan ini dipacu oleh pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun pada kadar 4% setahun. Pertumbuhan ekonomi yang pesat, terutama di Amerika

Selatan, Afrika, Negara Timur Tengah dan Eropah Timur mewujudkan peluang perdagangan dan pelaburan baharu pada peringkat global. Tindakan timbal balik oleh negara lain berikutan pengenaan tarif perdagangan oleh AS dijangka menjejaskan perdagangan dunia. Selain itu, ketegangan geopolitik yang berterusan, seperti antara Rusia dan Ukraine serta Israel dan Palestin, di samping ketidaktentuan konflik antara India dan Pakistan serta Iran dan Israel dijangka menjejaskan rantaian bekalan global serta meningkatkan kos pengeluaran dan harga barangan.

Jadual 1 Prospek Ekonomi Dunia, 2026-2030

Perkara	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %
	RMK13 2026-2030
Pengeluaran Dunia	3.1
Negara Maju	1.6
Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Sedang Membangun	4.0
Perdagangan Dunia	3.0
Harga Pengguna Dunia	3.3
Negara Maju	2.1
Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Sedang Membangun	4.1
Harga Komoditi	
Bukan Bahan Api ¹	0.2
Minyak Mentah	-0.6
Harga Minyak Mentah (AS\$ setong) ²	63.6

Nota: ¹ Purata pertumbuhan harga berdasarkan wajaran import komoditi dunia.

² Purata harga minyak mentah UK Brent, Dubai Fateh dan West Texas Intermediate.

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (April 2025)


Prospek Ekonomi Negara

Prospek ekonomi Malaysia akan dipengaruhi oleh perkembangan persekitaran global serta pelaksanaan dasar dan strategi sosioekonomi dalam tempoh RMK13. Ketidaktentuan dasar perdagangan AS dan langkah timbal balik ekonomi lain dijangka memberi kesan kepada Malaysia dalam tempoh separuh pertama RMK13. Dalam hubungan ini, potensi pengeluaran³ negara dijangka berkembang antara 4.7% hingga 5.7% setahun, disokong oleh pertumbuhan produktiviti pelbagai faktor yang lebih tinggi. Pertumbuhan KDNK disasarkan antara 4.5% hingga 5.5% setahun, diterajui oleh permintaan domestik, terutama penggunaan dan pelaburan swasta serta disokong oleh sektor luaran yang kekal positif. Sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan kekal sebagai sumber utama pertumbuhan disumbangkan

oleh peralihan kepada ekonomi berasaskan penciptaan nilai. Pertumbuhan ini turut didorong oleh pelaksanaan dasar dan strategi, terutama NIMP, NETR dan NSS yang diperkenalkan dalam tempoh dua tahun pertama pelaksanaan Ekonomi MADANI. Jangkaan pertumbuhan ini akan membolehkan Malaysia mencapai sasaran PNK per kapita sebanyak RM77,200 pada tahun 2030 dan melepasi nilai ambang negara berpendapatan tinggi.

Sasaran Ekonomi Makro

Sebanyak 10 sasaran ekonomi makro ditetapkan dalam usaha untuk melakar semula pembangunan dengan melonjakkan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memantapkan tatakelola baik dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



³ Merujuk kepada tahap maksimum keluaran yang boleh dikekalkan oleh ekonomi tanpa menimbulkan tekanan inflasi.

Menaikkan Siling: Mempercepat Perubahan Struktur Ekonomi

Struktur ekonomi negara telah beralih daripada berasaskan pertanian kepada perindustrian dan perkhidmatan, dan seterusnya menuju kepada ekonomi berasaskan penciptaan nilai. Bagi mempercepat peralihan ini, penekanan akan diberikan kepada strategi untuk meningkatkan kerencaman ekonomi⁴, memperhebat pertumbuhan yang terangkum, mampan dan seimbang serta memperluas jaringan perdagangan pada peringkat global. Kesemua strategi ini akan menyumbang kepada pencapaian aspirasi menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2030 dan antara 30 ekonomi terbesar dunia selepas 10 tahun pelaksanaan Ekonomi MADANI.

Meningkatkan Kerencaman Ekonomi

Penekanan akan diberikan kepada usaha meningkatkan kerencaman ekonomi melalui penghasilan lebih banyak produk dan perkhidmatan 'Made by Malaysia' yang bernilai tinggi. Dalam hubungan ini, usaha akan dilaksana untuk memantapkan ekosistem yang meliputi penerimgunaan teknologi termaju dan pendigitalan, meningkatkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) dan produktiviti serta memperkukuh daya saing dan jaringan global. Tumpuan juga akan diberikan kepada peningkatan pelaburan berkualiti, pengukuhan persekitaran perniagaan serta pemerkasaan bakat.

Usaha untuk mempertingkatkan penerimgunaan teknologi termaju dan pendigitalan akan dipergiat melalui pelaksanaan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia. Langkah untuk membangunkan ekosistem AI yang menyeluruh berasaskan teknologi termaju akan dilaksanakan ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara AI yang terangkum dan mampan. Bagi tujuan ini, Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030 akan diperkenalkan. Model pelaburan R&D&C&I pula akan ditambah baik bagi meningkatkan

penyelidikan bernilai tinggi serta penciptaan dan pengkomersialan harta intelek (IP) melalui penyediaan kemudahan penyelidikan dan insentif bersasar. Selain itu, pertumbuhan produktiviti negara akan terus dilonjakkan menerusi pemantapan ekosistem yang merangkumi aspek penambahbaikan dasar dan tadbir urus, penyelarasan pembiayaan dan pembangunan bakat.

Langkah akan diambil untuk memantapkan ekosistem yang mesra pelabur bagi menarik lebih banyak pelaburan berkualiti, terutama dalam menyokong penghasilan produk dan perkhidmatan 'Made by Malaysia'. Pelaburan swasta akan dipertingkat bagi menggalakkan lebih banyak FDI dan DDI dalam industri yang mempunyai pertumbuhan dan nilai yang tinggi (HGHV) dan sektor strategik berimpak tinggi. Peralihan kepada pelaburan swasta yang berasaskan pengetahuan akan dipercepat melalui penyediaan insentif yang lebih bersasar dan kompetitif serta pembiayaan alternatif. Selain itu, pelaburan dalam industri berpotensi untuk mencipta nilai jangka panjang yang menerima pakai prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) akan diperkukuh bagi memperluas akses kepada pasaran domestik dan global. Usaha ini dijangka meningkatkan pertumbuhan pelaburan swasta sebanyak 6% setahun dengan nilai purata sebanyak RM417.9 bilion setahun yang kekal sebagai pemacu utama pelaburan dalam tempoh RMK13.

Pelaburan awam yang terdiri daripada peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan, badan berkanun dan syarikat awam bukan kewangan (SABK) dijangka meningkat sebanyak 3.6% setahun atau purata RM112.9 bilion setahun dalam tempoh RMK13. Sebanyak RM430 bilion akan diperuntukkan dalam tempoh ini untuk membiayai pelaksanaan program dan projek pembangunan Kerajaan Persekutuan. Projek yang akan dilaksanakan termasuk projek infrastruktur, infostruktur, pengangkutan awam, pembinaan sekolah, hospital dan perumahan mampu milik serta tebatan banjir dan program pembangunan kapasiti. Pelaburan untuk pembangunan negara akan turut disokong melalui pelaksanaan projek oleh

⁴ Merujuk kepada kemampuan sesebuah negara mengeluarkan dan mengekspor pelbagai produk dan perkhidmatan bernilai tinggi yang lebih kompleks dan canggih dengan tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi.

GLC, termasuk Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) di bawah GLIC dengan peruntukan sebanyak RM120 bilion. Selain itu, pelaksanaan projek pembangunan di bawah kerjasama awam swasta (PPP) akan dipertingkatkan dengan turut melibatkan pembiayaan sektor swasta yang diunjurkan sebanyak RM61 bilion dalam tempoh RMK13.

Pembangunan bakat tersedia masa hadapan merentas kontinum pembelajaran akan dipergiat untuk menyediakan bakat berkemahiran yang kreatif dan inovatif bagi mempercepat transformasi ekonomi. Bakat ini akan digarap seawal peringkat sekolah rendah dengan memberi pendedahan kepada aktiviti berasaskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta kemahiran digital, termasuk AI. Program pengajian di institusi pendidikan tinggi akan diperkukuh selaras dengan keperluan industri, terutama industri HGHV dan sektor strategik berimpak tinggi. Dalam hubungan ini, program TVET akan turut diarusperdanakan bagi menyokong keperluan bakat oleh industri, termasuk di kawasan pelaburan strategik. Pelaksanaan program Akademi Dalam Industri (ADI) akan diperhebat bagi meningkatkan penyertaan dan pensijilan tenaga kerja tempatan. Usaha ini akan dapat meningkatkan pertumbuhan tahunan purata produktiviti buruh pada kadar 3.6% dalam tempoh RMK13.

Melonjakkan Pertumbuhan yang Terangkum dan Mampan

Pertumbuhan yang terangkum dan mampan akan dilonjakkan dengan meningkatkan kerencaman ekonomi dalam industri HGHV dan sektor strategik berimpak tinggi. Pelaksanaan strategi dan inisiatif di bawah NIMP, NETR, NSS, Pelan Hala Tuju Gas Asli serta Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen akan dipergiat untuk menyokong usaha mencipta lebih banyak produk dan perkhidmatan 'Made by Malaysia' yang bernilai tinggi. Dalam hubungan ini, tumpuan akan terus diberikan untuk meneroka sumber pertumbuhan baharu, seperti industri dalam peralihan tenaga serta ekonomi hijau, ekonomi biru, ekonomi jingga dan ekonomi kitaran. Selain itu, peranan PMKS dan sektor ketiga akan diperkasakan bagi meningkatkan sumbangan dalam pembangunan sosioekonomi.

Pembangunan sektor perkhidmatan akan terus dipergiat dengan memberi tumpuan kepada pengukuhan industri strategik sedia ada dan penerokaan industri baharu yang lebih bernilai tinggi. Industri pelancongan akan diperkasakan melalui pembangunan produk dan destinasi pelancongan bernilai tinggi dan lestari, antaranya melalui pewujudan zon pelaburan pelancongan berpotensi. Selain itu, pembangunan industri strategik lain akan merangkumi usaha mencergaskan industri perkhidmatan global, memantapkan industri perkhidmatan kewangan Islam, memperkukuh industri halal serta mempertingkatkan kecekapan industri peruncitan dan logistik. Industri kreatif tempatan atau ekonomi jingga pula akan dirancakkan melalui penghasilan karya tempatan yang mempunyai nilai komersial tinggi, termasuk berasaskan aset seni, budaya dan warisan seiring dengan matlamat untuk Malaysia menjadi peneraju pasaran serantau dan global.

Pembangunan ekonomi hijau akan ditumpukan kepada pelaksanaan strategi dan inisiatif di bawah NETR, antaranya dengan meneroka penjanaan elektrik menggunakan tenaga nuklear, memperluas penggunaan hidrogen sebagai bahan api serta melaksanakan inisiatif pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) dan memudah cara perdagangan karbon. Daya saing dan keanjalan pasaran tenaga akan ditingkatkan melalui penggunaan sumber tenaga boleh baharu, seperti penyimpanan tenaga dan grid pintar serta solar terapung hidro hibrid. Selain itu, mekanisme pelaksanaan ekonomi kitaran akan ditambah baik dengan menggalakkan pematuhan kepada prinsip ESG, terutama melalui pelestarian plastik serta pengurusan buangan terjadual dan sisa pepejal. Kesemua inisiatif ini dijangka menyumbang kepada pertumbuhan sektor perkhidmatan yang diunjurkan sebanyak 5.2% setahun dalam tempoh RMK13.

Sektor pembuatan akan terus dipergiat melalui usaha melonjakkan subsektor elektrik dan elektronik (E&E), terutama dengan mereformasi industri semikonduktor bagi meningkatkan pengeluaran produk bernilai tinggi berteknologi tinggi (HVHT). Kerjasama strategik dengan syarikat semikonduktor global akan diperkukuh melalui model pelaburan yang berpaksikan teknologi dan IP. Jaguh tempatan bertaraf global dalam penghasilan reka bentuk litar bersepadu akan dilahirkan bagi meningkatkan

keupayaan pengeluaran produk HVHT. Penekanan juga akan diberikan untuk mempercepat penciptaan teknologi dan pengeluaran produk 'Made by Malaysia', seperti produk kimia, farmaseutikal dan peranti perubatan, produk halal bernilai tinggi dan produk asas tani, peralatan sukan serta kenderaan elektrik dan udara. Kesemua usaha ini dijangka menyokong pertumbuhan sektor pembuatan sebanyak 5.8% setahun dalam tempoh RMK13.

Pembangunan sektor pertanian akan dipergiat bagi memastikan keterjaminan bekalan makanan dan pengeluaran komoditi pertanian yang bernilai tinggi. Pengeluaran agromakanan berskala besar, termasuk pengeluaran padi akan ditingkatkan melalui penambahbaikan sistem pengairan dan saliran dan dilaksanakan secara PPP. Pengeluaran produk ternakan, sayur-sayuran dan buah-buahan akan dipertingkatkan melalui penghasilan varieti tanaman dan baka berkualiti serta makanan untuk ternakan. Industri perikanan tangkapan dan akuakultur juga akan ditingkatkan melalui penggunaan teknologi termaju, termasuk AI. Selain itu, daya saing subsektor agrikomoditi akan dipertingkatkan dengan menambah baik piawaian pensijilan kemampuan tempatan untuk sawit, getah dan kayu-kayan serta memperkenalkan piawaian untuk kenaf, koko dan lada. Penanaman semula getah dan kelapa sawit bagi pekebun kecil akan diperluas untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pengusaha. Kesemua usaha ini dijangka menyumbang kepada pertumbuhan sektor pertanian sebanyak 1.5% setahun dalam tempoh RMK13.

Pelaburan sektor swasta dalam subsektor bangunan bukan kediaman, termasuk pembinaan terminal ketiga di Pulau Carey dan terminal kontena Westports 2 serta pembangunan Pelabuhan Darat Perlis akan menyokong pertumbuhan sektor pembinaan yang dijangka berkembang sebanyak 5% setahun dalam tempoh RMK13. Pembangunan terminal penggasingan semula ketiga dan pembinaan infrastruktur pengangkutan awam berimpak tinggi, seperti Transit Aliran Ringan Laluan Mutiara Pulau Pinang, Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan projek Sarawak-Sabah Link Road akan turut menyokong pertumbuhan sektor pembinaan. Selain itu, sektor pembinaan akan dimodenkan dengan memberi penekanan kepada penggunaan teknologi termaju, seperti Industrialised Building System dan Building Information Modelling dalam pembinaan bangunan kediaman, termasuk pembinaan rumah mampu milik dan perumahan di Kota MADANI.

Sektor perlombongan dan pengkuarian pula dijangka meningkat sebanyak 2.8% setahun, disokong oleh peningkatan pengeluaran gas asli dan minyak mentah. Dalam hubungan ini, usaha untuk memperkukuh industri bekalan gas asli akan dilaksana bagi menjadikan Malaysia sebagai peneraju hab dagangan gas serantau. Selain itu, usaha untuk mempercepat pembangunan industri unsur nadir bumi (REE) sebagai sumber pertumbuhan baharu akan diberikan penekanan melalui kerjasama antarabangsa dalam pembangunan teknologi perlombongan REE tempatan.



Tumpuan akan diberi untuk meningkatkan skala PMKS dalam industri strategik berimpak tinggi melalui penglibatan meluas dalam rantai bekalan dan aktiviti nilai ditambah lebih tinggi. Usaha akan dilaksanakan untuk mempercepat pendigitalan dan penerimaan prinsip ESG serta menyediakan platform *sandbox* bagi membolehkan PMKS melakukan penyesuaian terhadap perubahan dalam pasaran dan teknologi. Pendekatan keseluruhan negara dengan kerjasama pihak berkepentingan akan diperluas bagi memperkenalkan model perniagaan disruptif untuk menggalakkan PMKS menghasilkan produk dan perkhidmatan khusus, berdasarkan kehendak pelanggan. Usaha juga akan dipergiat untuk menyediakan sokongan yang menyeluruh kepada perusahaan kecil dan sederhana, seperti insentif eksport serta promosi perdagangan dan pelaburan bagi meningkatkan keupayaan dan daya saing syarikat tempatan di pasaran global.

Mekanisme pembiayaan PMKS akan turut ditambah baik melalui kaedah pembiayaan mampan, seperti pembiayaan berperingkat dan pembiayaan bersasar. Program keusahawanan Bumiputera akan ditingkatkan dengan memberi sokongan berterusan kepada perusahaan mengikut peringkat perkembangan perniagaan berdasarkan konsep perlumbaan *relay*. Tumpuan akan turut diberikan kepada usaha meningkatkan keupayaan sektor ketiga bagi memacu pembangunan ekonomi sosial yang mampan melalui pengukuhan kapasiti dan keupayaan kewangan serta penyertaan dalam model perniagaan inklusif. Akses pasaran melalui kempen 'Buy Social' akan diperluas bagi meningkatkan keterlihatan sektor ketiga.

Meningkatkan Keseimbangan Kemajuan Wilayah dan Mengukuhkan Pembangunan Luar Bandar

Penekanan akan diberi untuk mengoptimumkan potensi pembangunan ekonomi kawasan kurang membangun dan luar bandar bagi meningkatkan keseimbangan pembangunan antara wilayah. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberikan untuk memperluas akses kepada infrastruktur dan perkhidmatan asas bagi menarik lebih banyak pelaburan ke kawasan luar bandar dan mempercepat integrasi ekonomi, termasuk di Sabah dan Sarawak. Selain itu, kecekapan pembangunan dan pengurusan bandar akan diberi tumpuan bagi

menangani cabaran rebakan bandar dan mempercepat perbandaran di kawasan rancangan penempatan. Pembangunan bandar yang mampan, pintar dan terangkum berasaskan konsep zon pembangunan berorientasikan transit akan turut diperluas. Daya saing komuniti dalam rancangan penempatan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan lembaga kemajuan wilayah (LKW) akan ditingkatkan melalui pelaburan dalam pendidikan dan TVET, terutama kepada generasi kedua dan ketiga.

Usaha akan dilaksanakan untuk mempergiat aktiviti ekonomi melalui pembangunan hab pelaburan luar bandar yang mengguna pakai kecerdasan geospasial dan analitis data raya. Selain itu, pembangunan koridor dan hab pengeluaran khusus akan diteroka bagi memanfaatkan potensi ekonomi kawasan setempat, seperti Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP), Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP), Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) dan taman perindustrian halal. Tumpuan pembangunan akan turut diberikan untuk menarik pelabur asing dalam industri HGHV dan sektor strategik berimpak tinggi, meneroka sumber pertumbuhan baharu di luar kawasan Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor serta memperluas program produktiviti berasaskan lokaliti.

Memperluas Jaringan Perdagangan pada Peringkat Global

Keterlibatan Malaysia pada peringkat antarabangsa penting untuk menarik pelaburan dalam sektor strategik dan memperkukuh kerjasama dengan rakan dagang bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Dalam hubungan ini, jaringan perdagangan pada peringkat global akan diperluas untuk memperkukuh integrasi ekonomi, meningkatkan pengeluaran dan daya saing produk dan perkhidmatan 'Made by Malaysia', meneroka pasaran baharu serta mempergiat promosi perdagangan dan pelaburan. Bagi memastikan dasar strategi dan inisiatif perdagangan dapat dilaksanakan dengan berkesan, Rangka Tindakan Perdagangan Nasional 2.0 akan diperkenalkan. Usaha juga akan diperhebat bagi menangani cabaran perang tarif yang dimulakan oleh AS dengan melaksanakan rundingan berterusan dan memudah cara proses perdagangan.

Tumpuan akan diberikan untuk memperkukuh integrasi ekonomi melalui penyertaan dan komitmen Malaysia dalam perjanjian perdagangan bebas (FTA) serta penyambungan semula rundingan antara Malaysia dan Kesatuan Eropah. Penglibatan negara dalam FTA sedia ada, antaranya termasuk Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP), Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP) dan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki (MTFTA) akan dipertingkatkan bagi memperluas pasaran dan memperkukuh hubungan dagang. Selain itu, penglibatan Malaysia sebagai rakan negara BRICS dan anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) akan terus dimanfaatkan untuk mengurangkan kebergantungan kepada rakan dagang sedia ada. Pasaran baharu, seperti negara di Amerika Selatan, Afrika, Timur Tengah dan Eropah Timur akan turut diteroka bagi memperluas akses kepada pasaran global yang akan meningkatkan pertumbuhan perdagangan. Kerjasama perdagangan dengan negara subserantau melalui platform Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) akan dipertingkatkan. Selain itu, pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) akan ditingkatkan bagi memperluas kerjasama ekonomi dan pelaburan dengan negara serantau.

Usaha akan dipergiat untuk mengurangkan kebergantungan kepada import barangan dengan meningkatkan pengeluaran produk tempatan. Dasar diversifikasi sumber import makanan dan input pertanian juga akan ditambah baik bagi mengurangkan kebergantungan kepada beberapa negara tertentu. Dalam hubungan ini, pengeluaran padi dan tanaman makanan lain, perikanan dan ternakan akan ditingkatkan untuk menambah baik kadar sara diri negara, manakala mekanisme penetapan kelestarian produk import akan dibangunkan bagi memastikan daya tahan industri hiliran. Tumpuan akan turut diberikan kepada pengkomersialan hasil R&D bagi meningkatkan keupayaan syarikat tempatan, termasuk dalam ekonomi digital, pemprosesan makanan, farmaseutikal, barangan pengguna laris dan industri pertahanan untuk terlibat dalam pasaran eksport.

Kesemua usaha ini akan meningkatkan pertumbuhan eksport kasar yang dijangka berkembang sebanyak 5.8% setahun dalam tempoh RMK13. Berdasarkan strategi pengurangan kebergantungan kepada import, pertumbuhan import kasar pula dijangka menyederhana kepada 6.1% setahun berbanding 14.4% dalam tempoh empat tahun pertama RMKe-12. Selain itu, imbalan perdagangan dijangka kekal positif dengan nilai mencapai RM116.3 bilion, manakala akaun semasa imbalan pembayaran dijangka kekal berada dalam lebihan sebanyak 2.2% kepada PNK pada tahun 2030.



Menaikkan Lantai: Meningkatkan Darjat Hidup Rakyat

Pembangunan sosial yang terangkum dan responsif terus diberi keutamaan dalam usaha meningkatkan darjat kehidupan, seumpama menaikkan lantai. Usaha akan dipergiat untuk menangani beban kos sara hidup, merekayasa sistem sosial berteraskan insan MADANI, mempertingkatkan mutu kehidupan serta memperkasakan golongan sasar ke arah mencapai kehidupan wajar. Strategi dan inisiatif menaikkan lantai yang dilaksanakan dalam RMK13 dijangka dapat mengekalkan paras guna tenaga penuh dan meningkatkan sumbangan agihan pampasan pekerja sebanyak 40% kepada KDNK pada tahun 2030. Selain itu, strategi dan inisiatif ini juga dapat menyumbang kepada pencapaian kedudukan ke-25 dalam Indeks Pembangunan Manusia dan 60% kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh selepas 10 tahun Ekonomi MADANI diperkenalkan.

Menangani Kos Sara Hidup

Kualiti hidup dan pendapatan merupakan penanda aras utama dalam mengukur kesejahteraan rakyat, terutama yang berkait kos sara hidup, kemiskinan dan kesenjangan pendapatan. Tumpuan akan diberikan kepada inisiatif mengurangkan kos yang perlu dibayar untuk mendapatkan bekalan makanan, perkhidmatan kesihatan, perumahan, pendidikan, utiliti dan pengangkutan awam bagi mengurangkan beban perbelanjaan rakyat. Selain itu, langkah untuk meningkatkan pendapatan rakyat melalui peningkatan gaji dan penyediaan bantuan sosial secara bersasar akan dilaksanakan. Strategi serampang dua mata ini akan dapat memastikan kos sara hidup rakyat dapat dibendung dan pada masa yang sama pendapatan dan kualiti hidup rakyat dapat ditingkatkan.

Usaha untuk menangani kenaikan kos makanan akan dilaksanakan secara menyeluruh dengan menambah baik infrastruktur, memperkukuh rantaian bekalan makanan dan sektor peruncitan serta menyediakan platform untuk meningkatkan ketelusan harga. Langkah penguatkuasaan akan dipergiat, manakala akta berkaitan akan disemak

semula bagi membendung aktiviti memanipulasi harga. Selain itu, inisiatif bagi menawarkan barangan dan perkhidmatan, terutama produk makanan pada harga yang berpatutan, seperti Program Jualan RAHMAH MADANI akan diperluas meliputi lebih banyak lokaliti bersesuaian, terutama di kawasan luar bandar.

Perkhidmatan kesihatan akan ditambah baik melalui inisiatif Rakan KKM sebagai pilihan kepada syarikat swasta untuk mendapatkan rawatan perkhidmatan berbayar di fasiliti kesihatan awam. Produk insurans atau takaful kesihatan juga akan diperkenalkan bagi membolehkan rakyat menikmati perkhidmatan kesihatan swasta dan Rakan KKM pada harga yang berpatutan. Pembinaan dan naik taraf hospital dan klinik kerajaan di seluruh negara turut akan dilaksanakan bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik.

Penyediaan lebih banyak perumahan mampu milik yang berkualiti kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana di kawasan bandar akan dipertingkatkan melalui pelaksanaan Program Residensi MADANI dan Program Residensi Rakyat. Selain itu, skim sewa untuk beli akan diperluas, manakala skim pembiayaan rumah mampu milik sedia ada akan ditambah baik bagi membantu rakyat yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah. Akses kepada pendidikan dan peningkatan kemahiran, termasuk TVET akan terus diperkukuh melalui bantuan yuran, tuisyen dan biasiswa bersasar bagi memastikan pelajar daripada golongan berpendapatan rendah kekal dalam kontinum pembelajaran. Skim pinjaman pendidikan akan dikaji semula supaya lebih bersasar, berfokus dan mampan, manakala platform tunggal pada peringkat nasional akan diwujudkan bagi memudah cara pengurusan sumbangan dan penajaan.

Pelaksanaan pelbagai inisiatif bersasar akan dipergiat bagi mengurangkan kos pengangkutan. Inisiatif ini termasuk meningkatkan kualiti dan kekerapan perkhidmatan pengangkutan awam, seperti tambahan laluan serta bilangan bas dan tren. Selain itu, Skim Masa Penggunaan yang telah dimulakan pada tahun 2025 dan insentif

kecekapan tenaga akan diteruskan bagi menggalakkan penggunaan elektrik yang lebih cekap dan mengurangkan kos kepada pengguna. Penyediaan utiliti asas seperti bekalan air bersih, elektrik dan liputan jalur lebar di kawasan luar bandar juga akan diperluas.

Penyelarasan gaji secara menyeluruh akan dilaksanakan, termasuk semakan semula gaji minimum secara berkala, penetapan gaji permulaan siswazah yang turut merangkumi lepasan TVET serta pelaksanaan penuh DGP. Pihak swasta juga akan digalakkan untuk menawarkan gaji wajar minimum bagi memastikan golongan pekerja memperoleh gaji yang setimpal dengan kos sara hidup. Bagi sektor awam, Kerajaan akan terus komited untuk meneruskan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam yang bermula pada tahun 2024 untuk memastikan gaji penjawat awam mencapai tahap gaji wajar. Selain itu, komitmen Kerajaan melaksana program bersasar dalam menangani tekanan kos sara hidup juga akan diteruskan. Komitmen ini termasuk pemberian bantuan tunai dan pelaksanaan subsidi bersasar, seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA) serta skim bantuan kebajikan kanak-kanak, warga berusia dan OKU. Bagi tujuan ini, penentuan kumpulan sasar akan ditambah baik, termasuk melalui kaedah pendapatan boleh guna bersih.

Reka bentuk dan pelaksanaan program penjanaan pendapatan, seperti Inisiatif Pendapatan Rakyat, Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat akan diperkemas bagi meningkatkan kecekapan dalam menangani kemiskinan. Program keusahawanan akan terus diperkukuh dengan meningkatkan latihan kemahiran, penerimgunaan teknologi dan pendigitalan serta sokongan pembiayaan. Sumber pembiayaan alternatif yang lebih inovatif, seperti dana impak sosial, pembiayaan sosial secara islamik dan tanggungjawab sosial korporat pula akan diteroka dan diperluas.

Merekayasa Sistem Sosial Berteraskan Insan MADANI

Pembinaan negara bangsa yang berdaulat dan bernaung memerlukan pembentukan sistem sosial yang utuh berteraskan insan MADANI dan identiti nasional. Dalam hubungan ini, penekanan akan diberikan kepada usaha untuk melahirkan rakyat yang mempunyai nilai kerohanian, aspek manusiawi dan jati diri yang teguh serta membina masyarakat yang saksama, harmoni, saling menghormati dan bersatu padu. Pembentukan insan MADANI akan ditumpukan kepada usaha mereformasi sistem pendidikan dan menerapkan semangat cintakan negara, manakala pembinaan masyarakat yang saksama dan progresif akan menekankan usaha untuk memperkukuh integrasi dan perpaduan, menyemarakkan semangat muhibah serta memupuk budaya kesukarelawanan.

Reformasi pendidikan akan menjadi tulang belakang kepada penerapan aspek manusiawi yang merangkumi nilai insaniah dan etika, hubungan sosial dan kemasyarakatan. Reformasi ini akan memberi tumpuan kepada peningkatan keberhasilan pendidikan melalui pemantapan kualiti kandungan pengajaran dan pembelajaran, peningkatan kompetensi guru, pengukuhan tadbir urus dan penambahbaikan pelaburan pendidikan di sepanjang kontinum pembelajaran. Dalam hubungan ini, pendidikan prasekolah akan diwajibkan pada usia lima tahun, manakala pendidikan rendah bermula pada usia enam tahun. Pemakaian kurikulum prasekolah kebangsaan akan dijadikan mandatori kepada semua institusi pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu, bahasa Inggeris akan dijadikan sebahagian daripada bahasa pembelajaran dan perhubungan bagi pelajar tahap satu, manakala pembelajaran bahasa tambahan akan diperluas di sekolah rendah. Tumpuan juga akan diberi bagi menggalakkan pembelajaran dalam aliran STEM dan kemahiran TVET sebagai laluan pilihan pelajar.

Kotak 1-2

Sistem Sosial Negara Berteraskan Insan MADANI

Kemajuan sebenar sesebuah negara bukan hanya terletak pada keutuhan ekonomi semata-mata, tetapi juga diukur pada ketamadunan masyarakat yang bercirikan ilmu, adab dan kerohanian yang tinggi. Sebagai sebuah negara majmuk yang kaya dengan kepelbagaian budaya, warisan dan kepercayaan, Malaysia telah membuktikan keupayaan untuk memacu pembangunan ekonomi secara harmoni, stabil dan progresif. Namun begitu, cabaran globalisasi, kemajuan teknologi yang pesat, ketidaktentuan ekonomi, perubahan struktur demografi dan sosial serta kemerosotan nilai manusiawi dalam masyarakat memerlukan pendekatan pembangunan negara yang lebih terangkum, berpaksikan rakyat dan berteraskan nilai. Malaysia tekad untuk melakar semula pembangunan negara yang menuntut keseimbangan antara pencapaian fizikal dengan keutuhan sahsiah diri dan masyarakat ke arah membina negara bangsa yang mempunyai sistem sosial berteraskan insan MADANI.

Pembentukan negara bangsa akan dizahirkan melalui pengukuhan sistem sosial untuk berpaksikan nilai-nilai kemanusiaan, keadilan, akhlak mulia dan prinsip kerohanian sejagat yang menyeluruh. **Sistem sosial** yang utuh ini terbentuk daripada sinergi yang saling melengkapi antara komponen utama, iaitu individu, masyarakat, komuniti perniagaan dan kerajaan. Pembentukan insan dan masyarakat bagi memperkukuhkan sistem sosial yang menyeluruh akan melibatkan ikhtiar untuk membina insan dan generasi masa hadapan sesuai dengan prinsip Maqasid Syariah.

Individu yang melengkapi sistem ini adalah individu yang seimbang dari segi akal, akhlak dan tindakan serta boleh dibentuk berdasarkan enam nilai teras Malaysia MADANI. Individu ini, iaitu **insan MADANI** yang berilmu, berakhlak mulia, berintegriti, bertanggungjawab, memiliki jati diri yang teguh, berlandaskan nilai kerohanian dan kemanusiaan, berkemahiran inovatif dan aktif dalam keterlibatan sosial serta meletakkan kepentingan umum berbanding keutamaan diri. Insan ini adalah rakyat yang bertanggungjawab serta menjadi pencetus budaya

ketekunan, kesederhanaan dan keharmonian dalam masyarakat majmuk. Selain itu, insan ini juga menjadi asas kepada pembentukan masyarakat MADANI.

Masyarakat MADANI ialah masyarakat yang menjunjung tinggi prinsip keadilan, menghormati kepelbagaian agama dan budaya, hidup bersatu padu secara harmoni serta mengamalkan keterangkuman dalam setiap aspek kehidupan. Masyarakat ini cakna terhadap persekitaran dan mengamalkan kemuafakatan bagi mewujudkan komuniti yang beretika, harmoni dan progresif serta prihatin terhadap alam sekitar.

Komuniti perniagaan dalam kerangka MADANI merupakan pemangkin inovasi yang mampu memacu pertumbuhan ekonomi, memperkasakan pekerja melalui pembangunan modal insan serta menyokong pembangunan mampan dengan mengambil kira impak sosial dan alam sekitar. Komuniti ini tidak hanya mengutamakan keuntungan semata-mata, tetapi turut memberi tumpuan kepada keadilan dan tanggungjawab sosial serta mengamalkan nilai kecekapan, daya cipta dan keterangkuman, di samping menjunjung etika perniagaan yang adil dan telus. Komuniti ini bukan hanya menjadi jaguh tempatan, tetapi mampu bersaing pada peringkat global. Sifat mesra rakyat, berpandangan jauh dan tangkas dalam membuat penyesuaian terhadap perubahan menjadi teras kepada keupayaan komuniti ini untuk menyumbang kepada kesejahteraan rakyat secara mampan.

Kerajaan mendukung prinsip tadbir urus yang berintegriti, telus, adil dan berkesan dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap rakyat dan negara. Kerajaan harus bersifat inklusif, responsif dan berorientasikan rakyat dengan menjadikan kecekapan pentadbiran, integriti moral serta keadilan sosial sebagai asas kepimpinan.

Pembentukan sistem sosial negara berteraskan insan MADANI akan menyumbang kepada kebangkitan semula negara bangsa yang bertamadun dengan masyarakat yang berilmu, beradab serta mempunyai nilai kerohanian dan manusiawi yang tinggi. Negara bangsa ini bukan sahaja sejahtera, progresif dan mampan, malah mampu menjadi model di persada antarabangsa.

Kompetensi dan kecekapan warga pendidik akan ditingkatkan melalui pemantapan mekanisme pengambilan guru dari pelbagai sumber secara terbuka dan pengenalan program peningkatan kemahiran mengajar secara berterusan. Selain itu, semakin semula kaedah kenaikan pangkat guru dan kajian kebolehlaksanaan penempatan dan mobiliti silang antara pelbagai profesion akan dilaksanakan untuk menyediakan laluan kerjaya yang lebih berdaya saing. Penstrukturan semula fungsi dan peranan agensi akan dilaksanakan untuk memusatkan tadbir urus pendidikan prasekolah sehingga menengah serta prauniversiti sehingga pendidikan tinggi bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian pendidikan. Langkah akan diambil bagi menggubal akta baharu berkaitan pendidikan awal kanak-kanak, memperkukuh mekanisme kawal selia pendidikan alternatif dan melaksanakan projek rintis pemberian autonomi kepada universiti. Pelaburan dalam pendidikan juga akan dipertingkatkan untuk menambah baik infrastruktur pendidikan dan penajaan pendidikan.

Usaha untuk meningkatkan penerapan adab, nilai kerohanian dan aspek manusiawi, termasuk berdasarkan prinsip Maqasid Syariah, serta mengukuhkan semangat patriotisme juga akan dipergiat bagi membentuk insan MADANI. Dalam hubungan ini, penghayatan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan akan diperkukuh untuk menyemarakkan semangat cintakan negara. Modul latihan bersepadu yang menggabungkan komponen kenegaraan dan latihan ketenteraan asas akan ditambah baik bagi membentuk nilai diri yang utuh. Penghasilan karya dan kandungan kreatif yang mempunyai nilai patriotisme dan identiti nasional akan turut dipergiat.

Pelaksanaan program integrasi dan interaksi sosial yang lebih menyeluruh akan dipertingkatkan, manakala tadbir urus berkaitan perpaduan akan dimantapkan bagi membentuk masyarakat yang saksama dan progresif. Program dan inisiatif seperti Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI), Kembara Perpaduan Malaysia MADANI dan Program Flagship Semarak Perpaduan serta sekolah angkat MADANI akan diperluas bagi menyemarakkan semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat. Selain itu, piagam harmoni Malaysia akan dibangunkan sebagai panduan utama bagi memperkukuh perhubungan dan keharmonian antara agama dan kaum.

Peranan pihak berkepentingan, termasuk pemimpin setempat, pengamal media dan pertubuhan masyarakat sivil (CSO) akan diperkasakan untuk menjadi agen perpaduan. Penglibatan rakyat dalam aktiviti kesukarelawan dan sukan akan dipergiat bagi memupuk semangat perpaduan dan kekitaan. Kecemerlangan atlet negara pada peringkat antarabangsa akan terus dipertingkatkan bagi melonjakkan imej negara dan memupuk rasa bangga rakyat. Selain itu, diplomasi yang berkesan dan hubungan antarabangsa akan dipergiat bagi memperkukuhkan kedudukan dan imej positif Malaysia di persada antarabangsa.

Mempertingkatkan Mutu Kehidupan Rakyat

Akses kepada keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, pendidikan, pekerjaan, perkhidmatan kesihatan, alam sekitar serta sistem keselamatan dan pertahanan yang berkualiti penting bagi menjamin kehidupan wajar dan memperkukuh kesejahteraan rakyat. Dalam hubungan ini, mutu kehidupan rakyat akan dipertingkatkan melalui usaha mengukuhkan keterjaminan makanan, melaksanakan reformasi perumahan, kesihatan dan buruh, memelihara kesihatan bumi, mengukuhkan keselamatan dan pertahanan serta mempersiapkan negara menuju negara tua. Keterjaminan makanan akan diperkukuh dengan melonjakkan pengeluaran makanan tempatan, mempelbagaikan negara sumber import dan memperkukuh rantaian bekalan makanan. Usaha akan turut ditumpukan untuk meningkatkan akses kepada makanan berkhasiat dan seimbang bagi menyokong kesihatan rakyat dan menangani isu kekurangan nutrisi, terutama dalam kalangan kanak-kanak.

Reformasi sistem pembiayaan kesihatan akan dilaksanakan untuk menyediakan pilihan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan negara yang terangkum dan mampan. Penekanan akan diberikan kepada pengukuhan penjagaan kesihatan primer dan pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCD). Pendigitalan pengurusan maklumat kesihatan akan dipertingkat melalui pembangunan platform perkongsian data antara sektor awam dan swasta serta penyumberluaran sistem rekod perubatan elektronik menggunakan teknologi AI. Selain itu, keterjaminan ubat dan peranti perubatan tempatan

akan diperkukuh bagi memastikan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi krisis kesihatan global serta mengurangkan kebergantungan terhadap produk import.

Reformasi perumahan pula akan ditumpukan kepada peningkatan penawaran rumah berkualiti, berdaya huni dan terangkum, di samping menambah baik akses pembiayaan serta memantapkan kecekapan kawal selia dan pengurusan perumahan. Usaha untuk memperkasakan masyarakat di kawasan luar bandar dan rancangan penempatan, termasuk di Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan melalui penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan asas, ameniti sosial dan perumahan. Pembinaan dan naik taraf kemudahan asas, seperti sekolah, klinik kesihatan, pusat komuniti, kemudahan sukan dan dewan serbaguna serta penyediaan infrastruktur dan liputan jalur lebar akan diperluas. Selain itu, program peningkatan kapasiti dan keupayaan kumpulan sasar, terutama golongan belia dan usahawan luar bandar serta generasi kedua dan ketiga di FELDA, FELCRA dan LKW akan dipergiat. Pembangunan bandar pintar dan mampan akan diperkukuh bagi memastikan proses perbandaran yang terangkum dan memenuhi keperluan rakyat. Dalam hubungan ini, Kota MADANI di Putrajaya akan dibangunkan sebagai perintis model pembangunan bandar masa hadapan yang menyediakan kemudahan sosial dan peluang ekonomi dalam satu ekosistem bersepadu.

Usaha akan terus dipertingkatkan bagi memelihara kesihatan bumi, antaranya melalui pemantapan pengurusan perubahan iklim dan alam sekitar, pengukuhan mitigasi dan adaptasi banjir serta pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti. Pelaksanaan ekonomi kitaran akan diperkukuh, manakala pengurusan sisa akan dimantapkan melalui penambahbaikan dasar, pengukuhan kawal selia dan mekanisme pelaksanaan serta penyediaan infrastruktur moden. Pembinaan loji *waste-to-energy* akan diperluas melalui kerjasama awam swasta bagi menyokong pelaksanaan dasar larangan pembukaan tapak pelupusan baharu. Selain itu, penyelarasan pengurusan sisa secara berpusat di bawah

satu agensi khusus akan diteroka. Kaedah alternatif bagi pengurusan sisa yang menggunakan pendekatan menolak, mengurangkan, mengguna semula, mengitar semula dan memulih (5R) juga akan digalakkan.

Inisiatif untuk mengurangkan risiko bencana juga akan diperkukuh, termasuk dengan menambah baik sistem amaran awal dan mempercepat pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB). Bagi tujuan ini, kerjasama dengan semua pihak berkepentingan, termasuk kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan akan dipertingkatkan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan RTB. Selain itu, keselamatan awam dan pertahanan negara akan dimantapkan melalui penambahbaikan ketersediaan aset keselamatan dan pertahanan, pemerkasaan keupayaan dan kompetensi anggota serta pengukuhan kawalan sempadan. Pengurusan pesalah jenayah dan pendatang tanpa izin akan ditambah baik, manakala kerjasama strategik antara pelbagai agensi penguat kuasa akan dipergiat untuk meningkatkan tahap keselamatan dan ketenteraman awam. Usaha akan diteruskan untuk membanteras ancaman dan jenayah siber dengan menambah baik infostruktur dan infrastruktur serta memperkukuh penguatkuasaan dan perundangan.

Persiapan menuju negara tua akan dimantapkan bagi memastikan negara bersedia dalam pelbagai aspek, terutama pengurusan ekonomi dan fiskal, penyediaan bakat, kemahiran dan pendidikan, peluasan perlindungan sosial serta pengukuhan perkhidmatan kesihatan dan penjagaan jangka panjang. Persediaan ini turut mengambil kira keperluan untuk menyemak semula akta berkaitan umur persaraan dan menggubal perundangan baharu berkaitan penggajian semula bagi meningkatkan penyertaan pekerja berusia dalam pasaran buruh. Sistem perlindungan sosial yang lebih terangkum akan diperkenalkan, manakala program dan perkhidmatan sokongan warga berusia yang lebih menyeluruh akan diperluas. Selain itu, lebih banyak infrastruktur mesra usia akan disediakan bagi memenuhi keperluan perubahan populasi.

Reformasi pasaran buruh akan turut dipercepat untuk mewujudkan ekosistem pekerjaan yang lebih dinamik, berdaya saing dan mampan bagi meningkatkan pendapatan. Dalam hubungan ini, peranan Majlis Perundingan Gaji Negara akan diperluas untuk meliputi semua perkara berkaitan gaji. Langkah akan diambil untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing melalui penetapan jumlah pekerja asing kepada 10% daripada tenaga kerja pada tahun 2030 secara purata dan sehingga 5% pada tahun 2035. Kadar pengambilan mengikut sektor akan mengambil kira keperluan pekerja dalam kategori kotor, bahaya dan sukar (3D). Selain itu, Mekanisme Levi Pelbagai Peringkat akan dilaksanakan pada tahun 2026. Langkah ini akan membuka peluang pekerjaan dan peningkatan kemahiran kepada rakyat tempatan yang seterusnya memperoleh gaji yang lebih baik. Program pembangunan bakat akan ditambah baik dengan penglibatan aktif industri bagi memadankan penawaran dan permintaan tenaga kerja. Kesejahteraan dan perlindungan pekerja juga akan ditingkatkan melalui penambahbaikan pengurusan simpanan untuk persaraan dan pengukuhan skim perlindungan bencana pekerjaan.

Memperkasakan Golongan Sasar

Keadilan sosial adalah asas kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan dan menyeluruh bagi memastikan tiada sesiapa yang tertinggal daripada arus kemajuan negara. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberikan kepada peningkatan kesaksamaan peluang bagi membolehkan rakyat menikmati kehidupan yang lebih baik. Pelaksanaan agenda pemerkasaan Bumiputera akan dipergiat melalui pendekatan keseluruhan negara bagi meningkatkan penyertaan, pemilikan dan penguasaan Bumiputera. Bagi tujuan ini, unit pemerkasaan Bumiputera di semua kementerian akan diperkukuh serta program peningkatan kapasiti dan sokongan pembiayaan oleh agensi mandat Bumiputera, perbadanan kemajuan ekonomi negeri dan LKW akan ditambah baik. Taraf hidup masyarakat Orang Asli akan turut ditingkatkan dengan memperkenalkan Pelan Tindakan Dasar Pembangunan Orang Asli (DPOA) dan meminda Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]. Selain itu, Lembaga Adat akan diwujudkan bagi meningkatkan kecekapan kepimpinan masyarakat Orang Asli.

Pembangunan sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak akan terus diperkukuh melalui inisiatif seperti pemerkasaan modal insan, peningkatan infrastruktur dan kemudahan asas serta penyediaan sokongan bagi membolehkan pembangunan tanah Hak Adat Anak Negeri (NCR). Kualiti hidup isi rumah India, terutama yang berpendapatan rendah akan dipertingkatkan melalui pelaksanaan inisiatif dan program berdasarkan Malaysian Indian Blueprint dan Pelan Tindakan Masyarakat India. Inisiatif ini merangkumi pendidikan, pembangunan bakat, penyediaan peluang kerjaya, kemudahan pembiayaan, sokongan keusahawanan serta program bersasar untuk menambah baik infrastruktur dan kemudahan asas, termasuk membaik pulih rumah. Pembangunan sosioekonomi isi rumah Cina, terutama yang berpendapatan rendah di Kampung Baru pula akan dipertingkatkan melalui pelaksanaan aktiviti keusahawanan dan pelancongan berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Kampung Baru, di samping penyediaan sokongan untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam.

Tumpuan akan turut diberikan kepada usaha untuk meningkatkan kesejahteraan kumpulan sasaran khusus, seperti kanak-kanak, belia, lelaki dan wanita serta warga berusia dan OKU. Pembangunan kanak-kanak akan ditumpukan kepada peningkatan akses pendidikan, kesihatan dan perlindungan sosial, manakala pembangunan belia akan diperkukuh melalui pembangunan kemahiran, bakat dan keusahawanan serta pengenalan mekanisme intervensi berfokus dan sokongan menyeluruh. Peranan dan tanggungjawab lelaki dan wanita dalam pembangunan sosioekonomi negara akan diperkukuh bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih terangkum, progresif dan seimbang. Penglibatan golongan OKU akan ditingkatkan melalui kerjasama swasta bagi menyediakan peluang yang saksama untuk golongan ini menjalani kehidupan yang lebih bermakna. Selain itu, institusi kekeluargaan akan diperkukuh melalui penerapan nilai kekeluargaan dan kebertanggungjawaban ahli keluarga, terutama anak kepada ibu bapa. Penyediaan pendidikan keibubapaan serta perkhidmatan kaunseling dan sokongan berkaitan kesihatan reproduktif akan turut diberi tumpuan.

Memperkukuh Tatakelola Baik: Tadbir Urus MADANI

Tatakelola baik menjadi paksi kepada pentadbiran negara dalam memastikan kekayaan diagihkan dengan saksama bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi. Dalam tempoh RMK13, usaha Kerajaan MADANI akan diteruskan untuk memperkukuh integriti dan akauntabiliti, mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam serta memantapkan pengurusan fiskal. Pendekatan keseluruhan negara melalui kerjasama antara rakyat, perniagaan, CSO dan kerajaan akan diguna pakai bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam. Usaha memantapkan tatakelola baik ini dijangka menyumbang kepada pencapaian aspirasi Ekonomi MADANI untuk Malaysia berada dalam kedudukan 25 teratas dalam CPI dan 12 teratas dalam IMD World Competitiveness Yearbook serta mengurangkan defisit fiskal kepada di bawah 3% kepada KDNK.

Memperkukuh Integriti dan Akauntabiliti

Prinsip integriti dan akauntabiliti dalam kalangan penjawat awam, termasuk Anggota Pentadbiran merupakan antara aspek penting dalam mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, di samping dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap pentadbiran Kerajaan. Dalam hubungan ini, pelaksanaan inisiatif di bawah Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional, 2024-2028 dan Pasukan Petugas Khas CPI akan dipergiat bagi menangani isu rasuah dan menambah baik kedudukan negara dalam CPI. Peranan Unit Integriti akan turut diperkasakan untuk membanteras gejala rasuah dalam sektor awam dengan penekanan kepada inisiatif berasaskan pendekatan *behavioural insights* ke arah membentuk penjawat awam yang berintegriti dan bertanggungjawab.

Mekanisme semak dan imbang dalam perkhidmatan awam akan diperkukuh untuk memantapkan akauntabiliti dan ketelusan dalam pentadbiran Kerajaan. Dalam hubungan ini, mekanisme pemantauan dan penilaian prestasi kementerian akan diperkemas melalui pengenalan

petunjuk keberhasilan yang diselaraskan dengan indikator ekonomi makro terpilih dan pelaksanaan pelaporan secara terus kepada Perdana Menteri. Kaedah pemantauan dan struktur tadbir urus RMK13 yang menyeluruh akan ditambah baik melalui pembangunan sistem pemantauan Pelan Pelaksanaan Dasar RMK13, iaitu MyRMK. Sistem ini akan diselaraskan dengan sistem pemantauan lain, seperti di bawah Kementerian Kewangan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), Unit Pantau MADANI (PMU), Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) dan Pusat SDG Negara (PSN). Prestasi RMK13 akan juga dipantau pada peringkat tertinggi sehingga ke Jemaah Menteri bagi memastikan akauntabiliti dan ketelusan dalam pelaksanaan program dan projek pembangunan.

Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Agenda reformasi perkhidmatan awam akan dilaksanakan dengan menambah baik penyampaian perkhidmatan berlandaskan prinsip *ILTIZAM*, memperkasakan *GovTech* serta memperkukuh ekosistem ekonomi sosial. Melalui *ILTIZAM*, usaha akan dipergiat bagi mengurangkan beban kawal selia, memperkukuh tadbir urus dan keupayaan bakat sektor awam serta menstruktur semula institusi. Semakan mandatori ke atas instrumen kawal selia secara berkala dan bertempoh serta Dasar Satu Masuk-Satu Keluar akan dilaksana bagi memastikan keberkesanan instrumen. Penggunaan garis panduan pengurangan beban kawal selia juga akan digalakkan untuk diterima pakai pada peringkat negeri dan PBT.

Usaha bagi menambah baik perundangan dan penguatkuasaan akan dilaksanakan melalui semakan semula akta sedia ada dan penggubalan akta baharu. Pembangunan kompetensi dan kepakaran bakat turut diberi penekanan bagi memastikan penjawat awam kekal relevan, berdaya saing dan responsif terhadap keperluan semasa. Penstrukturan semula institusi juga akan dipergiat dengan melaksanakan rasionalisasi jabatan dan agensi kerajaan serta syarikat milik kerajaan secara berfasa.

Pemeriksaan GovTech yang memberi tumpuan kepada penerimgunaan teknologi termaju, termasuk AI, pengukuhan tatakelola pendigitalan serta pembangunan kapasiti akan dipergiat bagi mewujudkan ekosistem kerajaan digital yang telus, tangkas dan tuntas ke arah pembentukan negara AI. Dalam hubungan ini, transformasi digital kerajaan akan terus diperkukuh melalui pelaksanaan Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030 bagi membangunkan masyarakat, ekonomi dan kerajaan digital. *Enterprise architecture* (EA) yang turut merangkumi pembangunan infrastruktur awan yang selamat akan dibangunkan untuk mempertingkatkan pendigitalan perkhidmatan kerajaan. Gerbang tunggal sektor awam juga akan dibangunkan bagi memudahkan rakyat, komuniti perniagaan dan kerajaan untuk mengakses pelbagai perkhidmatan yang disediakan, termasuk melalui penggunaan MyDigital ID. Tatakelola pendigitalan dan pembangunan bakat digital akan turut diperkukuh bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam. Aspek keselamatan siber serta perkongsian dan pengintegrasian data akan terus diberi penekanan untuk memastikan ekosistem pendigitalan perkhidmatan awam yang selamat dan dipercayai.

Usaha mewujudkan ekosistem ekonomi sosial yang menyeluruh akan diperkukuh untuk mengarusperdanakan sektor ketiga dalam menangani isu sosioekonomi rakyat. Dalam hubungan ini, dasar ekonomi sosial akan dibangunkan, manakala dasar, akta dan pelan tindakan sedia ada berkaitan sektor ketiga akan disemak semula bagi memastikan pembangunan ekosistem yang menyeluruh dan memenuhi keperluan semasa. Selain itu, langkah akan diambil untuk merasionalisasikan agensi dan memusatkan tadbir urus sektor ketiga bagi meningkatkan keberkesanan sektor ini dalam pembangunan sosioekonomi negara.

Memantapkan Pengurusan Fiskal

Pengurusan fiskal akan diperkukuh bagi menambah baik ruang fiskal untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. Amalan tatakelola yang baik, berpaksikan akauntabiliti, ketelusan dan kecekapan di bawah Akta

Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] akan diguna pakai dalam pengurusan kewangan awam. Kutipan hasil Kerajaan akan ditambah baik melalui pelaksanaan sistem invois elektronik secara berperingkat sehingga tahun 2026 bagi meningkatkan pendigitalan kutipan cukai. Di samping itu, peluasan asas hasil cukai di bawah Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS), seperti pelaksanaan cukai global minimum (GMT) serta semakan berkala cukai jualan dan perkhidmatan (SST) akan dilaksana bagi membolehkan penyediaan lebih banyak kemudahan dan bantuan untuk kesejahteraan rakyat. Kecekapan perbelanjaan akan ditambah baik melalui pelaksanaan subsidi dan bantuan yang lebih bersasar serta pengurusan hutang yang lebih berhemat.

Kecekapan pengurusan fiskal akan turut dipertingkatkan melalui reformasi pengurusan projek yang melibatkan pemantauan dan penilaian secara lebih sistematik. Mekanisme kawalan kos akan ditambah baik dengan mengambil kira elemen utama dalam pengiraan kos, termasuk kos kitaran hayat. Pelaksanaan projek PPP juga akan dirasionalisasi dengan memberi tumpuan kepada model yang berasaskan bayaran oleh pengguna bagi memberi pilihan perkhidmatan kepada rakyat. Pelaksanaan semua usaha konsolidasi fiskal ini dijangka dapat mengurangkan defisit fiskal kepada di bawah 3% dan memastikan paras hutang tidak melebihi 60% kepada KDNK.

Kerangka RMK13

RMK13 akan meneruskan wadah Ekonomi MADANI bagi merealisasikan matlamat untuk menaikkan siling dengan melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara, menaikkan lantai dengan meningkatkan darjat hidup rakyat dan memperkukuh tatakelola baik dengan memantapkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Selain itu, RMK13 juga meletakkan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang berwibawa dalam kepimpinan dan diplomasi pada peringkat antarabangsa. Dasar dan inisiatif yang dirangka bagi menzahirkan wadah ini disusun dalam empat tonggak utama, seperti berikut:

Kotak 1-3 Kerangka RMK13


RMK13 yang bertemakan ‘**Melakar Semula Pembangunan**’, meletakkan matlamat pembangunan sosioekonomi melalui tiga dimensi, iaitu **Negara Berpendapatan Tinggi dan Mampan, Kehidupan Bermutu dan Terangkum** serta **Alam Sekitar Lestari**. Tema ini dipilih berdasarkan pelbagai reformasi yang akan diperkenalkan dalam RMK13 bagi menstruktur semula pembangunan sosioekonomi negara. Penstruktur semula ini perlu dilaksanakan bagi mengambil kira keperluan untuk mempercepat peralihan kepada ekonomi berasaskan penciptaan nilai dalam persekitaran yang lestari serta

memperkukuh aspek kerohanian dan nilai insaniah dalam pembentukan sistem sosial negara yang utuh berteraskan insan MADANI.

Penyusunan dokumen RMK13 adalah berdasarkan empat tonggak, iaitu Meningkatkan Kerencaman Ekonomi, Meningkatkan Mobiliti Sosial, Mempercepat Pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam serta Mempertingkatkan Kesejahteraan Rakyat dan Kelestarian Alam Sekitar. Dalam hubungan ini, strategi dan inisiatif yang menyeluruh dan berskala telah diujicajakan dengan tujuh aspirasi Ekonomi MADANI, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 2*.

Paparan 2 Kerangka Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030 Kerangka RMK13 dipeta untuk merealisasikan matlamat Ekonomi MADANI

 EKONOMI MADANI <i>Mempandukan Rakyat</i> Matlamat Jangka Panjang & Objektif Menaikkan Siling Penerima Ekonomi Asia Memperkukuh Tatakelola Baik Reformasi Sektor Awam Menaikkan Lantai Peningkatan Darjat Hidup Rakyat 1 30 ekonomi terbesar di dunia 2 12 teratas dalam daya saing global 3 25 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah 4 Meningkatkan perkongsian pendapatan buruh kepada 45% 5 25 teratas dalam Indeks Pembangunan Manusia 6 Defisit fiskal di bawah 3% kepada KDNK 7 60% kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh



Tonggak A: Meningkatkan Kerencaman Ekonomi

Selaras dengan teras Ekonomi MADANI bagi menaikkan siling, usaha meningkatkan kerencaman ekonomi menjadi tonggak dalam mempercepat peralihan struktur ke arah ekonomi bernilai tinggi yang berasaskan inovasi dan teknologi serta menjadikan industri lebih berdaya saing dalam menghadapi cabaran global. Di bawah tonggak ini, penekanan akan diberikan kepada usaha untuk melonjakkan industri HGHV dan sektor strategik berimpak tinggi serta mengukuhkan ekonomi hijau, ekonomi biru, ekonomi jingga dan ekonomi kitaran. Keutamaan juga akan diberi untuk mempertingkatkan keterjaminan makanan, memperkukuh mitigasi dan adaptasi banjir, menambah baik ketersediaan infrastruktur pengangkutan awam serta memperkasakan PMKS dan sektor ketiga. Tumpuan juga akan diberi untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing firma, industri dan sektor melalui penerimgunaan teknologi termaju dan pendigitalan serta pengukuhan ekosistem R&D&C&I ke arah menjadikan Malaysia negara AI yang terangcum dan mampan. Pelaksanaan strategi dan inisiatif di bawah tonggak ini akan mempercepat peralihan kepada struktur ekonomi yang rencam serta memupuk budaya mencipta, seiring dengan hasrat menjadikan Malaysia antara negara *consumption powerhouse* yang menghasilkan produk dan perkhidmatan 'Made by Malaysia'.

Tonggak B: Meningkatkan Mobiliti Sosial

Usaha meningkatkan mobiliti sosial membolehkan rakyat mendapat manfaat daripada limpahan pertumbuhan ekonomi dan mempertingkatkan kedudukan dalam hieraki sosial, selaras dengan teras Ekonomi MADANI untuk menaikkan lantai. Di bawah tonggak ini, tumpuan akan diberikan kepada usaha mereformasi pendidikan dan pasaran buruh, memperkukuh pembangunan terangcum dari perspektif pelbagai dimensi, meningkatkan tahap sosioekonomi golongan sasaran serta menyeimbangkan kemajuan ekonomi antara wilayah dan memperkukuh pembangunan luar bandar. Reformasi pendidikan akan menjadi asas dalam pembentukan sistem sosial negara yang berteraskan insan MADANI. Reformasi pasaran buruh pula bertujuan untuk menyokong peralihan struktur kepada ekonomi yang bernilai tinggi dan seterusnya dapat meningkatkan gaji dan upah ke arah mencapai tahap kehidupan wajar. Langkah untuk meningkatkan tahap sosioekonomi golongan sasaran serta melonjakkan pertumbuhan ekonomi di kawasan yang kurang membangun dan luar bandar bertujuan untuk mencapai pertumbuhan yang seimbang dan terangcum. Pelaksanaan strategi dan inisiatif di bawah tonggak ini akan menyumbang kepada pembentukan bakat tersedia masa hadapan dan pasaran buruh yang cekap, penyediaan peluang yang saksama serta pembentukan negara bangsa yang berdaulat dan bermaruah.



Tonggak C: Mempercepat Pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam

Agenda reformasi perkhidmatan awam menjadi tonggak dalam mewujudkan sistem pentadbiran yang responsif terhadap keperluan rakyat, selaras dengan teras Memperkukuh Tatakelola Baik di bawah Ekonomi MADANI. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberikan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan berlandaskan prinsip ILTIZAM, memperkasakan GovTech dan memantapkan tatakelola baik. Keutamaan akan turut diberikan kepada reformasi perundangan, kecekapan pengurusan projek dan konsolidasi fiskal serta pengukuhan ekosistem ekonomi sosial bagi mengarusperdanakan sektor ketiga. Keutamaan ini juga akan melibatkan pengukuhan integriti dan akauntabiliti dalam keseluruhan sistem pentadbiran negara bagi meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat. Pelaksanaan semua strategi di bawah tonggak ini melalui pendekatan keseluruhan negara akan memacu pembaharuan perkhidmatan awam untuk lebih telus, tangkas dan tuntas.

Tonggak D: Mempertingkatkan Kesejahteraan Rakyat dan Kelestarian Alam Sekitar

Usaha meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat dan kelestarian alam sekitar menjadi tonggak bagi mencapai matlamat pembangunan sosioekonomi yang teranglum dan mampan, selari dengan teras Ekonomi MADANI untuk menaikkan lantai. Tumpuan akan diberikan kepada usaha membentuk negara bangsa, meningkatkan persediaan menuju negara tua, mereformasi sektor kesihatan dan perumahan, mengukuhkan keselamatan dan pertahanan, memelihara kesihatan bumi serta memantapkan pengurusan bencana. Pelaksanaan strategi di bawah tonggak ini dapat memperkukuh keharmonian sosial, kestabilan politik dan kemajuan ekonomi bagi membentuk sistem sosial yang utuh dengan masyarakat yang saksama, harmoni, saling menghormati dan bersatu padu. Penyediaan keperluan asas rakyat yang merangkumi tempat kediaman yang berdaya huni, penjagaan kesihatan yang berkualiti serta persekitaran yang selamat dan lestari akan menyumbang kepada peningkatan mutu kehidupan rakyat dan pembangunan masyarakat berdaya tahan dan sejahtera. Persiapan menuju negara tua yang rapi dapat memastikan negara bersedia dalam pelbagai aspek, manakala diplomasi yang berkesan dan peningkatan kerjasama antarabangsa pula dapat meningkatkan imej positif Malaysia di persada dunia.

Rumusan

RMK13 bertemakan '**Melakar Semula Pembangunan**' merupakan komitmen untuk menstruktur semula pembangunan sosioekonomi bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara, meningkatkan darjat hidup rakyat dan memperkukuh tatakelola baik ke arah merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI. Pembangunan negara dalam tempoh RMK13 akan ditunjangi peralihan secara menyeluruh kepada pendigitalan dan teknologi termaju, terutama AI serta pembentukan sistem sosial berteraskan insan MADANI dengan masyarakat yang saksama, harmoni, saling menghormati dan bersatu padu. Usaha ini akan mempercepat peralihan kepada ekonomi berasaskan penciptaan nilai, meningkatkan pengaruh dan imej positif negara di persada dunia serta memastikan kehidupan rakyat yang lebih sejahtera dan alam sekitar yang lestari.





MENINGKATKAN KERENCAMAN EKONOMI

PENGENALAN

2-2

SEPULUH KEUTAMAAN KERENCAMAN EKONOMI

2-3

A1: Pelonjakan Pertumbuhan Industri HGHV dan Sektor Strategik Berimpak Tinggi

2-4

Matlamat 2-4

Pencapaian RMKe-12 2-4

Sasaran 2-6

Strategi 2-8

Strategi A1.1: Mereformasi Industri
Semikonduktor Tempatan 2-8Strategi A1.2: Memperkukuh Industri Bekalan
Gas Asli 2-8Strategi A1.3: Memantapkan Pembekalan
Tenaga Elektrik 2-9Strategi A1.4: Meningkatkan Akses Bekalan
Elektrik Hijau 2-9Strategi A1.5: Memperkenalkan Tenaga
Nuklear sebagai Sumber Tenaga Elektrik
Bersih 2-9Strategi A1.6: Membangunkan Keseluruhan
Rantaian Nilai REE 2-9Strategi A1.7: Melonjakkan Subsektor
Agromakanan dan Agrikomoditi 2-10Strategi A1.8: Memperkukuh Pembangunan
Ekonomi Digital 2-10Strategi A1.9: Mengembangkan Industri
Pengangkutan Udara 2-11Strategi A1.10: Memantapkan Pelancongan
Berpendapatan Tinggi dan Lestari 2-12Strategi A1.11: Memperkukuh Ekosistem
Halal 2-12Strategi A1.12: Mencergaskan Industri
Perkhidmatan Global Bernilai Tinggi 2-13Strategi A1.13: Memperkukuh Ekosistem
Ekonomi Jingga 2-13Strategi A1.14: Memantapkan Industri
Perkhidmatan Kewangan 2-13Strategi A1.15: Mempertingkatkan
Kecekapan Industri Peruncitan 2-14Strategi A1.16: Meningkatkan Kecekapan
Industri Logistik 2-14Strategi A1.17: Membangunkan Industri
Sukan Negara 2-15Strategi A1.18: Mengarusperdanakan Sains,
Teknologi dan Inovasi 2-15

A2: Pengukuhan Ekonomi Hijau 2-15

Matlamat 2-15

Pencapaian RMKe-12 2-15

Sasaran 2-16

Strategi 2-17

Strategi A2.1: Memudah Cara Perdagangan
Karbon 2-17

Strategi A2.2: Melonjakkan Industri CCUS 2-17

Strategi A2.3: Mempertingkatkan Akses
Pembiayaan Hijau 2-17Strategi A2.4: Melonjakkan Permintaan dan
Penawaran Produk Hijau 2-18

A3: Pemerksaan Ekonomi Biru 2-18

Matlamat 2-18

Pencapaian RMKe-12 2-18

Sasaran 2-19

Strategi 2-19

Strategi A3.1: Memperkukuh Ekosistem
Ekonomi Biru 2-19Strategi A3.2: Mempertingkatkan
Pertumbuhan Industri Strategik Ekonomi Biru 2-20Strategi A3.3: Memelihara Khazanah dan
Mengekalkan Kelestarian Biodiversiti 2-21

A4: Pengukuhan Keterjaminan Makanan 2-21

Matlamat 2-21

Pencapaian RMKe-12 2-21

Sasaran 2-22

Strategi 2-23

Strategi A4.1: Mempertingkatkan
Pengeluaran Makanan 2-23Strategi A4.2: Memantapkan Keterjaminan
Bekalan Makanan 2-23Strategi A4.3: Memperkukuh Rantaian
Bekalan Makanan 2-24

A5: Pemantapan Ekosistem R&D&C&I	2-24	A8: Penambahbaikan Ketersediaan Infrastruktur Pengangkutan Awam	2-32
Matlamat	2-24	Matlamat	2-32
Pencapaian RMKe-12	2-25	Pencapaian RMKe-12	2-32
Sasaran	2-25	Sasaran	2-33
Strategi	2-26	Strategi	2-33
<i>Strategi A5.1: Menambah Baik Model Pelaburan R&D&C&I</i>	2-26	<i>Strategi A8.1: Meningkatkan Kemampanan Kewangan Operator Pengangkutan Awam</i>	2-33
<i>Strategi A5.2: Meningkatkan Penciptaan Nilai Harta Intelek</i>	2-26	<i>Strategi A8.2: Menggalakkan Pembangunan Berorientasikan Transit</i>	2-33
<i>Strategi A5.3: Memastikan Ketersediaan Bakat R&D&C&I</i>	2-26	<i>Strategi A8.3: Mempertingkatkan Infrastruktur dan Fasiliti Sokongan Pengangkutan Awam</i>	2-34
<i>Strategi A5.4: Memantapkan Tadbir Urus R&D&C&I</i>	2-27	<i>Strategi A8.4: Menstruktur Semula Tadbir Urus dan Operasi Pengangkutan Rel</i>	2-34
A6: Peningkatan Produktiviti dan Daya Saing Negara	2-27	A9: Penskalaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana	2-34
Matlamat	2-27	Matlamat	2-34
Pencapaian RMKe-12	2-27	Pencapaian RMKe-12	2-35
Sasaran	2-28	Sasaran	2-35
Strategi	2-29	Strategi	2-36
<i>Strategi A6.1: Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti Negara</i>	2-29	<i>Strategi A9.1: Memperkukuh Model Perniagaan PMKS</i>	2-36
<i>Strategi A6.2: Memperkukuh Ekosistem Persaingan</i>	2-29	<i>Strategi A9.2: Menambah Baik Ekosistem PMKS</i>	2-36
A7: Pengukuhan Mitigasi dan Adaptasi Banjir	2-29	A10: Pemeriksaan Sektor Ketiga	2-36
Matlamat	2-30	Matlamat	2-37
Pencapaian RMKe-12	2-30	Pencapaian RMKe-12	2-37
Sasaran	2-30	Sasaran	2-37
Strategi	2-31	Strategi	2-38
<i>Strategi A7.1: Menyegerakan Mitigasi Banjir</i>	2-31	<i>Strategi A10.1: Memperkukuh Daya Tahan Pemain Sektor Ketiga</i>	2-38
<i>Strategi A7.2: Menerima Pakai Pendekatan Inovatif dalam Adaptasi Banjir</i>	2-31	<i>Strategi A10.2: Meningkatkan Keterlihatan Sektor Ketiga</i>	2-38
<i>Strategi A7.3: Memantapkan Mekanisme Tadbir Urus</i>	2-32	<i>Strategi A10.3: Melipatgandakan Penyertaan Syarikat dalam Perniagaan Inklusif</i>	2-38
			
		RUMUSAN	2-39


Pengenalan

Malaysia perlu beralih kepada ekonomi berasaskan penciptaan nilai dengan meningkatkan kerencaman ekonomi bagi memperkukuh daya saing dan kemampunan ekonomi, di samping memartabatkan nilai manusiawi. Usaha akan ditumpukan ke arah menstruktur semula ekonomi negara dan menaikkan darjat rakyat selaras dengan teras Ekonomi MADANI untuk menaikkan siling, memperkukuh tatakelola dan menaikkan lantai bagi merealisasikan aspirasi memperkasakan rakyat. Peralihan ini akan dapat memupuk budaya mencipta, seiring dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai *consumption powerhouse* yang mengeluarkan produk 'Made by Malaysia'. Dalam hubungan ini, strategi dan inisiatif untuk menaikkan siling akan ditumpukan kepada pembangunan sektor dan industri strategik, pengukuhan ekosistem dan pemerkasaan pemain industri. Pembangunan sektor dan industri strategik akan ditumpukan kepada usaha melonjakkan industri yang mempunyai pertumbuhan dan nilai yang tinggi (HGHV), sektor strategik berimpak tinggi, ekonomi hijau, ekonomi biru dan ekonomi jingga. Pembangunan dan penerimagunaan kecerdasan buatan (AI) dan teknologi termaju lain akan dipercepat dan diperluas sebagai asas dalam usaha meningkatkan kerencaman ekonomi. Bagi menaikkan lantai, usaha antaranya akan ditumpukan kepada pengukuhan keterjaminan makanan. Langkah bagi memperkukuh ekosistem yang menyokong tatakelola baik akan merangkumi, antaranya penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I), produktiviti, mitigasi dan adaptasi banjir serta infrastruktur pengangkutan awam. Peranan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta sektor ketiga akan juga diperkasakan untuk memainkan peranan yang lebih penting dalam pertumbuhan ekonomi.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), pelbagai pencapaian telah dicatatkan dalam usaha menjana semula pertumbuhan dan meningkatkan daya tahan ekonomi ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi. Namun, beberapa isu dan cabaran struktur masih wujud dan perlu ditangani dengan pendekatan yang lebih tuntas dan pragmatik bagi meningkatkan kerencaman ekonomi. Isu tersebut adalah seperti inovasi dan pelaburan teknologi yang terhad, pertumbuhan produktiviti yang perlahan, amalan adaptasi kelestarian yang masih rendah serta keupayaan PMKS dan sektor ketiga untuk menyertai rantaian nilai global yang terhad.


Sepuluh Keutamaan Kerencaman Ekonomi

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030 (RMK13), usaha untuk meningkatkan kerencaman ekonomi bagi meningkatkan daya saing dan kemampuan ekonomi akan dilaksanakan menerusi 10 keutamaan, iaitu:



A1: Pelonjakan Pertumbuhan Industri HGHV dan Sektor Strategik Berimpak Tinggi

Pembangunan industri HGHV dan sektor strategik berimpak tinggi yang pesat adalah penting untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya saing serta penciptaan peluang pekerjaan berkualiti tinggi. Justeru, pelbagai dasar dan inisiatif telah diperkenalkan, antaranya berkaitan perindustrian, pendigitalan, peralihan tenaga, industri semikonduktor dan mineral serta subsektor agromakanan, agrikomoditi dan perkhidmatan kewangan. Namun, peralihan struktur industri HGHV dan sektor strategik masih perlahan dan belum mencapai potensi sepenuhnya berikutan pertumbuhan produktiviti yang rendah dan model pelaburan sedia ada yang tidak berpaksikan teknologi termaju, termasuk AI dan harta intelek (IP). Selain itu, kekangan birokrasi, isu penyelarasan, ketersediaan bakat mahir tempatan, akses pembiayaan dan pasaran yang terhad serta ekosistem R&D&C&I yang kurang matang turut menjadi cabaran dalam membangunkan industri dan sektor strategik ini.



Pelonjakan pertumbuhan industri HGHV dan sektor strategik berupaya untuk meningkatkan penciptaan yang dapat memberi limpahan nilai yang tinggi kepada ekonomi. Penghasilan produk dan perkhidmatan 'Made by Malaysia' akan dapat menjadikan Malaysia sebagai antara negara AI dan *consumption powerhouse* utama di dunia. Hasil peralihan ini, rakyat akan dapat merebut peluang yang tersedia daripada pewujudan pekerjaan baharu yang berpendapatan tinggi dan seterusnya meningkatkan mobiliti sosial dalam usaha untuk menaikkan lantai. Pemain industri juga akan berpeluang untuk meraih manfaat melalui penglibatan di sepanjang rantai nilai, termasuk pada peringkat global.

Pencapaian RMKe-12

Usaha membangunkan HGHV dalam RMKe-12 yang ditumpukan kepada lima keutamaan, iaitu peralihan tenaga, teknologi dan digital, industri elektrik dan elektronik (E&E) bernilai tinggi, pertanian dan industri asas tani serta unsur nadir bumi (REE) telah menunjukkan beberapa pencapaian. Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 telah diperkenalkan pada tahun 2023 untuk memacu transformasi sektor perindustrian negara bagi mencapai aspirasi Ekonomi MADANI melalui penekanan kepada kemajuan teknologi, kelestarian dan integrasi yang lebih mendalam dalam rantai nilai global.

Dasar Tenaga Negara, 2022-2040, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) dan NIMP 2030 telah dilancarkan untuk mendukung Aspirasi Negara Rendah Karbon 2040. Sebanyak 10 projek *flagship* dan 50 inisiatif NETR sedang dilaksanakan dengan anggaran keberhasilan yang lebih baik berbanding sasaran dalam aspek peluang pekerjaan, komitmen pelaburan dan pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG). Antara projek *flagship* yang sedang dilaksanakan ialah Solar Terapung Hidro Hibrid di Kenyir, Terengganu, Hab Biobahan Api di Pengerang, Johor dan Solar Komuniti di Bandar Elmina, Selangor. Selaras dengan inisiatif meningkatkan mobiliti hijau, projek transit aliran autonomi berasaskan teknologi hidrogen telah diperkenalkan di Sarawak, manakala stesen pengisian semula hidrogen mudah alih telah

beroperasi di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Selain itu, dana pembiayaan, iaitu Kemudahan Peralihan Tenaga Negara (NETF) berjumlah RM2 bilion telah dilancarkan bagi menyokong inisiatif berasaskan peralihan tenaga.

Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 2021 bagi mempercepat transformasi dan keterangkuman digital. Sehingga tahun 2025, sebanyak RM77.2 bilion pelaburan digital direalisasikan melebihi sasaran RM70 bilion, manakala sebanyak 52 titik sentuh bagi setiap 1,000 pengguna telah direkodkan, melebihi sasaran 36 titik sentuh. Antara titik sentuh yang memudahkan rakyat membuat pembayaran secara digital termasuk terminal pindahan dana elektronik semasa jualan dan kod QR.

Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) telah dilancarkan pada tahun 2024 untuk menyokong pelaksanaan NIMP 2030. Kerjasama strategik bernilai AS\$250 juta dengan syarikat semikonduktor global telah dimeterai sebagai sebahagian program *flagship* industri semikonduktor bernilai tinggi berteknologi tinggi (HVHT). Pelaburan tambahan berjumlah RM46.5 bilion telah direalisasikan dengan dominasi projek strategik, iaitu sebanyak RM30 bilion untuk fabrikasi wafer, RM8 bilion untuk pengeluaran cip AI dan RM8.5 bilion untuk pengeluaran substrat litar bersepadu berteknologi tinggi. Inisiatif ini menjadi pemangkin kepada pembangunan rangkaian nilai berteknologi tinggi dan penghasilan IP tempatan yang lebih mampan.

Sektor pertanian telah mencatat pertumbuhan sebanyak 1.1% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2024, disokong oleh pertumbuhan subsektor agromakanan sebanyak 2.1% setahun. Pada tahun 2024, sektor ini telah mencatat nilai eksport sebanyak RM105.7 bilion. Pertumbuhan produktiviti buruh dalam sektor ini pula meningkat sebanyak 0.9%, iaitu daripada RM53,116 setiap pekerja pada tahun 2020 kepada RM55,005 pada tahun 2024. Pemprosesan lebih banyak produk hiliran telah berjaya meningkatkan nilai ditambah industri asas tani kepada RM83 bilion pada tahun 2024. Selain itu, model perniagaan industri REE di sepanjang rangkaian nilai telah disediakan dan pemetaan telah diperluas meliputi 100 kilometer persegi kawasan berpotensi bagi

merancakkan pembangunan industri ini di Malaysia. Pengenalan Dasar Mineral Negara Ketiga pada tahun 2025 antara lain bertujuan memacu pembangunan industri REE tempatan di sepanjang rangkaian nilai industri ini.

Sektor strategik berimpak tinggi juga telah menunjukkan peningkatan yang baik. Industri pelancongan telah kembali menunjukkan daya tahan sepanjang tempoh RMKe-12. Perbelanjaan pelancong asing melonjak kepada RM102.2 bilion pada tahun 2024, berbanding RM86.1 bilion pada tahun 2019, melangkaui prestasi prapandemik COVID-19 dengan pertumbuhan pada kadar 3.5% setahun. Sumbangan industri halal kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada tahun 2024 adalah sebanyak 7.7% dengan nilai RM149 bilion, berbanding 7.6% pada tahun 2021, manakala nilai eksport halal mencecah RM61.8 bilion, berbanding RM36.6 bilion dalam tempoh yang sama.

Pelan Tindakan Biojisim Negara 2023-2030 telah diperkenalkan bertujuan untuk membangunkan industri biojisim. Setakat Jun 2024, jumlah pelaburan dalam industri biojisim meningkat kepada RM1 bilion. Selain itu, Akaun Satelit Sukan yang menyediakan statistik menyeluruh telah dibangunkan pada tahun 2024 bagi menyokong pembangunan industri sukan sebagai sumber pertumbuhan baharu. Pada tahun 2022, industri ini telah menyumbang sebanyak RM19.6 bilion nilai ditambah kasar berbanding RM17.5 bilion pada tahun 2021. Industri kreatif digital pula telah menjana pendapatan sebanyak RM6.3 bilion dengan eksport berjumlah RM850 juta dan menyediakan lebih 11,000 pekerjaan pada tahun 2022.


Pasaran modal mencatat prestasi kukuh pada tahun 2024 dengan nilai keseluruhan mencecah RM4.2 trilion, berkembang pada kadar 5.4% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2024, disokong oleh pertumbuhan dalam segmen ekuiti, bon dan instrumen pasaran alternatif. Seiring dengan prestasi ini, pasaran modal teroka (VC) dan ekuiti swasta (PE) mencatatkan pertumbuhan ketara dengan jumlah dana komited sebanyak RM24.7 bilion pada tahun 2024, meningkat secara signifikan berbanding hanya RM0.3 bilion pada tahun 2020. Di


bawah pelaksanaan Pelan Induk Pasaran Modal 2021-2025, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan, termasuk Memangkin Akses bagi PMKS dan MTC ke Pasaran Modal: Pelan Hala Tuju 5 Tahun (2024-2028) dan Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan, Panduan Praktikal Mengenai Modal Teroka dan Ekuiti serta VC Golden Pass. Selain itu, Dana Pelaburan Bersama Strategik NIMP 2030 dengan kos sebanyak RM3.3 bilion telah diluluskan bagi meningkatkan sumber modal dan mewujudkan pembiayaan alternatif untuk membiayai projek strategik dan berimpak tinggi serta Projek Berasaskan Misi yang telah dikenal pasti di bawah NIMP 2030.

Industri perbankan Islam terus mencatatkan pertumbuhan positif dengan sumbangan yang lebih tinggi kepada jumlah pembiayaan, daripada 41% pada tahun 2020 kepada 46.6% pada tahun 2024. Industri takaful juga turut memberi sumbangan yang lebih besar kepada jumlah caruman bersih, iaitu daripada 18.2% kepada 23.9% dalam tempoh yang sama. Penglibatan Malaysia sebagai gerbang antarabangsa kewangan Islam telah diperkukuhkan melalui pelbagai kerjasama di bawah Majlis Kepimpinan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC).

Sasaran

Sebanyak 24 sasaran terpilih ditetapkan untuk melonjakkan industri HGHV dan sektor strategik berimpak tinggi dalam tempoh RMK13, seperti berikut:





Strategi

Pelonjakan industri HGHV dan sektor strategik berimpak tinggi sebagai peneraju pertumbuhan akan menumpukan kepada pelbagai bidang. Dalam hubungan ini, pembangunan dan penerimgunaan teknologi termaju berlandaskan AI akan diberikan penekanan. Bagi industri HGHV, usaha akan ditumpukan untuk mereformasi industri semikonduktor, mempercepat peralihan tenaga, membangunkan rantai nilai REE, mempelbagaikan produk pertanian bernilai tinggi, memperkukuh pembangunan ekonomi digital serta memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi (STI). Pembangunan sektor strategik berimpak tinggi pula akan ditumpukan kepada usaha untuk mengembangkan industri pengangkutan udara serta memantapkan industri pelancongan, halal dan kreatif. Di samping itu, industri perkhidmatan global (GS) dan kewangan, perdagangan pengedaran, logistik serta sukan akan dirancakkan. Pelonjakan ini akan dilaksanakan menerusi 18 strategi, seperti berikut:

Strategi A1.1: Mereformasi Industri Semikonduktor Tempatan

Malaysia merupakan pengeksport semikonduktor keenam terbesar di dunia. Bagi menjadikan Malaysia sebagai hab semikonduktor yang berdaya saing dan berteknologi tinggi selaras dengan NSS, langkah besar yang berani perlu diambil untuk mereformasi industri ini. Bagi tujuan ini, pelbagai kerjasama strategik di bawah NSS akan dilaksana dengan syarikat semikonduktor global dan tempatan di sepanjang rantai nilai bagi mempercepat peralihan industri kepada pengeluaran produk yang lebih kompleks dan bernilai tinggi. Pelaksanaan kerjasama ini akan berdasarkan model pelaburan berpaksikan teknologi dan IP dengan penglibatan aktif Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan yang mengutamakan syarikat tempatan sebagai rakan kongsi strategik dan mekanisme pengambilalihan ke atas syarikat teknologi tinggi. Inisiatif ini dijangka dapat melahirkan jaguh tempatan bertaraf global dalam reka bentuk litar

bersepadu, melonjak keupayaan pengeluaran produk HVHT 'Made by Malaysia' dan meningkatkan bakat berkemahiran tinggi.

Ekosistem pelaburan akan diperkukuh dengan mengintegrasikan ekonomi kitaran dan pendigitalan yang berlandaskan AI dalam rantai bekalan tempatan. Insentif pelaburan dan pembiayaan akan mengutamakan pelaburan berasaskan IP serta pembiayaan alternatif, seperti jaminan kredit dan modal teroka bagi mempercepat peralihan kepada pelaburan berasaskan pengetahuan yang lebih bersasar dan kompetitif. Program latihan kemahiran sepenuhnya di industri akan diperluas lagi bagi membolehkan peningkatan daya cipta yang digerakkan oleh bakat yang bermutu. Langkah ini juga bertujuan untuk memenuhi keperluan 700,000¹ tenaga kerja mahir menjelang tahun 2030 dalam sektor pembuatan dan subsektor perkhidmatan berkaitan pembuatan, termasuk di kawasan perindustrian Kerian Integrated Green Industrial Park, Taman Teknologi Tinggi Kulim dan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura.

Strategi A1.2: Memperkukuh Industri Bekalan Gas Asli

Industri bekalan gas asli akan terus diperkukuh supaya lebih mampan dan kalis masa hadapan dalam menyokong peralihan tenaga. Pelan Hala Tuju Gas Asli akan dilaksana bagi memastikan keterjaminan bekalan, mengoptimalkan nilai sumber gas asli domestik serta meningkatkan pelaburan swasta. Bagi tujuan ini, antara inisiatif yang akan dilaksana termasuk mempergiat kerjasama dalam dagangan dan pembangunan infrastruktur dengan negara anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) untuk mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai peneraju hab dagangan gas serantau. Pembinaan terminal penggasan semula ketiga pula akan dimulakan pada tahun 2026 dan dijangka dapat memulakan operasi pada tahun 2027 bagi memenuhi peningkatan permintaan gas asli di Semenanjung Malaysia. Di samping itu, perancangan, pembangunan dan tadbir urus industri gas asli pada peringkat nasional dan wilayah akan diselaras.

¹ Merujuk kepada sasaran dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Strategi A1.3: Memantapkan Pembekalan Tenaga Elektrik

Sistem pasaran tenaga elektrik berdasarkan mekanisme yang lebih inovatif akan diwujudkan bagi menjamin perkhidmatan bekalan elektrik yang berkualiti dan berdaya harap. Pembangunan mekanisme baharu ini akan memberi tumpuan kepada perolehan penjanaan yang telus dan berdaya maju, pembangunan sistem grid yang bebas dan penubuhan pengendali pasaran ke arah meliberalisasikan industri bekalan elektrik. Langkah penukaran kepada meter pintar akan diperluas untuk membolehkan tarif elektrik di bawah Skim Masa Penggunaan yang diperkenalkan pada Julai 2025 dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna bagi menggalakkan penggunaan elektrik yang lebih cekap kos. Daya saing pasaran tenaga akan ditingkatkan melalui penggunaan pelbagai sumber tenaga boleh baharu (TBB) dan teknologi baharu, seperti penyertaan pengeluaran swaguna. Keanjalan grid akan diperkukuh melalui pelaksanaan sistem penyimpanan tenaga bateri dan grid pintar, serta pembangunan infrastruktur rantaian bekalan elektrik. Selain itu, pengurusan permintaan tenaga akan diperkukuh menerusi pengenalan pelan tindakan kecekapan tenaga negara kedua dan garis panduan kecekapan tenaga termal serta perluasan pelabelan kecekapan tenaga bagi peralatan sektor industri.

Strategi A1.4: Meningkatkan Akses Bekalan Elektrik Hijau

Bekalan elektrik hijau yang berdaya harap akan diperkukuh dengan meningkatkan kepelbagaian dan ketersediaan sumber. Inisiatif penawaran berdasarkan akses pihak ketiga, seperti Corporate Renewable Energy Supply Scheme akan dipergiat sebagai antara kaedah dalam mendapatkan sumber baharu berasaskan TBB tanpa mengira lokaliti. Pelaksanaan program Community Renewable Energy Aggregation Mechanism akan membolehkan penjanaan TBB di bawah konsep akses grid terbuka melalui pemasangan sistem fotovolt suria di ruang bumbung premis kediaman secara berkelompok. Selain itu, projek sambung tara elektrik hijau antara

Vietnam, Malaysia dan Singapura bagi menyalurkan TBB akan dilaksanakan untuk menyokong visi ASEAN Power Grid dalam mewujudkan pasaran tenaga yang berdaya tahan, mampan serta saling berhubung antara negara. Selaras dengan aspirasi Sarawak sebagai hab TBB berteraskan kuasa hidro, projek sambung tara grid dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia akan dilaksanakan.

Strategi A1.5: Memperkenalkan Tenaga Nuklear sebagai Sumber Tenaga Elektrik Bersih

Program pembangunan tenaga nuklear bagi penjanaan elektrik sebagai sumber tenaga bersih dalam campuran tenaga negara akan dilaksanakan dan dijangka mula beroperasi pada tahun 2031. MyPOWER Corporation akan berperanan sebagai Nuclear Energy Programme Implementing Organization yang bertanggungjawab dalam tadbir urus program nuklear negara selaras dengan ketetapan International Atomic Energy Agency. Entiti ini akan menyelaras pelaksanaan program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA), pelaburan dalam infrastruktur baharu, pengukuhan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan latihan kepakaran serta kerjasama antarabangsa mengenai tenaga nuklear.

Strategi A1.6: Membangunkan Keseluruhan Rantaian Nilai REE

Pembangunan industri REE akan dipercepat dengan menambah baik keseluruhan ekosistem serta mempergiat aktiviti di sepanjang rantaian nilai. Tumpuan akan diberikan untuk membangunkan kapasiti tempatan, terutama dalam teknologi perlombongan, penulenan dan pemisahan REE melalui kerjasama strategik dengan negara luar. Dalam hubungan ini, sumber bahan mentah REE akan dihadkan hanya untuk kegunaan domestik bagi membangunkan industri pertengahan dan hiliran yang berpotensi.

Keutamaan akan diberikan kepada pembangunan bakat tempatan, penyediaan infrastruktur dengan teknologi termaju serta pembiayaan dan insentif yang menyeluruh bagi memperkukuh daya saing industri REE. Selain itu,

mekanisme pemetaan yang lebih tepat dan terperinci akan digunakan bagi mempercepat penyediaan inventori sumber REE. Dasar dan tadbir urus akan ditambah baik bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan industri REE serta memastikan agihan manfaat yang saksama kepada semua pihak berkepentingan. Di samping itu, kerjasama dan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan diperkukuh, manakala penguatkuasaan dipertingkatkan bagi menyokong pembangunan industri REE yang mampan, sekali gus melindungi alam sekitar dan menjamin kelestarian sumber.

Strategi A1.7: Melonjakkan Subsektor Agromakanan dan Agrikomoditi

Pembangunan subsektor agromakanan dan agrikomoditi akan dilonjakkan dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan pengeluaran bernilai tinggi, produktiviti dan penggunaan teknologi, mempergiat R&D&C&I serta memperluas pasaran. Pertanian berskala besar bagi produk bernilai tinggi, seperti durian, nanas, rumpai laut, sarang burung walit, florikultur dan ikan hiasan akan digalakkan untuk memenuhi permintaan pasaran. Di samping itu, usaha mempelbagaikan produk asas tani akan dipergiat melalui kolaborasi strategik dengan sektor swasta dan universiti bagi meningkatkan inovasi penghasilan produk bernilai tinggi. Produk ini termasuk produk mampan, seperti adunan biodiesel B20 dan B30, bahan binaan, produk kayu dan tekstil berasaskan fiber serta produk kosmetik dan penjagaan diri, bioseutikal dan makanan diproses.

Tumpuan akan diberikan kepada penyediaan infrastruktur yang bersepadu dan penambahbaikan pemberian insentif untuk lebih bersasar dan berasaskan prestasi bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan. Usaha untuk meningkatkan produktiviti melalui pertanian pintar akan diperluas dengan menggunakan teknologi moden, seperti internet benda, dron dan analitik data raya. Penerimgunaan teknologi, termasuk pembekuan cepat, pensterilan retot dan pemprosesan bertekanan

tinggi akan dipertingkatkan bagi menghasilkan produk makanan yang selamat dan berkualiti. Di samping itu, penggunaan teknologi robotik dalam perladangan kelapa sawit akan dilaksanakan secara rintis bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Pelaburan dalam R&D&C&I untuk menghasilkan input pertanian yang berdaya tahan terhadap penyakit dan cuaca serta memberi hasil yang tinggi akan dipertingkatkan melalui kerjasama dengan pihak industri. Pengkomersialan hasil R&D oleh agensi penyelidikan awam akan dipertingkatkan untuk memberi manfaat yang lebih besar kepada golongan sasaran. Usaha ini akan dapat meningkatkan keupayaan tempatan serta mengurangkan kebergantungan kepada pengimportan bahan mentah. Selain itu, inisiatif *export trial* dan promosi bersasar akan dilaksanakan bagi meneroka dan memperluas pasaran antarabangsa.

Program tanam semula agrikomoditi, khususnya kelapa sawit dan getah bagi pekebun kecil akan diperluas untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun serta nilai eksport negara. Selain itu, bagi memperkukuh pelaksanaan ekonomi kitaran, tumpuan akan diberikan untuk memanfaatkan penggunaan sisa pertanian dalam rantaian nilai subsektor agrikomoditi, seperti pelepah kelapa sawit, tandan buah kosong, daun getah gugur dan kulit buah koko. Bagi tujuan ini, penggunaan teknologi dan inovasi dalam penghasilan produk bernilai tinggi daripada biojisim, seperti biotenaga, biokomposit, biopellet dan baja kompos akan dipergiat. Penerapan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam kalangan pemain industri akan diperkukuh bagi memastikan pembangunan sektor yang mampan, berdaya tahan dan beretika selaras dengan keperluan global.

Strategi A1.8: Memperkukuh Pembangunan Ekonomi Digital

Pembangunan ekonomi digital akan diperkukuh dengan memberi tumpuan kepada pengukuhan ekosistem, kecekapan operasi dan pelaksanaan dasar serta penyediaan infrastruktur. Ekosistem bagi menjadikan

Malaysia sebagai pengeluar serantau teknologi digital, khususnya AI akan diperkukuh melalui inisiatif berkaitan data, platform untuk pengujian dan pepadanan serta keupayaan pertahanan siber. Bank data negara akan diwujudkan sebagai repositori maklumat terperinci secara berpusat bagi memudahkan perkongsian yang lebih meluas dan selamat. Penggunaan *digital twin*² sebagai *sandbox* maya akan ditingkatkan bagi menyokong simulasi inovasi. Di samping itu, platform *hyperpersonal* akan dibangunkan bagi memudah cara padanan permintaan dan penawaran antara perniagaan dan penyedia penyelesaian teknologi tempatan. Keupayaan pertahanan siber negara juga akan diperkukuh melalui pelan migrasi kriptografi pascakuantum bagi melindungi infrastruktur kritikal maklumat negara dan memastikan kesinambungan operasi perniagaan.

Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030 akan diperkenalkan sebagai panduan utama untuk mempercepat dan memperluas penerimgunaan AI dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya saing negara. Pembangunan dan penerimgunaan AI secara holistik merentas sektor strategik akan dipergiat bagi meningkatkan produktiviti. Dalam hubungan ini, aspek tadbir urus dan etika AI serta kepercayaan digital akan turut diberi penekanan bagi memastikan pembangunan dan penerimgunaan AI dilaksanakan secara bertanggungjawab dan selamat. Selain itu, pembangunan bakat AI akan diperkukuh melalui program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri.

Infrastruktur digital akan ditambah baik untuk meningkatkan capaian internet, terutama yang berkelajuan tinggi. Identiti digital perniagaan akan juga diperkenalkan bagi mempercepat akses yang selamat kepada perkhidmatan pembiayaan dan pasaran antarabangsa. Pelaksanaan Rangka Tindakan Ekonomi Perkongsian akan dipergiat menerusi tadbir urus keajaiban yang merangkumi pemantauan dan penilaian berasaskan impak dan keberhasilan.

Strategi A1.9: Mengembangkan Industri Pengangkutan Udara

Mobiliti udara³ yang merupakan satu daripada sektor strategik berimpak tinggi akan diperkembang dengan mengaplikasikan teknologi termaju dalam penciptaan dan pengeluaran kenderaan udara serta mengintegrasikan penggunaan dalam jaringan pengangkutan negara. Bagi tujuan ini, pelan hala tuju mobiliti udara yang menyeluruh akan dibangunkan dengan memberi tumpuan kepada pembangunan Sistem Pengurusan Trafik Kapal Udara Tanpa Pemandu, penggunaan teknologi pesawat tanpa pemandu (UAS) dan sistem mobiliti udara lanjutan (AAM) untuk memperkukuh rantaian pengangkutan. Ekosistem 'Lembah Tanpa Pemandu' atau zon udara terkawal akan diwujudkan melalui kerjasama dengan pihak industri bagi mempercepat adaptasi teknologi UAS dan AAM. Ekosistem ini akan dilengkapi dengan infrastruktur dan fasiliti terkini serta kerangka perundangan yang menyokong aktiviti penyelidikan, pengujian dan pengkomersialan. Inisiatif ini akan mempercepat pembangunan mobiliti udara, mencipta pekerjaan berkemahiran dan membuka peluang kepada syarikat tempatan untuk meneroka pasaran berimpak tinggi secara lebih meluas.

Inisiatif penyahkarbonan akan dipergiat bagi memastikan pembangunan pengangkutan udara yang lestari sejajar dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai hab penerbangan lestari ASEAN. Dalam hubungan ini, Pelan Hala Tuju Penyahkarbonan Sektor Penerbangan Malaysia akan dilaksanakan bagi mengurangkan jejak karbon industri pengangkutan udara. Ketersediaan ekosistem industri ini untuk beralih kepada pengangkutan mampan, termasuk penggunaan bahan api penerbangan mampan (SAF) dan bahan api penerbangan rendah karbon serta pembangunan infrastruktur SAF akan dikaji. Selain itu, usaha penyahkarbonan perkhidmatan pengendalian darat akan dipertingkatkan, termasuk menyediakan lebih banyak stesen pengecasan kenderaan elektrik dan panel fotovoltan bagi menjana TBB serta mewujudkan lebih banyak landskap hijau.

² Merujuk kepada salinan digital objek fizikal, sistem atau proses yang merangkumi ciri, tingkah laku dan prestasi (ISO/IEC 30173:2023).

³ Merujuk kepada pergerakan manusia atau barangan melalui ruang udara menggunakan teknologi pengangkutan yang cekap dan termaju sama ada secara automatik atau separa automatik.

Pengembangan industri pengangkutan udara akan diperkukuh melalui pelaburan strategik oleh syarikat penerbangan tempatan untuk meningkatkan operasi penerbangan antara Malaysia dan destinasi antarabangsa. Sehubungan itu, perolehan pesawat baharu sebanyak 178 unit akan dilaksanakan sehingga tahun 2030 bagi meningkatkan kapasiti tempat duduk dan jumlah pengendalian penumpang. Selain itu, kekerapan dan laluan penerbangan ke negara ASEAN akan ditingkatkan bagi memenuhi pertumbuhan aktiviti pelancongan, perdagangan dan pelaburan asing yang akan mempercepat pengembangan industri ini.

Strategi A1.10: Memantapkan Pelancongan Berpendapatan Tinggi dan Lestari

Pembangunan industri pelancongan yang berpendapatan tinggi dan lestari akan ditumpukan kepada usaha untuk mewujudkan zon pelancongan khusus, mengekalkan kelestarian produk pelancongan serta memanfaatkan aset seni, budaya dan warisan. Zon pelaburan pelancongan berpotensi akan dibangunkan sebagai langkah strategik untuk menyediakan produk pelancongan baharu yang dapat menarik lebih ramai pelabur tempatan dan antarabangsa. Inisiatif ini akan dilaksanakan melalui kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak swasta dan koperasi. Sehingga Jun 2025, sebanyak 43 kawasan telah dikenal pasti berpotensi untuk



pelaksanaan inisiatif ini. Ketersambungan fizikal melalui darat, laut dan udara serta kesalinghubungan digital akan dipertingkatkan bagi menyokong pembangunan zon ini. Selain itu, inisiatif pelancongan berasaskan inap desa akan diperkukuh bagi meningkatkan peluang penjana pendapatan, terutama penduduk di luar bandar.

Pengukuran dan pemantauan tahap kelestarian kawasan pelancongan akan diperkenalkan dalam usaha memastikan destinasi pelancongan terpilih negara memenuhi piawaian antarabangsa. Penilaian impak secara menyeluruh berdasarkan prinsip ESG melalui mekanisme ini akan digunakan dalam merangka tindakan mitigasi yang bersesuaian. Pengiktirafan destinasi pelancongan lestari ini akan dimanfaatkan bagi tujuan promosi, menarik pelaburan dan menyokong pembangunan komuniti setempat.

Aset seni, budaya dan warisan akan diberikan suntikan inovasi baharu bagi merancakkan pembangunan industri pelancongan dan menggalakkan pembangunan ekonomi jangka. Penggunaan teknologi terkini, seperti realiti terimbu (AR) dan realiti maya akan dimanfaatkan dalam membangunkan kandungan kreatif bagi memperkaya dan meningkatkan pengalaman pelancong. Dalam hubungan ini, kerjasama dengan kerajaan negeri akan dipergiat bagi menaik taraf kawasan bersejarah dan tapak warisan penting, seperti Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong di Perak serta tapak arkeologi Sungai Batu dan Lembah Bujang di Kedah dan Gua Bewah di Terengganu serta Warisan KL⁴. Kerjasama dengan pelbagai pihak juga akan dilaksanakan untuk mempromosi pakej dan jejak pelancongan berasaskan produk warisan.

Strategi A1.11: Memperkukuh Ekosistem Halal

Ekosistem halal negara akan ditransformasi bagi meningkatkan produktiviti dan melonjakkan sumbangan industri halal kepada KDNK dan eksport, seterusnya mengekalkan Malaysia sebagai peneraju halal global. Suruhanjaya halal akan diwujudkan sebagai badan

⁴ Merujuk kepada inisiatif strategik berlandaskan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 yang memanfaatkan seni, budaya dan warisan sebagai teras pembangunan semula bandar dan identiti nasional bagi merancakkan pelancongan berasaskan warisan di Kuala Lumpur.

tunggal yang bertanggungjawab dalam tadbir urus dan pembangunan halal. Antara peranan suruhanjaya ini adalah untuk menyelaraskan dan memudah cara keperluan industri, menggalakkan pelaburan serta menjadi pusat rujukan dan hab standard bagi industri halal global. Selain itu, program peluasan pasaran produk dan perkhidmatan halal ke peringkat antarabangsa akan dimantapkan bagi menyokong penskalaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan dalam industri halal. Peranan taman perindustrian halal akan diperkasakan bagi memudah cara pembangunan industri halal bernilai tinggi.

Perundangan akan digubal bagi menyeragamkan garis panduan, peraturan dan prosedur halal pada peringkat Persekutuan dan negeri sebagai pelengkap kepada penubuhan suruhanjaya. Tumpuan utama penyeragaman ini merangkumi perihai pensijilan, pengauditan, promosi dan penguatkuasaan logo halal. Perundangan ini adalah kritikal bagi menyelesaikan pelbagai isu yang mengekang pembangunan industri halal dan menyelaraskan peranan dan fungsi 198 agensi yang terlibat.

Strategi A1.12: Mencergaskan Industri Perkhidmatan Global Bernilai Tinggi

Pembangunan industri GS akan ditumpukan kepada usaha menarik pelaburan berkualiti dan mempunyai kesan limpahan tinggi, seperti dalam pembangunan pusat teknologi global, Syarikat Pengurusan Pejabat Keluarga Tunggal⁵, R&D serta penerokaan produk yang canggih. Pengamal profesional tempatan akan digalakkan untuk bekerjasama dengan pelabur luar bagi meningkatkan daya saing dan menembusi rantaian nilai perkhidmatan pada peringkat global. Infrastruktur, kemudahan asas dan insentif akan disediakan dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan bagi menarik pelabur asing untuk melabur di kawasan luar Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor. Penguatkuasaan amalan hijau dan lestari juga akan diperkukuhkan bagi memastikan pematuhan pemain industri GS kepada perundangan dan garis panduan sedia ada.

Strategi A1.13: Memperkukuh Ekosistem Ekonomi Jinnga

Ekosistem industri kreatif tempatan akan diperkukuh bagi meningkatkan daya saing ekonomi jinnga melalui penghasilan karya yang mempunyai nilai komersial tinggi. Kejayaan beberapa syarikat animasi tempatan membuktikan bahawa kandungan tempatan mampu menembusi pasaran antarabangsa dan mencipta jenama yang dikenali di rantau ini. Dalam hubungan ini, pembangunan bakat kreatif berkemahiran tinggi dan dinamik mengikut perubahan teknologi akan dipertingkatkan, termasuk melalui kerjasama dengan institusi TVET bagi memenuhi keperluan pasaran. Pembiayaan yang dipacu oleh sektor swasta juga akan ditambah baik bagi menyokong pertumbuhan industri. Pendekatan bersepadu melalui kerjasama dengan semua pihak berkepentingan juga akan dipergiat bagi memperkukuh keseluruhan rantaian nilai industri kreatif. Langkah ini akan dapat melonjakkan kandungan kreatif 'Made by Malaysia' seiring dengan aspirasi untuk negara menjadi peneraju di pasaran serantau dan global.

Strategi A1.14: Memantapkan Industri Perkhidmatan Kewangan

Industri perkhidmatan kewangan akan dimantapkan melalui pengukuhan perkongsian data, pendigitalan dan peluasan produk kewangan. Perkongsian data kewangan akan diperkasakan, terutama melalui penggunaan data alternatif⁶ yang lebih kondusif dan inovatif. Potensi teknologi baharu, seperti aset digital, *blockchain*, tokenisasi aset dan mata wang digital bank pusat serta peluasan *sandbox* akan diteroka bagi memacu inovasi pendigitalan. Usaha akan terus dipergiat untuk meningkatkan literasi kewangan digital serta menggalakkan penggunaan perkhidmatan perbankan digital dalam kalangan rakyat. Penawaran produk kewangan khusus kepada golongan rentan, seperti kumpulan B40, warga emas dan orang kurang upaya akan diperluas bagi memastikan semua lapisan rakyat mendapat akses yang saksama kepada perkhidmatan

⁵ Merujuk kepada entiti yang menyediakan perkhidmatan pengurusan secara eksklusif kepada Instrumen Pejabat Keluarga Tunggal yang dimiliki sepenuhnya, secara langsung atau tidak langsung, oleh satu atau lebih individu yang mengendalikan tugas seperti pengurusan pelaburan, perkhidmatan pentadbiran dan aktiviti lain yang berkaitan untuk manfaat ahli keluarga.

⁶ Merujuk kepada maklumat bukan tradisional, seperti corak perbelanjaan, transaksi digital dan pembayaran bil utiliti, yang digunakan untuk menilai keupayaan kewangan atau kelayakan kredit individu atau perniagaan.

kewangan. Di samping itu, mekanisme pembiayaan campuran akan dipertingkatkan bagi membolehkan perniagaan mendapat sumber modal yang pelbagai untuk mengurangkan risiko pelaburan.

Pelan induk pasaran modal keempat akan dibangunkan untuk memacu transformasi pasaran modal yang lebih terangkum dan berdaya tahan serta meningkatkan inovasi dan kecekapan kawal selia. Pelan induk ini akan ditumpukan kepada usaha untuk meningkatkan pembentukan dan mobilisasi modal dalam menyokong agenda nasional. Pasaran modal Islam pula akan terus diperkukuh melalui penerapan konsep Maqasid Syariah untuk mewujudkan ekosistem pelaburan yang lestari, terangkum dan beretika sejajar dengan prinsip Ekonomi MADANI. Tumpuan juga diberikan kepada usaha memperkukuh ekosistem pasaran VC dan PE melalui aktiviti seperti memudah cara penubuhan dana dan mempertingkatkan keupayaan pengumpulan dana.

Usaha bagi mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam global akan dipertingkatkan melalui inisiatif di bawah Pelan Sektor Kewangan, 2022-2026 dan pelan induk pasaran modal baharu. Jalinan kerjasama dalam pasaran kewangan Islam antarabangsa akan dimantapkan dengan pendekatan yang lebih berstruktur melalui Majlis Kepimpinan MIFC. Di samping itu, penawaran penyelesaian kewangan Islam di sepanjang rantai bekalan halal akan diperluas dalam aktiviti pelaburan dan perdagangan. Pembiayaan hijau untuk industri halal akan diperluas bagi menggalakkan penerapan amalan hijau dalam perniagaan.

Strategi A1.15: Mempertingkatkan Kecekapan Industri Peruncitan

Industri peruncitan yang merupakan penyumbang terbesar dalam subsektor perdagangan pengedaran akan dikembangkan ke peringkat antarabangsa. Inisiatif peningkatan keupayaan dan bantuan untuk menyertai misi perdagangan dan penubuhan perniagaan di luar negara akan ditambah baik. Kajian akan dilaksanakan bagi menambah baik Akta Francais 1998 [Akta 590] dan menilai kebolehlaksanaan sistem kawal selia sendiri. Kajian ini bertujuan mengenal pasti langkah bagi mengurangkan kerenah birokrasi dan beban kawal selia

serta meningkatkan daya saing francais. Di samping itu, usaha akan dipergiat untuk mempercepat pendigitalan dalam kalangan peruncit berskala kecil dan sederhana bagi meningkatkan daya saing, daya tahan dan skala perniagaan. Peruncit juga akan disokong melalui pelaksanaan program bersasar bagi meningkatkan kemampuan dan keupayaan, pengukuhan rantai bekalan dan peningkatan akses kepada pembiayaan yang berorientasikan keperluan.

Peraturan Perintah Kawalan Harga 1980 akan dipinda bagi mewajibkan peniaga memaparkan harga seunit selain harga runcit. Pindaan ini akan memastikan ketelusan dan menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan peniaga. Langkah ini juga membolehkan pengguna membuat perbandingan harga yang lebih tepat antara jenama dan kuantiti yang berbeza. Program advokasi akan dipergiat bagi meningkatkan kesedaran dan membantu pengguna membuat keputusan yang lebih bijak serta mencegah manipulasi harga oleh peniaga.

Strategi A1.16: Meningkatkan Kecekapan Industri Logistik

Pengurusan rantai bekalan logistik akan dimodenkan dengan memperkukuh pemantauan bagi meningkatkan kecekapan pergerakan barangan. Bagi tujuan ini, usaha akan diambil untuk memastikan pihak industri memantau secara masa nyata status pergerakan barangan sepanjang proses penghantaran. Data masa nyata yang dikumpul akan membantu perancangan laluan pergerakan barangan yang optimum dan pengurusan inventori yang lebih berkesan bagi meningkatkan produktiviti industri. Selain itu, langkah akan diambil untuk memastikan sebahagian besar pergerakan kargo beralih daripada menggunakan jalan raya kepada penggunaan sistem pengangkutan rel melalui pertambahan kapasiti tren dan kekerapan perkhidmatan. Melalui inisiatif ini, kadar penggunaan landasan bagi pengoperasian rel kargo dijangka meningkat daripada 6% pada tahun 2025 kepada 13% pada tahun 2030. Piawaian dan spesifikasi gudang serta laman sesawang inventori gudang kebangsaan akan turut dibangunkan untuk memudah cara perniagaan dan meningkatkan daya saing ke arah mencapai matlamat untuk menjadi hab logistik di rantau Asia.

Kemudahan sokongan logistik seperti pusat *fulfillment* yang menawarkan perkhidmatan pergudangan, rangkaian sejuk, pemprosesan pesanan dan penghantaran dalam talian akan dibangunkan. Pihak industri akan digalakkan untuk menyediakan latihan kepada pekerja gig bagi meningkatkan kemahiran dalam memenuhi keperluan industri. Di samping itu, kajian akan dilaksanakan bagi mengenal pasti isu struktur dan cabaran serta jurang pencapaian negara berbanding lima negara teratas dalam laporan World Bank Logistics Performance Index. Kajian ini juga akan menyediakan pelan tindakan serta mekanisme pemantauan dan penilaian prestasi bagi meningkatkan kecekapan dan daya saing industri logistik negara.

Strategi A1.17: Membangunkan Industri Sukan Negara

Usaha akan diperhebat untuk membangunkan industri sukan tempatan sebagai sumber baharu pertumbuhan ekonomi. Inisiatif ini termasuk membangunkan ekosistem industri sukan yang menyokong, seperti akses kepada pembiayaan dan insentif yang lebih baik, selain memperkenalkan jenama produk sukan 'Made by Malaysia' ke pasaran global. Aktiviti R&D&C&I akan dipergiat bagi meningkatkan pembangunan produk dan perkhidmatan sukan yang lebih berdaya saing dan bernilai tinggi.

Strategi A1.18: Mengarusperdanakan Sains, Teknologi dan Inovasi

Usaha untuk mengarusperdanakan STI dalam pembangunan sosioekonomi akan dipergiat bagi memastikan ekonomi yang berdaya saing dan mampan. Model kerjasama yang lebih fleksibel dengan pelbagai pihak dari dalam dan luar negara akan diteroka bagi menarik pelaburan untuk mempercepat pemindahan teknologi dan menggalakkan inovasi. Kesedaran dan pemahaman mengenai penerapan STI, termasuk penerimgunaan teknologi AI dalam kalangan pemain industri akan turut ditingkatkan melalui pelaksanaan CEPA secara bersasar. Bagi memastikan bakat sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) menepati keperluan industri, projek rintis berdasarkan rangka tindakan yang dibangunkan oleh pihak industri akan dilaksanakan. Projek rintis ini juga akan menyediakan kemudahan pembelajaran interaktif berasaskan AI kepada bakat STEM.

A2: Pengukuhan Ekonomi Hijau

Malaysia komited untuk mencapai sasaran pengurangan intensiti pelepasan GHG kepada KDNK sebanyak 45% pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005. Dalam hubungan ini, pembangunan mampan akan dipertingkatkan menerusi pengukuhan ekonomi hijau yang menitikberatkan pematuhan kepada kemampanan sebagai syarat bagi menembusi pasaran global serta untuk menarik pelaburan asing baharu. Tumpuan di bawah RMKe-12 telah diberikan kepada pembangunan dasar, perundangan dan tatakelola berkaitan pengurangan pelepasan karbon serta pemantapan ekosistem pasaran hijau dan akses kepada pasaran global. Pelbagai cabaran masih wujud dalam memacu pembangunan ekonomi hijau, terutama ekosistem pasaran hijau yang kurang berdaya maju yang telah mengekang pelaburan dan daya saing pemain industri.

Matlamat

Pengukuhan ekonomi hijau akan meningkatkan pelaburan bagi pembangunan industri rendah karbon baharu serta memperluas eksport produk dan perkhidmatan hijau bernilai tinggi. Pemain industri berpeluang untuk terlibat secara lebih aktif dalam aktiviti ekonomi hijau yang lebih rencam, yang dapat meletakkan Malaysia pada landasan ekonomi yang mampan dan berdaya saing. Semua usaha ini akan memberi manfaat kepada rakyat melalui pewujudan peluang pekerjaan baharu yang berkemahiran dan berpendapatan tinggi.

Pencapaian RMKe-12

Pelaksanaan pelbagai inisiatif bagi membangunkan ekonomi hijau dalam tempoh RMKe-12 telah menunjukkan beberapa pencapaian yang baik. Pengurangan intensiti pelepasan GHG kepada KDNK berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005 telah mencapai 37.1% pada tahun 2021. Pengurangan penggunaan hidroklorofluorokarbon telah mencapai 70% pada tahun 2023, melepasi sasaran lebih awal, iaitu sebanyak 67% pada tahun 2025. Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) telah meningkat hampir dua kali ganda, mencapai 40.5% melepasi sasaran. Di samping

itu, penggunaan domestik produk perkayuan mampan pada tahun 2024 telah meningkat kepada RM18.3 bilion, berbanding RM17.0 bilion pada tahun 2021. Lelongan kredit karbon Malaysia yang pertama telah dilaksanakan oleh Bursa Carbon Exchange pada tahun 2024 melibatkan penjualan kredit karbon berjumlah lebih 20,000 tan karbon dioksida setara daripada Projek Pemuliharaan Hutan Hujan Kuamut, Sabah. Selain itu, Rang Undang-undang Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS) 2025 telah diluluskan pada Mac 2025 bagi mengawal selia aktiviti industri CCUS sebagai sumber baharu pertumbuhan ekonomi. Aktiviti ini melibatkan pemerangkapan, pengangkutan, penggunaan dan penyimpanan kekal karbon dioksida (CO₂). Dasar



Pasaran Karbon Kebangsaan telah diperkenalkan pada tahun 2025 bagi menyediakan hala tuju menyeluruh pelaksanaan mekanisme pasaran karbon secara pematuhan dan sukarela di Malaysia.

Sasaran

Lima sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha memperkukuh ekonomi hijau dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Nota: ^a Merujuk kepada juta tan metrik setahun

Strategi

Dalam tempoh RMK13, pelaksanaan agenda pengukuhan ekonomi hijau akan dipergiat bagi memastikan daya tahan ekonomi dan kelestarian alam sekitar. Inisiatif pertumbuhan ekonomi hijau akan berpandukan dasar sedia ada, terutama NETR, NIMP 2030 dan Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen. Sehubungan dengan itu, empat strategi telah dikenal pasti dalam usaha memperkukuh ekonomi hijau, seperti berikut:

Strategi A2.1: Memudah Cara Perdagangan Karbon

Perdagangan karbon bagi memenuhi komitmen pengurangan karbon di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu akan dipergiat melalui pelaksanaan dasar pasaran karbon kebangsaan dan penggubalan perundangan berkaitan perubahan iklim. Skim perdagangan pelepasan karbon akan diwujudkan sebagai mekanisme untuk memudahkan cara perdagangan karbon. Langkah ini akan meningkatkan pelaburan projek kredit karbon, menjamin kestabilan pasaran dan merangsang penggunaan teknologi rendah karbon oleh pelbagai industri. Selain itu, penyediaan insentif dan pematuhan regulatori pada peringkat Persekutuan dan negeri bagi pelaksanaan projek kredit karbon akan diselaraskan. Pengukuran pelepasan karbon dan pemantauan kemajuan pencapaian sasaran pengurangan GHG dalam sektor tenaga akan diperkukuh bagi memastikan perancangan dan pelan tindakan mitigasi yang lebih berkesan. Dalam hubungan ini, laporan tinjauan tenaga kebangsaan yang menyeluruh akan disediakan sebagai rujukan utama berhubung trend masa hadapan pelepasan karbon.

Strategi A2.2: Melonjakkan Industri CCUS

Pelaksanaan inisiatif CCUS yang dimulakan dalam tempoh RMKe-12 sebagai sumber baharu pertumbuhan ekonomi akan dipergiat bagi menyokong pembangunan ekonomi hijau dan rendah karbon. Rangka kawal selia dan tadbir urus akan diperkukuh untuk membolehkan inisiatif CCUS dilaksanakan dalam ekosistem perundangan yang menyeluruh dan berkesan. Selain itu, aktiviti CCUS akan

dijadikan sebahagian daripada taksonomi pelaburan dan pembiayaan hijau untuk memudahkan cara penglibatan industri. Aktiviti R&D&C&I akan dimantapkan, terutama bagi mengenal pasti teknologi yang bersesuaian dan kos yang berkesan menerusi kerjasama strategik antara institusi penyelidikan dan pemain industri.

Perjanjian dua hala mengenai aktiviti pengangkutan CO₂ rentas sempadan bersama Jepun, Republik Korea dan Singapura akan dimeterai dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai peneraju inisiatif CCUS pada peringkat rantau Asia Pasifik. Selain itu, projek rintis pemerangkapan CO₂ dalam industri besi dan keluli akan dilaksanakan di Kemaman, Terengganu, manakala penggunaan CO₂ daripada aktiviti pemerangkapan akan diteroka. Penyertaan PKS, termasuk syarikat perkhidmatan serta peralatan minyak dan gas (OGSE) di sepanjang rantaian nilai CCUS akan digalakkan. Pembangunan bakat dan kepakaran tempatan juga akan dipertingkatkan melalui pemindahan teknologi yang akan dilaksanakan secara kerjasama strategik dengan negara luar.

Strategi A2.3: Mempertingkatkan Akses Pembiayaan Hijau

Akses kepada pembiayaan hijau akan dipertingkatkan melalui pengukuhan daya maju projek PKS, penglibatan lebih banyak penyedia pembiayaan swasta dan pengenalan program pembiayaan baharu. Program peningkatan keupayaan PKS dalam merangka projek hijau berdaya maju untuk mendapat pembiayaan sedia ada, seperti Low Carbon Transition Facility, Green Technology Financing Scheme 5.0 dan Sustainable Green Biz Financing akan dipergiat. Pembiayaan campuran di bawah NETF akan ditingkatkan melalui kerjasama antara agensi pelaksana dengan rakan pembiaya swasta bagi mempercepat projek peralihan tenaga. Platform pembiayaan campuran yang akan memudahkan cara pengumpulan dan penyaluran dana akan diperkenalkan. Selain itu, program pembiayaan hijau baharu yang menyokong usaha penyahkarbonan melalui kecekapan tenaga, penjanaan TBB, pengurusan sisa dan penerapan teknologi rendah karbon, khususnya dalam sektor pembuatan akan diteroka.

Strategi A2.4: Melonjakkan Permintaan dan Penawaran Produk Hijau

Usaha untuk merangsang permintaan produk dan perkhidmatan hijau domestik akan dipertingkatkan melalui inisiatif perolehan dan bandar hijau. Bagi tujuan ini, garis panduan GGP Kerja akan dikuatkuasakan untuk melengkapkan perolehan hijau Kerajaan yang meliputi skop bekalan, perkhidmatan dan kerja. Kerajaan negeri dan PBT pula akan digalakkan untuk memperluas pelaksanaan GGP. Selain itu, transformasi bandar ke arah lebih mampan akan dipercepat melalui peningkatan penggunaan TBB dan kecekapan tenaga, mobiliti hijau dan landskap pintar. Rantainya bekalan produk dan perkhidmatan hijau akan diperkukuh melalui penambahbaikan pensijilan hijau dan pembangunan kapasiti industri berkaitan bagi menyokong inisiatif pasaran hijau.

Tumpuan akan diberikan kepada penghijauan rantainya bekalan agrikomoditi untuk meningkatkan daya saing produk Malaysia di pasaran dunia dan melindungi ekosistem pasaran tempatan. Piawaian tempatan bagi pensijilan kemampunan untuk sawit, getah dan kayu-kayan akan ditambah baik, manakala pensijilan kemampunan produk agrikomoditi lain, seperti kenaf, koko dan lada akan diperkenalkan. Usaha untuk meningkatkan kebolehejakan produk agrikomoditi di sepanjang rantainya bekalan akan dilaksanakan melalui penggunaan teknologi termaju. Selain itu, mekanisme penetapan kelestarian produk agrikomoditi yang diimport akan dibangunkan bagi memastikan daya tahan industri hiliran.

A3: Pemerkasaan Ekonomi Biru

Malaysia sebagai sebuah negara maritim, berpotensi membangunkan ekonomi biru dalam meningkatkan kerencaman ekonomi negara. Langkah untuk membangunkan ekonomi biru telah dimulakan melalui penggunaan sumber semula jadi secara lestari daripada kawasan marin dan pesisir pantai serta ekosistem air tawar. Walau bagaimanapun, pembangunan ini masih berhadapan dengan isu dan cabaran berikutan ekosistem yang kurang menyokong, merangkumi aspek dasar, perundangan, tadbir urus serta sokongan pelaburan dan pembiayaan.

Matlamat


Pemerkasaan ekonomi biru akan membolehkan pemain industri meneroka pelaburan dan pasaran baharu yang bernilai tinggi dengan memanfaatkan sumber semula jadi negara untuk bersaing pada peringkat global. Biodiversiti marin yang lestari menyediakan peluang kepada rakyat merentas generasi untuk meraih manfaat daripada kepelbagaian sumber dalam menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup ke arah kehidupan wajar. Pembangunan industri strategik ekonomi biru dapat merancakkan aktiviti ekonomi baharu, memperkukuh daya saing dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi serta menjadikan Malaysia sebagai peneraju di rantau ini.

Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, pelbagai strategi dan inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan aktiviti ekonomi biru dalam pembangunan negara. Pelabuhan negara kekal berdaya saing disumbangkan oleh peningkatan kapasiti pengendalian kontena, terutama yang berada di Pelabuhan Klang, Tanjung Pelepas dan Pasir Gudang. Kendalian kontena juga telah meningkat daripada 25,973,000 unit bersamaan dua puluh kaki (TEU) pada tahun 2020 kepada 29,863,000 TEU pada tahun 2024. Industri pelancongan marin menunjukkan pemulihan dari segi ketibaan pelancong, dengan bilangan pengunjung ke taman laut di seluruh Malaysia meningkat daripada 20,000 pengunjung pada tahun 2021 kepada 586,000 pada tahun 2024. Nilai ditambah subsektor perikanan meningkat sebanyak 1.2% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2024, daripada RM11.3 bilion pada tahun 2020 kepada RM11.8 bilion pada tahun 2024. Selain itu, 5.4% kawasan marin telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan marin sehingga tahun 2024. Rangka Tindakan Ekonomi Biru Malaysia diperkenalkan pada tahun 2025 bagi memandu pembangunan sektor strategik ekonomi biru secara menyeluruh untuk tempoh 2025 hingga 2030. Malaysia juga mempengerusikan ASEAN Coordinating Task Force on Blue Economy (ACTF-BE) Meeting dan menganjurkan Forum Ekonomi Biru ASEAN pada tahun 2025 bersempena kepengerusian ASEAN.

Sasaran

Empat sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk memperkasakan ekonomi biru dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Pembangunan ekonomi biru akan diurus secara mampan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi, memperkukuh kesejahteraan masyarakat serta melindungi ekosistem marin, pesisir pantai dan air tawar untuk manfaat generasi masa kini dan masa hadapan. Tumpuan akan diberikan terhadap usaha memperkukuh ekosistem ekonomi biru dan melonjakkan pertumbuhan industri strategik terpilih serta memelihara khazanah dan mengekalkan kelestarian biodiversiti. Tiga strategi telah dikenal pasti dalam usaha memperkasakan ekonomi biru, seperti berikut:

Strategi A3.1: Memperkukuh Ekosistem Ekonomi Biru

Ekosistem ekonomi biru akan diperkukuh melalui penambahbaikan dasar, perundangan dan tadbir urus. Dasar lautan yang menyeluruh akan dibangunkan bagi mengurus dan mentadbir aktiviti kelautan negara secara bersepadu. Pelaksanaan dasar ini akan disokong melalui penyediaan pelan perancangan spatial marin. Penggubalan dasar dan perundangan mengenai pengekstrakan mineral dengan potensi ekonomi yang besar di dasar laut juga akan diteroka. Selain itu, pengurusan pelabuhan Persekutuan akan diperkasakan melalui semakan menyeluruh terhadap akta sedia ada bagi mengelakkan pertindihan peranan dan tanggungjawab pihak berkuasa pelabuhan. Dasar bagi mengukuhkan industri perkapalan negara, termasuk melalui peningkatan pengoperasian kapal oleh syarikat tempatan akan dirangka untuk mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan kapal asing. Dalam hubungan ini, perolehan 136 kapal baharu akan dilaksanakan oleh syarikat tempatan yang dijangka menjana lebih 840,000 tanan kasar pada tahun 2030.

Perundangan dan tadbir urus berkaitan pengurusan dan pencegahan pencemaran akan diperkukuh untuk meningkatkan penyelarasan, kecekapan dan keberkesanan langkah melindungi ekosistem marin dan pesisir pantai. Selain itu, dasar dan garis panduan berkaitan karbon biru akan dibangunkan, manakala platform perdagangan akan diteroka bagi membolehkan pelaksanaan kredit karbon biru sebagai sumber baharu penjana ekonomi. Bagi tujuan ini, inisiatif pemetaan

lokasi berpotensi bagi penyerapan CO₂ yang tinggi dan pembangunan mekanisme penilaian kredit karbon biru akan diteroka. Data dan maklumat mengenai ekonomi biru akan diintegrasikan melalui pembangunan perakaunan biru bagi memudahkan cara perancangan, pembangunan dan pemantauan yang menyeluruh dan bersepadu. Bank profil bioprospeksi marin juga akan dibangunkan untuk menggalakkan R&D&C&I bagi merencanakan aktiviti ekonomi biru.

Strategi A3.2: Mempertingkatkan Pertumbuhan Industri Strategik Ekonomi Biru

Usaha untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi biru akan ditumpukan kepada beberapa industri utama, seperti *shipbuilding and ship repair* (SBSR), logistik, termasuk aktiviti *ship-to-ship*, perikanan dan akuakultur, pelancongan pantai dan maritim serta TBB biru. Pemerkasaan industri SBSR negara akan memberi tumpuan kepada usaha menarik pelaburan bagi meningkatkan keupayaan dalam aktiviti perkapalan hijau serta pembekalan bahan api kapal tempatan. Pemerkasaan ini akan melibatkan penggubalan rangka kawal selia bagi penyelarasan tadbir urus dan peluasan penggunaan bahan api hijau serta peningkatan infrastruktur pembekalan bahan api kapal di pelabuhan utama oleh sektor swasta. Selain itu, infrastruktur pelabuhan akan diperkukuh untuk menyokong pertumbuhan ekonomi biru melalui pembangunan terminal yang lebih moden, cekap dan lestari. Dalam hubungan ini, kapasiti Pelabuhan Klang akan dipertingkatkan melalui pembinaan terminal ketiga di Pulau Carey dan pembangunan terminal kontena Westports 2, yang turut menerima pakai amalan mampan untuk menyokong pengendalian dagangan maritim secara rendah karbon. Kapasiti pelabuhan di Sabah dan Sarawak juga akan dipertingkatkan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.

Industri perikanan tangkapan dan akuakultur yang mampan akan dilonjakkan melalui pewujudan hab perikanan bersepadu yang dilengkapi dengan pelabuhan dan fasiliti logistik yang menyokong aktiviti di sepanjang rantaian nilai. Pembinaan dan naik taraf limbungan vesel nelayan bersepadu yang merangkumi fasiliti pembinaan serta penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih akan

digalakkan di hab ini melalui penyediaan insentif dan sokongan bagi meningkatkan kapasiti dan sumbangan industri perikanan negara. Selain itu, industri akuakultur akan diperkasakan menerusi pembangunan baka dan benih berkualiti, penerimgunaan inovasi dan teknologi termaju serta peningkatan peluang pelaburan bagi mengeluarkan hasil bernilai tinggi.

Produk pelancongan pantai dan pulau akan diperkukuh bagi meningkatkan destinasi pelancongan lestari. Tindakan penambahbaikan akan dilaksanakan ke atas produk pelancongan yang tidak memenuhi piawaian lestari antarabangsa berdasarkan International Network of Sustainable Tourism Observatories bagi menyokong pembangunan ekonomi biru. Potensi industri TBB biru pula akan dinilai dengan meneroka daya maju teknologi, kebolehlaksanaan projek dan pelaburan yang diperlukan. Antara teknologi yang akan diteroka termasuk penukaran tenaga haba lautan dan solar terapung luar pesisir pantai. Selain itu, aktiviti OGSE akan dipelbagaikan, terutama melalui jaringan kerjasama antara pemain industri OGSE dan TBB biru pada peringkat domestik dan antarabangsa dalam meningkatkan kepakaran dan tenaga kerja.

Insentif kewangan sedia ada akan diperkukuh, manakala pendanaan dan pembiayaan ekonomi biru yang mampan, seperti mekanisme pembiayaan campuran akan diteroka bagi menyokong pertumbuhan industri strategik ekonomi biru. Penggunaan teknologi termaju dalam industri marin akan diperluas, khususnya untuk modenisasi dan automasi aktiviti penangkapan ikan, perkapalan dan pelabuhan serta saringan bioprospeksi marin. Penggunaan teknologi dan inovasi dalam pengurusan sisa lautan, pemuliharaan alam sekitar dan karbon biru akan turut diberi tumpuan. Selain itu, kerjasama pada peringkat serantau dalam pelbagai bidang akan dipergiat, meliputi aktiviti R&D&C&I, pemindahan teknologi, perkongsian kepakaran dan pembangunan bakat. Hab ekonomi biru pula akan dibangunkan di negeri yang berpotensi seperti Kelantan, Perak, Sabah dan Terengganu untuk menarik pelaburan dalam industri strategik ekonomi biru. Pengalaman dan kepakaran tempatan dalam industri strategik akan diiktiraf dan dimanfaatkan bagi menarik minat belia menceburi aktiviti ekonomi biru yang menawarkan pendapatan tinggi.

Strategi A3.3: Memelihara Khazanah dan Mengekalkan Kelestarian Biodiversiti

Usaha untuk memelihara khazanah dan mengekalkan kelestarian biodiversiti akan terus diperkukuh bagi memastikan pertumbuhan ekonomi biru yang mampan. Penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 [Akta 317] akan diperketat untuk membendung aktiviti perikanan secara haram dan berlebihan, terutama di kawasan Laut China Selatan. Bagi tujuan ini, kapasiti pengawalseliaan agensi penguatkuasaan akan dipertingkatkan melalui pemeriksaan aset dan sumber manusia serta penambahbaikan kaedah dan peluasan kawasan penguatkuasaan. Akta 317 ini juga akan dipinda bagi membanteras aktiviti penangkapan ikan secara tidak sah, tidak dilapor dan tidak dikawal selia serta menangani masalah kemerosotan sumber perikanan negara. Sistem tagal atau tagang yang diamalkan di Sabah dan Sarawak pula akan diperluas ke Semenanjung Malaysia bagi menjamin kelestarian sumber perikanan darat. Kerjasama strategik dengan pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat akan terus diperkukuh dalam pelaksanaan program pengurusan sisa dan kitar semula di pulau serta pembersihan pantai. Usaha juga akan dipergiat bagi menggalakkan penyedia kemudahan dan fasiliti pelancongan untuk mengguna pakai teknologi terkini dalam pengurusan tenaga, air dan sisa secara mampan.



A4: Pengukuhan Keterjaminan Makanan

Pengukuhan keterjaminan makanan merupakan satu langkah strategik untuk memastikan daya tahan negara. Pelbagai dasar dan inisiatif telah dan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan daya saing subsektor agromakanan. Walau bagaimanapun, negara masih berhadapan dengan beberapa isu dan cabaran global, seperti perubahan iklim, gangguan rantai bekalan dan ketidaktentuan geopolitik yang memerlukan tindakan yang lebih menyeluruh bagi memastikan bekalan makanan asas sentiasa mencukupi, selamat dan mudah diakses oleh rakyat.

Matlamat

Pengukuhan keterjaminan makanan membolehkan rakyat sentiasa mendapat akses kepada bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan bernutrisi pada harga yang berpatutan tanpa mengira lokasi. Kecekapan rantai bekalan makanan membolehkan petani, penternak, nelayan dan pengusaha industri asas tani mengoptimumkan sumber serta meningkatkan produktiviti dan hasil pengeluaran. Rantai bekalan makanan yang berdaya tahan dapat memastikan keterjaminan makanan dan mengurangkan beban kos sara hidup rakyat, di samping meningkatkan ketersediaan negara menghadapi sebarang krisis yang memberi implikasi kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Komitmen bagi menjamin ketersediaan makanan ini memerlukan kerjasama semua pihak melalui pendekatan keseluruhan negara.

Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, subsektor agromakanan terus menjadi penyumbang terbesar kepada nilai ditambah sektor pertanian iaitu, sebanyak 53.3% berbanding subsektor agrikomoditi sebanyak 45.3% pada tahun 2024. Banci Pertanian 2024 telah dilaksanakan bagi memastikan ketersediaan data pertanian yang menyeluruh untuk perancangan dan pelaksanaan dasar. Blueprint Keterjaminan Makanan Negara pula telah diperkenalkan pada tahun 2025 untuk memastikan negara mempunyai bekalan makanan yang berdaya

tahan, mampan dan memenuhi keperluan rakyat. Program Gelombang Padi: SMART Sawah Berskala Besar Ala Sekinchan telah dilaksana melibatkan kawasan seluas 1,516 hektar bagi meningkatkan kadar sara diri (SSR) dan mengurangkan kebergantungan kepada import beras. Program Penanaman Padi Lima Musim Dalam Tempoh Dua Tahun telah dilaksanakan dari musim 1/2023 hingga 1/2025, melibatkan seramai 419 pesawah di kawasan seluas 443 hektar. Program ini telah berjaya meningkatkan purata hasil padi kepada 5.0 tan metrik per hektar per musim, berbanding 3.8 tan metrik per hektar sebelum program.

Pengenalan konsep 'Sekali Tanam, 3 Kali Tuai' telah berjaya meningkatkan keluasan tanaman nanas kepada 18,275 hektar dan jumlah eksport produk nanas kepada 42,368 tan metrik pada tahun 2024. Tiga varieti bawang baharu yang dihasilkan melalui penyelidikan tempatan, iaitu BAW-1, BAW-2 dan BAW-3 telah ditanam di kawasan seluas 60.58 hektar dengan pengeluaran sebanyak 48.29 tan metrik. Di samping itu, industri jagung bijian bagi makanan ternakan telah dipergiat dengan pembangunan kawasan tanaman seluas 1,252 hektar yang mengeluarkan hasil sebanyak 6,656 tan metrik.


Seramai 815 orang usahawan pemula telah menerima manfaat daripada Program Daya Maju Usahawan Geran Agropreneur Muda pada tahun 2024. Sehingga April 2025, sebanyak 7,295 Program Jualan Agro MADANI telah dianjurkan dengan bilangan pengunjung seramai 4.28 juta orang. Selain itu, Agensi Regulatori



dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia yang bertanggungjawab mengawal selia dan penguatkuasaan menyeluruh di sepanjang rantai nilai subsektor agromakanan negara telah ditubuhkan pada tahun 2025.

Sasaran

Sebanyak 11 sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk mengukuhkan keterjaminan makanan dalam tempoh RMK13, seperti berikut:





Strategi

Dalam tempoh RMK13, tumpuan akan diberi untuk mengukuhkan keterjaminan makanan untuk memastikan negara terpelihara daripada sebarang kejutan dan gangguan bekalan. Dalam hubungan ini, usaha akan dipergiat bagi memastikan keupayaan pengeluaran makanan dipertingkatkan, manakala bekalan makanan yang boleh diakses oleh rakyat adalah selamat dan bernutrisi. Tiga strategi telah dikenal pasti untuk dilaksanakan, seperti berikut:

Strategi A4.1: Mempertingkatkan Pengeluaran Makanan

Keupayaan pengeluaran makanan negara akan dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada pertanian berskala besar bagi memenuhi keperluan rakyat dan memanfaatkan potensi pasaran antarabangsa. Bagi tujuan ini, jajaran kawasan di negeri pantai timur Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak akan dibangunkan sebagai hab pengeluaran makanan yang seterusnya menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi luar bandar. Usaha bagi meningkatkan pengeluaran padi akan terus dipergiat melalui program yang dilaksanakan secara kerjasama awam swasta, seperti di kawasan

Muda, Kedah dan Perlis. Program ini merangkumi pembangunan infrastruktur yang menyeluruh, termasuk penambahbaikan sistem pengairan dan saliran serta penggunaan pertanian pintar. Selain itu, Inisiatif Pendapatan Rakyat yang melibatkan usahawan tani akan diperkasakan dengan menambah baik model pelaksanaan, mempelbagaikan aktiviti pertanian dan meningkatkan penggunaan tanah terbiar.

Produktiviti dan kualiti pengeluaran akan ditingkatkan dengan mempergiat aktiviti R&D&C&I dan pertanian pintar melalui kerjasama antara petani, institusi penyelidikan dan pihak industri. Inisiatif akan ditumpukan kepada pemindahan teknologi dalam penghasilan varieti tanaman dan baka yang berhasil tinggi dan berdaya tahan, penggunaan jentera dan kaedah penanaman moden serta perawatan tanah. Penggunaan tanaman kurang dimanfaatkan, seperti ubi, kekacang dan tumbuhan tinggi protein sebagai sumber makanan alternatif akan diteroka dengan menggalakkan lebih banyak aktiviti R&D&C&I.

Usaha untuk meningkatkan SSR komoditi makanan akan terus dipergiat melalui pelaksanaan beberapa program utama, seperti Program Pemerksaan Agromakanan Negara, Program Agropreneur Nextgen dan Program Pengganda30. Dalam hubungan ini, lebih ramai agropreneur muda akan digembleng untuk terlibat dalam aktiviti pertanian berskala besar dan moden melalui penyediaan insentif secara lebih bersasar. Bagi memastikan sumber makanan negara dimanfaatkan secara optimum, kerjasama antara pengusaha dan peniaga makanan serta pertubuhan masyarakat sivil (CSO) akan dipergiat untuk meminimumkan pembaziran serta mempromosikan konsep sifar sisa.

Strategi A4.2: Memantapkan Keterjaminan Bekalan Makanan

Keterjaminan bekalan makanan akan dimantapkan melalui kepelbagaian sumber import dan pengukuhan pengurusan risiko. Pelaksanaan dasar kepelbagaian sumber import akan ditambah baik untuk mengurangkan kebergantungan kepada beberapa negara tertentu bagi mengelakkan gangguan bekalan. Proses kemasukan bekalan makanan, merangkumi permit import, pensijilan

dan pemeriksaan di pintu masuk negara akan diperkukuh bagi menangani risiko keselamatan makanan. Dalam hubungan ini, kerjasama dengan pihak berkuasa negara pengeksport akan dipergiat, manakala penggunaan teknologi moden dan pendigitalan akan diperluas. Tumpuan turut diberikan kepada usaha menangani isu kehilangan pascatuai melalui peningkatan kecekapan di sepanjang rantaian bekalan, merangkumi kaedah penuaian, penyimpanan dan pengangkutan hasil pertanian.

Penguatkuasaan peraturan pengimportan sedia ada, termasuk di bawah Akta Makanan 1983 [Akta 281], Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] serta Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [Akta 167] akan dipertingkatkan. Peranan semua agensi yang terlibat dalam keterjaminan makanan merangkumi aspek pengeluaran, kawalan harga, logistik, pemasaran dan keselamatan akan diperkukuh bagi memastikan bekalan makanan negara yang mencukupi. Skim perlindungan bencana pertanian yang bersasar akan diperkenalkan bagi mengurangkan kerugian akibat bencana. Kerjasama strategik dengan institusi penyedia insurans swasta akan diteroka bagi memastikan pengusaha pelbagai aktiviti pertanian mendapat perlindungan yang maksimum.

Strategi A4.3: Memperkukuh Rantaian Bekalan Makanan

Rantaian bekalan makanan akan diperkukuh melalui penambahbaikan infrastruktur, pemerkasaan sektor peruncitan, penyediaan platform untuk ketelusan harga dan penguatkuasaan kawal selia secara menyeluruh. Ketersediaan infrastruktur pemasaran yang merangkumi pusat pengumpulan, pemprosesan, pembungkusan dan pengedaran serta kemudahan logistik dan perkhidmatan digital akan dipertingkatkan melalui kolaborasi dengan sektor swasta. Peruncit berskala kecil dan sederhana juga akan diperkasakan bagi meningkatkan penglibatan dalam hab pemasaran agromakanan yang akan diperkenalkan. Di samping itu, sistem repositori harga dan bekalan akan dibangunkan untuk menyediakan maklumat masa nyata bagi memastikan ketelusan harga di sepanjang rantaian bekalan. Penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan

Anti Pencatutan 2011 [Akta 723] dan Akta Persaingan 2010 [Akta 712] akan dipergiat dengan memanfaatkan data daripada repositori ini bagi membendung aktiviti manipulasi harga.

A5: Pemantapan Ekosistem R&D&C&I

Aktiviti R&D telah mula diberi penekanan sejak Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990 dalam usaha memodenkan ekonomi negara melalui peralihan daripada aktiviti berasaskan komoditi pertanian kepada perindustrian. Aspek pengkomersialan dan inovasi mula diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 untuk menangani cabaran Revolusi Perindustrian Keempat dan memanfaatkan peluang menjana kekayaan menerusi inovasi. Bagi memenuhi aspirasi negara ke arah penciptaan barangan dan perkhidmatan 'Made by Malaysia' yang memerlukan pembangunan dan penerimgunaan teknologi termaju termasuk AI dan AR, ekosistem R&D&C&I yang kurang matang perlu dimantapkan. Langkah ini menuntut tindakan segera diambil dalam menangani beberapa cabaran, seperti pembiayaan dan pelaburan yang terhad, penciptaan nilai daripada IP yang masih rendah dan tadbir urus yang lemah.


Matlamat

Pemantapan dan pengukuhan ekosistem R&D&C&I akan meningkatkan kerencaman ekonomi, memastikan kelestarian alam sekitar dan meningkatkan kesejahteraan rakyat sejajar dengan usaha menaikkan siling dan memperkukuh tatakelola. Penciptaan produk dan perkhidmatan bernilai tinggi hasil R&D&C&I akan meningkatkan eksport dan daya saing syarikat tempatan serta menghasilkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Semua usaha ini akan menyumbang kepada penerapan budaya mencipta ke arah mencapai kedudukan 20 teratas dalam Global Innovation Index. Justeru, kerjasama dalam kalangan semua pihak berkepentingan, termasuk agensi awam, pihak swasta dan institusi penyelidikan pada pelbagai peringkat berdasarkan pendekatan keseluruhan negara perlu dipergiat bagi mencapai matlamat ini.

Pencapaian RMKe-12


Dalam tempoh RMKe-12, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi mengukuhkan ekosistem R&D&C&I. Inisiatif dana padanan Malaysia Science Endowment (MSE) telah diperkenalkan pada tahun 2024 bagi menyediakan pembiayaan secara perkongsian kos antara kerajaan dengan kerajaan atau syarikat. Sehingga April 2025, MSE telah berjaya menarik minat 18 negara dan 206 syarikat. Di samping itu, sebanyak 242 projek telah dipadankan di bawah Program Geran Penyelidikan Padanan Industri dan 16 projek di bawah Program Dana Penyelidikan Padanan Antarabangsa. Program PhDPreneur yang diperkenalkan pada tahun 2024 bagi meningkatkan pengkomersialan hasil penyelidikan telah berjaya menarik minat 100 graduan doktor falsafah.

Program TVET Transfer Technology IR4.0 yang menyediakan dana khusus kepada institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) untuk aktiviti R&D&C&I telah diperkenalkan pada tahun 2024. Program Dana Inovasi dan Kajian Sosial serta Projek Rintis Pengkomersialan Inovasi Sosial juga telah diperkenalkan bagi menggalakkan inovasi yang memberi manfaat kepada masyarakat. Bagi meningkatkan kesedaran dan minat masyarakat kepada aktiviti inovasi, program realiti TV INNOVATHON yang diterbitkan pada tahun 2024 telah berjaya menarik lebih 1,000 penyertaan dan meraih lebih 26 juta tontonan. Festival Idea Putrajaya 2024 yang pertama kali diadakan telah berjaya mencatat kehadiran lebih 100,000 pengunjung, termasuk peserta antarabangsa daripada 86 negara.



Sasaran

Lima sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk memantapkan ekosistem R&D&C&I dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Pemantapan ekosistem R&D&C&I akan ditumpukan kepada usaha mewujudkan model pelaburan dan insentif yang lebih cekap serta progresif, di samping mereformasi dasar IP. Langkah juga akan diambil untuk mempertingkatkan pembangunan bakat berkemahiran tinggi dan kalis cabaran masa hadapan serta memastikan tadbir urus yang lebih baik. Empat strategi akan dilaksanakan di bawah RMK13, seperti berikut:

Strategi A5.1: Menambah Baik Model Pelaburan R&D&C&I

Model pelaburan R&D&C&I akan ditambah baik melalui penyediaan kemudahan penyelidikan dan insentif bersasar untuk meningkatkan pelaburan dan penyelidikan bernilai tinggi. Syarikat terkemuka yang berminat untuk melabur di Malaysia akan ditawarkan kawasan khusus bagi membina fasiliti penyelidikan melalui perkongsian kos di institusi pendidikan tinggi (IPT) dan institusi penyelidikan kerajaan (GRI). Bagi tujuan ini, garis panduan lengkap mengenai kaedah pelaksanaan dan model perkongsian kos akan disediakan. Penyelidik terkemuka antarabangsa pula akan ditawarkan insentif untuk menjalankan penyelidikan di Malaysia dengan menyediakan akses kepada fasiliti dan geran, membina makmal khusus serta menawarkan peluang kolaborasi dengan rakan tempatan. Pusat penyelidikan antarabangsa dalam bidang terpilih juga akan dibangunkan melalui model perkongsian sumber dengan pihak luar. Di samping itu, pusat inkubasi, hab penyelidikan dan *sandbox* AI akan diperkenalkan untuk membolehkan negara beralih kepada pengeluaran penyelesaian AI. Dasar dan Garis Panduan Program Kolaborasi Industri dalam Perolehan Kerajaan pula akan ditambah baik melalui penetapan syarat yang lebih ketat bagi memastikan syarikat melaksanakan aktiviti R&D&C&I bersama penyelidik dan pusat kecemerlangan tempatan.

Strategi A5.2: Meningkatkan Penciptaan Nilai Harta Intelek

Peranan IP sebagai asas kepada penciptaan nilai dalam meningkatkan kerencaman ekonomi akan diperkasakan dengan meningkatkan pengkomersialan, memanfaatkan IP sebagai aset dan menambah baik kecekapan pengurusan. Pengkomersialan IP bernilai tinggi yang

dimiliki oleh IPT awam dan GRI akan ditingkatkan. Bagi tujuan ini, model perniagaan untuk menjana pulangan daripada IP akan ditambah baik sebagai panduan kepada institusi ini. Dasar pemilikan hak IP daripada hasil penyelidikan yang dibiayai kerajaan akan dikaji semula bagi menggalakkan pengkomersialan IP oleh penyelidik. Projek rintis IP sebagai cagaran dengan jaminan kerajaan akan dilaksanakan bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan pengkomersialan. Selain itu, mekanisme bidaan dan jual beli IP secara dalam talian akan diperkenalkan untuk meningkatkan pengkomersialan dan menghubungkan penyelidik dengan pelabur berpotensi.

Syarat pemberian insentif kepada pelabur akan ditambah baik dengan memasukkan elemen penghasilan dan pendaftaran IP baharu di Malaysia. Pengurusan pendaftaran dan kelulusan IP akan dimantapkan menerusi lebih banyak kolaborasi antarabangsa di bawah program Patent Prosecution Highway dan ASEAN Patent Examination Cooperation. Dasar dan perundangan berkaitan kawal selia profesion penilai IP akan dikaji bagi memastikan kredibiliti laporan penilaian. Garis panduan berkaitan pelantikan dan prospek kerjaya pegawai pemindahan teknologi di IPT awam dan GRI akan turut dibangunkan.

Strategi A5.3: Memastikan Ketersediaan Bakat R&D&C&I

Bakat R&D&C&I akan digarap seawal peringkat sekolah rendah melalui pendedahan kepada aktiviti penyelidikan sains dan pembangunan teknologi dengan memanfaatkan AI dan AR dalam kegiatan kokurikulum berasaskan STEM. Pembangunan kemahiran R&D dalam kalangan murid akan ditingkatkan melalui pelaksanaan program pembelajaran khusus berasaskan masalah setempat melibatkan penyelidik dengan kerjasama kerajaan negeri dan sektor swasta. Selain itu, dana Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia akan digunakan untuk membangun program latihan khusus berkaitan R&D yang akan dilaksanakan oleh IPT bersama pihak industri, termasuk untuk penempatan penyelidik di industri. Latihan berstruktur berkaitan pengurusan dana, kewangan dan projek akan juga diperkasakan bagi meningkatkan keupayaan pengurus penyelidikan daripada sektor awam dan swasta.

Strategi A5.4: Memantapkan Tadbir Urus R&D&C&I

Tadbir urus R&D&C&I akan dimantapkan melalui penambahbaikan mekanisme perancangan dan pemantauan, pengubahsuaian pendekatan program serta penstrukturan semula fungsi dan peranan GRI. Akaun satelit khusus akan dibangunkan bagi memperkukuh perancangan, pemantauan dan penilaian impak pelaburan R&D&C&I yang berasaskan bukti. Laporan berkala analisis trend mega dengan menggunakan kaedah *foresight* pula juga akan dihasilkan sebagai panduan dan rujukan dalam pelaksanaan aktiviti R&D&C&I.

Pendekatan program R&D&C&I akan diperkukuh melalui pengenalan program penyelidikan kebangsaan berasaskan misi yang memberi penekanan kepada penyelidikan gunaan dan pembangunan eksperimental. Program ini akan menggabungkan penyelidik daripada GRI, IPT dan industri berdasarkan bidang bitara⁷ dan diterajui oleh kementerian berkaitan. Program R&D *moonshot* yang melibatkan projek terpilih akan dilaksanakan merentas kementerian bagi meneroka penghasilan teknologi disruptif termasuk berkaitan AI. Rasionalisasi peranan dan fungsi semua GRI akan juga dilaksanakan bagi memastikan struktur yang lebih kejam dan cekap. Langkah ini akan disokong melalui pengenalan sistem penarafan bagi menilai keberkesanan GRI dan pelaksanaan agihan peruntukan berasaskan prestasi. Pelan tindakan pemantapan pengurusan infrastruktur R&D&C&I kebangsaan akan dirangka bagi meningkatkan kecekapan penggunaan aset R&D.

A6: Peningkatan Produktiviti dan Daya Saing Negara

Produktiviti memainkan peranan penting dalam meningkatkan kerencaman ekonomi bagi memperkukuh daya saing dan pertumbuhan ekonomi negara. Kemampuan firma, industri atau sektor untuk meningkatkan produktiviti bergantung kepada pelbagai faktor, termasuk keupayaan untuk bersaing dengan sihat dalam pasaran. Usaha dalam meningkatkan produktiviti dimantapkan

melalui pelaksanaan Malaysia Productivity Blueprint (MPB) yang bermula pada tahun 2017. Penguatkuasaan Akta 712 oleh Suruhanjaya Persaingan telah mewujudkan persekitaran pasaran yang menggalakkan persaingan yang sihat. Walau bagaimanapun, masih terdapat cabaran dalam meningkatkan produktiviti yang memerlukan tindakan yang lebih menyeluruh dan bersepadu. Cabaran ini termasuk peralihan yang perlahan kepada aktiviti bernilai ditambah yang lebih tinggi, penerimgunaan teknologi termaju yang belum meluas dan aktiviti R&D&C&I yang masih rendah. Pelaburan yang lebih tertumpu kepada pembangunan infrastruktur dan jurang dalam tadbir urus juga menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti yang perlahan. Selain itu, rangka perundangan sedia ada tidak dapat menyediakan ekosistem yang menyeluruh bagi menyokong persaingan yang sihat.

Matlamat

Penguatan produktiviti dan daya saing negara dalam usaha untuk menaikkan siling dan memperkukuh tatakelola dapat menghasilkan limpahan nilai ekonomi yang lebih besar kepada individu, firma dan negara. Penguatan ini memberi manfaat kepada rakyat melalui pewujudan peluang pekerjaan yang berkemahiran dan berpendapatan tinggi, justeru meningkatkan mobiliti sosial. Firma, termasuk PMKS dapat bersaing secara adil dan terbuka dalam rantai nilai tempatan dan global, sekali gus menjana keuntungan yang lebih tinggi. Peningkatan produktiviti pada pelbagai peringkat dapat memperkukuh kedudukan negara dalam IMD World Competitiveness Yearbook dan menyokong aspirasi ke arah menjadikan Malaysia sebagai *consumption powerhouse*.

Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, pertumbuhan produktiviti buruh telah meningkat kepada 2.7% setahun berbanding 1.2% dalam tempoh 2016 hingga 2020, terutama disumbangkan oleh sektor pembinaan dan pembuatan.

⁷ Merujuk kepada bidang ekonomi yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi dalam pengeluaran produk dan perkhidmatan, terutama yang berkaitan industri E&E bernilai tinggi, aeroangkasa, kimia, mesin dan peralatan, digital dan teknologi maklumat, farmaseutikal dan peranti perubatan serta produk berasaskan minyak sawit dan getah.


Pelaksanaan MPB melalui 14 nexus produktiviti yang berasaskan industri telah menunjukkan pencapaian yang memuaskan. Tiga hospital swasta dengan ketinggian melebihi 12 tingkat telah dibina di bawah inisiatif⁸ Nexus Produktiviti Penjagaan Kesihatan Swasta yang dapat mengoptimumkan kos dan penggunaan sumber. Inisiatif di bawah Nexus Produktiviti Kimia dan Produk Kimia pula dapat mempercepat tempoh urusan permohonan lesen eksport produk batu kapur kepada hanya lima hingga enam minggu pada tahun 2024, daripada empat hingga enam bulan. Lima nexus produktiviti baharu juga telah ditubuhkan, iaitu Pembinaan dan Alam Bina, Logistik, Farmaseutikal, Aeroangkasa dan Automotif untuk meningkatkan pertumbuhan produktiviti dalam industri berkaitan.

Lebih 3,000 syarikat telah menerima pakai amalan pengurusan moden berdasarkan Rangka Kerja Kecemerlangan Perniagaan Malaysia dalam tempoh RMKe-12. Sebanyak 6,728 syarikat telah menyertai program latihan untuk mempercepat penggunaan teknologi dan pendigitalan dalam tempoh yang sama. Bagi memastikan persaingan yang sihat, sebanyak 25 daripada 44 kes berkaitan perjanjian anti monopoli dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang disiasat di bawah Akta 712 telah berjaya diselesaikan dengan penalti berjumlah RM571.1 juta.



Sasaran

Lima sasaran ditetapkan dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



⁸ Merujuk kepada garis panduan Technical Design Reference for Disaster Preparedness in Setting Up New High-rise Private Hospitals yang dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Nexus Produktiviti Penjagaan Kesihatan Swasta.

Strategi

Peningkatan produktiviti dan daya saing menjadi landasan penting kepada lonjakan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berasaskan penciptaan nilai dalam RMK13. Tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk melonjakkan pertumbuhan produktiviti dan memperkukuh ekosistem persaingan. Perincian mengenai dua strategi ini adalah seperti berikut:

Strategi A6.1: Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti Negara

Pertumbuhan produktiviti negara akan terus dilonjakkan menerusi pemantapan ekosistem yang merangkumi aspek penambahbaikan dasar dan tadbir urus, penyelarasan pembiayaan dan pembangunan bakat. Kerangka dan pelan hala tuju produktiviti yang menyeluruh akan dibangunkan untuk meningkatkan daya saing pada peringkat firma, industri dan sektor. Selain itu, fungsi dan peranan institusi berkaitan produktiviti akan dirasionalisasi untuk memantapkan perancangan, pemantauan dan pengawalseliaan intervensi peningkatan produktiviti. Bagi tujuan ini, perundangan baharu akan digubal, manakala mekanisme kawal selia sedia ada akan ditambah baik. Program saringan tahap produktiviti firma yang menilai keupayaan dan kecekapan proses kerja perusahaan akan diperkenalkan bagi memudahkan intervensi dasar dan penyediaan sokongan bersasar. Peranan nexus produktiviti pula akan diperkukuh melalui pelaksanaan program khusus berasaskan lokaliti yang akan melibatkan kerjasama dengan institusi penyelidikan dan pakar bidang khusus.

Firma akan digalakkan untuk meningkatkan produktiviti melalui penerimgunaan AI secara meluas, seperti sistem pintar, analisis ramalan dan automasi strategik bagi memacu kecekapan operasi dan pengeluaran. Penekanan akan diberikan kepada usaha untuk mereka bentuk semula proses kerja, mengoptimumkan aliran maklumat dan mempergiat kolaborasi pintar antara manusia dan teknologi. Selain itu, peningkatan produktiviti dan daya saing akan turut dijadikan kriteria penting dalam penyediaan pembiayaan kepada PMKS. Pelbagai geran

dan dana juga akan diselaraskan bagi mengelakkan pertindihan. Penekanan akan diberi untuk meningkatkan produktiviti buruh melalui pelaksanaan penuh Dasar Gaji Progresif yang bermula pada tahun 2025. Program komunikasi, pendidikan dan kesedaran terhadap cara berfikir mengenai produktiviti serta perubahan budaya kerja dalam kalangan firma akan dilaksanakan.

Strategi A6.2: Memperkukuh Ekosistem Persaingan

Ekosistem persaingan akan diperkukuh melalui penyediaan perundangan persaingan yang lebih menyeluruh dan berkesan. Dalam hubungan ini, semua industri termasuk komunikasi dan multimedia, penerbangan awam serta tenaga akan dikawal selia di bawah satu perundangan persaingan khusus. Langkah ini akan melibatkan pindaan Akta 712 dan perundangan lain yang berkaitan. Pindaan akta ini akan meningkatkan keberkesanan kawal selia, termasuk dalam mencegah penyalahgunaan kedudukan dominan dalam pasaran.

Perundangan berkaitan *rent-seeking* yang menyeluruh dan bersepadu akan diperkenalkan. Perundangan ini antara lain akan mengandungi definisi dan skop *rent-seeking*, mekanisme penguatkuasaan dan agensi kawal selia yang bertanggungjawab. Pengenalan perundangan yang jelas ini akan membolehkan tindakan undang-undang yang tegas diambil bagi memastikan aktiviti *rent-seeking* dapat dibanteras dengan lebih berkesan.

A7: Pengukuhan Mitigasi dan Adaptasi Banjir

Bencana banjir bukan sahaja memberi impak besar kepada kesejahteraan rakyat, malah kepada kelangsungan perniagaan yang seterusnya menjejaskan daya saing dan kemampuan ekonomi negara. Pelbagai langkah telah dilaksanakan bagi menangani bencana banjir, termasuk melalui pendekatan berasaskan struktur dan bukan struktur di seluruh negara. Namun, masih wujud isu dan cabaran, terutama kerencaman pembangunan infrastruktur banjir dengan kos yang tinggi serta langkah adaptasi dan tadbir urus yang tidak bersepadu.

Matlamat

Pengukuhan mitigasi dan adaptasi banjir akan meningkatkan daya tahan negara terhadap bencana. Pelaksanaan strategi yang lebih menyeluruh, bersepadu dan inovatif akan dapat mengurangkan risiko dan impak bencana banjir yang seterusnya dapat memelihara kesejahteraan rakyat, memastikan kelangsungan perniagaan dan mengekalkan daya saing negara. Usaha ini juga secara tidak langsung dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan serta menyokong pembangunan ekonomi yang mampan dan memastikan rakyat menikmati kehidupan wajar.

Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, sebanyak 17 projek tebatan banjir telah berjaya disiapkan yang memberi perlindungan kepada kira-kira 154,000 lagi penduduk yang mendiami kawasan seluas 74 kilometer persegi. Peruntukan khas sebanyak RM500 juta secara pembayaran balik telah diluluskan pada tahun 2022 bagi menyelesaikan banjir kilat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selain itu, peruntukan khas sebanyak RM220 juta telah disediakan pada tahun 2024 untuk menaik taraf sistem perparitan dan menyelenggara kolam takungan di seluruh negara.

Usaha mitigasi banjir terus diperkukuh melalui pelaksanaan 43 projek tebatan banjir berkeutamaan tinggi (TBBT) dengan peruntukan sebanyak RM12 bilion yang dimulakan pada tahun 2024. Antara projek mitigasi banjir yang dilaksanakan termasuk Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kota Bharu di Kelantan, RTB Sungai Langat dan Kolam Takungan Dwi-Fungsi Sungai Klang hingga Sungai Rasau di Selangor, RTB Sungai Tepoh dan Banggol Air Lilih Kuala Nerus di Terengganu serta Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Skudai di Johor. Pasukan petugas khas juga telah ditubuhkan bagi menambah baik mekanisme pelaksanaan projek tebatan banjir, termasuk Projek PLSB Sungai Golok di Kelantan yang melibatkan kos sebanyak RM3 bilion.

Peruntukan sebanyak RM600 juta telah disediakan sebagai persiapan mendepani bencana banjir pada tahun 2025. Golongan rentan yang terkesan banjir turut diberikan bantuan melalui dana pemulihan pasca

banjir, termasuk bantuan banjir sebanyak RM16.7 juta untuk meringankan beban petani. Sumbangan sebanyak RM35.8 juta daripada 23 syarikat swasta telah diterima pada tahun 2024 melalui Dana Ihsan MADANI untuk mangsa banjir di seluruh negara, mencerminkan komitmen semua pihak dalam usaha memperkukuh mitigasi dan adaptasi banjir melalui pendekatan keseluruhan negara.

Sasaran

Lima sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk memperkukuh mitigasi dan adaptasi banjir dalam tempoh RMK13, seperti berikut:





Strategi

Pengukenan mitigasi dan adaptasi banjir akan terus diberi keutamaan dalam usaha memelihara kesejahteraan rakyat dan meningkatkan kemampunan ekonomi negara. Langkah akan diambil untuk menyegerakan pembangunan infrastruktur mitigasi banjir, menerapkan kaedah alternatif dalam adaptasi dan pengurusan banjir serta memantapkan mekanisme tadbir urus. Sehubungan itu, tiga strategi telah dikenal pasti untuk dilaksanakan, seperti berikut:

Strategi A7.1: Menyegerakan Mitigasi Banjir

Usaha mitigasi banjir secara menyeluruh di seluruh negara akan disegerakan melalui pemantapan perancangan, pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur yang diperlukan. Mekanisme rancangan tebatan banjir akan ditambah baik, terutama dari segi reka bentuk dan proses perolehan tanah, dalam usaha mempercepat pelaksanaan mitigasi banjir. Sistem maklumat berkaitan perparitan dan jaringan saliran bersepadu berasaskan Geographic Information System akan dibangunkan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan infrastruktur mitigasi banjir.

Pelaksanaan 43 projek TBBT, khususnya di kawasan tumpuan ekonomi dan berkepadatan tinggi akan dipercepat melalui penyaluran peruntukan khas,

penubuhan pasukan pelaksana TBBT khusus dan pemantauan rapi melalui mesyuarat penyelarasan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Antara projek mitigasi banjir yang akan disegerakan termasuk RTB Bandaraya Kuching di Sarawak, RTB Lembangan Sungai Johor dan RTB Lembangan Sungai Muar di Johor, RTB Lembangan Sungai Pahang di Pahang, RTB Baling di Kedah, RTB Sungai Likas di Sabah serta RTB Sungai Trolak di Perak. Sistem amaran awal banjir yang menggunakan teknologi AI di lembangan sungai utama dengan kos berjumlah RM398 juta akan turut diperkukuh dan diperluas di bawah inisiatif TBBT bagi memastikan penyampaian ramalan dan amaran yang lebih tepat dan cepat serta meningkatkan kesiapsiagaan masyarakat.

Pendekatan yang lebih inovatif dan responsif akan diperkenalkan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan banjir. Kawasan takungan air sedia ada, seperti bekas lombong dan kolam rekreasi akan dimanfaatkan untuk menjadi kolam takungan banjir sebagai langkah segera bagi menampung limpahan air, terutama di kawasan berisiko tinggi. Selain itu, pembangunan infrastruktur pelbagai fungsi bagi mitigasi banjir, penjanaan tenaga hidroelektrik, penyediaan bekalan air alternatif serta pembangunan aktiviti rekreasi akan diteroka bagi mengoptimumkan manfaat kepada rakyat dan menyokong pembangunan ekonomi.

Strategi A7.2: Menerima Pakai Pendekatan Inovatif dalam Adaptasi Banjir

Pelaksanaan konsep bangunan adaptif banjir, seperti pembinaan rumah terapung dan bangunan bertiang tinggi serta penggunaan bahan kalis banjir akan dipertingkat bagi mengurangkan impak di kawasan berisiko tinggi seluruh negara. Tindakan penyelesaian berasaskan alam semula jadi yang lestari akan dipergiat bagi mengurangkan kos pengurusan banjir dalam jangka masa panjang. Selain itu, pembangunan bandar berkonsepkan kalis bencana akan diperluas bagi meningkatkan daya tahan terhadap risiko banjir. Dalam hubungan ini, garis panduan *sponge city* yang merangkumi kaedah pengurangan risiko banjir serta peningkatan kapasiti penyimpanan dan penyerapan air akan dibangunkan sebagai rujukan utama PBT bagi menyokong pembangunan bandar mampan.

Intervensi segera dalam bentuk bantuan kewangan dan kredit mikro akan disediakan bagi mempercepat proses pemulihan dan mengurangkan beban kewangan PMKS. Dalam hubungan ini, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank akan digalakkan untuk menyediakan skim pembiayaan dan perlindungan insurans pasca banjir. Pengenalan skim insurans mampu bayar akan diteroka bagi meningkatkan akses kumpulan rentan kepada perlindungan kewangan pasca banjir.

Strategi A7.3: Memantapkan Mekanisme Tadbir Urus

Tadbir urus berkaitan perancangan, pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur tebatan banjir dan sistem perparitan, kawasan tadahan hujan dan laluan sungai akan dimantapkan. Perancangan guna tanah akan ditambah baik supaya lebih sistematik, manakala penguatkuasaan piawaian pembangunan akan dipergiat bagi meningkatkan daya tahan terhadap risiko banjir. Kerjasama semua pihak berkepentingan, termasuk kerajaan negeri berkaitan kos pengambilan tanah akan diperkukuh bagi memastikan kejayaan pelaksanaan RTB. Di samping itu, pelan pemulihan infrastruktur yang terkesan banjir akan dibangunkan untuk mempercepat akses kepada bekalan dan pengoperasian semula aktiviti ekonomi yang terjejas. Peranan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat juga akan diperkukuh bagi memastikan penyelarasan yang lebih bersepadu, cekap, pantas dan berkesan. Kerjasama strategik antara semua pihak berkepentingan akan turut diperkukuh bagi memastikan pengurusan banjir yang lebih bersepadu dan berkesan, termasuk melalui pelaksanaan Program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti.

A8: Penambahbaikan Ketersediaan Infrastruktur Pengangkutan Awam

Sistem pengangkutan awam yang cekap akan melancarkan pergerakan barangan dan penumpang yang seterusnya menyokong peningkatan tahap sosioekonomi rakyat. Sepanjang dua dekad yang lalu, tumpuan telah diberikan terhadap penambahbaikan infrastruktur pengangkutan bagi meningkatkan ketersediaan, kecekapan dan kebolehpercayaan perkhidmatan. Namun, masih terdapat

beberapa isu yang perlu ditangani segera, terutama di Lembah Klang dan bandar utama. Isu ini termasuk ketersambungan perjalanan yang kurang lancar dan tidak bersepadu, penggunaan yang tidak optimum, kebergantungan yang tinggi kepada bantuan kewangan Kerajaan serta tadbir urus yang masih kurang berkesan.

Matlamat

Penambahbaikan ketersediaan infrastruktur pengangkutan akan dapat meningkatkan kecekapan, daya maju dan daya harap perkhidmatan pengangkutan awam. Perkhidmatan yang cekap ini dapat membolehkan rakyat bergerak dengan lancar dan selamat dengan kos yang berpatutan bagi membolehkan rakyat menjalani kehidupan wajar. Di samping itu, semakin semula kadar tambang dan kos dapat meningkatkan kemampanan kewangan operator pengangkutan awam. Peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam dapat mengurangkan jejak karbon dan beban fiskal Kerajaan. Perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap akan menyokong pembangunan sosioekonomi yang mampan.


Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, perkhidmatan pengangkutan awam terus menunjukkan peningkatan, hasil daripada pelaksanaan pelbagai strategi dan inisiatif yang memberi tumpuan kepada mobiliti rakyat. Penumpang pengangkutan awam di Greater Kuala Lumpur/Klang Valley mencatatkan purata pertumbuhan sebanyak 18.6% setahun bagi tempoh 2021 hingga 2024. Kekerapan perkhidmatan bas dalam bandar pada tahun 2024 juga telah meningkat sebanyak 35% berbanding tahun 2021. Kemudahan pengangkutan awam ditingkatkan lagi melalui perolehan tambahan sebanyak 250 unit bas elektrik dan 310 unit bas diesel dalam tempoh 2024 hingga 2025. Selain itu, perkhidmatan Transit Atas Permintaan (DRT) yang diperkenalkan pada tahun 2022 telah diperluas, meliputi lebih 33 zon sekitar Lembah Klang dengan 300 unit van pada tahun 2025. DRT disediakan untuk memenuhi keperluan perjalanan jarak pendek dan meningkatkan kebolehpakaian ke kawasan yang mempunyai akses yang terhad kepada perkhidmatan sedia ada.

Usaha untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam diteruskan melalui penjualan 2.7 juta pas perjalanan MY50 dan pengenalan pas perjalanan khas kepada pelajar dan orang kurang upaya bagi perkhidmatan Shuttle Timuran serta KTM Komuter sektor Lembah Klang dan Utara. Selain itu, Skim Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM245.3 juta setahun. Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru dan Mass Rapid Transit Laluan Putrajaya telah disiapkan, manakala Terminal Bersepadu Gombak mula beroperasi pada tahun 2025.

Sasaran

Tiga sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang mampan, bersepadu dan berdaya harap dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Nota: ^b Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

^c Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)

Strategi

Penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam yang berterusan adalah penting untuk melancarkan pergerakan penumpang dalam melaksanakan aktiviti harian dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Tumpuan akan diberikan terhadap usaha untuk mengurangkan kebergantungan operator kepada kewangan Kerajaan, mempercepat pembangunan berorientasikan transit (TOD), mempertingkatkan infrastruktur dan fasiliti sokongan serta meningkatkan kecekapan tadbir urus dan operasi pengangkutan rel. Sebanyak empat strategi telah dikenal pasti bagi menambah baik ketersediaan infrastruktur pengangkutan awam dalam tempoh RMK13, seperti berikut:

Strategi A8.1: Meningkatkan Kemampanan Kewangan Operator Pengangkutan Awam

Kemampanan kewangan operator pengangkutan awam akan ditingkatkan bagi memberikan perkhidmatan yang berdaya saing dan berdaya harap tanpa terus bergantung kepada kewangan Kerajaan. Bagi tujuan ini, mekanisme semakan bagi penetapan kadar tambang pengangkutan awam yang bersesuaian akan dikenal pasti berdasarkan hasil kajian Pelan Strategik Pengangkutan Awam Lembah Klang. Selain itu, pengenalan tarif khas elektrik untuk pengangkutan awam akan diteroka bagi mengurangkan kos operasi.

Strategi A8.2: Menggalakkan Pembangunan Berorientasikan Transit

Pelaksanaan TOD akan dipercepat melalui kerjasama strategik antara operator pengangkutan awam dengan pihak swasta di kawasan yang berpotensi. Bagi tujuan ini, tumpuan akan diberikan kepada pelaksanaan TOD di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Pulau Pinang serta beberapa lokasi strategik lain. Antara TOD yang akan dilaksanakan dalam tempoh RMK13 termasuk di laluan jajaran Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara Pulau Pinang dan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Pelaksanaan TOD ini melalui pengintegrasian kawasan kediaman, komersial dan rekreasi dengan jaringan pengangkutan awam akan menyediakan kemudahan kepada pengguna pengangkutan awam, di samping memberi pulangan pelaburan dan meningkatkan kemampanan kewangan operator.

Strategi A8.3: Mempertingkatkan Infrastruktur dan Fasilitas Sokongan Pengangkutan Awam

Pelaburan untuk infrastruktur dan fasiliti pengangkutan awam akan ditingkatkan bagi memperluas jaringan pengangkutan awam dan menambah baik keselesaan pengguna. Pembinaan infrastruktur pengangkutan awam untuk melengkapkan rangkaian rel di kawasan berkepadatan tinggi di Lembah Klang akan diteruskan bagi mencapai sasaran 40% perkongsian modal pada tahun 2030. Dalam hubungan ini, projek LRT3 dengan rangkaian rel sepanjang 37 kilometer akan disiapkan dalam tempoh RMK13. Di samping itu, pengintegrasian dan peluasan jaringan pengangkutan awam akan ditingkatkan melalui pengoperasian ECRL dan Rapid Transit System (RTS) Link yang dijangka siap dalam tempoh RMK13. Bilangan tren penumpang akan ditambah melalui kaedah pajakan bagi mengoptimumkan penggunaan kapasiti landasan rel dan melancarkan mobiliti rakyat. Penemuan Kajian Kebolehlaksanaan Projek Transborneo Railways di Sabah dan Sarawak yang sedang dilaksanakan akan menjadi asas kepada pelaksanaan projek fizikal dan pembangunan sistem kereta api di negeri tersebut.

Selain itu, ketersambungan batuan pertama dan akhir akan ditambah baik supaya lebih bersepadu untuk mempercepat peralihan kepada pengangkutan awam. Ketersediaan bas dengan perkhidmatan yang lebih kerap dan konsisten di bandar utama akan dipertingkatkan, terutama semasa waktu puncak. Infrastruktur dan fasiliti sokongan di stesen serta kawasan pandu dan rantau juga akan ditambah baik berorientasikan mesra pejalan kaki dan gaya hidup bagi keselesaan penumpang pengangkutan awam.

Strategi A8.4: Menstruktur Semula Tadbir Urus dan Operasi Pengangkutan Rel

Tadbir urus pengangkutan awam berasaskan rel akan distruktur semula untuk meningkatkan kecekapan agensi yang bertanggungjawab dalam kawal selia, pemilikan aset dan operasi. Usaha akan diteruskan bagi melaksanakan sepenuhnya pemisahan fungsi dan tanggungjawab antara

pemilik aset dan operator rel. Penggunaan landasan melalui mekanisme pelbagai operator rel dan pengenaan caj trek akan diteroka bagi membolehkan penawaran lebih banyak perkhidmatan kepada penumpang dan menggalakkan lebih banyak pengangkutan barangan melalui rel.

A9: Penskalaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

Usaha berterusan dalam pembangunan PMKS mencerminkan kepentingan perusahaan ini sebagai tonggak ekonomi negara. Sejajar dengan aspirasi negara berpendapatan tinggi, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan skala PMKS dan penerimgunaan prinsip ESG bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan mengekalkan daya saing. Hasil pertumbuhan PMKS dapat dilihat melalui sumbangan kepada KDNK, eksport, guna tenaga dan produktiviti. Namun, kepesatan pembangunan ekonomi global dan domestik serta tekanan untuk memenuhi aspek kemampanan terus memberi cabaran baharu terhadap perkembangan PMKS. Cabaran ini, antara lain menyebabkan penyertaan PMKS yang rendah dalam rantaian nilai global, pemakaian prinsip ESG yang terhad, kebergantungan kepada aktiviti nilai ditambah yang masih rendah dan produktiviti yang terhad. Selain itu, ekosistem pembiayaan yang kurang menyokong turut mengekang penskalaan PMKS.

Matlamat

Penskalaan PMKS akan dapat melahirkan entiti perniagaan tempatan yang mempunyai keupayaan daya cipta dan nilai ditambah yang tinggi serta mampu bersaing di pasaran domestik dan global. Pertumbuhan PMKS yang pesat akan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan baharu dan pendapatan tinggi kepada rakyat selaras dengan usaha menaikkan siling. Selain itu, perusahaan yang berskala besar akan berpeluang untuk terlibat dalam aktiviti yang dapat meningkatkan kerencaman ekonomi, seterusnya menyumbang kepada pencapaian status negara berpendapatan tinggi.


Pencapaian RMKe-12

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk memperkukuh kedudukan PMKS, termasuk melalui penyertaan dalam rantaian bekalan domestik dan global serta penerimgunaan teknologi dan pendigitalan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing. Sebanyak RM115 bilion telah diperuntukkan dalam tempoh RMKe-12 bagi membiayai 1,350 program pemerksaan PMKS, melibatkan 3.7 juta peserta. Bilangan perusahaan bersaiz kecil meningkat sebanyak 36.8% kepada 314,456 firma pada tahun 2023, daripada 229,876 pada tahun 2020, manakala perusahaan bersaiz sederhana mencatat kenaikan sebanyak 8.5%, iaitu daripada 18,289 kepada 19,839 dalam tempoh yang sama. Selain itu, Pelan Strategik ESG Kebangsaan (NESP) telah diperkenalkan pada tahun 2025 bagi memudah cara penerimgunaan kerangka dan garis panduan ESG sedia ada, seperti i-ESG dan National Sustainability Reporting Framework di semua sektor ekonomi.



Sasaran

Lima sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk penskalaan PMKS dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Penskalaan PMKS akan diperhebat bagi membolehkan perusahaan ini memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan sosioekonomi negara selain memastikan sumbangan yang lebih signifikan kepada pertumbuhan ekonomi. Bagi tujuan ini, tumpuan akan diberikan kepada pengukuhan model perniagaan dan penambahbaikan ekosistem untuk menyokong peralihan kepada aktiviti yang menghasilkan nilai ditambah lebih tinggi. Dalam tempoh RMK13, dua strategi akan dilaksanakan untuk penskalaan PMKS, seperti berikut:

Strategi A9.1: Memperkukuh Model Perniagaan PMKS

Perniagaan PMKS akan diperkukuh melalui pengenalan pendekatan baharu melibatkan kerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan penerimagunaan model perniagaan disruptif, penambahbaikan kecekapan operasi serta peluasan pemakaian prinsip ESG. PMKS yang berkeupayaan akan diberikan peranan yang lebih besar dalam sektor terpilih yang didominasi oleh GLC. Bagi tujuan ini, kajian menyeluruh ke atas rantai bekalan akan dilaksanakan bagi mengenal pasti peluang, jurang dan bidang yang sesuai untuk penglibatan PMKS. Di samping itu, peranan dan mandat penubuhan GLC dalam memperkasakan PMKS akan diteroka, termasuk memperluas model perniagaan GLC bagi melibatkan PMKS dalam rantai bekalan serta aktiviti nilai ditambah lebih tinggi.

Model perniagaan disruptif akan diperkenalkan untuk menggalakkan PMKS beralih daripada pengeluaran berskala besar yang generik kepada yang mengikut kehendak khusus pelanggan. Program perubahan minda akan diperluas dan platform *sandbox* akan disediakan untuk membolehkan PMKS membuat penyesuaian terhadap perubahan dinamik dalam pasaran dan teknologi. Program sokongan bersasar dalam bentuk khidmat nasihat kepakaran dan penambahbaikan struktur pengurusan akan dibangunkan untuk meningkatkan kecekapan operasi, produktiviti dan daya saing syarikat

yang berpotensi. Transformasi digital juga akan dipercepat dengan menyediakan akses kepada platform digital, termasuk risikan pasaran dan platform analitik berasaskan AI yang mampu milik. Peralihan berfasa PKS dalam menerima pakai prinsip ESG berdasarkan NESP akan dipercepat melalui pelaksanaan lebih banyak program latihan dan bimbingan yang dipacu oleh syarikat induk dalam rantai bekalan.

Strategi A9.2: Menambah Baik Ekosistem PMKS

Ekosistem PMKS akan ditambah baik dengan menyediakan perundangan yang menyeluruh bagi mengawal selia pembangunan PMKS. Definisi PMKS yang pelbagai akan diseragamkan bagi memastikan reka bentuk program sokongan yang lebih bersasar berdasarkan potensi dan saiz perusahaan. Mekanisme pembiayaan PMKS akan diperkemas melalui peralihan kaedah daripada yang berbentuk geran kepada pembiayaan mampan, seperti pembiayaan berperingkat dan pembiayaan bersasar. PMKS yang berkeupayaan akan ditawarkan pinjaman berasaskan kaedah pembiayaan berperingkat yang menetapkan kadar faedah atau syarat yang berbeza mengikut jumlah pinjaman. Kemudahan pembiayaan bersasar pula akan disediakan bagi menyokong perniagaan yang inovatif dan aktiviti nilai ditambah yang tinggi dalam industri tumpuan dan berpotensi. Pendanaan daripada syarikat insurans dan takaful akan diteroka, manakala skim jaminan di bawah Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan akan dimanfaatkan sepenuhnya. Selain itu, syarikat induk dalam rantai bekalan perniagaan akan digalakkan untuk memudah cara PKS mendapat akses kepada pembiayaan bagi menerima pakai prinsip ESG.

A10: Pemerksaan Sektor Ketiga

Sektor ketiga sebagai penggerak ekonomi sosial memainkan peranan penting dalam usaha untuk memanusiakkan perusahaan⁹ bagi menangani isu sosial dan meningkatkan tahap sosioekonomi rakyat. Pembangunan sektor ketiga dimulakan melalui gerakan koperasi dan NGO yang disokong oleh pelbagai

⁹ Merujuk kepada pendekatan perniagaan yang mengutamakan nilai kemanusiaan, seperti empati, etika, kepercayaan serta kesejahteraan pekerja dan masyarakat yang bukan mengejar keuntungan semata-mata.

inisiatif, termasuk pemberian dana, subsidi, insentif dan pengecualian cukai. Pada masa ini, pihak swasta terlibat dalam menyokong sektor ketiga melalui pelbagai aktiviti, seperti program tanggungjawab sosial korporat serta sokongan perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan mobiliti sosial. Namun, pemain sektor ketiga masih berhadapan dengan pelbagai cabaran struktur yang mengekang keupayaan untuk berkembang secara mampan. Antara cabaran ini termasuk sumber dana yang terhad, pengurusan dan pentadbiran yang lemah, tahap keterlihatan yang rendah serta penglibatan dalam perniagaan inklusif yang belum meluas.

Matlamat

Peningkatan keupayaan pemain sektor ketiga dapat memacu pembangunan ekonomi sosial yang mampan. Organisasi yang menjalankan aktiviti bukan berasaskan keuntungan dapat beralih kepada aktiviti penyelesaian masalah sosial melalui pendekatan ekonomi yang lebih terangkum bagi menaikkan lantai, di samping menyokong pembangunan sosial negara yang lebih baik. Syarikat pula dapat menjalankan perniagaan berdasarkan model perniagaan inklusif yang boleh menjana keuntungan, di samping menyumbang kepada keperluan sosial. Kumpulan sasar, terutama isi rumah berpendapatan rendah dan golongan rentan mendapat manfaat daripada peluang menjana pendapatan dan sokongan perkhidmatan yang disediakan.

Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, pembangunan sektor ketiga yang meliputi perusahaan sosial, koperasi dan persatuan berasaskan pertanian ditumpukan kepada pembangunan keusahawanan. Nilai hasil perolehan koperasi meningkat kepada RM68.1 bilion pada tahun 2024, berbanding RM41.5 bilion pada tahun 2020. Seramai 56,964 orang daripada kumpulan sasar telah mendapat manfaat sosial bernilai RM213 juta melalui pelaksanaan program di bawah Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030. Pelaksanaan Program Inisiatif Pembangunan Rantaian Nilai Perniagaan Inklusif pula telah berjaya menarik penyertaan 10 syarikat melibatkan 417 peserta dalam rantaian nilai perniagaan syarikat.



Sasaran

Tiga sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk membangunkan sektor ketiga sebagai penggerak utama ekonomi sosial dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Pembangunan sektor ketiga akan diperkasakan melalui pendekatan keseluruhan negara bagi memastikan sektor ini menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi sosial yang terangkum dan mampan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha memperkukuh daya tahan dan meningkatkan keterlihatan sektor ketiga serta melipatgandakan penyertaan syarikat yang terlibat dalam perniagaan inklusif. Perincian tiga strategi utama yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

Strategi A10.1: Memperkukuh Daya Tahan Pemain Sektor Ketiga

Usaha akan ditumpukan bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan kewangan pemain sektor ketiga. Program pembangunan kapasiti pemain sektor ketiga akan ditumpukan kepada penyediaan latihan dan khidmat nasihat, peningkatan kemahiran berkaitan pengurusan dan pentadbiran organisasi serta pemantapan program bimbingan secara mentor-mentee. Selain itu, pemain sektor ketiga akan digalakkan untuk menerapkan amalan ESG dalam usaha menambah baik daya saing organisasi.

Sumber pembiayaan alternatif, seperti sukuk sosial, pendanaan awam, zakat dan wakaf akan diteroka bagi meningkatkan dana dan mengurangkan kebergantungan langsung kepada kerajaan. Kerjasama dalam kalangan agensi kerajaan akan dipertingkat bagi memastikan pengagihan sumber pembiayaan yang adil dan telus. Di samping itu, model pembiayaan campuran akan diperluas bagi mengurangkan risiko pelaburan, manakala organisasi bukan berasaskan keuntungan akan digalakkan untuk meneroka aktiviti yang boleh menjana pendapatan sendiri bagi meningkatkan kemampuan kewangan.

Strategi A10.2: Meningkatkan Keterlihatan Sektor Ketiga

Usaha untuk meningkatkan keterlihatan sektor ketiga akan dipergiat melalui aktiviti promosi dan pemasaran bersepadu bagi produk dan perkhidmatan yang dikeluarkan. Peluang untuk sektor ketiga terlibat dalam perolehan kerajaan dan GLC bagi membekalkan produk dan perkhidmatan akan diteroka. Akses pasaran juga akan diperluas melalui kempen 'Buy Social' yang akan menyokong inisiatif 'Made by Malaysia'. Selain itu, padanan perniagaan dan aktiviti pemasaran melalui platform e-dagang akan digalakkan dengan kerjasama strategik awam dan swasta. Inisiatif melalui pengiktirafan sosial dan insentif kepada pihak yang menyokong aktiviti sektor ketiga juga akan ditambah baik untuk merancakkan ekonomi sosial.

Strategi A10.3: Melipatgandakan Penyertaan Syarikat dalam Perniagaan Inklusif

Kemampuan perniagaan sektor ketiga akan diperkukuh melalui penglibatan syarikat dalam model perniagaan inklusif. Rangka tindakan perniagaan inklusif akan dibangunkan untuk menyediakan ekosistem yang menyokong bagi memudah cara syarikat yang membuka peluang ekonomi kepada sektor ketiga dalam rangkaian nilai. Kerjasama strategik antara kerajaan, GLC, syarikat multinasional, NGO, CSO, perusahaan sosial dan koperasi juga akan dipergiat bagi menyokong syarikat yang terlibat dalam perniagaan inklusif. Selain itu, insentif bersasar, termasuk geran dan sokongan pembiayaan akan diperkenalkan untuk syarikat yang menjalankan perniagaan inklusif atau syarikat yang menyediakan dana kepada pihak yang melaksanakan model perniagaan inklusif.

Rumusan

Ekonomi Malaysia telah melalui peralihan daripada yang berasaskan sumber kepada pembuatan dan perkhidmatan. Cabaran dan peluang yang wujud daripada trend mega membuka laluan untuk negara memperkukuh keupayaan dan daya saing melalui tumpuan kepada pelonjakan inovasi dan penggunaan teknologi termaju serta pembangunan bakat yang tersedia untuk masa hadapan. Justeru, RMK13 akan memberi tumpuan untuk beralih kepada ekonomi berasaskan penciptaan nilai yang bertunjangkan negara AI dengan meningkatkan kerencaman ekonomi. Peralihan ini akan memupuk budaya mencipta seiring dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai *consumption powerhouse* yang mengeluarkan produk 'Made by Malaysia'.





MENINGKATKAN MOBILITI SOSIAL

PENGENALAN

3-2

LIMA KEUTAMAAN MOBILITI SOSIAL

3-3

B1: Reformasi Pendidikan

3-4

Matlamat

3-4

Pencapaian RMKe-12

3-4

Sasaran

3-5

Strategi

3-6

Strategi B1.1: Memperkukuh Tadbir Urus

3-6

Strategi B1.2: Merasionalisasikan Fungsi dan Peranan Institusi Pendidikan

3-6

Strategi B1.3: Mempertingkatkan Keberhasilan Pendidikan

3-6

Strategi B1.4: Menambah Baik Penilaian dan Pentaksiran Pembelajaran

3-7

Strategi B1.5: Memantapkan Kompetensi dan Kecekapan Warga Pendidik

3-7

Strategi B1.6: Menambah Baik Pelaburan Pendidikan

3-7

Strategi B1.7: Memperkasakan Pembelajaran Sepanjang Hayat

3-8

Strategi B1.8: Memperkukuh Ekosistem TVET

3-8

B2: Reformasi Pasaran Buruh

3-9

Matlamat

3-9

Pencapaian RMKe-12

3-9

Sasaran

3-10

Strategi

3-10

Strategi B2.1: Mengurangkan Kebergantungan kepada Pekerja Asing

3-10

Strategi B2.2: Mempercepat Penyelarasan Gaji secara Menyeluruh

3-11

Strategi B2.3: Menyelaras Penawaran dan Permintaan Tenaga Kerja

3-11

Strategi B2.4: Meningkatkan Kesejahteraan Pekerja

3-11

Strategi B2.5: Meningkatkan Penyertaan Pekerja Berusia, Wanita dan Orang Kurang Upaya

3-12

Strategi B2.6: Menambah Baik Pengurusan Perburuhan

3-12

B3: Pengukuhan Pembangunan Terangkum dari Perspektif Pelbagai Dimensi

3-12

Matlamat

3-13

Pencapaian RMKe-12

3-13

Sasaran

3-14

Strategi

3-14

Strategi B3.1: Memperkukuh Pengurusan Kos Sara Hidup

3-14

Strategi B3.2: Menangani Kemiskinan

3-15

Strategi B3.3: Merapatkan Kesenjangan

3-16

Strategi B3.4: Menambah Baik Perlindungan Sosial

3-16

B4: Peningkatan Tahap Sosioekonomi Golongan Sasar

3-16

Matlamat

3-17

Pencapaian RMKe-12

3-17

Sasaran

3-18

Strategi

3-19

Strategi B4.1: Meningkatkan Keberhasilan Bumiputera yang Lebih Bermakna

3-19

Strategi B4.2: Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli

3-19

Strategi B4.3: Membangunkan Sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak

3-19

Strategi B4.4: Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Cina

3-20

Strategi B4.5 Menambah Baik Kualiti Hidup Masyarakat India

3-20

Strategi B4.6: Meningkatkan Kesejahteraan Kanak-Kanak

3-20

Strategi B4.7: Membangunkan Belia yang Berkebolehan, Berdaya Saing dan Sejahtera

3-21

Strategi B4.8: Memperkukuh Peranan dan Tanggungjawab Lelaki dan Wanita dalam Pembangunan Sosioekonomi Negara

3-22

Strategi B4.9: Meningkatkan Kesejahteraan Orang Kurang Upaya	3-22
Strategi B4.10: Memperkukuh Institusi Kekeluargaan	3-23
B5: Penyeimbangan Kemajuan Ekonomi Wilayah dan Pengukuhan Pembangunan Luar Bandar	3-23
Matlamat	3-23
Pencapaian RMKe-12	3-24
Sasaran	3-25
Strategi	3-26
Strategi B5.1: Mempercepat Pembangunan Kawasan yang Kurang Membangun	3-26
Strategi B5.2: Mempertingkatkan Pembangunan dan Pengurusan Bandar	3-27
Strategi B5.3: Mempertingkatkan Kecekapan Perancangan dan Tadbir Urus Pembangunan Wilayah	3-28
Strategi B5.4: Memperkukuh Integrasi Ekonomi	3-28

RUMUSAN	3-29
----------------	-------------

Pengenalan


Pembangunan sosioekonomi negara sentiasa menitikberatkan peningkatan mobiliti sosial¹, iaitu keupayaan rakyat bergerak daripada satu kedudukan kepada kedudukan yang lebih baik dalam hierarki sosial. Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030 (RMK13) akan merombak strategi bagi meningkatkan mobiliti sosial dengan mewujudkan kesaksamaan peluang melalui pendekatan keseluruhan negara dan terangkum, untuk mencapai aspirasi Ekonomi MADANI. Bagi tujuan ini, strategi yang akan diperkenalkan adalah sejajar dengan teras utama Ekonomi MADANI, iaitu menaikkan lantai, menaikkan siling dan tatakelola baik. Keutamaan akan diberikan untuk melaksanakan anjakan besar, terutama dengan mereformasi pendidikan dan pasaran buruh, memperkukuh pembangunan terangkum serta meningkatkan tahap sosioekonomi golongan sasaran dalam usaha untuk menaikkan lantai. Langkah untuk memperkukuh ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan menyeimbangkan pembangunan ekonomi wilayah akan dipergiat untuk menaikkan siling. Anjakan besar ini akan dilengkapi dengan usaha untuk memperkukuh tatakelola. Strategi ini bertujuan untuk membantu rakyat mendepani kenaikan kos sara hidup, menjamin kehidupan wajar dan mewujudkan sistem sosial berteraskan insan MADANI.

Pelbagai pencapaian telah dicatat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), namun sebahagian daripada indikator mobiliti sosial masih berada pada tahap yang rendah, yang memerlukan tindakan pengukuhan berterusan dan berani. Pencapaian negara bagi Harmonised Learning Outcome pada tahun 2020 hanya berada pada tahap sederhana berbanding perbelanjaan pendidikan yang besar setiap tahun. Kadar bekerja graduan hanya mencapai 67.9% dan sumbangan pampasan pekerja kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) adalah sebanyak 33.1% pada tahun 2023. Selain itu, rakyat masih berhadapan dengan isu kemiskinan, ketidaksamarataan, perlindungan sosial yang tidak mencukupi dan peningkatan kos sara hidup. Penyampaian perkhidmatan dan reka bentuk program untuk golongan sasaran juga kurang berkesan. Usaha untuk merapatkan jurang pembangunan antara wilayah dan negeri serta kawasan luar bandar dan bandar juga masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan.

¹ Merujuk kepada perubahan dalam keadaan sosioekonomi seseorang, sama ada berbanding dengan ibu bapa (mobiliti antara generasi) atau sepanjang hayat mereka (mobiliti dalam generasi) (World Bank Group, World Development Report 2024: The Middle-Income Trap (2024)).

Lima Keutamaan Mobiliti Sosial

Dalam tempoh RMK13, tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk meningkatkan mobiliti sosial menerusi lima keutamaan, iaitu:



B1: Reformasi Pendidikan

Sistem pendidikan di Malaysia telah melalui pelbagai fasa perubahan. Beberapa dasar berkaitan pendidikan telah diperkenalkan untuk merapatkan jurang yang terhasil daripada dasar *laissez-faire* serta pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh British. Sistem pendidikan pascamerdeka telah melalui beberapa transformasi dengan pengenalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan pelbagai akta untuk membangunkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Akses kepada pendidikan rendah telah mencapai tahap universal, namun secara umumnya, masih terdapat kelemahan dari segi kualiti dan keberhasilan pada pelbagai tahap pendidikan. Antara isu dan cabaran yang dikenal pasti termasuk keperluan untuk menyelaraskan dasar dan akta berkaitan pendidikan pada pelbagai peringkat, menambah baik tatakelola serta menangani keciciran pelajar sepanjang kontinum pembelajaran.

Matlamat

Reformasi pendidikan secara menyeluruh memerlukan komitmen semua pihak, termasuk ibu bapa, pelajar, pendidik, masyarakat dan sektor swasta melalui pendekatan keseluruhan negara untuk bersama-sama Kerajaan dalam memperkasakan sistem pendidikan negara merentasi kontinum pembelajaran. Reformasi ini akan menaikkan lantai dan memperkukuh tatakelola selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI bagi mewujudkan sistem sosial yang berteraskan nilai insan MADANI. Langkah ini juga akan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berdaya cipta, berketerampilan, berakhlak mulia, berkeyakinan tinggi, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Reformasi ini juga dapat membentuk bakat tersedia masa hadapan bagi memenuhi keperluan dan menyokong perubahan struktur industri serta meningkatkan daya saing negara ke arah ekonomi berasaskan penciptaan nilai.


Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, pembangunan pendidikan ditumpukan kepada peningkatan akses dan kualiti. Sebanyak 102 projek sekolah baharu telah diluluskan di bawah RMKe-12 bagi menyediakan akses yang lebih luas kepada pendidikan. Enrolmen pelajar prasekolah adalah pada 93.5% dan pelajar sekolah menengah pada 94.9% pada tahun 2024, menghampiri kadar enrolmen sejagat 95%. Dasar Pendidikan Digital pada peringkat sekolah dan Pelan Pendigitalan Pendidikan Tinggi juga telah diperkenalkan dalam mempertingkatkan penguasaan pelajar dan tenaga pendidik dalam kemahiran teknologi terkini, seperti kecerdasan buatan (AI), data raya dan internet benda. Di samping itu, penerapan karamah insaniah dalam kalangan pelajar telah dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada aspek pembentukan akhlak dan pembangunan sahsiah untuk melahirkan generasi yang berdaya tahan dan berdaya saing.

Kualiti pendidikan tinggi semakin bertambah baik dengan satu universiti awam terus berada dalam kalangan 100 dan empat universiti awam dalam kalangan 200 universiti teratas dalam penarafan QS World University Rankings. Kadar bekerja graduan pula telah mencapai 92.5%, manakala kadar bekerja graduan TVET mencapai 95.6% pada tahun 2024. Majlis TVET Negara telah diperkukuh untuk bertindak sebagai penyelarasan tunggal dalam pembangunan bakat TVET sejajar dengan aspirasi Ekonomi MADANI. Dasar TVET Negara 2030 telah diperkenalkan pada tahun 2024 dalam usaha untuk memperkukuh ekosistem TVET dan memastikan institusi TVET menawarkan program yang memenuhi keperluan industri. Di samping itu, Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia telah dibangunkan untuk mengintegrasikan data TVET merentas pelbagai kementerian serta membolehkan permohonan kemasukan pelajar diselaraskan melalui satu saluran dan penarafan tunggal program TVET dilaksanakan.

Sasaran

Sebanyak 15 sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk mereformasi sistem pendidikan negara dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Nota: PISA merujuk kepada Programme for International Student Assessment.
TIMSS merujuk kepada Trends in Mathematics and Science Study.
SPM merujuk kepada Sijil Pelajaran Malaysia.
TVET merujuk kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional.

Strategi

Reformasi pendidikan merupakan tulang belakang kepada pelbagai perubahan struktur yang disasarkan di bawah RMK13 dan menjadi satu daripada rombakan besar. Reformasi ini memberi tumpuan khusus untuk meningkatkan kemahiran pelajar, kompetensi guru serta kualiti kandungan pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak lapan strategi akan dilaksanakan untuk mereformasi pendidikan negara dalam tempoh RMK13 seperti berikut:

Strategi B1.1: Memperkukuh Tadbir Urus

Tatakelola pada semua peringkat pembelajaran dalam sistem pendidikan akan diperkukuh melalui beberapa anjakan besar. Tadbir urus pendidikan prasekolah hingga menengah serta pendidikan prauniversiti dan pendidikan tinggi akan diselaras semula bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan pendidikan. Akta baharu akan digubal bagi mengawal selia pendidikan awal kanak-kanak, manakala langkah akan diambil untuk memperkukuh mekanisme kawal selia pendidikan alternatif. Majlis pendidikan negara yang bertanggungjawab menyelaras, memantau dan mengenal pasti tindakan intervensi akan diwujudkan bagi memastikan sistem pendidikan negara adalah progresif dan bertaraf dunia. Projek rintis pemberian autonomi kepada universiti juga akan dilaksanakan untuk meningkatkan kemampuan kewangan dan daya saing institusi pendidikan tinggi. Usaha mengantarabangsakan institusi pendidikan tinggi awam juga akan diperkukuh dengan memperhebatkan jalinan kerjasama antarabangsa, menambah baik program pengajian dan memperluas pelaksanaan program berkembar bagi meningkatkan daya saing institusi pada peringkat global.

Strategi B1.2: Merasionalisasikan Fungsi dan Peranan Institusi Pendidikan

Fungsi dan peranan institusi pendidikan akan dirasionalisasi bagi mengoptimumkan sumber dan meningkatkan kualiti pendidikan negara. Strategi ini akan dilaksanakan melalui inisiatif seperti menstruktur

semula fungsi dan peranan semua institusi pendidikan bagi meningkatkan kompetensi pendidik supaya sentiasa relevan dengan keperluan pendidikan semasa. Rasionalisasi ini akan melibatkan pengukuhan jaringan kerjasama antara institusi dalam latihan profesionalisme berterusan serta penyelidikan dan inovasi.

Strategi B1.3: Mempertingkatkan Keberhasilan Pendidikan

Keberhasilan pendidikan akan dipertingkatkan melalui pelaksanaan transformasi menyeluruh. Pendidikan awal kanak-kanak atau prasekolah akan diwajibkan pada umur lima tahun dalam usaha untuk mengoptimumkan perkembangan awal minda kanak-kanak. Pemakaian kurikulum prasekolah kebangsaan yang memberi penekanan terhadap penerapan nilai karamah insaniah, pembentukan karakter, pemikiran kritis dan kemahiran hidup akan dijadikan mandatori kepada semua institusi pendidikan awal kanak-kanak. Bagi tujuan ini, penguatkuasaan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] akan diperkukuh. Pendidikan rendah akan dimulakan pada umur enam tahun, selaras dengan amalan antarabangsa. Bahasa Inggeris akan dijadikan sebagai sebahagian daripada bahasa pembelajaran dan perhubungan bagi pelajar tahap satu, manakala pembelajaran bahasa tambahan akan diperluas di sekolah rendah untuk meningkatkan penguasaan bahasa sejak dari awal persekolahan. Kurikulum sekolah akan ditambah baik dengan memberi penekanan terhadap aspek kenegaraan, sosioemosi, kemahiran asas literasi dan digital, di samping keusahawanan, kewangan dan kelestarian.

Ketersediaan pendidikan untuk murid berkeperluan pendidikan khas akan diperluas di seluruh negara, daripada prasekolah hingga sekolah menengah. Langkah ini bertujuan meningkatkan akses pendidikan kepada kumpulan pelajar berkenaan dalam usaha untuk memastikan tiada sesiapa yang tertinggal. Kajian semula akan dilaksanakan untuk mengenal pasti waktu persekolahan optimum, menilai keberkesanan sekolah khusus serta menambah baik model pendidikan bagi pelajar pintar cerdas dan berbakat dalam meningkatkan keberhasilan pendidikan.

Skim praktikal wajib berbayar akan diperkenalkan bagi meningkatkan keberhasilan graduan. Usaha ini juga adalah untuk menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana mengambil pelajar universiti bagi menjalani latihan industri. Model pembelajaran berasaskan permintaan akan diperluas dengan meningkatkan kerjasama universiti awam dan sektor swasta melalui pensijilan kemahiran dan pengalaman kerja.

Strategi B1.4: Menambah Baik Penilaian dan Pentaksiran Pembelajaran

Penilaian dan pentaksiran pembelajaran akan ditambah baik untuk meningkatkan tahap kualiti pendidikan negara agar setanding dengan pencapaian antarabangsa. Satu kajian akan dilaksanakan untuk menilai keberkesanan sistem penilaian dan pentaksiran pada peringkat persekolahan. Selain itu, pengukuran baharu tahap keberhasilan graduan akan diperkenalkan bertujuan untuk menangani ketidakpadanan kemahiran dan kompetensi, seterusnya menyelesaikan isu graduan bekerja di bawah kelayakan.



Strategi B1.5: Memantapkan Kompetensi dan Kecekapan Warga Pendidik

Usaha memantapkan tahap kompetensi dan kecekapan warga pendidik akan dilaksanakan secara tuntas sebagai sebahagian daripada komitmen bagi meningkatkan kualiti pendidikan. Mekanisme pengambilan guru daripada pelbagai sumber secara terbuka akan dimantapkan untuk memastikan tenaga pengajar terbaik diperoleh. Program peningkatan kemahiran mengajar secara berterusan untuk guru sebagaimana amalan profesion lain akan diperkenalkan bagi membolehkan guru mempunyai kompetensi dan pengetahuan terkini selaras dengan keperluan semasa.

Tenaga pengajar di sekolah rendah akan dilatih supaya berkeupayaan untuk mengajar semua mata pelajaran asas bagi pelajar tahap satu. Namun begitu, mata pelajaran Pendidikan Islam hanya boleh diajar oleh guru Pendidikan Islam. Kajian akan dilaksanakan untuk menilai kebolehlaksanaan penempatan dan mobiliti silang antara pelbagai profesion bagi meningkatkan kompetensi pendidik dan mendapatkan bakat terbaik. Kaedah kenaikan pangkat guru pula akan disemak semula bagi menyediakan laluan kerjaya yang lebih berdaya saing setanding dengan profesion lain.

Strategi B1.6: Menambah Baik Pelaburan Pendidikan

Pelaburan dalam pendidikan akan terus ditambah baik bagi membolehkan perbelanjaan Kerajaan dioptimumkan. Penyediaan fasiliti pendidikan, termasuk prasekolah akan diperkukuh mengikut keperluan pembelajaran. Pembinaan sekolah akan dijadikan satu daripada syarat Kebenaran Merancang bagi projek perumahan berskala besar bagi mempercepat penyediaan fasiliti pendidikan selaras dengan keperluan setempat. Pembinaan sekolah vertikal akan diperluas bagi menangani isu kepadatan pelajar dan ketiadaan tapak sekolah yang bersesuaian. Selain itu, sekolah berasaskan komuniti juga akan diperluaskan untuk masyarakat Orang Asli serta penduduk yang tinggal di rumah panjang dan kawasan pedalaman. Pendekatan ini akan meningkatkan akses pendidikan kepada kumpulan sasar tanpa melibatkan implikasi kos yang tinggi.

Penajaan pendidikan oleh Kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan ditambah baik bagi memastikan bidang tajaan adalah sejajar dengan keperluan sebenar negara dan dapat mengatasi isu penghijrahan bakat. Selain itu, keutamaan akan diberikan kepada rakyat Malaysia yang menyambung pengajian ke peringkat pascasiswazah di institusi pendidikan tinggi tempatan. Skim pinjaman pendidikan di bawah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional akan dikaji semula supaya lebih bersasar, berfokus dan mampan. Satu platform tunggal pada peringkat nasional bagi penajaan dan sumbangan pendidikan juga akan diwujudkan untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan pembiayaan pendidikan. Platform ini akan memudah cara sumbangan oleh ibu bapa, alumni, masyarakat, pihak swasta dan industri.

Strategi B1.7: Memperkasakan Pembelajaran Sepanjang Hayat


Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) akan diperkukuh sebagai persiapan menghadapi negara tua menjelang tahun 2043. Program PSH untuk warga usia era ketiga akan ditawarkan melalui konsep Universiti Era Ketiga. Bagi mengoptimumkan penggunaan sumber, fasiliti awam seperti pusat sukan dan perpustakaan akan turut digunakan untuk pelaksanaan PSH, termasuk pembelajaran secara sendiri atau sesama rakan sebaya. Selain itu, tadbir urus berkaitan PSH akan ditambah baik bagi mengarusperdanakan PSH sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan negara.

Strategi B1.8: Memperkukuh Ekosistem TVET

Tadbir urus TVET akan diperkukuh melalui penubuhan Suruhanjaya TVET sebagai entiti khusus bagi mengawal selia institusi TVET serta memantau strategi dan inisiatif di bawah Dasar TVET Negara. Kajian mengenai penggubalan akta TVET juga akan dilaksanakan bagi menambah baik tatakelola TVET. Peluasan tahap pensijilan kemahiran di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia akan dilaksanakan melalui pindaan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] bagi memartabatkan TVET sebagai laluan yang setara dengan laluan akademik dalam sistem

pendidikan tinggi negara. Selain itu, sistem penarafan institusi TVET akan dibangunkan bagi memastikan kualiti program selaras dengan keperluan industri serta agihan peruntukan yang optimum.

Program TVET akan diperkukuh selaras dengan keperluan industri. Dalam hubungan ini, penawaran program TVET akan mengambil kira pelaburan berasaskan industri pertumbuhan dan nilai yang tinggi (HGHV) dan sektor strategik serta teknologi termaju. Usaha ini akan menyokong keperluan pembangunan bakat yang diperlukan di kawasan pelaburan strategik, seperti Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP) dan Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP). Dalam hubungan ini, kerjasama antara institusi TVET awam dan industri akan dipergiat melalui perkongsian kepakaran dan teknologi terkini, termasuk AI dan pembangunan kurikulum serta program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula tenaga pengajar TVET. Selain itu, bagi memartabatkan TVET sebagai platform tahfiz, penawaran program TVET akan diperluaskan kepada pelajar tahfiz dan huffaz.





B2: Reformasi Pasaran Buruh

Kewujudan pasaran buruh yang berdaya saing adalah penting untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Daya saing pasaran buruh telah bertambah baik melalui pengenalan pelbagai dasar berkaitan perburuhan, penggajian dan perlindungan sosial. Namun, jurang antara permintaan dan penawaran bakat terus wujud dan menyebabkan berlakunya ketidakpadanan kemahiran dengan pekerjaan dan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran. Selain itu, kebergantungan berterusan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah telah memperlahankan penerimgunaan teknologi. Isu ini mengakibatkan kesan berantai dalam pasaran buruh, termasuk dominasi pekerjaan dengan kemahiran dan gaji yang rendah, herotan gaji serta pertumbuhan produktiviti yang perlahan.

Matlamat

Reformasi pasaran buruh bermatlamat untuk mewujudkan ekosistem pekerjaan yang lebih dinamik, berdaya saing dan mampan sejajar dengan aspirasi Ekonomi MADANI bagi menaikkan lantai serta menjamin kehidupan wajar. Kejayaan reformasi ini memerlukan kerjasama erat antara pihak Kerajaan, majikan dan pekerja. Pasaran buruh yang berdaya saing akan dapat mewujudkan

lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran dengan gaji yang tinggi kepada bakat tempatan, menyediakan bakat berkemahiran yang diperlukan oleh industri serta meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi negara.

Pencapaian RMKe-12

Pasaran buruh negara telah bertambah baik dengan kadar pengangguran berkurangan kepada 3.2% pada tahun 2024, berbanding 4.5% pada tahun 2020. Komposisi pekerja mahir telah meningkat daripada 29.6% pada tahun 2020 kepada 30.2% pada tahun 2024. Kertas Putih Dasar Gaji Progresif (DGP) telah dibentangkan di Parlimen pada tahun 2023 dan projek rintis DGP melibatkan sebanyak 756 majikan dilaksanakan pada tahun 2024. Pelaksanaan penuh DGP dimulakan pada awal tahun 2025 dengan sasaran penyertaan seramai 50,000 pekerja. Perintah Gaji Minimum (PGM) pula telah disemak sebanyak dua kali dalam tempoh RMKe-12. Semakan pertama melibatkan kenaikan gaji minimum daripada RM1,200 kepada RM1,500 berkuat kuasa pada Mei 2022, manakala semakan kedua pula melibatkan kenaikan gaji minimum kepada RM1,700 berkuat kuasa pada Februari 2025. Usaha untuk menambah baik gaji pekerja berjaya meningkatkan gaji dan upah penengah bulanan kepada RM2,602 pada tahun 2023, daripada RM2,076 pada tahun 2020.

Mekanisme Levi Pelbagai Peringkat (MTLM) yang menetapkan kadar levi berbeza untuk setiap sektor mengikut tahap kebergantungan pekerja asing telah diluluskan pada tahun 2024. Langkah ini dijangka dapat meningkatkan penciptaan peluang pekerjaan mahir untuk bakat tempatan melalui peralihan kepada automasi dan mekanisasi. Selain itu, program Akademi Dalam Industri (ADI) yang berteraskan permintaan industri telah dilaksanakan sejak tahun 2023 bagi meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan. Seramai 20,088 peserta telah mendaftar untuk menyertai program ADI sehingga tahun 2024. Program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah berjaya melatih seramai 3,886,470 pekerja dari tahun 2021 hingga 2024.

Sasaran

Enam sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha mereformasi pasaran buruh negara dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Reformasi pasaran buruh adalah penting bagi menangani kelemahan struktur ekonomi. Pengurangan pekerja asing berkemahiran rendah secara signifikan merupakan pendekatan yang penting ke arah mengukuhkan ekonomi berasaskan teknologi dan penciptaan nilai. Sebanyak enam strategi akan dilaksanakan untuk mereformasi pasaran buruh dalam tempoh RMK13, seperti berikut:

Strategi B2.1: Mengurangkan Kebergantungan kepada Pekerja Asing

Usaha bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, terutama yang separuh mahir akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan daya saing negara dan menangani cabaran berkaitan gaji dan produktiviti yang rendah. Jumlah pekerja asing disasarkan untuk dikurangkan secara signifikan kepada 10% daripada tenaga kerja pada tahun 2030 secara purata dan sehingga 5% pada tahun 2035. Pengurangan ini akan mengambil kira keperluan khusus setiap sektor, terutama untuk pekerja dalam kategori kotor, bahaya dan sukar (3D). Dalam hubungan ini, MTLM akan dilaksanakan pada tahun 2026 bagi menyokong pengurangan kebergantungan kepada pekerja asing. Kutipan levi tambahan daripada pelaksanaan MTLM akan dimasukkan dalam satu kumpulan wang amanah yang akan diwujudkan bagi menggalakkan automasi dan mekanisasi. Syarat pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara juga akan diperketat, termasuk kriteria kelayakan untuk pertukaran majikan dan sektor, halangan untuk berniaga dan penetapan had tahun bekerja yang lebih pendek. Selain itu, permohonan pekerja asing akan disyaratkan untuk melalui rumah penjelasan yang akan diwujudkan bagi memudah cara pepadanan peserta program ADI terlebih dahulu sebelum diluluskan. Langkah ini akan memastikan pekerja tempatan diberikan keutamaan untuk mengisi kekosongan jawatan.

Ketersediaan kemudahan penginapan yang selesa dan berhampiran dengan tempat kerja merupakan antara faktor penting dalam pemilihan pekerjaan oleh pekerja tempatan. Inisiatif akan diperkenalkan bagi menggalakkan majikan untuk menyediakan lebih banyak kemudahan penginapan kepada pekerja tempatan sebagai langkah untuk meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan. Selain itu, akta dan peraturan berkaitan penyediaan kemudahan penginapan atau faedah penginapan kepada pekerja akan dikaji bagi menjamin kebajikan dan keselamatan pekerja dan meningkatkan produktiviti tenaga kerja tempatan.

Strategi B2.2: Mempercepat Penyelarasan Gaji secara Menyeluruh

Usaha untuk mempercepat penyelarasan gaji secara menyeluruh akan dilaksanakan untuk mengurangkan jurang gaji dan meningkatkan pampasan pekerja. Peranan Majlis Perundingan Gaji Negara akan diperkasakan untuk merangkumi penyelarasan semua perkara berkaitan gaji. Langkah ini akan membolehkan penetapan gaji permulaan siswazah, termasuk untuk lepasan TVET serta pengawalseliaan aspek pematuhan garis panduan gaji dalam pelaksanaan DGP. Selain itu, semakan semula gaji minimum secara berkala akan mengambil kira gaji kehidupan wajar bagi memastikan golongan pekerja mendapat gaji yang setimpal dengan kos sara hidup. Portal e-MASCO juga akan ditambah baik sebagai platform maklumat pekerjaan yang menyeluruh, termasuk maklumat berkaitan gaji yang akan menjadi sumber rujukan pekerja dan pihak berkepentingan.

Platform rundingan untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana akan dibangunkan bagi meningkatkan kuasa rundingan pekerja, terutama berkaitan peningkatan gaji. Usaha ini bagi memastikan kebajikan pekerja adalah terpelihara, walaupun tidak menyertai kesatuan sekerja. Penyelarasan gaji yang tuntas adalah penting dalam memastikan golongan pekerja menikmati perkongsian ekonomi yang lebih seimbang dan penawaran gaji yang lebih berdaya saing.

Strategi B2.3: Menyelaras Penawaran dan Permintaan Tenaga Kerja

Pemadanan yang bertepatan dan berkesan antara penawaran dan permintaan tenaga kerja adalah penting bagi memastikan penyediaan bakat yang memenuhi keperluan industri. Mekanisme dwi sistem yang berteraskan penawaran dan permintaan tenaga kerja akan diperluas bagi memastikan penyediaan tenaga kerja adalah berdasarkan kepada kemahiran yang diperlukan oleh industri. Pelaksanaan ADI yang berteraskan kepada permintaan industri akan ditambah baik bagi membolehkan pekerja mendapat kelayakan

akademik pada peringkat tertinggi berbanding hanya Sijil Kemahiran Malaysia dan Diploma Profesional.

Perancangan tenaga kerja negara akan ditambah baik melalui rasionalisasi pelbagai platform tenaga kerja kepada satu platform tunggal. Semua maklumat berkaitan penawaran, termasuk latihan dan ketersediaan bakat serta permintaan tenaga kerja akan diselaraskan melalui platform ini. Usaha ini akan membolehkan penyelarasan semua program latihan dan kemahiran dilaksanakan secara bersepadu dan menyeluruh. Selain itu, satu mekanisme spesifik akan diperkenalkan bagi mengukur keberkesanan latihan kemahiran. Mekanisme ini antara lain akan mengukur produktiviti pekerja selepas menjalani latihan kemahiran.

Strategi B2.4: Meningkatkan Kesejahteraan Pekerja

Simpanan persaraan yang mencukupi adalah penting bagi menjamin kebajikan pekerja pada usia tua. Oleh itu, satu mekanisme yang lebih baik akan diteroka bagi menjamin pendapatan yang berterusan selepas bersara. Mekanisme ini akan membolehkan pengasingan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada dua komponen, iaitu simpanan persaraan dan pencen persaraan. Melalui usaha ini, golongan pekerja akan dapat mengeluarkan sebahagian daripada simpanan, di samping menerima pencen bulanan pada umur persaraan.

Perlindungan sosial untuk semua golongan pekerja akan diperkukuh bagi memastikan perlindungan yang lebih menyeluruh, termasuk ke atas risiko kehilangan pekerjaan dan kemalangan. Perundangan khusus untuk pekerja gig akan digubal bagi menjamin kebajikan pekerja gig, termasuk hak untuk bekerja dalam suasana yang selamat, sihat dan kondusif. Perlindungan daripada bencana pekerjaan pula akan ditambah baik untuk meliputi kemalangan di luar waktu bekerja dan bukan berkaitan kerja. Perkhidmatan rehabilitasi dan pemulihan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) juga akan diperluas bagi membolehkan pekerja yang ditimpa kemalangan menerima rawatan yang diperlukan dan kembali bekerja.

Inisiatif yang menitikberatkan keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan akan terus diperluas bagi meningkatkan kesejahteraan pekerja. Aturan kerja fleksibel yang membolehkan pekerja menyesuaikan jadual kerja dengan keperluan kehidupan akan terus digalakkan. Langkah ini juga akan dapat membantu mengurangkan risiko psikososial dan meningkatkan produktiviti pekerja serta memastikan pekerja kekal dalam sektor formal yang lebih terjamin.

Strategi B2.5: Meningkatkan Penyertaan Pekerja Berusia, Wanita dan Orang Kurang Upaya

Peralihan kepada negara tua memerlukan penyesuaian dalam pasaran buruh dilaksanakan dengan segera. Dalam hubungan ini, langkah untuk meningkatkan penyertaan pekerja berusia, wanita dan orang kurang upaya (OKU) dalam pasaran buruh akan dipergiat sebagai sebahagian daripada inisiatif menambah baik pasaran buruh. Pindaan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [Akta 753] dan pengenalan perundangan berkaitan penggajian semula dengan terma yang lebih fleksibel akan dilaksanakan bagi memberi pilihan kepada pekerja berusia yang produktif untuk terus kekal dalam pasaran buruh.

Program ADI akan diperluas dengan turut memberi tumpuan kepada penyertaan pekerja berusia, wanita dan OKU. Selain itu, inisiatif berkaitan kesaksamaan dan keterangkuman dalam pasaran buruh akan ditambah baik melalui pengenalan program pengiktirafan kepada syarikat yang menggaji pekerja berusia, wanita dan OKU. Program sedia ada, termasuk oleh perusahaan sosial (SE), akan diperluas untuk menggalakkan penyertaan pekerja berusia, wanita dan OKU dalam ekonomi digital.

Inisiatif untuk memudah cara golongan wanita kembali ke pasaran kerja akan ditambah baik bagi meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita. Dalam hubungan ini, pelaksanaan dasar berkaitan aturan kerja fleksibel dan program padanan kerjaya akan diperkukuh serta penyediaan kemudahan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja akan diperluas. Selain itu, program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula, khusus bagi

golongan wanita yang ingin kembali bekerja akan diperkenalkan bagi mewujudkan pasaran kerja yang lebih terangkum dan responsif.

Strategi B2.6: Menambah Baik Pengurusan Perburuhan

Pengurusan berkaitan perburuhan akan ditambah baik selaras dengan perkembangan pasaran buruh yang dinamik. Akta dan peraturan berkaitan perburuhan akan disemak semula bagi memperkukuh pelaksanaan dasar perburuhan dan pembangunan sumber manusia. Kapasiti dan kompetensi pegawai perburuhan juga akan dipertingkat bagi menyokong penguatkuasaan akta dan peraturan berkaitan. Selain itu, pendigitalan dan penerimgunaan AI akan diperluas dalam sistem dan infrastruktur perburuhan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan.

B3: Pengukuhan Pembangunan Terangkum dari Perspektif Pelbagai Dimensi

Malaysia telah melalui evolusi pengukuhan pembangunan terangkum seiring dengan pembangunan ekonomi negara. Pelbagai dasar dan inisiatif telah dan sedang dilaksanakan untuk menyediakan peluang yang saksama bagi menangani kos sara hidup, meningkatkan pendapatan rakyat, mengurangkan jurang ketaksamaan dan memperkukuh kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Usaha memperkukuh pembangunan terangkum ke arah peningkatan mobiliti sosial masih berhadapan dengan beberapa cabaran dari pelbagai dimensi. Cabaran ini tidak hanya tertumpu kepada pertumbuhan pendapatan yang perlahan, namun mencakupi isu ketidaksamarataan peluang, termasuk akses kepada pendidikan, kesihatan dan perumahan serta dalam penciptaan kekayaan. Kelompok kemiskinan juga masih wujud, manakala perlindungan sosial tidak menyeluruh dan kurang berkesan. Di samping itu, pendekatan dan reka bentuk program intervensi sedia ada turut dibelenggu cabaran dari segi keberkesanan dan kemampuan.

Matlamat

Pengukuhan pembangunan terangkum dari perspektif pelbagai dimensi berdasarkan kitaran hidup bertujuan mewujudkan peluang yang saksama dalam meningkatkan mobiliti sosial dan kesejahteraan rakyat. Keberhasilan ini adalah selaras dengan teras Ekonomi MADANI untuk menaikkan lantai bagi membantu rakyat menangani beban kenaikan kos sara hidup, seterusnya menikmati kehidupan wajar dan bermaruah berlandaskan nilai insaniah. Usaha ini memerlukan kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta, masyarakat sivil dan rakyat melalui pendekatan keseluruhan negara.



Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, beberapa petunjuk sosioekonomi terpilih menunjukkan pencapaian yang baik. Pendapatan purata bulanan isi rumah meningkat daripada RM7,901 pada tahun 2019 kepada RM9,155 pada tahun 2024². Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi berkurangan daripada 0.0110 kepada 0.0050. Pekali Gini yang mengukur jurang kesenjangan pendapatan pula semakin mengecil, daripada 0.407 kepada 0.390. Insiden kemiskinan mutlak berada pada tahap 5.8% pada tahun 2024 berbanding 5.6% pada tahun 2019. Pencapaian ini lebih baik daripada insiden kemiskinan pada tahun 2020 yang mencecah 8.4% akibat pandemik COVID-19.

Selaras dengan komitmen Kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar, bantuan sosial dan inisiatif penjaan pendapatan seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR), subsidi bersasar dan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) telah diperkenalkan. Pada tahun 2025, sebanyak 8.5 juta isi rumah telah menerima bantuan STR dan daripada jumlah tersebut, 5.4 juta isi rumah turut menerima Sumbangan Asas Rahmah. Selain itu, sehingga Jun 2025, sebanyak 6,171 isi rumah telah menyertai program IPR dengan 442 peserta di bawah Pembasmian Miskin Tegar berjaya meraih pendapatan melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan makanan. Di samping itu, seramai 1,877 peserta IPR-INTAN dan IPR-INSAN telah berjaya meningkatkan pendapatan bulanan melebihi RM2,000.

Pelbagai inisiatif juga telah dilaksanakan di bawah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara, seperti Program Payung RAHMAH MADANI, Bantuan Awal Persekolahan, skim kawalan harga musim perayaan dan penguatkuasaan serta pemantauan harga barangan bagi mengurangkan beban kos sara hidup. Indeks Kos Sara Hidup dan Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar telah diperkenalkan sebagai panduan perancangan kewangan isi rumah. Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada Januari 2024 sebagai repositori berpusat yang mengandungi profil individu dan isi rumah untuk membantu perancangan sosioekonomi berpandukan data.

² Merujuk kepada data awalan daripada Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sasaran

Enam sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha mengukuhkan pembangunan terangkum dari perspektif pelbagai dimensi dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Nota: Data awalan daripada Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Strategi

Pembangunan terangkum dari perspektif pelbagai dimensi akan diperkukuh bagi mempertingkatkan mobiliti dan kesepaduan sosial. Strategi akan terus ditumpukan kepada ikhtiar memperkukuh pengurusan kos sara hidup, menangani kemiskinan, merapatkan kesenjangan serta

menambah baik perlindungan sosial. Sehubungan itu, empat strategi telah dikenal pasti untuk mengukuhkan pembangunan terangkum seperti berikut:

Strategi B3.1: Memperkukuh Pengurusan Kos Sara Hidup

Pengurusan bebanan kos sara hidup merupakan agenda utama bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pengurusan ini memerlukan pendekatan bersepadu mencakupi pelbagai aspek, terutama pendapatan dan perbelanjaan. Aspek pendapatan merangkumi peluang menjana pendapatan yang mampan melalui pendidikan, pekerjaan dan keusahawanan. Aspek perbelanjaan pula merangkumi kawalan ke atas kos pengeluaran dan harga jualan serta keterjaminan bekalan dan perkhidmatan asas. RMK13 memberi tumpuan kepada usaha menangani kenaikan kos sara hidup yang diperincikan dalam strategi dan inisiatif merentas bidang keutamaan.

Sebagai usaha menyeluruh dalam memperkukuh perancangan, pelaksanaan dan pemantauan strategi untuk menangani kos sara hidup, pelan tindakan sara hidup negara baharu akan diperkenalkan dengan memberi tumpuan, antara lain kepada penstabilan harga barangan dan perkhidmatan serta pengurusan subsidi. Penguatkuasaan secara menyeluruh akan dilaksanakan dengan mengintegrasikan skop penguatkuasaan di seluruh rantai bekalan dan pengedaran untuk menangani gejala pencatutan dan anti-persaingan. Selain itu, inisiatif bagi menawarkan barangan dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan, seperti Program Jualan RAHMAH MADANI akan diperluas ke lebih banyak lokaliti bersesuaian, terutama di kawasan luar bandar.

Pendayaupayaan dan advokasi hak pengguna akan terus diperkukuh melalui pengenalan Pelan Tindakan Kepenggunaan 2030 yang akan memperincikan Dasar Pengguna Negara 2.0. Pelan tindakan ini akan merangkumi aspek pengukuhan tadbir urus, pendayaupayaan pengguna, pembudayaan penggunaan

lestari, pemasaran yang lebih adil serta pemerkasaan adaptasi teknologi melalui pendigitalan dan AI. Usaha ini akan dapat membentuk pengguna yang prihatin ke atas hak masing-masing.



Strategi B3.2: Menangani Kemiskinan

Usaha bersepadu akan terus dipergiat untuk membasmi kemiskinan melalui pewujudan peluang yang saksama dari perspektif pelbagai dimensi, termasuk pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Dasar yang menyeluruh pada peringkat nasional akan digubal untuk menyediakan hala tuju dan pendekatan baharu dalam menangani kemiskinan pelbagai dimensi. PADU akan dijadikan sumber rujukan dalam mengenal pasti kumpulan sasar bagi pelaksanaan intervensi bantuan sosial dan program kemiskinan untuk mengurangkan ralat pemasukan dan penyisihan.

Pendidikan merupakan pemboleh daya asas untuk meraih peluang yang saksama dalam menangani kemiskinan dan meningkatkan mobiliti sosial. Usaha akan ditumpukan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan, daripada peringkat asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak hingga peringkat pengajian tinggi. Selain itu, intervensi berterusan akan dipergiat bagi mencegah keciciran pelajar, termasuk peluasan bantuan yuran, tuisyen dan biasiswa secara bersasar. Program latihan dan kemahiran

kepada kumpulan sasar juga akan dipadankan dengan peluang pekerjaan yang bersesuaian bagi menjamin peningkatan pendapatan yang mampan.

Kesihatan yang baik berkait rapat dengan kemampuan untuk meningkatkan potensi diri, kapasiti dan produktiviti. Justeru, perkhidmatan penjagaan kesihatan untuk isi rumah miskin akan ditambah baik, bermula sejak prakelahiran sehingga hujung usia melalui pendekatan kitaran hidup. Bagi tujuan ini, program perlindungan dan penjagaan kesihatan, seperti inisiatif 1,000 Hari Pertama Kehidupan Anak, Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat dan Skim Perubatan MADANI akan ditambah baik dan diperluas.

Kualiti tempat kediaman serta akses kepada utiliti dan perkhidmatan asas yang mencukupi merupakan komponen penting dalam memastikan taraf hidup yang baik. Dalam hubungan ini, program bantuan perumahan akan diteruskan mengikut keperluan, termasuk bina baru dan baik pulih rumah usang, khususnya bagi isi rumah miskin tegar. Di samping itu, penyediaan infrastruktur, seperti bekalan air bersih dan elektrik serta liputan jalur lebar akan ditingkatkan di kawasan luar bandar untuk membolehkan akses kepada perkhidmatan dan kemudahan asas yang diperlukan.

Bantuan sosial secara bersasar akan diteruskan, termasuk bantuan tunai dan peralatan bagi pembangunan kapasiti dan keusahawanan untuk membolehkan isi rumah keluar daripada kemiskinan. Di samping itu, reka bentuk dan pelaksanaan program penjana pendapatan, seperti IPR, Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) akan ditambah baik bagi meningkatkan keberkesanan. Pendekatan *behavioural insights* akan digunakan dalam penentuan reka bentuk program dan kumpulan sasar bagi memastikan keberhasilan program. Sumber pembiayaan alternatif yang lebih inovatif berdasarkan pendekatan keseluruhan negara akan diteroka dan diperluaskan. Sumber ini adalah termasuk dana impak sosial, model perkongsian awam swasta yang baharu, pembiayaan sosial secara Islamik dan tanggungjawab sosial korporat.

Strategi B3.3: Merapatkan Kesenjangan

Ketidaksamarataan peluang akan memberi kesan berganda pada setiap peringkat kitaran hidup dan meningkatkan risiko kesenjangan. Usaha untuk merapatkan kesenjangan dari pelbagai dimensi akan dipergiat melalui pelaksanaan inisiatif penjana pendapatan isi rumah, termasuk penyediaan peluang pekerjaan dan pembangunan keusahawanan serta pelaksanaan dasar berkaitan pasaran buruh. Penentuan kumpulan sasar dalam pemberian bantuan sosial dan subsidi bersasar akan ditambah baik. Antara kaedah yang akan diteroka adalah berdasarkan Pendapatan Boleh Guna Bersih (NDI)³. Penggunaan NDI sebagai had kelayakan adalah lebih adil berbanding pengelasan berdasarkan pendapatan kasar isi rumah mengikut kumpulan pendapatan B40, M40 dan T20. Di samping itu, indikator jurang kemakmuran akan diperkenalkan sebagai pelengkap kepada pengukuran kesenjangan sedia ada.

Akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran berkualiti sepanjang hayat, termasuk TVET akan dipertingkatkan bagi menambah baik kebolehpasaran ahli isi rumah, khususnya daripada kumpulan berpendapatan rendah. Bagi menangani ketidaksepadanan kemahiran dan ketidaksamarataan akses dalam pasaran buruh, dasar pemadanan kerja akan diperkukuh melalui peluasan sistem sokongan pasaran buruh yang aktif dan bersasar. Pelaksanaan DGP akan diperluas, manakala kajian semula PGM secara berkala yang mengambil kira perubahan kos sara hidup akan terus dilaksanakan bagi merapatkan jurang gaji dan upah.

Program penjana pendapatan, seperti IPR, PEKB dan SPKR akan diperluas dengan reka bentuk program yang ditambah baik bagi memastikan keberhasilan yang maksimum. Selain itu, model pelaksanaan keusahawanan mikro, koperasi dan SE akan diperkukuh, khususnya di lokasi insiden kemiskinan yang tinggi dan pedalaman bagi meningkatkan penjana pendapatan. Penyertaan

dalam ekonomi digital dan ekonomi perkongsian juga akan digalakkan bagi meningkatkan penglibatan isi rumah berpendapatan rendah dalam aktiviti penjana pendapatan melalui penggunaan teknologi.

Strategi B3.4: Menambah Baik Perlindungan Sosial

Reformasi perlindungan sosial yang dimulakan di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-12 akan diteruskan dalam RMK13 dengan memberi tumpuan kepada pengukuhan perlindungan sosial secara menyeluruh. Sehubungan itu, Dasar Perlindungan Sosial Negara akan dirangka bagi menyediakan liputan perlindungan yang terangkum dan menyeluruh kepada rakyat. Selain itu, rangka kerja sistem persaraan dan perlindungan keselamatan sosial akan ditambah baik, termasuk mekanisme pendaftaran dan liputan caruman mandatori skim KWSP dan PERKESO.

B4: Peningkatan Tahap Sosioekonomi Golongan Sasar

Pelbagai dasar dan inisiatif telah dan sedang dilaksanakan bagi meningkatkan tahap sosioekonomi golongan sasar, termasuk Bumiputera, Orang Asli, Anak Negeri Sabah, Bumiputera Sarawak serta isi rumah berpendapatan rendah dalam kalangan masyarakat Cina dan India. Tumpuan turut diberikan kepada kumpulan sasar khusus, iaitu kanak-kanak, belia, OKU dan keluarga. Pengukuhan peranan dan tanggungjawab lelaki dan wanita dalam pembangunan sosioekonomi negara akan turut diberi penekanan.

Cabaran utama yang dihadapi dalam meningkatkan tahap sosioekonomi golongan sasar tersebut termasuk dari segi daya saing dan kapasiti yang masih rendah, akses kepada pembiayaan yang terhad serta penyampaian perkhidmatan dan reka bentuk program yang tidak memenuhi keperluan golongan sasar. Bumiputera khususnya masih berdepan dengan keupayaan yang terhad untuk meningkatkan penyertaan, pemilikan dan penguasaan dalam ekonomi. Pembangunan kanak-

³ Merujuk kepada pengukuran pendapatan isi rumah berasaskan perbezaan antara pendapatan boleh guna dan Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar.

kanak masih berhadapan dengan isu perkembangan dan tumbesaran yang tidak sihat, termasuk ancaman baharu akibat pendedahan kepada teknologi. Golongan belia terus dibelenggu dengan kekangan mobiliti sosial dan keupayaan untuk meneruskan kehidupan yang wajar. Bagi golongan OKU, kesedaran ibu bapa terhadap keperluan pendidikan khas, akses kepada peluang pekerjaan dan perlindungan terhadap sebarang bentuk diskriminasi masih lagi pada tahap rendah. Selain itu, ketersediaan infrastruktur dengan reka bentuk sejagat masih terhad.



Matlamat

Peningkatan tahap sosioekonomi golongan sasaran akan dapat memastikan perkembangan dan kelangsungan hidup, perlindungan serta penyertaan dalam pembangunan sosioekonomi yang lebih bermakna. Langkah strategik ini memerlukan komitmen berterusan semua pihak, baik kerajaan, sektor swasta, masyarakat sivil mahupun setiap individu yang terbabit. Pelaksanaan inisiatif ini adalah bagi memperkasakan golongan sasaran selaras dengan prinsip tiada sesiapa yang tertinggal sejajar dengan teras menaikkan rantai bagi mencapai aspirasi Ekonomi MADANI.

Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, penyertaan Bumiputera dalam pembangunan sosioekonomi terus meningkat. Pendapatan purata bulanan isi rumah Bumiputera telah meningkat daripada RM7,093 pada tahun 2019 kepada RM8,232 pada tahun 2024. Sebanyak 73.4% isi rumah memiliki sekurang-kurangnya satu unit kediaman

pada tahun 2022, berbanding 73.7% pada tahun 2019. Namun, kadar ini adalah lebih baik berbanding 73% yang direkodkan pada tahun 2021 akibat pandemik COVID-19. Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) bertemakan Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera yang Lebih Bermakna telah dilancarkan pada Ogos 2024 bertujuan mengangkat darjat dan martabat Bumiputera. Selain itu, institusi pelaburan Bumiputera telah digabungkan bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus dalam merealisasikan agenda pemerkasaan Bumiputera secara lebih berkesan.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk mempergiat pembangunan sosioekonomi Orang Asli merangkumi pembangunan kapasiti, penajaan pendapatan serta penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas. Bagi meningkatkan pendidikan dan modal insan Orang Asli, sejumlah 13 Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) dibangunkan, manakala sebuah sekolah K9 dinaik taraf kepada K11. Selain itu, sejumlah 2,044 peserta terlibat dalam pembangunan semula ladang Orang Asli melibatkan keluasan 4,411 hektar untuk meningkatkan pendapatan isi rumah. Sehingga Jun 2025, sejumlah 27 kampung dengan keluasan 2,716 hektar telah diwartakan sebagai Kampung Orang Asli, manakala 229.7 kilometer jalan perhubungan desa dibina, 33 kampung dibekalkan dengan kemudahan elektrik serta 222 kampung mendapat akses kepada bekalan air terawat alternatif.

Petunjuk sosioekonomi di Sabah bertambah baik dengan pendapatan purata isi rumah Anak Negeri Sabah meningkat daripada RM5,087 pada tahun 2019 kepada RM5,836 pada tahun 2024. Di bawah Program Khas Anak Negeri Sabah, sejumlah 3,067 peserta telah dilatih dalam bidang pengeluaran produk kraftangan. Sehingga Jun 2025, sejumlah 68,765 hektar tanah Hak Adat Anak Negeri (NCR) telah selesai diukur yang melibatkan 36,368 penerima manfaat bagi melaksanakan aktiviti penajaan pendapatan.

Petunjuk sosioekonomi di Sarawak juga bertambah baik dengan pendapatan purata isi rumah Bumiputera Sarawak meningkat daripada RM4,930 pada tahun 2019 kepada RM5,909 pada tahun 2024. Di bawah


Program Khas Bumiputera Sarawak, sehingga Disember 2024, sejumlah 5,106 orang peserta dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah telah dilatih dalam bidang pertanian bagi membolehkan peserta mengusahakan tanaman makanan dan komoditi di pelbagai lokasi seluas 71 hektar. Sehingga Disember 2024, sebanyak 15,458 hak milik tanah telah dikeluarkan melibatkan kawasan seluas 25,601 hektar yang memberi manfaat kepada 22,457 Bumiputera Sarawak.

Status sosioekonomi pelbagai kumpulan sasar telah meningkat melalui pengukuhan tatakelola serta pelaksanaan program dan inisiatif khusus di bawah RMKe-12. Dasar Sosial Negara 2030 telah dilancarkan pada Oktober 2024 sebagai dasar sosial utama bagi menetapkan hala tuju sosial negara dalam menyelesaikan isu sosial secara menyeluruh menggunakan pendekatan keseluruhan negara. Dasar Kanak-Kanak Negara baharu telah dilancarkan pada November 2024 bagi memastikan suara kanak-kanak didengari dan diambil kira dalam setiap keputusan yang memberi kesan kepada masa depan mereka. Pindaan kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676] telah dikuatkuasakan pada Mac 2025, di samping penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak pada September 2023 bertujuan untuk memperkukuh perlindungan kanak-kanak.

Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 telah dilancarkan pada November 2024 bagi memperkukuh kesejahteraan dan kualiti hidup belia. Kesejahteraan hidup belia bertambah baik berdasarkan peningkatan skor Indeks Belia Malaysia daripada 68.30 pada tahun 2020 kepada 73.59 pada tahun 2024. Selain itu, peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh wanita daripada 55.1% pada tahun 2020 kepada 56.5% pada tahun 2024 menunjukkan keberhasilan pelaksanaan dasar dan inisiatif untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh. Penyertaan OKU dalam perkhidmatan awam menunjukkan peningkatan marginal, daripada 0.29% pada tahun 2020 kepada 0.31% pada tahun 2024, jauh daripada sasaran 1%. Peningkatan Indeks Kesejahteraan Keluarga daripada 7.72 pada tahun 2019 kepada 7.93 pada tahun 2024 menunjukkan pengukuhan institusi keluarga.

Sasaran

Tujuh sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk meningkatkan sosioekonomi kumpulan sasar dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Usaha bagi meningkatkan tahap sosioekonomi golongan sasar akan terus diberikan tumpuan melalui peluasan akses kepada pendidikan dan kerjaya, peningkatan penglibatan dalam keusahawanan dan aktiviti ekonomi serta penambahbaikan infrastruktur. Strategi berani dan radikal akan ditumpukan kepada ikhtiar untuk meningkatkan mobiliti sosial dan kesejahteraan golongan sasar. Sehubungan itu, sebanyak 10 strategi telah dikenal pasti untuk pelaksanaan dalam tempoh RMK13, seperti berikut:

Strategi B4.1: Meningkatkan Keberhasilan Bumiputera yang Lebih Bermakna

Komitmen dalam menjayakan pelaksanaan agenda pemerkasaan Bumiputera akan diteruskan. Sehubungan itu, peranan unit pemerkasaan Bumiputera di semua kementerian akan diperkukuh bagi menyokong agenda Bumiputera sebagai agenda nasional, terutama dalam pelaksanaan dan pemantauan 132 ikhtiar PuTERA35. Pengukuhan unit ini dapat meningkatkan tahap sosioekonomi Bumiputera melalui penyertaan, pemilikan dan penguasaan Bumiputera yang lebih bermakna tanpa meminggirkan kaum lain.

Program keusahawanan yang berupaya mencipta nilai dan meningkatkan skala perusahaan Bumiputera akan diperluas bagi memastikan sumbangan yang lebih bermakna kepada ekonomi negara. Dalam hubungan ini, program keusahawanan akan dijangka semula berdasarkan mandat agensi Bumiputera bagi meningkatkan produktiviti, daya saing dan penskalaan perusahaan Bumiputera dalam pasaran tempatan dan antarabangsa. Program penskalaan berdasarkan konsep perlumbaan secara *relay* akan diperluas bagi memberi sokongan berterusan kepada perusahaan Bumiputera, pada setiap peringkat perkembangan perniagaan bermula dari peringkat mikro sehingga penyenaian awam. Perusahaan Bumiputera juga akan diberi peluang untuk memanfaatkan sektor dan industri yang mempunyai pertumbuhan dan nilai yang tinggi (HGHV) serta berasaskan teknologi termaju, termasuk industri halal. Sehubungan itu, penyertaan GLC, syarikat pelaburan

berkaitan kerajaan dan syarikat swasta akan ditingkatkan dalam menyokong agenda pembangunan Bumiputera untuk menghasilkan lebih ramai pemilik perniagaan dalam kalangan profesional Bumiputera.

Strategi B4.2 Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli

Kualiti hidup masyarakat Orang Asli akan terus dipertingkatkan melalui pelaksanaan pelan tindakan dan pindaan akta yang berkaitan. Dalam hubungan ini, pelan tindakan untuk pembangunan Orang Asli akan dilaksanakan bagi memperkukuh dasar dan tadbir urus serta menambah baik reka bentuk program pembangunan supaya lebih terangkum. Penyampaian perkhidmatan akan diperkukuh melalui pindaan Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]. Di samping itu, lembaga adat akan diwujudkan untuk mereformasi tadbir urus kepimpinan tradisi masyarakat Orang Asli bagi meningkatkan kecekapan Penghulu atau Batin.

Pembangunan bakat masyarakat Orang Asli akan diperkukuhkan dengan menambah baik akses kepada pendidikan dan TVET, termasuk bantuan persekolahan dan biasiswa. Dalam usaha mempercepat pembangunan sosioekonomi, pembangunan semula ladang kelapa sawit dan getah, serta pengukuran tanah akan diteruskan, manakala pembangunan keusahawanan melalui koperasi dan SE akan diperluas. Kesejahteraan masyarakat Orang Asli akan dipertingkatkan melalui penyediaan rumah, infrastruktur dan kemudahan asas seperti jalan, air dan elektrik serta telekomunikasi.

Strategi B4.3 Membangunkan Sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak

Pembangunan sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak akan terus diperkukuh dengan mempercepat pertumbuhan ekonomi dan pembangunan masyarakat. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan, termasuk pemerkasaan bakat, peningkatan infrastruktur dan kemudahan asas serta pengukuran, pewartaan dan pemberian hak milik tanah NCR. Selain itu, peluang perniagaan untuk Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak akan diperluas melalui penyediaan premis komersial dan akses kepada pembiayaan.

Rangka dan pelan tindakan ekonomi secara bersepadu di peringkat negeri akan diperkenalkan untuk memandu hala tuju pembangunan sosioekonomi golongan sasar ini. Usaha juga akan dilaksanakan untuk menambah baik penyelarasan antara agensi Persekutuan dan negeri. Usaha ini akan dapat meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dasar dan program pembangunan sosioekonomi.

Strategi B4.4: Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Cina

Usaha untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat Cina, terutama yang berpendapatan rendah di seluruh negara dalam menghadapi cabaran kos sara hidup akan diperkukuh. Dalam hubungan ini, pembangunan sosioekonomi penduduk berpendapatan rendah di Kampung Baru akan dilaksana berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Kampung Baru. Peluang untuk penduduk terlibat dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan termasuk dalam industri pelancongan yang berpotensi akan dipertingkat melalui penambahbaikan skim pembiayaan sedia ada. Selain itu, sokongan bagi memantapkan lagi pembangunan sosioekonomi akan diteruskan untuk meningkatkan taraf hidup dan mengurangkan ketidaksamarataan dalam kalangan penduduk.

Infrastruktur dan kemudahan awam akan ditambah baik untuk meningkatkan taraf hidup sosioekonomi penduduk, termasuk warga berusia dan belia di Kampung Baru. Di samping itu, bagi menyokong peningkatan sosioekonomi, penyediaan tapak penjaja akan disediakan dan ditambah baik. Selain itu, usaha menaik taraf kemudahan pelancongan akan dilaksanakan bagi memastikan industri pelancongan setempat terus berdaya saing dan mampan.

Strategi B4.5 Menambah Baik Kualiti Hidup Masyarakat India

Usaha untuk menambah baik kualiti hidup masyarakat India, terutama yang berpendapatan rendah di seluruh negara akan dipertingkatkan. Pelaksanaan inisiatif dan program bagi meningkatkan mobiliti sosial

masyarakat ini akan dilaksana berdasarkan Malaysian Indian Blueprint dan Pelan Tindakan Masyarakat India. Inisiatif dan program ini merangkumi aspek pendidikan dan pembangunan bakat, termasuk STEM dan TVET serta peluang kerjaya. Tumpuan akan diberikan untuk menambah baik kualiti kehidupan melalui penyediaan program bersasar, termasuk menambah baik infrastruktur dan kemudahan asas serta membaik pulih rumah.

Langkah juga akan diambil untuk memperkukuh aspek ekonomi, keusahawanan dan pembangunan sosial, meningkatkan peluang kepada perumahan serta memantapkan tatakelola pengurusan masyarakat India, termasuk pada peringkat komuniti. Pelaksanaan inisiatif dan program ini akan berdasarkan mekanisme sedia ada, seperti kemudahan pembiayaan mikro dan sokongan keusahawanan yang akan diperkukuh untuk lebih terangkum. Penggunaan teknologi AI dan pendigitalan akan diperluas bagi memastikan sasaran yang tepat dan keberhasilan yang maksimum.

Strategi B4.6: Meningkatkan Kesejahteraan Kanak-Kanak

Kesejahteraan kanak-kanak akan dipertingkat bagi membangunkan generasi masa hadapan negara dengan memberi tumpuan kepada menambah baik tadbir urus dan keperluan nutrisi serta memastikan akses yang saksama kepada pendidikan dan perlindungan sosial yang menyeluruh. Rangka kerja yang menyeluruh bagi perkembangan kanak-kanak dan pengurusan kesejahteraan kanak-kanak serta garis panduan keselamatan dan pengurangan risiko bencana terhadap kanak-kanak akan dibangunkan. Penambahbaikan tadbir urus ini akan memastikan kanak-kanak dapat melalui proses perkembangan secara sihat, selamat dan bermaruah.

RMK13 akan terus memberi tumpuan untuk menangani isu pemakanan tidak seimbang dalam kalangan kanak-kanak dan ibu mengandung, seperti kekurangan zat makanan dan obesiti. Bagi tujuan ini, inisiatif 1,000 Hari Pertama Kehidupan Anak akan diperkukuh bagi memastikan perkembangan fizikal dan kognitif kanak-kanak diberi penekanan bermula sejak dalam

belia akan diperkukuh menerusi pelaksanaan program pembangunan kapasiti dan dasar awam, latihan advokasi serta penglibatan dalam inisiatif berasaskan komuniti bagi melahirkan pemimpin pelapis yang berwibawa, progresif dan berteraskan nilai. Inisiatif bank masa Rakan Muda akan diteroka sebagai satu pendekatan inovatif dalam memupuk semangat kesukarelawanan, memperkasakan kemahiran dan memperluas jaringan sosial dalam kalangan belia.

Strategi B4.8: Memperkukuh Peranan dan Tanggungjawab Lelaki dan Wanita dalam Pembangunan Sosioekonomi Negara

Pemeriksaan peranan lelaki dan wanita dalam pembangunan negara akan diberi keutamaan sebagai langkah strategik ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih terangkum, progresif dan seimbang. Bagi tujuan ini, *gender impact assessment* dalam pembangunan negara akan dilaksanakan dan penilaian audit gender terhadap program serta projek berimpak tinggi akan diperkenal bagi mengarusperdanakan kesaksamaan akses dan penyertaan aktif, khususnya untuk wanita. Pelan tindakan nasional keamanan dan ketenteraman untuk wanita, khususnya bagi melindungi wanita yang berada dalam sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam akan dibangunkan. Sistem penarafan bintang akan diperluas bagi mengiktiraf syarikat swasta yang menggalakkan dan mengekalkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja. Selain itu, kapasiti dan keupayaan kepimpinan wanita akan dipertingkatkan melalui pengenalan akademi dan hab bagi pemerksaan, pementoran, pembangunan dan sokongan untuk wanita.

Usaha akan dilaksanakan untuk menangani keganasan rumah tangga secara komprehensif menerusi mekanisme kerjasama awam swasta. Penglibatan aktif semua pihak melalui kerjasama ini akan mempercepat tindakan untuk menyediakan perlindungan, sokongan psikologi, perkhidmatan undang-undang dan sokongan lain kepada mangsa keganasan rumah tangga. Selain itu, portal dan aplikasi pusat sehati berkaitan wanita akan dibangunkan sebagai platform bagi memudahkan capaian kepada maklumat, sokongan dan bantuan mengenai pelbagai isu, seperti kesihatan, pekerjaan, hak wanita

dan keganasan rumah tangga. Pelaksanaan inisiatif ini akan dapat meningkatkan akses kepada perkhidmatan awam yang lebih efisien serta mewujudkan masyarakat yang terangkum dan harmoni.

Usaha akan digerakkan bagi memperkukuh peranan dan tanggungjawab lelaki sebagai ketua keluarga serta ejen pembangunan komuniti dan perubahan sosial yang lebih berdaya saing dan progresif. Pengukuhan sahsiah dan kerohanian lelaki sebagai ketua isi rumah akan diberi keutamaan melalui pelbagai inisiatif bagi memperkukuh peranan lelaki sebagai pemimpin, pelindung, pembela dan pendidik serta pencari nafkah utama keluarga. Peranan ini juga akan disokong melalui usaha berterusan untuk memperkasakan wanita dalam pembentukan keluarga bahagia. Inisiatif ini juga akan merangkumi usaha memartabatkan lelaki sebagai pemimpin masyarakat yang beramanah, prihatin dan bertanggungjawab. Di samping itu, peranan Kafe@Teen akan diperluas sebagai platform interaktif bagi membentuk sahsiah remaja yang positif, berakhlak dan berwawasan. Pada peringkat sekolah, pendekatan karamah insaniah akan diberi penekanan dalam silibus pembelajaran bagi memastikan pembentukan jati diri dan nilai murni diterapkan lebih awal.

Strategi B4.9: Meningkatkan Kesejahteraan Orang Kurang Upaya

Usaha meningkatkan kesejahteraan OKU akan diberi keutamaan bagi memastikan golongan ini menjalani kehidupan secara saksama. Bagi menyediakan infrastruktur yang mesra OKU secara menyeluruh, Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (Universal Design) akan dikuatkuasakan, manakala garis panduan penarafan bintang yang seragam oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) akan dibangunkan. Usaha ini akan meningkatkan aksesibiliti OKU ke pelbagai kemudahan dan perkhidmatan serta membolehkan golongan ini menjalani kehidupan secara berdikari.

OKU berpotensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara melalui penyediaan peluang dan sokongan yang mencukupi. Usaha akan diambil untuk memperluas Program Kerjaya Terlindung

dengan kerjasama pihak swasta bagi penempatan latihan industri OKU yang membolehkan golongan ini mengembangkan kemahiran yang bersesuaian dan memperoleh pendapatan. Langkah berterusan akan dipergiat untuk meningkatkan penyertaan OKU dalam perkhidmatan awam bagi mencapai sasaran 1% penyertaan pada tahun 2030. Selain itu, penglibatan OKU dalam proses pembuatan keputusan akan diarusperdanakan bagi memastikan keperluan golongan ini diambil kira dalam perancangan dasar dan program kerajaan.

Strategi B4.10: Memperkukuh Institusi Kekeluargaan

Pembentukan masyarakat sejahtera bermula dengan institusi kekeluargaan yang kukuh. Dalam hubungan ini, agenda nasional untuk KASIH Keluarga Negara akan diperkenalkan bagi memperkukuh sokongan terhadap institusi kekeluargaan. Usaha ini akan disokong oleh advokasi nilai kasih sayang dalam keluarga melalui kempen, program pendidikan dan kerjasama dengan pertubuhan masyarakat sivil. Penerapan nilai kekeluargaan dan tanggungjawab anak akan juga diberi penekanan. Selain itu, perkhidmatan sokongan akan dipergiat bagi mengukuhkan institusi perkahwinan, menyediakan pendidikan keibubapaan dan perkhidmatan kaunseling serta membantu keluarga mengatasi cabaran hidup. Penyelidikan dalam bidang kekeluargaan dan kesihatan reproduktif akan ditingkatkan bagi mengenal pasti kedinamikan keluarga sebagai persiapan menghadapi negara tua.



B5: Penyeimbangan Kemajuan Ekonomi Wilayah dan Pengukuhan Pembangunan Luar Bandar

Pembangunan ekonomi yang seimbang antara wilayah dan pengukuhan pembangunan luar bandar penting untuk memastikan manfaat kepada rakyat adalah saksama, menyeluruh dan terangkum bagi meningkatkan mobiliti sosial. Sejak pascamerdeka, jurang pembangunan antara wilayah yang ketara telah dapat dirapatkan melalui pelaksanaan dasar dan pengagihan sumber yang besar untuk pemajuan kawasan luar bandar dan perbandaran. Peralihan tumpuan kepada pembangunan berfokus berdasarkan koridor dan zon ekonomi telah berjaya merapatkan lagi jurang pembangunan antara wilayah. Namun, susulan daripada perkembangan dan cabaran semasa, tumpuan perlu terus diberikan dalam usaha menangani isu yang mengekang peningkatan mobiliti sosial, termasuk kekurangan pelaburan di luar bandar, rebakan bandar yang tidak terkawal dan ketidakcekapan tadbir urus. Selain itu, peluang integrasi ekonomi melalui kerjasama antara wilayah dan subserantau perlu dimanfaatkan sepenuhnya dalam menyokong pembangunan yang lebih seimbang.

Matlamat

Pembangunan ekonomi yang seimbang dan terangkum akan dapat menyumbang kepada usaha untuk menaikkan siling bagi mencapai aspirasi Ekonomi MADANI. Dalam hubungan ini, peningkatan mobiliti sosial melalui pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dan peluang penajaan pendapatan, pembangunan luar bandar yang lebih rancak, perbandaran yang lebih mampan serta penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan yang berkualiti akan membolehkan rakyat menikmati kehidupan yang lebih sejahtera. Pengukuhan ekosistem yang menyokong dan merangsang pelaburan di luar kawasan tumpuan sedia ada, terutama di luar bandar akan membolehkan industri mendapat akses kepada ketersediaan sumber dengan kos yang optimum. Pembangunan ekonomi yang lebih baik ini akan meningkatkan daya saing negara ke arah menjadi peneraju hab ekonomi serantau.

Pencapaian RMKe-12

Pelbagai langkah telah diambil dalam RMKe-12 untuk mengoptimumkan potensi pembangunan ekonomi di pelbagai wilayah, antaranya membangunkan perbandaran mampan, mentransformasi kawasan luar bandar dan menyediakan kemudahan infrastruktur asas. Dalam hubungan ini, sebanyak RM82.4 bilion telah diperuntukkan kepada enam negeri kurang membangun sebagai usaha merapatkan jurang pembangunan antara negeri. Sehingga 2024, sebanyak 113 bandar telah diiktiraf sebagai bandar mampan dalam usaha merencanakan pembangunan lestari pada peringkat tempatan. Di samping itu, sebanyak sembilan bandar telah berjaya membangunkan Pelan Tindakan Bandar Hijau melalui platform Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) dan Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA).

Pelaksanaan Dasar Pembangunan Luar Bandar telah memberi penekanan untuk meningkatkan akses rakyat di luar bandar kepada infrastruktur dan kemudahan sosial yang setaraf dengan kawasan bandar. Dalam hubungan ini, pembangunan luar bandar dirancang lagi dengan peningkatan infrastruktur asas, iaitu liputan akses kepada air bersih serta selamat telah mencapai 97.5% dan liputan bekalan elektrik meningkat kepada 98%, manakala 2,436 kilometer jalan luar bandar telah


dibina. Sehingga Disember 2024, sembilan daripada 11 pakej kerja projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dan empat daripada 35 pakej kerja projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah telah disiapkan. Sepanjang 148.9 kilometer daripada 233 kilometer Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat telah siap dibina dalam tempoh yang sama. Selain itu, kemudahan dan infrastruktur di hampir 4,000 sekolah juga telah ditambah baik untuk meningkatkan akses pendidikan di luar bandar. Pelaksanaan program Jalinan Digital Negara bagi meningkatkan akses kepada capaian internet di kawasan berpenduduk telah mencapai 98.7%. Pelaburan berimpak tinggi berjaya dibawa ke luar kawasan tumpuan seperti di Kawasan Perindustrian Lembah Chuping dan Pelabuhan Darat Perlis di Perlis, KIGIP di Perak, KHTP di Kedah dan Tok Bali di Kelantan melalui inisiatif pembangunan wilayah.

Perjanjian bersama JS-SEZ telah ditandatangani pada Januari 2025 membabitkan pembangunan 11 sektor ekonomi berimpak tinggi di kawasan seluas 3,588 kilometer persegi yang melibatkan enam daerah di Johor. Peluasan kawasan perindustrian, terutama Taman Perindustrian Kota Kinabalu di Sabah dan Taman Perindustrian Samalaju di Sarawak menyediakan peluang peningkatan pelaburan di kedua-dua negeri ini. Peruntukan sebanyak RM1 bilion telah diluluskan bagi pembangunan kawasan sempadan Sabah-Sarawak-Kalimantan.



Sasaran

Sebanyak 17 sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha menyeimbangkan pembangunan ekonomi antara wilayah dan memperkukuh pembangunan luar bandar dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Nota: Data awalan daripada Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia

Strategi

Tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk menggalakkan aktiviti ekonomi dan pelaburan di kawasan yang kurang membangun, menambah baik pengurusan pembangunan bandar serta mempertingkatkan akses kepada kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan. Selain itu, usaha akan dilaksanakan bagi mempercepat integrasi ekonomi serta menambah baik tadbir urus wilayah. Sebanyak empat strategi telah dikenal pasti untuk merapatkan jurang pembangunan ekonomi antara wilayah dan memperkukuh pembangunan luar bandar dalam tempoh RMK13, seperti berikut:

Strategi B5.1: Mempercepat Pembangunan Kawasan yang Kurang Membangun

Usaha akan dipergiat untuk menarik pelaburan mengikut kesesuaian sumber tempatan bagi mengoptimumkan potensi ekonomi di kawasan kurang membangun, terutama di luar bandar. Dalam hubungan ini, hab pelaburan luar bandar akan dibangunkan dengan mengguna pakai AI geospasial dan data raya. Pelaburan berskala besar dalam industri khusus, termasuk unsur nadir bumi (REE) akan digalakkan mengikut kelebihan sumber wilayah. Selain itu, bakat tempatan akan diperkasakan melalui kerjasama antara institusi latihan, termasuk institusi TVET dan pihak industri bagi memastikan tenaga kerja luar bandar, dilengkapi dengan kemahiran yang dapat menyokong pertumbuhan industri. Pembangunan di kawasan sempadan juga akan terus dipergiat dengan menambah baik infrastruktur asas, meningkatkan kemudahan keselamatan dan mempelbagaikan aktiviti ekonomi setempat. Dalam hubungan ini, akses ke sempadan akan ditambah baik dengan kerjasama dua hala, antaranya Malaysia dan Thailand melalui projek menaik taraf Jambatan Rantau Panjang, Kelantan-Sg. Kolok, Narathiwat, Thailand serta Malaysia dan Indonesia melalui perancangan projek jalan Kalabakan ke Simanggaris.

Pembangunan jalan di bawah RMK13 juga akan ditumpukan untuk menghubungkan jalan utama kepada kawasan yang kurang mendapat liputan bagi menyediakan ketersambungan jalan yang lebih baik serta

menyokong pembangunan wilayah yang lebih seimbang. Penyiapan Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama yang meliputi jajaran dari Bentong, Pahang ke Kuala Krai, Kelantan akan memberikan faedah limpahan ekonomi kepada penduduk pantai timur Semenanjung Malaysia. Selain itu, Projek Sarawak-Sabah Link Road, Projek Lebuhraya Trans Borneo dan pakej seterusnya bagi Projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah akan disiapkan. Projek menaik taraf Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) Laluan Juru-Sg. Dua di Pulau Pinang akan dilaksanakan bagi melancarkan mobiliti dan akses ke wilayah utara. Projek Pelebaran PLUS Laluan Senai Utara-Machap yang sedang dilaksanakan akan merancakkan lagi aktiviti ekonomi dan pelaburan di wilayah selatan. Tumpuan juga akan diberikan kepada aspek keselamatan jalan raya dengan menaik taraf infrastruktur, termasuk pemasangan lampu jalan dan lampu isyarat, selain peluasan pemantauan had laju.

Usaha untuk memperkasakan masyarakat dalam rancangan penempatan, terutama generasi kedua dan ketiga akan dilaksanakan merangkumi aspek penambahbaikan infrastruktur asas, ameniti sosial dan perumahan serta peningkatan kapasiti. Dalam hubungan ini, projek yang akan dilaksanakan termasuk menaik taraf jalan kampung, sistem perparitan dan saliran serta bekalan air, terutama di penempatan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan lembaga kemajuan wilayah (LKW). Pemuliharaan biodiversiti, inisiatif tenaga boleh baharu dan pengurusan sisa pepejal yang berkesan di kawasan ini akan diteroka bagi menyokong agenda sifar karbon negara. Selain itu, pelaburan dalam pendidikan dan TVET serta sokongan kepada usahawan muda dan dalam menangani isu sosial akan diberikan tumpuan bagi melahirkan generasi baharu yang berdaya saing dan progresif. Komuniti FELDA dan FELCRA juga akan digalakkan untuk terlibat dalam kerjasama antarabangsa seperti IMT-GT dan BIMP-EAGA bagi membuka peluang pasaran baharu.

Ekosistem digital di kawasan luar bandar akan diperkukuh bagi menyediakan akses dan peluang kepada komuniti luar bandar untuk terlibat dalam ekonomi digital.

Kemahiran digital usahawan dalam pengurusan operasi dan pemasaran produk tempatan akan dipertingkatkan melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi bagi memperkasakan usahawan. Insentif pelepasan cukai bagi transaksi e-dagang produk keluaran usahawan luar bandar juga akan diteroka. Selain itu, pusat sumber Jabatan Kemajuan Masyarakat akan dinaik taraf menjadi hab digital di kawasan yang tiada kemudahan pusat digital komuniti.



Strategi B5.2: Mempertingkatkan Pembangunan dan Pengurusan Bandar

Kecekapan pembangunan dan pengurusan bandar akan diberi tumpuan bagi menangani cabaran rebakan bandar, kepadatan penduduk berikutan migrasi luar bandar serta kesesakan trafik. Pembangunan bandar pintar akan digalakkan melalui pematuhan kepada indikator bandar pintar di bawah piawaian Bandar dan Komuniti yang Mampan. Usaha akan dipertingkatkan untuk

mencapai sasaran 115 PBT diiktiraf sebagai pelaksana awal bandar pintar pada tahun 2030. Pembangunan infrastruktur yang bercirikan teknologi pintar dan inovatif serta selamat akan diberi keutamaan bagi meningkatkan kualiti hidup, kecekapan sumber dan daya saing bandar. Kota MADANI di Putrajaya akan dibangunkan sebagai perintis model bandar masa hadapan melalui pendekatan pembangunan bandar berasaskan nilai, kelestarian dan kesejahteraan rakyat.

Pembangunan bandar yang mampan dan terangkum akan dipertingkatkan dengan peluasan zon pembangunan berorientasikan transit (TOD) yang mengintegrasikan komponen perumahan, komersial dan rekreasi dengan sistem pengangkutan awam. Pelaksanaan TOD akan disokong dengan penyediaan laluan pejalan kaki dan mikromobiliti yang selamat dan mudah diakses serta kemudahan sokongan di terminal dan stesen. Selain itu, kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan negeri akan dipertingkatkan untuk menyelaraskan perancangan guna tanah di zon TOD dan menetapkan kuota kediaman yang mempunyai 30% rumah mampu milik, terdiri daripada 20% di bawah harga RM300,000 dan 10% di bawah harga RM150,000.

Pembangunan berfokus dalam kawasan bandar akan dilaksanakan melalui persempadanan pertumbuhan bandar bagi mengawal rebakan bandar dan mengoptimumkan guna tanah. Selain itu, langkah untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dan perkhidmatan perbandaran serta pemeliharaan kawasan hijau, termasuk pembangunan landskap mampan dan penanaman pokok bagi menangani isu peningkatan suhu akan diberi penekanan. Dalam hubungan ini, usaha akan turut dilaksana untuk merancakkan semula aktiviti sosioekonomi bandar terpilih, termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan melalui pelaksanaan projek strategik. Daya saing dan fungsi bandar akan ditambah baik dengan menggabungkan bandar kecil dan sederhana yang berhampiran bagi meningkatkan hierarki bandar. Selain itu, tumpuan pembangunan akan merangkumi langkah mempercepat perbandaran di kawasan rancangan penempatan, terutama wilayah FELDA, FELCRA dan LKW.

Strategi B5.3: Mempertingkatkan Kecekapan Perancangan dan Tadbir Urus Pembangunan Wilayah

Indeks Komposit Pembangunan Malaysia (IKPM) sebagai kaedah pengukuran yang menyeluruh akan dimanfaatkan bagi mengenal pasti jurang pembangunan pada peringkat wilayah, negeri dan daerah. IKPM yang dibangunkan mengandungi lima komponen, iaitu fizikal dan spatial, ekonomi, sosial, alam sekitar dan tadbir urus. Indeks ini juga akan dijadikan panduan dalam merangka strategi pembangunan yang lebih tepat, berkesan dan menyeluruh ke arah merapatkan jurang ketidakseimbangan antara wilayah.

Fungsi dan peranan perbadanan kemajuan ekonomi negeri (PKEN) dan LKW akan diperkukuh untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri, terutama bagi meningkatkan penyertaan, pemilikan dan penguasaan Bumiputera dalam ekonomi. Bagi tujuan ini, PKEN dan LKW akan digalakkan untuk menceburi aktiviti ekonomi bernilai tinggi, termasuk industri HGHV dan sektor strategik berimpak tinggi. PKEN dan LKW juga akan digalakkan untuk menambah baik pelan dan model perniagaan bagi memantapkan strategi pelaburan serta keupayaan kewangan dan bakat dalam menerajui aktiviti ekonomi negeri, termasuk dalam membangunkan sumber dan aset yang dimiliki seperti bank tanah dan REE.

Perancangan penyediaan infrastruktur asas luar bandar akan diperkasakan melalui pembangunan pelan induk dan pemetaan prasarana yang menyeluruh. Perancangan ini turut meliputi keperluan penyediaan tapak perkuburan dan kemudahan asas lain. Pelan dan pemetaan ini akan menjadi rujukan utama, termasuk oleh kerajaan negeri untuk merancang pembangunan infrastruktur jalan serta bekalan air dan elektrik luar bandar secara tersusun dan sistematik. Penyediaan perkhidmatan di luar bandar akan ditambah baik supaya setara dengan perkhidmatan di bandar bagi mengurangkan migrasi luar bandar ke bandar.

Maklumat desa yang bersepadu akan dibangunkan melalui integrasi pangkalan data kementerian dan agensi sejajar dengan pendekatan keseluruhan kerajaan. Bagi

tujuan ini, Sistem Ciri-Ciri Spatial Desa Malaysia akan digunakan secara menyeluruh sebagai pangkalan data spatial bersepadu bagi perancangan pembangunan desa. Inisiatif ini akan dapat memastikan pengurusan dan perancangan pembangunan desa yang lebih cekap dan tersusun.

Kepimpinan desa akan diperkasa bagi memantapkan tadbir urus pembangunan desa yang dipacu oleh komuniti. Dalam hubungan ini, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), JPKK Persekutuan dan JPKK Orang Asli akan diperkukuh melalui program peningkatan kapasiti kepimpinan dan kemahiran digital. Usaha ini akan melahirkan pemimpin desa yang dinamik, progresif dan celik digital.

Strategi B5.4: Memperkukuh Integrasi Ekonomi

Aktiviti pelaburan di Greater Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka sebagai kluster ekonomi berskala besar akan dirancarkan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta mencipta peluang pekerjaan dan keusahawanan merentasi sektor dan industri. Syarikat tempatan yang mempunyai potensi akan dibangunkan sebagai jaguh tempatan bagi memperkasakan ekosistem rangkaian bekalan tempatan. Pembangunan kluster ekonomi yang merentasi negeri ini akan dapat meningkatkan kerencaman ekonomi ke arah mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi.

Pembangunan JS-SEZ akan direalisasikan melalui kerjasama ekonomi dan promosi pelaburan bersama. Usaha ini akan disokong dengan pengukuhan pusat sehenti bagi memudah cara urusan menjalankan perniagaan dan penggunaan aplikasi teknologi terkini bagi melancarkan pergerakan rentas sempadan serta pembangunan bakat tempatan berkemahiran tinggi. Inisiatif peringkat subserantau di bawah kerjasama IMT-GT dan BIMP-EAGA akan diperkukuh bagi meningkatkan integrasi dan kemampanan pembangunan ekonomi. Pembangunan ekonomi rentas sempadan akan dipertingkatkan melalui penglibatan aktif pihak swasta. Pewujudan zon ekonomi khas dengan fokus kepada sektor khusus, termasuk zon pengeluaran makanan akan diteroka berdasarkan potensi dan keperluan sesuatu kawasan.

Rumusan

Dalam tempoh RMK13, usaha akan ditumpukan untuk meningkatkan mobiliti sosial bagi membentuk masyarakat MADANI yang bermaruah dengan nilai insaniah. Keutamaan akan diberikan kepada pelaksanaan reformasi pendidikan dan pasaran buruh, pengukuhan pembangunan terangkum dari perspektif pelbagai dimensi, peningkatan tahap sosioekonomi golongan sasaran serta penyeimbangan kemajuan ekonomi wilayah dan pengukuhan pembangunan luar bandar. Pelaksanaan strategi ini akan menyumbang kepada pencapaian aspirasi Ekonomi MADANI untuk menaikkan lantai, menaikkan siling dan memperkukuh tatakelola ke arah pertumbuhan ekonomi yang mampan dan memacu Malaysia ke arah negara yang progresif, masyhur dan makmur.







MEMPERCEPAT PELAKSANAAN AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

PENGENALAN

4-2

LIMA KEUTAMAAN AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

4-3

C1: Penambahbaikan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan Berlandaskan Prinsip ILTIZAM

4-4

Matlamat

4-4

Pencapaian RMKe-12

4-4

Sasaran

4-5

Strategi

4-5

*Strategi C1.1: Melaksanakan Semakan
Instrumen Kawal Selia*

4-5

*Strategi C1.2: Mengurangkan Beban Kawal
Selia*

4-5

*Strategi C1.3: Memperkukuh Prestasi
Pelaksanaan ILTIZAM*

4-5

C2: Pemerkasaan GovTech ke arah Pembaharuan Perkhidmatan Kerajaan

4-6

Matlamat

4-6

Pencapaian RMKe-12

4-6

Sasaran

4-7

Strategi

4-7

*Strategi C2.1: Menambah Baik Pendigitalan
Perkhidmatan dan Proses Kerja Kerajaan*

4-7

*Strategi C2.2: Memperkukuh Tatakelola
Pendigitalan*

4-8

*Strategi C2.3: Mempertingkatkan
Pembangunan Bakat Digital*

4-8

C3: Pemantapan Tatakelola Baik

4-8

Matlamat

4-9

Pencapaian RMKe-12

4-9

Sasaran

4-9

Strategi

4-10

*Strategi C3.1: Memperkukuh Integriti dan
Akauntabiliti*

4-10

*Strategi C3.2: Mereformasi Perundangan dan
Institusi*

4-11

*Strategi C3.3: Mempercepat Rasionalisasi
Fungsi dan Peranan Kementerian dan Agensi*

4-11

*Strategi C3.4: Memantapkan Pembangunan
Sumber Manusia Sektor Awam*

4-11

C4: Reformasi Pengurusan Projek dan Fiskal

4-12

Matlamat

4-12

Pencapaian RMKe-12

4-12

Sasaran

4-13

Strategi

4-13

*Strategi C4.1: Menambah Baik Keberkesanan
Perancangan dan Pelaksanaan Projek
Pembangunan*

4-13

*Strategi C4.2: Membangunkan Mekanisme
Kawalan Kos*

4-14

*Strategi C4.3: Memperkukuh Kerjasama
Awam Swasta*

4-14

*Strategi C4.4: Mempercepat Konsolidasi
Fiskal*

4-14

*Strategi C4.5: Mempertingkatkan Kutipan
Hasil*

4-14

C5: Pengukuhan Ekosistem Ekonomi Sosial bagi Mengarusperdanakan Sektor Ketiga

4-15

Matlamat

4-15

Pencapaian RMKe-12

4-15

Sasaran

4-15

Strategi

4-16

*Strategi C5.1: Membangunkan Dasar
Ekonomi Sosial*

4-16

*Strategi C5.2: Menggubal Perundangan dan
Memperkukuh Kawal Selia Ekonomi Sosial*

4-16

*Strategi C5.3: Memperkukuh Tadbir Urus
Pembangunan Ekonomi Sosial*

4-16

RUMUSAN

4-17

Pengenalan

Reformasi perkhidmatan awam merupakan prasyarat dalam menjayakan aspirasi Malaysia dengan memberi penekanan kepada tatakelola baik ke arah sistem pentadbiran yang responsif dan berorientasikan rakyat. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030 (RMK13), tatakelola baik yang merupakan satu daripada teras Ekonomi MADANI seiring dengan teras menaikkan lantai dan menaikkan siling akan dimantapkan. Dalam hubungan ini, pelaksanaan strategi dan inisiatif akan ditumpukan kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan kerajaan berlandaskan prinsip **ILTIZAM**¹ dan pemerkasaan GovTech dengan mengarusperdanakan kecerdasan buatan (AI) dan teknologi termaju lain. Penekanan juga akan diberikan kepada pemantapan tatakelola, reformasi pengurusan projek dan fiskal serta pengukuhan ekosistem ekonomi sosial. Agenda reformasi ini dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam supaya lebih telus, tangkas dan tuntas dalam memenuhi keperluan dan jangkaan rakyat.

Pelbagai pencapaian telah dicatatkan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) dalam mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, namun masih terdapat isu dan cabaran yang memerlukan perhatian serta tindakan segera. Prestasi Malaysia dalam Indeks Kecekapan Kerajaan di bawah IMD World Competitiveness Yearbook telah melonjak sembilan anak tangga ke kedudukan ke-25 pada tahun 2025. Lonjakan prestasi ini perlu diteruskan bagi menyokong pencapaian sasaran kedudukan ke-12 teratas dalam daya saing global yang ditetapkan dalam aspirasi Ekonomi MADANI. Pencapaian negara dalam United Nations e-Government Development Index bagi subindeks perkhidmatan dalam talian pula berada pada kedudukan ke-69 pada tahun 2024, daripada ke-53 pada tahun 2022 memerlukan usaha yang tuntas. Selain itu, pelbagai isu tadbir urus memberi kesan kepada prestasi Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dengan kedudukan negara kekal pada tahap ke-57 bagi tahun 2023 dan 2024. Kelemahan perancangan dan pelaksanaan projek serta mekanisme penyampaian bantuan sosial merupakan cabaran utama dalam pengurusan belanjawan negara.

¹ Merujuk kepada kecekapan perkhidmatan, reformasi struktur serta tanggungjawab dalam tadbir urus dan keberkesanan kawal selia.

Lima Keutamaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam

Dalam tempoh RMK13, tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk mereformasi perkhidmatan awam menerusi lima keutamaan seperti berikut:



C1: Penambahbaikan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan Berlandaskan Prinsip **ILTIZAM**

Pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan kerajaan, seperti mempercepat pendigitalan, mengurangkan birokrasi dalam rantai proses dan prosedur, menstruktur semula institusi serta menambah baik sistem saaran dan keupayaan bakat. Langkah ini telah meningkatkan kecekapan dan produktiviti agensi kerajaan, di samping memenuhi keperluan dan kehendak rakyat. Namun begitu, perubahan ekosistem dan peningkatan kehendak rakyat masih menjadi cabaran utama dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih responsif, cekap dan mudah dicapai.

Matlamat


Penambahbaikan penyampaian perkhidmatan kerajaan berlandaskan prinsip **ILTIZAM** bermatlamat untuk memastikan rakyat dan komuniti perniagaan dapat menikmati perkhidmatan kerajaan yang berkualiti, cekap dan berkesan. Pemantapan tatakelola baik melalui reformasi struktur yang dilaksanakan dengan empat

anjakan akan dapat menjamin instrumen kawal selia kekal relevan. Revolusi proses dan prosedur kerja berdasarkan tiga anjakan pula dapat memudahkan urusan rakyat dan komuniti perniagaan serta meningkatkan produktiviti dan mengoptimumkan sumber sektor awam.

Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi menambah baik perkhidmatan kerajaan yang memberi manfaat kepada rakyat dan komuniti perniagaan. Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) yang ditubuhkan pada Mac 2023 berperanan sebagai platform utama untuk melaksanakan agenda reformasi perkhidmatan awam. Antara kejayaan STAR adalah pengurangan tempoh masa menunggu di hospital kerajaan dan kaunter imigresen serta pelaksanaan segera projek pembangunan sekolah daif. Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2024: Pelaksanaan Reformasi Kerenah Birokrasi dan Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2024: Pelaksanaan Uji Kaji Peraturan juga telah dilancarkan pada November 2024 sebagai panduan untuk memastikan pelaksanaan inisiatif penambahbaikan perkhidmatan kerajaan berkesan dan memenuhi kehendak rakyat.

Akta **Itizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 [Akta 867]**, satu daripada inisiatif di bawah reformasi struktur telah diluluskan dan diwartakan pada tahun 2025 bagi meningkatkan kualiti, kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kerajaan. Peranan **PEMUDAH** sebagai platform memudah cara kerjasama antara sektor awam dan swasta telah diperkasakan dalam membantu pelaksanaan **ILTIZAM**. Pelaksanaan **Kulai Fast Lane** oleh Majlis Perbandaran Kulai, Johor telah mengurangkan tempoh pemprosesan kelulusan permit pembinaan bangunan industri, manakala pengenalan sistem tunggal **Xpats Gateway** telah mempercepat proses permohonan ekspatriat, sekali gus memberi kesan positif kepada ekonomi negara.



Sasaran

Tiga sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan berlandaskan prinsip **ILTIZAM** dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Penyediaan perkhidmatan kerajaan berorientasikan rakyat akan direalisasi dengan melaksanakan reformasi struktur melalui penguatkuasaan Akta 867. Keutamaan akan diberi kepada usaha untuk mengurangkan beban kawal selia yang membelenggu rakyat dan komuniti perniagaan serta memudah cara peralihan ke arah penyampaian perkhidmatan pintar. Sebanyak tiga strategi

akan dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan kerajaan, kesejahteraan rakyat serta daya saing negara. Perincian setiap strategi adalah seperti berikut:

Strategi C1.1: Melaksanakan Semakan Instrumen Kawal Selia

Semakan mandatori ke atas instrumen² kawal selia akan dilaksanakan secara berkala dan bertempoh bagi memastikan instrumen tersebut kekal relevan seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa. Sejalan dengan usaha untuk mengawal bilangan instrumen kawal selia, dasar Satu Masuk-Satu Keluar akan dilaksanakan dengan penetapan syarat bahawa instrumen sedia ada yang sudah tidak relevan dimansuhkan terlebih dahulu sebelum yang baharu diperkenalkan. Penglibatan rakyat dan komuniti perniagaan akan dipergiat bagi memastikan pelaksanaan semakan adalah tepat dan berkesan.

Strategi C1.2: Mengurangkan Beban Kawal Selia

Garis panduan pengurangan beban kawal selia akan dijadikan rujukan bagi memastikan pelaksanaan pengurangan sekurang-kurangnya 25% setiap tiga tahun dapat dicapai. Kerajaan negeri akan digalakkan untuk menerima pakai garis panduan ini pada peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan. Pendekatan keseluruhan negara akan diperluas demi memastikan penglibatan rakyat dan komuniti perniagaan secara menyeluruh.

Strategi C1.3: Memperkukuh Prestasi Pelaksanaan **ILTIZAM**

Penarafan prestasi perkhidmatan akan diperkukuh melalui penambahbaikan kriteria dan perluasan kepada semua peringkat kerajaan untuk menilai keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Bagi tujuan ini, garis panduan berkaitan kriteria penarafan dan pemberian insentif akan diseragamkan dan ditambah baik. Selain itu, prestasi pelaksanaan **ILTIZAM** akan dibentangkan secara berkala di Parlimen sebagai manifestasi komitmen kerajaan yang berterusan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan komuniti perniagaan.

² Merujuk kepada perundangan subsidiari, apa-apa arahan, pekeliling, garis panduan, tatacara, proses kerja atau apa-apa bentuk instrumen pentadbiran.

C2: Pemerkasaan GovTech ke arah Pembaharuan Perkhidmatan Kerajaan

Perkhidmatan kerajaan elektronik telah melalui beberapa pembaharuan bermula dengan pembangunan Koridor Raya Multimedia pada tahun 1996. Pembaharuan ini diteruskan dengan pelaksanaan kerajaan digital berpaksikan rakyat pada tahun 2020 melalui inisiatif e-Gov 3.0. Usaha pendigitalan penyampaian perkhidmatan awam telah diperluas menerusi pengenalan inisiatif GovTech yang merangkumi aspek AI dan teknologi termaju lain, seperti internet benda, blok rantai, data raya dan realiti terimbuh. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu yang perlu ditangani, termasuk sistem yang dibangunkan secara *silo* dan tidak mesra pengguna serta jurang kapasiti bakat digital dalam sektor awam yang ketara. Kelemahan berkaitan kesalinghubungan antara sistem dan keselarian dengan proses kerja agensi dalam pelaksanaan inisiatif pendigitalan dan perancangan jangka panjang juga menjadi cabaran dalam memperkukuh pendigitalan penyampaian perkhidmatan.

Matlamat

Pengukuhan pendigitalan perkhidmatan awam melalui GovTech yang berteraskan tatakelola baik dapat menghubungkan kerajaan, rakyat dan komuniti perniagaan ke arah pembentukan negara AI. Pengukuhan GovTech yang memberi penekanan kepada penerimagunaan teknologi, penciptaan nilai bersama serta pembangunan kapasiti akan menyokong pewujudan ekosistem kerajaan digital yang dinamik dan berdaya saing berlandaskan teknologi termaju, terutama AI. Menjelang tahun 2030, semua aspek pentadbiran dan perkhidmatan akan dihubungkan melalui teknologi digital yang telus dan tangkas. Usaha pengukuhan pendigitalan ini akan memanfaatkan rakyat dan komuniti perniagaan, di samping meningkatkan ketelusan dan keyakinan terhadap perkhidmatan kerajaan.




Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, pelbagai pencapaian telah diraih dalam usaha mempertingkatkan pendigitalan penyampaian perkhidmatan awam seiring dengan perubahan teknologi. Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia, 2021-2030, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat, 2021-2030 dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam, 2021-2025 telah dibangunkan sebagai panduan bagi meneruskan usaha ke arah kerajaan digital. Pelaksanaan Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan 2021-2025 dan penubuhan Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan pada Disember 2024 juga menguatkan lagi komitmen kerajaan ke arah kerajaan digital. Perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan kepada rakyat terus menunjukkan peningkatan dan sehingga Disember 2024 telah melebihi 14,273 perkhidmatan. Daripada jumlah ini, perkhidmatan dalam talian Kerajaan Persekutuan dari peringkat awal hingga akhir telah meningkat kepada 88.7% pada tahun 2024, daripada 81.5% pada tahun 2022. Inisiatif MyDigital ID telah diperkenalkan pada November 2023 sebagai sistem pengesahan identiti digital bagi memudahkan akses dalam talian dengan menggunakan hanya satu kata laluan. Malaysia juga berjaya untuk kekal berada dalam kategori A, GovTech Maturity Index pada tahun 2022. Akta Perkongsian Data

2025 [Akta 864] telah diwartakan pada Februari 2025 bagi memastikan perkongsian data lebih sistematik, selamat dan menyeluruh.

Sasaran

Empat sasaran terpilih telah ditetapkan untuk mencapai matlamat pembaharuan perkhidmatan kerajaan melalui GovTech dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Pembaharuan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui pemerkasaan GovTech di bawah RMK13 adalah seiring dengan aspirasi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi berpacuan teknologi dan digital. Strategi akan ditumpukan untuk menambah baik perkhidmatan dan

proses kerja, memperkukuh tatakelola pendigitalan serta mempertingkatkan pembangunan bakat digital ke arah kerajaan digital. Perincian setiap strategi adalah seperti berikut:

Strategi C2.1: Menambah Baik Pendigitalan Perkhidmatan dan Proses Kerja Kerajaan

Pendigitalan perkhidmatan dan proses kerja kerajaan akan dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada pembangunan *enterprise architecture*³ (EA). Usaha ini akan merangkumi pembangunan infrastruktur awan yang selamat bagi mengintegrasikan perkhidmatan digital dan penerimgunaan AI sebagai pemacu reformasi perkhidmatan awam. Tumpuan juga akan diberikan kepada usaha pengintegrasian perkhidmatan digital dan peralihan kepada pendigitalan sepenuhnya. Pembangunan EA sektor awam akan dipercepat bagi memperkemas keseluruhan sistem penyampaian kerajaan dan memberikan pulangan nilai untuk wang kepada kerajaan. Di samping itu, pembangunan EA pada peringkat kementerian, termasuk jabatan dan agensi akan dilaksana berpandukan EA sektor awam bagi mengurangkan pertindihan sistem dan aplikasi dalam perkhidmatan kerajaan.

Perkhidmatan digital kerajaan akan diselaraskan bagi mengurangkan pertindihan dan pembangunan sistem secara *silo* serta mewujudkan sistem yang telus dan adil. Dalam hubungan ini, gerbang tunggal sektor awam akan dibangunkan bagi membolehkan kerajaan, rakyat dan komuniti perniagaan untuk mengakses pelbagai perkhidmatan melalui model Kerajaan sebagai Platform, seiring dengan prinsip ITIZAM. Inisiatif ini akan memanfaatkan keupayaan analitik data raya bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan. Selain itu, pengintegrasian dan saling kendali antara sistem perkhidmatan kerajaan akan diperkukuh secara menyeluruh bagi mengoptimumkan sumber sedia ada. Pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030 akan meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, mempercepat proses membuat keputusan berdasarkan data serta mengukuhkan keselamatan siber.

³ Merujuk kepada satu rangka kerja menyeluruh yang merancang serta menyusun struktur organisasi, proses perniagaan, sistem maklumat dan teknologi melalui penyelarasan objektif perniagaan dengan sumber daya teknologi bagi memudahkan transformasi digital dan inovasi dalam perkhidmatan awam.

Urusan pentadbiran kerajaan akan ditambah baik melalui penerapan teknologi termaju oleh semua kementerian, terutama penerimgunaan AI dalam pelbagai sektor seperti keselamatan, kesihatan dan pendidikan. Selain itu, peralihan kepada penggunaan dokumen elektronik sepenuhnya akan dilaksanakan secara berperingkat. Usaha ini akan dimulakan melalui projek rintis oleh beberapa kementerian pada tahun 2026.

Strategi C2.2: Memperkukuh Tatakelola Pendigitalan

Mekanisme penilaian aplikasi kebangsaan akan ditambah baik, termasuk penilaian tahap kepuasan rakyat sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan digital kerajaan. Platform khusus akan diwujudkan bagi membolehkan pandangan dan cadangan penggiat teknologi disalurkan untuk penambahbaikan. Selain itu, *sludge audit*⁴ yang merupakan satu daripada pendekatan *behavioural insights* (BI) akan diperkenalkan sebagai kaedah penilaian kebangsaan bagi mengurangkan kerenah birokrasi dan meningkatkan kepuasan rakyat. Inisiatif GovTech juga akan menekankan aspek ketelusan data bagi memperkukuh tadbir urus. Dalam hubungan ini, ketelusan data dalam sistem demokrasi akan ditambah baik melalui persempadanan semula kawasan pilihan raya menggunakan analitik data raya bagi menangani risiko berkaitan *gerrymandering*⁵. Pengukuhan tatakelola pendigitalan akan dapat mewujudkan ekosistem yang menyokong pembaharuan kerajaan digital dan meningkatkan penyertaan rakyat dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan awam.

Strategi C2.3: Mempertingkatkan Pembangunan Bakat Digital

Pembangunan bakat digital akan dipertingkatkan bagi melahirkan penjawat awam yang berpengetahuan, berkemahiran dan berpengalaman seiring dengan perkembangan teknologi. Dalam hubungan ini, penjawat awam pada semua peringkat, terutama golongan muda

akan diberi pendedahan dan latihan intensif dalam bidang digital dan AI serta bidang fokus lain berkaitan trend mega. Di samping itu, skim perkhidmatan teknologi maklumat akan diperkukuh melalui pemerkasaan bakat dan peluasan skop fungsi tugas perkhidmatan merangkumi keseluruhan pendigitalan melangkaui bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

C3: Pemantapan Tatakelola Baik

Pentadbiran negara yang berpaksikan sistem Demokrasi Berparlimen menekankan amalan tatakelola baik bagi memastikan pelaksanaan dasar adalah telus, selaras dengan usaha ke arah negara bebas rasuah. Walaupun pelbagai perubahan positif telah dicapai, masih wujud kelemahan dalam tatakelola pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan. Isu dan cabaran seperti pertindihan fungsi dan peranan, ketirisan serta salah laku dan rasuah merupakan antara faktor yang mempengaruhi prestasi penyampaian perkhidmatan awam dan perlu terus ditangani secara tuntas.



⁴ Merujuk kepada penilaian berstruktur yang mengenal pasti, menilai dan menghapuskan kerenah birokrasi, terutama dalam pentadbiran kerajaan.

⁵ Merujuk kepada kaedah persempadanan semula bahagian pilihan raya yang dilaksanakan untuk kepentingan politik.

Matlamat

Pelaksanaan semua dasar negara berlandaskan tatakelola baik sejajar dengan kerangka Ekonomi MADANI akan mewujudkan sektor awam yang lebih dinamik, progresif dan pragmatik yang dapat memenuhi keperluan rakyat dan komuniti perniagaan. Keberhasilan usaha ini juga akan dapat mengoptimumkan sumber dan meningkatkan daya saing negara bagi mencapai aspirasi Malaysia ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan bebas rasuah. Matlamat untuk memantapkan tatakelola baik memerlukan komitmen yang jitu pada semua peringkat pentadbiran kerajaan bagi memastikan perkhidmatan yang telus, tangkas dan tuntas dalam menyantuni rakyat.

Pencapaian RMKe-12


Dalam tempoh RMKe-12, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memperkukuh ekosistem tatakelola, di samping meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional, 2024-2028 (NACS) telah dilancarkan pada Mei 2024 sebagai kesinambungan dan penambahbaikan kepada Pelan Antirasuah Nasional, 2019-2023. Pasukan Petugas Khas CPI juga telah ditubuhkan pada Oktober 2024 dalam menerajui usaha meningkatkan prestasi Malaysia kepada kedudukan ke-25 teratas pada tahun 2033. Di samping itu, bagi tempoh 2024 hingga 2025, lebih daripada 80 rang undang-undang (RUU), termasuk pindaan akta sedia ada telah diluluskan bagi memenuhi keperluan semasa dan memantapkan lagi tadbir urus. Antara perundangan ini, termasuk Akta Syarikat 2016 [Akta 777], Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743] dan Akta Audit 1957 [Akta 62] yang diluluskan pindaan pada tahun 2024 bagi menangani isu ketirisan dengan penekanan kepada aspek integriti, akauntabiliti dan ketelusan. Pindaan ke atas Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [Akta 585] serta pengenalan RUU Perkhidmatan Parlimen 2025 yang menekankan aspek pengurusan dan pentadbiran juga telah diluluskan pada tahun yang sama. Penekanan

kepada aspek *anti rent-seeking* turut diberi tumpuan melalui penggubalan RUU yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2026.

Inisiatif bagi menyelesaikan kerenah birokrasi berdasarkan pendekatan BI telah menunjukkan kejayaan melalui pelaksanaan 22 kajian kes. Program pembangunan kapasiti BI telah diperkenalkan dan sehingga tahun 2024, seramai 333 penjawat awam telah diiktiraf sama ada sebagai bakat, pengamal atau pemimpin BI. Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) yang dilancarkan pada September 2024 menunjukkan komitmen Kerajaan dalam mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Antara pencapaian inisiatif di bawah ARPA, termasuk pelaksanaan mobilisasi 227 Jururawat Masyarakat dan 611 anggota Polis Diraja Malaysia bagi merakyatkan perkhidmatan kerajaan.

Sasaran

Empat sasaran terpilih ditetapkan bagi memantapkan tatakelola dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Pemantapan tatakelola baik berasaskan nilai murni memainkan peranan penting bagi menambah baik kecekapan penyampaian perkhidmatan awam serta meningkatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap pentadbiran kerajaan. Usaha akan terus dipergiat dengan memberi penekanan kepada aspek integriti dan akauntabiliti serta semak dan imbang dalam perkhidmatan awam. Di samping itu, rasionalisasi fungsi dan peranan kementerian dan agensi serta pembangunan sumber manusia sektor awam juga akan diberi keutamaan. Bagi mencapai matlamat untuk mewujudkan sektor awam yang lebih dinamik, progresif dan pragmatik, empat strategi yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

Strategi C3.1: Memperkukuh Integriti dan Akauntabiliti

Integriti dan akauntabiliti penjawat awam, termasuk Anggota Pentadbiran akan diperkukuh bagi melahirkan insan MADANI ke arah memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan lebih telus, cekap dan berkesan. Dalam hubungan ini, mekanisme pemantauan dan penilaian prestasi semua kementerian akan ditambah baik dengan memperkenalkan petunjuk keberhasilan kerja khusus yang akan diujarkannya kepada prestasi indikator ekonomi makro terpilih. Bagi menyokong usaha ini, mekanisme untuk membolehkan pelaporan prestasi kementerian terus kepada Perdana Menteri akan

dibangunkan, manakala satu papan muka prestasi keberhasilan nasional yang boleh diakses oleh rakyat akan diperkenalkan.

Pelaksanaan inisiatif di bawah NACS dan Pasukan Petugas Khas CPI akan dipergiat untuk menangani isu rasuah bagi menambah baik kedudukan negara dalam CPI. Peranan Unit Integriti (UI) di semua agensi kerajaan akan diperkasakan untuk membanteras rasuah dengan penekanan kepada pelaksanaan inisiatif berasaskan pendekatan BI bagi mendorong perubahan tingkah laku dalam kalangan penjawat awam. Selain itu, UI akan ditubuhkan di semua pihak berkuasa tempatan menjelang tahun 2027 bagi membendung salah laku serta pelanggaran tatakelakuan dan etika pada peringkat agensi.

Kesedaran mengenai kepentingan budaya integriti dalam kalangan penjawat awam, termasuk Anggota Pentadbiran juga akan ditingkatkan bagi mengurangkan risiko gejala rasuah daripada terus berleluasa dalam pentadbiran kerajaan. Justeru, usaha untuk membudayakan amalan integriti akan dipergiat melalui pelaksanaan pelbagai program pengukuhan kesedaran dan intervensi tingkah laku awam secara bersasar serta pengintegrasian modul latihan dan pembelajaran. Kempen kesedaran awam secara bersasar juga akan dilaksanakan bagi meningkatkan nilai insaniah dan membentuk peribadi mulia. Selain itu, pelaksanaan inisiatif ini akan diperluas untuk merangkumi syarikat berkaitan kerajaan dan sektor swasta.



Strategi C3.2: Mereformasi Perundangan dan Institusi

Reformasi perundangan dan institusi akan dilaksanakan bagi memperkukuh sistem perundangan negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang adil dan saksama. Dalam hubungan ini, mekanisme semak dan imbang akan diperkukuh melalui pindaan akta sedia ada dan penggubalan akta baharu. Selain itu, kajian akan dijalankan bagi memastikan pelaksanaan pengasingan kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya dapat disegerakan.

Usaha bagi menyeragamkan beberapa perundangan dan peraturan akan dilaksanakan bagi menambah baik sistem penyampaian kerajaan pada semua peringkat. Tumpuan akan diberikan untuk menyemak semula perundangan bagi memastikan keharmonian bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil. Kajian akan dijalankan untuk menilai keperluan penggubalan akta saraan Hakim Syarie dan penubuhan suruhanjaya khas pelantikan kehakiman syariah bagi menaikkan martabat dan kebebasan kehakiman Syariah.

Pemakaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] akan diperluas ke Sabah dan Sarawak bagi memperkukuh perancangan spatial negara menerusi Rancangan Fizikal Negara yang merangkumi aspek pembangunan fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar. Langkah ini adalah bagi memastikan perancangan pembangunan guna tanah adalah seragam di seluruh negara. Perancangan dan pengurusan kegunaan tanah dan kawasan pantai akan ditambah baik bagi memastikan kelestarian alam sekitar, keseimbangan ekosistem serta keselamatan dan kesejahteraan komuniti. Dalam hubungan ini, garis panduan perancangan dan pengurusan serta inventori pantai akan dibangunkan untuk memastikan proses Kebenaran Merancang dikawal selia dengan lebih berkesan.

Strategi C3.3: Mempercepat Rasionalisasi Fungsi dan Peranan Kementerian dan Agensi

Usaha merasionalisasikan fungsi dan peranan kementerian dan agensi akan dipercepat bagi mengurangkan pertindihan dan pembaziran sumber. Pelaksanaan

konsolidasi pejabat perwakilan dan wakil agensi kerajaan Malaysia di luar negeri yang dirintis dengan sektor ekonomi akan diperluas ke sektor lain. Rasionalisasi jabatan dan agensi kerajaan serta syarikat milik Kerajaan (SOE) secara berfasa akan dipergiat. Dalam hubungan ini, peranan dan tanggungjawab penjawat awam juga akan ditambah baik melalui penstrukturan semula fungsi tugas dan prosedur kerja sejajar dengan perkembangan teknologi ke arah meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan awam. Mekanisme pengurusan dan penggunaan fasiliti Kerajaan Persekutuan, termasuk kuarters dan institut latihan awam akan ditambah baik bagi membolehkan perkongsian dan penggunaan yang optimum.

Strategi C3.4: Memantapkan Pembangunan Sumber Manusia Sektor Awam

Pembangunan sumber manusia sektor awam akan dimantapkan bagi melahirkan penjawat awam yang lebih berdaya saing dan kalis cabaran masa hadapan. Justeru, pembangunan kompetensi dan kepakaran akan ditambah baik melalui peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula serta kualiti kepimpinan dan profesionalisme bagi memastikan penjawat awam kekal relevan dan dinamik. Usaha dalam memastikan laluan kerjaya serta penempatan fleksibel mengikut bidang kecenderungan juga akan dipergiat bagi memberi motivasi dan meningkatkan produktiviti. Mekanisme dalam memastikan laluan kerjaya melalui peluasan jawatan gred fleksi akan ditambah baik bagi mengekalkan bakat dan kepakaran, khusus kepada bidang penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran serta penggubalan dasar. Pengurusan Kelompok Bakat Terbaik Perkhidmatan Awam juga akan ditambah baik bagi membangunkan bakat terbaik mengikut bidang kecenderungan. Selain itu, opsyen pertukaran pelantikan akan diperkenalkan bagi memberi fleksibiliti kepada penjawat awam untuk bertukar skim perkhidmatan mengikut kepakaran dan kecenderungan.

Dasar berkaitan faedah persaraan dan keistimewaan Anggota Pentadbiran dan penjawat awam juga akan disemak semula bagi menentukan nilai terbaik untuk wang. Penilaian keperluan untuk beralih daripada skim

saraan berpencen kepada skim berasaskan caruman untuk semua Anggota Pentadbiran serta penjawat awam akan dilaksanakan melalui penubuhan Suruhanjaya Khas Diraja. Pembaharuan dasar berkaitan faedah persaraan ini akan dapat meningkatkan kemampanan fiskal negara untuk jangka masa panjang.

Pengurusan perkhidmatan sokongan kepada penjawat awam, termasuk dalam aspek psikologi dan kaunseling akan ditambah baik bagi memastikan penjawat awam berkeupayaan melaksanakan tugas dengan minda dan fizikal yang sihat. Dalam hubungan ini, perkhidmatan psikologi akan diperluas dan disediakan di Pusat Transformasi Bandar bagi memudahkan akses penjawat awam kepada perkhidmatan kaunseling. Di samping itu, dasar kesihatan mental akan dilaksanakan dalam sektor awam bagi menyediakan perkhidmatan sokongan yang diperlukan oleh penjawat awam. Kajian untuk menilai tahap kepuasan bekerja akan dilaksanakan, manakala indeks kebahagiaan penjawat awam akan diperkenalkan sebagai panduan dalam mengenal pasti inisiatif bagi memantapkan pembangunan sumber manusia sektor awam.

C4: Reformasi Pengurusan Projek dan Fiskal

Langkah untuk memastikan pengurusan kewangan awam yang cekap dalam mengatasi cabaran defisit fiskal yang berpanjangan telah dipergiat bermula pada tahun 1998 selepas Krisis Kewangan Asia. Usaha ini telah membantu mengawal kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan membolehkan pelaburan awam dilaksanakan untuk pembangunan sosioekonomi negara. Namun, terdapat beberapa isu struktur yang perlu ditangani dan memerlukan tindakan yang tuntas. Isu berkaitan kelemahan perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan telah mengakibatkan kelewatan, kenaikan kos dan keberhasilan yang tidak memenuhi sasaran. Kedudukan defisit fiskal yang berpanjangan serta kebergantungan kepada sumber hasil yang terhad telah mengurangkan fleksibiliti fiskal. Tumpuan kepada kaedah penswastaan yang bukan berasaskan *user pay* turut meningkatkan komitmen kewangan dalam jangka masa panjang.

Matlamat

Reformasi tadbir urus dalam aspek perancangan dan pelaksanaan projek Kerajaan akan menambah baik kecekapan pengurusan kewangan awam dan mengurangkan ketirisan, selaras dengan teras tatakelola baik di bawah Ekonomi MADANI. Melalui langkah ini, rakyat akan mendapat manfaat daripada penyediaan lebih banyak infrastruktur dan kemudahan awam yang berkualiti. Penyediaan infrastruktur yang berkualiti dan perkhidmatan yang telus, tangkas dan tuntas juga akan menarik minat pelabur untuk memulakan perniagaan sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi. Penekanan pelaksanaan projek penswastaan berasaskan bayaran oleh pengguna akan menyediakan pilihan infrastruktur yang berkualiti dan membantu mengurangkan komitmen kewangan Kerajaan. Konsolidasi fiskal yang akan diteruskan dalam RMK13 membolehkan sasaran kestabilan kedudukan fiskal dan hutang yang lebih mampan dicapai serta meningkatkan daya saing negara.

Pencapaian RMKe-12


Dalam tempoh RMKe-12, beberapa langkah penambahbaikan telah dilaksanakan bagi memantapkan pengurusan projek dan belanjawan serta konsolidasi fiskal. Langkah ini termasuk penggubalan RUU Perolehan Kerajaan, pengenalan Garis Panduan Kos Kitaran Hayat Versi 2.0 bagi pengurusan aset awam, pengukuhan sistem MyProjek serta pengenalan penilaian *value at entry* (VAE). Berdasarkan pemantauan melalui sistem VAE Online, isu pelaksanaan projek telah dapat dikurangkan daripada 30.1% pada tahun 2021 kepada 14.5% pada tahun 2024.

Pengenalan Inisiatif Kemudahan Rakyat bermula Jun 2023 membolehkan rakyat mendapat manfaat daripada pelaksanaan 2,181 projek kecil berimpak tinggi yang dimohon secara langsung. Pelan Induk Kerjasama Awam Swasta 2030 (PIKAS 2030) telah dilancarkan pada September 2024, manakala mekanisme gerbang tunggal melalui sistem MyProjek telah diperkenalkan pada tahun 2025 untuk turut merangkumi permohonan projek penswastaan. Selain itu, Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] telah diluluskan bagi meningkatkan ketelusan dalam

pengurusan fiskal, manakala pengenalan sistem invois elektronik telah membantu meningkatkan kutipan hasil Kerajaan. Langkah semakin semula kadar cukai jualan serta peluasan skop cukai perkhidmatan bermula Julai 2025 bertujuan memperkukuh ekonomi negara serta meningkatkan bantuan kepada rakyat dan penyampaian perkhidmatan awam.

Sasaran

Empat sasaran terpilih telah ditetapkan dalam pelaksanaan reformasi pengurusan projek pembangunan dan konsolidasi fiskal dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Beberapa strategi untuk mereformasi pengurusan projek pembangunan dan mempercepat konsolidasi fiskal telah dikenal pasti bagi menambah baik kecekapan tadbir urus projek dan pengurusan kewangan awam. Usaha

ini termasuk menambah baik keberkesanan pelaksanaan projek dan kawalan kos serta memperkukuh kerjasama awam swasta (PPP). Konsolidasi fiskal dan peningkatan hasil Kerajaan akan diteruskan bagi menambah baik kedudukan fiskal negara. Perincian setiap strategi adalah seperti berikut:

Strategi C4.1: Menambah Baik Keberkesanan Perancangan dan Pelaksanaan Projek Pembangunan

Mekanisme pengurusan projek pembangunan yang baharu dan lebih menyeluruh akan diperkenalkan bagi membolehkan perancangan dan pelaksanaan yang lebih strategik dan berkesan. Dalam hubungan ini, kumpulan perancang strategik dengan kemahiran khusus akan ditubuhkan di setiap kementerian dan modul perancangan strategik akan dibangunkan bagi meningkatkan kompetensi penjawat awam dalam pengurusan projek pembangunan. Model pelaksanaan projek secara *turnkey* serta reka dan bina akan juga ditambah baik dan diperluas dengan kawalan kos yang lebih ketat. Selain itu, projek infrastruktur yang bersifat pelbagai guna akan diberikan keutamaan dalam RMK13 bagi mengoptimumkan penggunaan sumber. Potensi untuk menjadikan sebahagian daripada ruang perumahan bertingkat berskala besar sebagai fasiliti awam, seperti sekolah dan klinik kesihatan akan diteroka bagi memastikan pembinaan perumahan dan penyediaan fasiliti dilaksanakan secara serentak dan bersepadu.

Penggunaan bank tanah Persekutuan akan dimaksimumkan bagi pembangunan projek Persekutuan melalui penambahbaikan tatacara pengurusan tanah. Dalam hubungan ini, proses perolehan tanah akan dipusatkan di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Selain itu, pelaksanaan projek berkepentingan awam, seperti sekolah dan klinik kesihatan akan dibuka kepada pemaju hartanah swasta bagi mengurangkan isu tanah serahan pemaju yang masih terbiar dan belum dibangunkan.

Strategi C4.2: Membangunkan Mekanisme Kawalan Kos

Mekanisme penilaian projek pembangunan strategik akan dibangunkan bagi menambah baik kawalan ke atas kos projek pembangunan. Dalam hubungan ini, kajian akan dilaksanakan bagi mengenal pasti model kawalan kos yang terbaik mengambil kira elemen utama dalam pengiraan kos projek, termasuk kos kitaran hayat. Selain itu, projek strategik dengan kos melebihi RM300 juta akan dinilai dengan lebih terperinci dan menyeluruh bagi memastikan nilai untuk wang. Pangkalan data Pembandingan Sektor Awam akan ditambah baik supaya lebih terkini dan menyeluruh berlandaskan konsep kos kitaran hayat serta perbandingan kos pelaksanaan oleh sektor swasta. Building Information Modelling akan diwajibkan bagi projek bernilai RM10 juta ke atas bagi meningkatkan kecekapan perancangan dan pelaksanaan projek. Selain itu, penggunaan Industrialised Building System akan diperluas, terutama dalam pembinaan perumahan awam.

Strategi C4.3: Memperkukuh Kerjasama Awam Swasta

Pelaksanaan projek PPP akan terus diperkukuh berasaskan PIKAS 2030 dengan memberi tumpuan kepada model berasaskan bayaran oleh pengguna dalam penyediaan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan sebagai pilihan kepada rakyat. Kelulusan projek PPP baharu yang melibatkan komitmen kewangan Kerajaan akan tertakluk kepada skop dan had peruntukan di bawah RMK13. Selain itu, tatakelola PPP akan dimantapkan, termasuk melalui pengenalan perundangan khusus

berkaitan PPP. Proses VAE akan turut dilaksanakan sebagai tapisan awal permohonan projek PPP bagi menentukan hanya projek yang berdaya maju, strategik dan tersedia sahaja dipertimbangkan.

Strategi C4.4: Mempercepat Konsolidasi Fiskal

Perbelanjaan yang kurang mendesak dan berimpak rendah akan diminimumkan bagi mencapai sasaran defisit fiskal di bawah 3% pada tahun 2030. Rasionalisasi subsidi secara bersasar dan berperingkat juga akan dilaksanakan bagi mengurangkan komitmen kewangan Kerajaan. Selain itu, jaminan Kerajaan Persekutuan ke atas pinjaman oleh SOE akan dikawal dengan lebih ketat bagi mengurangkan risiko tanggungan Kerajaan. Langkah bagi merealisasikan sektor awam yang keajaiban akan dipercepat bagi menjimatkan kos pengurusan dan meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

Strategi C4.5: Mempertingkatkan Kutipan Hasil

Usaha akan dipertingkatkan dalam mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum. Dalam hubungan ini, peluasan asas hasil akan diteruskan, termasuk membuat semakan ke atas kadar dan skop cukai jualan dan perkhidmatan serta melaksanakan cukai minimum global dan memperkenalkan cukai karbon. Di samping itu, sistem kutipan akan diperkukuh dengan mengoptimalkan insentif cukai supaya berkait rapat dengan keberhasilan pelaburan. Langkah mempertingkatkan kecekapan pentadbiran cukai juga akan diteruskan melalui pendigitalan sistem kutipan hasil bagi mengurangkan ketirisan dan meningkatkan tahap pematuhan pembayar cukai.



C5: Pengukuhan Ekosistem Ekonomi Sosial bagi Mengarusperdanakan Sektor Ketiga

Pembangunan ekonomi sosial⁶ yang dipacu oleh sektor ketiga, termasuk pemain daripada perusahaan mikro, kecil dan sederhana, koperasi, pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan masyarakat sivil telah menyumbang kepada peningkatan tahap sosioekonomi rakyat. Kejayaan ini disokong oleh sumber pembiayaan daripada kerajaan, syarikat swasta dan rakyat, termasuk dalam bentuk dana, derma, zakat, wakaf dan sedekah. Namun, kebergantungan yang tinggi kepada dana kerajaan serta kelemahan dalam ekosistem telah mengekang potensi pembangunan ekonomi sosial serta mengehadkan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh sektor ketiga. Ketiadaan dasar dan garis panduan yang jelas, kekangan perundangan serta kelemahan dalam tadbir urus dan kawal selia merupakan antara cabaran struktur yang telah menyumbang kepada kelemahan ekosistem dan perlu ditangani secara berkesan.

Matlamat

Penetapan hala tuju dasar yang jelas serta pewujudan sokongan ekosistem ekonomi sosial yang bersepadu dan menyeluruh berpaksikan teras tatakelola baik akan dapat mengarusperdanakan sektor ketiga sebagai penyumbang penting dalam pembangunan sosioekonomi negara. Rakyat sebagai kumpulan sasar akan mempunyai peluang yang lebih besar untuk terlibat secara langsung bersama-sama pemain sektor ketiga dalam kegiatan ekonomi yang boleh meningkatkan mobiliti sosial selari dengan usaha untuk menaikkan lantai. Rakyat sebagai pemain sektor ketiga pula dapat turut serta menyumbang dalam menyelesaikan masalah sosial setempat, seperti kemiskinan, keciciran pendidikan serta kekangan dalam perkhidmatan penjagaan. Keberhasilan daripada langkah ini akan dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang telus, tangkas dan tuntas serta mengoptimumkan pengagihan bantuan kepada rakyat.

Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, pembangunan ekonomi sosial ditumpukan kepada peningkatan keupayaan sektor ketiga dalam melaksanakan aktiviti ekonomi sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi. Dasar Sosial Negara 2030, Dasar Keusahawanan Nasional 2030 dan Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 telah diperkenalkan dalam memandu hala tuju pembangunan ekonomi sosial. Sepanjang tempoh 2022 hingga 2024, sebanyak 382 syarikat dan pertubuhan telah diberi penarafan sebagai perusahaan sosial dengan nilai impak sosial berjumlah RM213 juta. Selain itu, pada tahun 2024, terdapat sebanyak 16,284 koperasi dengan kekuatan seramai 7.18 juta ahli, menyumbang nilai perolehan sebanyak RM68.1 bilion.

Sasaran

Tiga sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha membangunkan ekosistem ekonomi sosial yang menyeluruh dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



⁶ Merujuk kepada aktiviti ekonomi yang memberi fokus kepada penyelesaian masalah sosial atau peningkatan kesejahteraan masyarakat.



Strategi

Usaha mewujudkan ekosistem ekonomi sosial yang menyeluruh dan mudah cara akan dilaksanakan bagi membolehkan pemain sektor ketiga terus meningkatkan skala dan daya saing serta memainkan peranan yang lebih besar, khususnya dalam menangani isu sosioekonomi rakyat. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberikan dalam menyediakan dasar dan perundangan yang menyeluruh serta tadbir urus yang utuh. Perincian tiga strategi utama yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

Strategi C5.1: Membangunkan Dasar Ekonomi Sosial

Dasar ekonomi sosial akan dibangunkan untuk menyediakan hala tuju bagi pembangunan ekosistem yang menyeluruh dan mudah cara. Di samping itu, dasar dan pelan tindakan sedia ada akan disemak semula dan diselaraskan bagi memastikan tiada pertindihan dan memenuhi keperluan semasa pemain sektor ketiga secara terangkum. Pelan tindakan bagi mengembangkan aktiviti ekonomi sosial berdasarkan model perniagaan inklusif⁷ akan dibangunkan.

Garis panduan yang merangkumi keseluruhan aspek tatacara dan peraturan, termasuk mekanisme pemantauan dan pelaporan akan dibangunkan bagi meningkatkan keupayaan pemain sektor ketiga. Pangkalan data yang menyeluruh juga akan diwujudkan bagi membolehkan analisis dan pelaporan impak ekonomi sosial secara berkesan. Aktiviti komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam akan dipergiat bagi meningkatkan kesedaran dan menarik penglibatan lebih banyak organisasi dan rakyat dalam aktiviti ekonomi sosial.

Strategi C5.2: Menggubal Perundangan dan Memperkukuh Kawal Selia Ekonomi Sosial

Perundangan dan kawal selia yang terangkum akan diwujudkan, merangkumi aspek peraturan, pelesenan, pengauditan, pengagihan sumber, pengawalseliaan dan penguatkuasaan. Selain itu, akta dan peraturan sedia ada berkaitan kawal selia ke atas aktiviti perniagaan akan diperkemas dan diselaraskan semula. Usaha ini akan menambah baik persekitaran perniagaan bagi menyokong pertumbuhan pemain sektor ketiga serta menangani isu penipuan dan penyalahgunaan dana sumbangan awam.

Strategi C5.3: Memperkukuh Tadbir Urus Pembangunan Ekonomi Sosial

Tadbir urus pembangunan ekonomi sosial akan diperkukuh bagi membolehkan sektor ketiga memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pembangunan negara. Langkah akan diambil untuk merasionalisasikan agensi berkaitan bagi memusatkan tadbir urus dan memperkukuh pengurusan sektor ketiga. Dalam hubungan ini, fungsi penyelarasan sedia ada bagi pembangunan ekonomi sosial pada peringkat Persekutuan dan negeri akan diteliti semula dan diperkemas.

⁷ Merujuk kepada perniagaan yang menyediakan barangan, perkhidmatan dan mata pencarian berdaya maju secara komersial kepada golongan yang berada di dasar piramid ekonomi, menjadikan golongan ini sama ada sebagai pengguna (pelanggan), pengeluar, pembekal, pengedar atau peruncit dalam rantaian nilai perniagaan teras syarikat.

Rumusan

Dalam tempoh RMK13, reformasi perkhidmatan awam akan diteruskan dengan mengarusperdanakan pendigitalan untuk menjadikan sektor awam lebih dinamik, progresif dan pragmatik ke arah kerajaan digital bagi memenuhi keperluan rakyat dan komuniti perniagaan. Agenda reformasi ini merupakan strategi yang berpaksikan teras tatakelola baik, di samping menyokong usaha untuk menaikkan lantai dan siling ke arah mencapai aspirasi Ekonomi MADANI. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberikan kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan berlandaskan prinsip ILTIZAM dan pemerksaan GovTech dengan mengarusperdanakan teknologi termaju, termasuk AI. Di samping itu, pemantapan tatakelola, reformasi pengurusan projek dan fiskal serta pengukuhan ekosistem ekonomi sosial juga akan diberi penekanan bagi merealisasikan reformasi ini. Pelaksanaan semua inisiatif ini dijangka mewujudkan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap, terangkum dan berdaya saing, sekali gus memperkukuh kepercayaan rakyat dan menyokong pertumbuhan yang lebih mampan.





MEMPERTINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

PENGENALAN 5-2

TUJUH KEUTAMAAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR 5-3

D1: Pembentukan Negara Bangsa 5-4

Matlamat 5-4

Pencapaian RMKe-12 5-5

Sasaran 5-5

Strategi 5-5

Strategi D1.1: Memperkukuh Integrasi dan Perpaduan Nasional 5-6

Strategi D1.2: Memperkukuh Patriotisme dan Identiti Nasional 5-6

Strategi D1.3: Memperkukuh Diplomasi Berkesan dan Imej Malaysia di Arena Antarabangsa 5-6

Strategi D1.4: Mempertingkatkan Penglibatan Rakyat dalam Aktiviti Sukan 5-6

Strategi D1.5: Mempertingkatkan Kecemerlangan Sukan pada Peringkat Dunia 5-7

D2: Persediaan Menuju Negara Tua 5-7

Matlamat 5-7

Pencapaian RMKe-12 5-8

Sasaran 5-8

Strategi 5-8

Strategi D2.1: Mewujudkan Ekosistem Penjagaan Jangka Panjang yang Mampan 5-9

Strategi D2.2: Mempersiap Pasaran Buruh, Kemahiran dan Pendidikan 5-9

Strategi D2.3: Menyesuaikan Keutamaan Fiskal dan Menambah Baik Perlindungan Sosial 5-10

Strategi D2.4: Meningkatkan Kesejahteraan Warga Berusia 5-10

D3: Reformasi Kesihatan 5-10

Matlamat 5-11

Pencapaian RMKe-12 5-11

Sasaran 5-11

Strategi 5-11

Strategi D3.1: Mereformasi Pembiayaan dan Tadbir Urus Kesihatan 5-12

Strategi D3.2: Memperkukuh Promosi dan Sekuriti Kesihatan 5-12

Strategi D3.3: Memperkasakan Ekosistem Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan 5-13

Strategi D3.4: Mempertingkatkan Pendigitalan Pengurusan Maklumat Kesihatan 5-13

Strategi D3.5: Memperkukuh Keterjaminan Ubat dan Peranti Perubatan 5-13

D4: Reformasi Perumahan 5-14

Matlamat 5-14

Pencapaian RMKe-12 5-14

Sasaran 5-15

Strategi 5-15

Strategi D4.1: Meningkatkan Penyediaan Perumahan Berkualiti, Berdaya Huni dan Terangkum 5-15

Strategi D4.2: Meningkatkan Pemilikan Rumah 5-16

Strategi D4.3 Memantapkan Kecekapan Kawal Selia dan Pengurusan Perumahan 5-16

D5: Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan 5-17

Matlamat 5-17

Pencapaian RMKe-12 5-17

Sasaran 5-18

Strategi 5-18

Strategi D5.1: Mempertingkatkan Keselamatan dan Ketenteraman Awam 5-18

Strategi D5.2: Memelihara Kedaulatan Negara 5-19

Strategi D5.3: Meningkatkan Kesejahteraan Anggota Keselamatan 5-20

Strategi D5.4: Menambah Baik Pengurusan dan Pemulihan Pesalah Jenayah 5-20

D6: Pemeliharaan Kesihatan Bumi	5-20
Matlamat	5-21
Pencapaian RMKe-12	5-21
Sasaran	5-21
Strategi	5-22
<i>Strategi D6.1: Memantapkan Pengurusan Perubahan Iklim dan Alam Sekitar</i>	5-22
<i>Strategi D6.2: Mempertingkatkan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Biodiversiti</i>	5-23
<i>Strategi D6.3: Memperkukuh Pelaksanaan Ekonomi Kitaran dan Menambah Baik Pengurusan Sisa</i>	5-23
D7: Pemantapan Pengurusan Bencana	5-24
Matlamat	5-24
Pencapaian RMKe-12	5-24
Sasaran	5-25
Strategi	5-25
<i>Strategi D7.1: Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus</i>	5-25
<i>Strategi D7.2: Mempertingkatkan Kesiapsiagaan dan Program Sokongan Bencana</i>	5-26
RUMUSAN	5-27

Pengenalan

Kesejahteraan hidup rakyat dan kelestarian alam sekitar akan terus menjadi asas utama dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030 (RMK13). Tumpuan ke arah mencapai pembangunan sosioekonomi yang terangkum dan mampan adalah sejajar dengan teras untuk menaikkan lantai dan memperkukuh tatakelola di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Dalam hubungan ini, usaha akan dipergiat bagi membentuk negara bangsa dengan rakyat Malaysia yang berpegang kepada nilai manusiawi dengan akhlak terpuji, meningkatkan persediaan menuju negara tua serta mereformasi kesihatan dan perumahan. Usaha ini antara lain bertujuan untuk menangani beban kos sara hidup serta memperkukuh sistem sosial untuk berteraskan insan MADANI. Selain itu, usaha untuk memperkukuh keselamatan awam dan pertahanan serta memelihara kesihatan bumi dan memantapkan pengurusan bencana akan turut diberikan tumpuan untuk menjamin kehidupan wajar. Pelaksanaan inisiatif ini akan membolehkan rakyat hidup lebih sejahtera dalam persekitaran yang lestari sejajar dengan hasrat Ekonomi MADANI.

Pelbagai kemajuan telah dicapai dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), namun, terdapat isu struktur yang masih perlu ditangani, seperti defisit sosial yang berisiko membentuk polarisasi kaum, agama dan politik serta persediaan menghadapi negara tua yang belum menyeluruh. Selain itu, peningkatan kos penjagaan kesihatan dan ketidakcukupan rumah berkualiti yang mampu dimiliki terus membebankan rakyat. Ancaman terhadap keselamatan dan ketenteraman awam yang sentiasa berubah juga boleh memberi impak negatif terhadap keharmonian dan kestabilan negara. Krisis perubahan iklim serta pengurusan bencana yang kurang cekap dan bersepadu terus menjadi cabaran utama yang perlu ditangani secara menyeluruh.

Tujuh Keutamaan Kesejahteraan Rakyat dan Kelestarian Alam Sekitar

Dalam tempoh RMK13, tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat dan kelestarian alam sekitar menerusi tujuh keutamaan, iaitu:



D1: Pembentukan Negara Bangsa

Malaysia telah melalui pelbagai fasa pembangunan sosioekonomi sejak merdeka. Di samping usaha memperkukuh pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial, khususnya dalam pembentukan negara bangsa yang berdaulat dan bermaruah juga diberi penekanan bagi menjamin keharmonian, keamanan dan kestabilan negara. Usaha ini telah dipergiat sejak nilai MADANI diberi penekanan dalam membentuk rakyat yang mempunyai jati diri yang utuh, kerohanian yang teguh dan nilai manusiawi dengan akhlak terpuji. Perpaduan yang berlandaskan prinsip dan nilai yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara telah dijadikan asas utama dalam pembinaan identiti nasional. Selain itu, pembangunan sukan dan penglibatan rakyat dalam kegiatan sukan telah dijadikan mekanisme untuk melahirkan masyarakat yang sihat serta memperkukuh semangat muhibah dan rasa kekitaan dalam masyarakat.

Pembentukan negara bangsa masih berdepan dengan cabaran yang perlu ditangani secara bersama dan berterusan. Antara cabaran tersebut termasuk kurangnya penghayatan prinsip Perlembagaan

Persekutuan dan Rukun Negara, terhakisnya nilai murni dan jati diri serta kelemahan interaksi sosial berikutan perkembangan teknologi yang mengubah kaedah berkomunikasi. Usaha bagi mengembalikan suara lantang Malaysia pada peringkat global yang telah dimulakan perlu diperhebat lagi. Selain itu, penyertaan rakyat dalam sukan masih pada tahap sederhana.

Matlamat

Pembentukan negara bangsa berteraskan integrasi dan identiti nasional, semangat patriotik, nilai sahsiah serta masyarakat yang aktif dan sihat bertujuan membentuk sistem sosial berteraskan insan MADANI yang menjamin keharmonian sosial, kestabilan politik dan kemajuan ekonomi. Langkah ini akan meningkatkan jati diri, semangat patriotik dan rasa bangga rakyat kepada negara. Selain itu, imej positif Malaysia sebagai sebuah negara yang majmuk, aman, stabil dan progresif dapat dikekalkan, di samping negara menjadi pemimpin dan peneraju utama dalam pembentukan wacana global yang memperjuangkan orde baharu dunia yang lebih seimbang dan saksama.



Pencapaian RMKe-12


Dalam tempoh RMKe-12, pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan menunjukkan hasil yang positif dalam usaha membentuk negara bangsa. Perpaduan nasional bertambah baik berdasarkan peningkatan skor Indeks Perpaduan Nasional, daripada 0.567 pada tahun 2018 kepada 0.629 pada tahun 2022. Kerangka Membangun Malaysia MADANI diperkenalkan pada tahun 2023 sebagai rujukan bagi melaksanakan program dan aktiviti ke arah melahirkan masyarakat MADANI. Pelaksanaan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 dan Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga telah meningkatkan keselamatan dan keharmonian komuniti serta memantapkan peranan Rukun Tetangga menerusi aktiviti kesukarelawanan.

Kepengerusian ASEAN pada tahun 2025 telah menjadi wadah kepada Malaysia untuk memperjuangkan prinsip kepusatan ASEAN. Deklarasi Kuala Lumpur ASEAN 2045 yang mengandungi komitmen untuk membina komuniti serantau yang terangcum, berdaya tahan dan berpusatkan rakyat telah dimeterai semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 pada Jun 2025. Selain itu, Malaysia telah diiktiraf sebagai rakan negara BRICS pada Januari 2025 yang membolehkan negara memberi sumbangan bermakna dalam memajukan agenda Selatan Global. Malaysia juga turut terlibat secara aktif dalam memperjuangkan keamanan global dan hak asasi golongan tertindas, seperti rakyat Palestin.

Pencapaian cemerlang atlet negara pada peringkat dunia bukan sahaja meningkatkan imej negara, malah membangkitkan rasa bangga dan semangat patriotik serta meningkatkan penglibatan rakyat dalam aktiviti sukan. Pelaksanaan program pembangunan atlet, termasuk Program Podium telah membantu kontinjen negara memenangi dua pingat gangsa dalam Sukan Olimpik Paris 2024 dan dua pingat emas, dua pingat perak dan satu pingat gangsa di Sukan Paralimpik Paris 2024. Budaya bersukan dalam kalangan rakyat menunjukkan perkembangan positif berdasarkan peningkatan skor Indeks Budaya Sukan Malaysia, daripada 52.0 pada tahun 2021 kepada 56.3 pada tahun 2024.

Sasaran

Tiga sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk membentuk negara bangsa dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Pembentukan negara bangsa merupakan asas utama dalam menjamin keharmonian dan kestabilan negara, sekali gus membolehkan pembangunan sosioekonomi yang lebih lancar, terangcum dan mampan. Dalam hubungan ini, peranan ahli politik, pemimpin agama, pengamal media, pertubuhan masyarakat sivil (CSO), badan bukan kerajaan (NGO), pemimpin masyarakat dan mempengaruhi akan diperkasakan sebagai ejen perpaduan. Persatuan sukan, syarikat swasta, NGO dan komuniti juga akan digalakkan untuk mempromosi serta menganjurkan aktiviti sukan dan kemasyarakatan. Dalam tempoh RMK13, lima strategi telah dikenal pasti bagi mempercepat pembentukan negara bangsa seperti berikut:

Strategi D1.1: Memperkukuh Integrasi dan Perpaduan Nasional

Integrasi dan perpaduan nasional akan diperkukuh dalam usaha membina sebuah negara bangsa Malaysia yang aman dan makmur berlandaskan kesatuan dalam kepelbagaian. Piagam harmoni Malaysia akan dibangunkan sebagai panduan utama bagi perhubungan dan keharmonian antara agama dan kaum di Malaysia. Pelaksanaan program integrasi dan interaksi sosial yang lebih menyeluruh akan dipertingkatkan dengan memanfaatkan pelbagai platform, termasuk media sosial dan permainan digital. Selain itu, program yang memberi tumpuan kepada pembinaan negara bangsa akan diperhebat, bagi memperkukuh semangat kebangsaan dan memperteguh identiti Malaysia.

Tadbir urus berkaitan perpaduan akan dimantapkan bagi memperkukuh ekosistem perpaduan. Peranan ahli politik, pengamal media, akademik, NGO dan CSO dalam menyemai keharmonian akan diperkasakan dengan memudah cara perkongsian maklumat yang tepat kepada rakyat. Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional akan dinaik taraf sebagai pusat kecemerlangan bagi memperluas aktiviti penyelidikan dan latihan berkaitan perpaduan.

Strategi D1.2: Memperkukuh Patriotisme dan Identiti Nasional

Usaha akan dipergiat untuk menghasilkan karya dan kandungan kreatif yang mempunyai nilai patriotisme serta menonjolkan identiti nasional dan jati diri bagi menyemarakkan semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat. Indeks untuk mengukur tahap patriotisme akan dibangunkan sebagai panduan dalam mereka bentuk program dan intervensi yang lebih menyeluruh dan berkesan. Penghayatan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan akan dipertingkatkan melalui pelbagai inisiatif pendidikan dan kesedaran bagi memastikan prinsip tersebut terus dihargai dan diamalkan oleh seluruh rakyat. Selain itu, penerapan adab, nilai kerohanian dan aspek manusiawi, termasuk berdasarkan prinsip Maqasid Syariah serta pembudayaan

integriti dan kesukarelawan akan dipertingkatkan bagi membentuk insan dan masyarakat MADANI yang hidup harmoni dalam sistem sosial yang lebih utuh. Pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara akan terus ditambah baik melalui modul latihan bersepadu yang menggabungkan komponen kenegaraan dan latihan ketenteraan asas bagi meningkatkan semangat patriotisme dan jati diri yang mendukung inti pati Rukun Negara.

Khazanah warisan negara akan terus dimartabatkan bagi meningkatkan patriotisme dan memperkukuh identiti nasional. Bahan sejarah Malaysia yang berada di luar negara akan diperoleh untuk memastikan khazanah negara yang berharga dapat dipelihara dan dihargai oleh rakyat. Di samping itu, usaha pendigitalan akan dipergiat bagi memelihara dan memperluas akses kepada khazanah negara. Perkhidmatan perpustakaan, arkib dan muzium akan dipertingkatkan dalam usaha meningkatkan kesedaran dan memelihara maklumat mengenai warisan negara.

Strategi D1.3: Memperkukuh Diplomasi Berkesan dan Imej Malaysia di Arena Antarabangsa

Diplomasi yang berkesan dalam hubungan antarabangsa akan dipergiat bagi memperkukuh kedudukan dan imej positif Malaysia di pentas dunia. Usaha akan dipertingkatkan untuk memperluas penglibatan negara dalam kerjasama antarabangsa, termasuk melalui kuasa lunak dan dengan menonjolkan keunikan Malaysia kepada masyarakat antarabangsa. Di samping itu, inisiatif seperti jalinan rangkaian strategik serta penyertaan dalam pameran seni, budaya dan warisan antarabangsa akan diperluaskan. Nilai kemanusiaan rakyat Malaysia akan dipromosikan kepada masyarakat antarabangsa di dalam dan luar negara.

Strategi D1.4: Mempertingkatkan Penglibatan Rakyat dalam Aktiviti Sukan

Sukan akan terus dijadikan medium penting untuk memupuk semangat kekitaan dalam masyarakat selain menggalakkan gaya hidup sihat. Dalam hubungan ini, semua golongan masyarakat, termasuk kanak-kanak,

belia, wanita, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas akan digalakkan untuk turut serta dalam aktiviti sukan. Selain itu, persatuan sukan, syarikat swasta, NGO dan komuniti akan diperkasakan dengan diberi peranan yang lebih besar dalam penganjuran pelbagai aktiviti sukan dan kecergasan. Akses kepada kemudahan sukan juga akan diperluas dengan memastikan kemudahan sukan adalah berkualiti dan tersedia kepada pelbagai lapisan masyarakat, terutama di kawasan luar bandar.



Strategi D1.5: Mempertingkatkan Kecemerlangan Sukan pada Peringkat Dunia

Langkah bagi mempertingkatkan kecemerlangan atlet negara pada peringkat antarabangsa akan terus dipergiat bagi melonjakkan imej negara dan seterusnya memupuk rasa bangga rakyat. Lebih banyak pusat latihan sukan akan dilengkapi dengan kemudahan berteknologi moden bagi membolehkan atlet dilatih dalam pelbagai disiplin dan kepakaran menggunakan modul latihan berasaskan sains dan teknologi sukan terkini. Pengurusan latihan atlet berprestasi tinggi akan ditambah baik dengan memberi fleksibiliti kepada atlet untuk memilih sendiri jurulatih, tempat latihan, jenis pertandingan dan modul sokongan sains sukan. Penganjuran Sukan Asia Tenggara (SEA) di Malaysia pada tahun 2027 akan dimanfaatkan untuk meningkatkan kecemerlangan negara serta memperluas penglibatan masyarakat dalam aktiviti sukan dan kesukarelawanan.

D2: Persediaan Menuju Negara Tua

Malaysia telah menjadi negara menua pada tahun 2021 apabila populasi berumur 65 tahun dan ke atas mencapai 7% daripada jumlah populasi negara. Perubahan ini terutamanya disumbangkan oleh peningkatan jangka hayat dan kemerosotan kadar kesuburan penduduk. Usaha telah dilaksanakan pada pelbagai peringkat di sepanjang kitaran hayat bagi mendepani perubahan ini dan meningkatkan lagi kesejahteraan hidup rakyat. Antara langkah yang diambil termasuk penambahbaikan perlindungan sosial dan perkhidmatan penjagaan kesihatan, penyediaan peluang pekerjaan dan infrastruktur mesra usia serta peningkatan kemahiran dan pendidikan.

Pada tahun 2043, Malaysia dijangka menjadi negara tua, namun persediaan bagi menghadapi perubahan demografi ini masih belum menyeluruh. Cabaran yang dikenal pasti termasuk ekosistem penjagaan jangka panjang (LTC) yang tidak kondusif, penguncupan tenaga buruh, peningkatan nisbah tanggungan usia tua serta kemerosotan mutu bakat tersedia masa hadapan. Selain itu, beban fiskal yang tinggi untuk penyediaan penjagaan kesihatan, bantuan sosial dan infrastruktur bersesuaian serta liputan perlindungan sosial dan simpanan kewangan yang tidak mencukupi terus menjadi cabaran struktur yang perlu ditangani segera.

Matlamat

Persediaan yang rapi menuju negara tua dapat memastikan rakyat boleh menjalani kehidupan yang lebih wajar, sihat, produktif dan bermaruah serta mampu untuk terus menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Komuniti perniagaan dapat merebut peluang yang wujud daripada pembangunan ekonomi penjagaan sebagai sumber baharu pertumbuhan ekonomi. Pendekatan yang bersepadu dalam memacu pembangunan sosioekonomi dapat menjadikan Malaysia sebagai negara tua yang lebih berdaya saing, sejahtera dan terangkum.

Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, pelbagai inisiatif dalam menghadapi cabaran penuaan populasi telah dilaksanakan, merangkumi program sokongan sosial dan penjagaan kesihatan serta peningkatan kemahiran dan peluang pekerjaan. Insentif cukai tambahan telah diperkenalkan kepada majikan bagi tempoh 2025 hingga 2027 yang menyediakan kemudahan cuti penjagaan. Selain itu, Garis Panduan Aturan Kerja Fleksibel telah dilancarkan pada Disember 2024 sebagai panduan bagi memberi kemudahan kepada pekerja serta membantu majikan mengoptimumkan sumber dan kos. Selain itu, Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan, 2025-2045 (NAB) telah diluluskan pada tahun 2025 sebagai panduan untuk menangani cabaran penuaan negara secara menyeluruh.

Sektor penjagaan dan perkhidmatan komuniti telah diperkukuh bagi menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada kanak-kanak, kanak-kanak berkeperluan khas, OKU dan warga emas. Pada tahun 2024, seramai 8,000 penjaga telah memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia dalam sektor ini. Usaha untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas diperluas melalui program pembelajaran sepanjang hayat di klinik kesihatan yang memberi manfaat kepada 41,400 warga emas dari tahun 2021 hingga 2024. Pelaksanaan program di 190 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) pula telah memberi faedah kepada 57,839 warga emas. Bantuan tunai bulanan warga emas yang dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan pada tahun 2024 dan seterusnya kepada RM600 sebulan pada tahun 2025 telah dapat meningkatkan pendapatan 154,000 warga emas. Pembinaan Pusat Subfertiiliti Negara telah diluluskan pada tahun 2024 untuk memperluas akses rawatan kesuburan moden serta penyelidikan dan latihan kepakaran berkaitan kesuburan.

Sasaran

Empat sasaran terpilih ditetapkan sebagai sebahagian daripada usaha persediaan untuk beralih menuju negara tua dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Persediaan menuju negara tua adalah antara tumpuan yang akan diberi keutamaan dalam RMK13. Persediaan ini akan diperhebat dengan mewujudkan ekosistem LTC yang mampan, mempersiapkan pasaran buruh, kemahiran dan pendidikan, menyesuaikan keutamaan fiskal dan menambah baik perlindungan sosial serta meningkatkan kesejahteraan warga berusia. Empat strategi telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam tempoh RMK13, seperti berikut:

Strategi D2.1: Mewujudkan Ekosistem Penjagaan Jangka Panjang yang Mampan

Perundangan dan tatakelola berkaitan LTC akan diperkenalkan bagi membangunkan ekosistem LTC yang mampan. Perundangan berkaitan LTC akan digubal bertujuan menyeragamkan dasar dan peraturan merentas agensi serta memastikan perkhidmatan LTC yang berkualiti, mudah diakses dan mampu dibayar. Bagi tujuan ini, satu entiti khusus akan dikenal pasti untuk mengawal selia ekosistem penjagaan, termasuk pusat penjagaan kanak-kanak, OKU dan warga berusia serta pusat pengajian agama yang menyediakan kemudahan kediaman. Pihak berkuasa tempatan (PBT) akan digalakkan untuk membangunkan pelan tindakan bagi memperluas penyediaan perkhidmatan LTC pada peringkat lokaliti.

Tumpuan akan diberi untuk menambah baik kualiti perkhidmatan serta profesionalisme bakat LTC melalui penyediaan piawaian dan peningkatan kemahiran penjaga dan pekerja. Dalam hubungan ini, piawaian kebangsaan bagi profesion penjagaan serta modul latihan penjagaan di kediaman dan dalam komuniti akan dibangunkan. Usaha penyeragaman latihan dan pensijilan akan dipergiat dengan kerjasama pelbagai pihak berasaskan pendekatan keseluruhan negara. Selain itu, penyediaan perlindungan sosial dan faedah lain kepada penjaga dan pekerja LTC, termasuk penjaga tidak formal akan ditambah baik. Insentif akan diperkenalkan kepada pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang mengikuti latihan industri dalam bidang LTC bagi menarik penyertaan lebih ramai golongan muda.



Penjagaan berasaskan kediaman dan komuniti untuk kanak-kanak, OKU dan warga emas akan diperluas bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, kebajikan dan pendidikan. Perkhidmatan penjagaan bergerak dan Program Khidmat Bantu di Rumah kepada golongan yang memerlukan akan dipertingkatkan. Selain itu, perkhidmatan rawatan domisiliari dan domisiliari paliatif dalam komuniti dengan penglibatan keluarga dan komuniti setempat juga akan diperkenalkan bagi memberi sokongan fizikal dan emosi kepada pesakit dan keluarga.

Industri perkhidmatan penjagaan yang berkualiti akan terus dibangunkan bagi menjadikan Malaysia sebagai hab perkhidmatan LTC serantau. Pemain industri, terutama perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) akan digalakkan untuk meneroka potensi dalam ekonomi penjagaan bagi menjana sumber pertumbuhan baharu. Selain itu, skim insurans LTC akan diteroka bagi menyediakan perlindungan yang berstruktur dan mampan.

Strategi D2.2: Mempersiap Pasaran Buruh, Kemahiran dan Pendidikan

Pasaran buruh akan diperkukuh bagi memastikan ekosistem perburuhan yang lebih responsif kepada perubahan demografi sebagai persiapan menuju negara tua. Dalam hubungan ini, akta dan peraturan berkaitan perburuhan akan disemak semula. Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [Akta 753] akan disemak semula bagi memperkenalkan perundangan berkaitan pengajian semula selepas umur persaraan minimum. Cadangan untuk meningkatkan umur persaraan wajib penjawat awam mengikut skim perkhidmatan akan dikaji bagi membolehkan semakan semula Akta Pencen 1980 [Akta 227] dilaksanakan. Pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan Aturan Kerja Fleksibel juga akan digalakkan bagi memberi keanjalan kepada pekerja yang mempunyai halangan untuk bekerja berdasarkan aturan kerja sedia ada.

Pendidikan akan diperkukuh sebagai persediaan menghadapi negara tua yang memerlukan perubahan dalam aspek kandungan, kaedah dan proses pembelajaran. Sukatan pelajaran akan ditambah baik untuk lebih dinamik dalam mengambil kira keperluan perubahan pada masa

hadapan. Pembangunan kemahiran akan dipergiat serta kurikulum TVET akan diperluas untuk merangkumi bidang berkaitan penuaan. Selain itu, pembelajaran sepanjang hayat akan diperkasakan melalui perluasan akses dan peluang kepada program latihan fleksibel seperti *micro-credential*, pengiktirafan pencapaian terdahulu serta latihan peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula bagi meningkatkan mobiliti kerjaya.

Strategi D2.3: Menyesuaikan Keutamaan Fiskal dan Menambah Baik Perlindungan Sosial

Langkah penyesuaian keutamaan fiskal akan dilaksanakan bagi mengoptimumkan sumber kewangan Kerajaan dalam memastikan penyediaan perkhidmatan sosial dan infrastruktur yang lebih baik sebagai persediaan menuju negara tua. Pengubahsuaian dan pembangunan premis yang mematuhi Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat akan dimudah cara, manakala lebih banyak infrastruktur mesra usia akan disediakan dengan kerjasama pihak swasta. Selain itu, bagi mengurangkan tanggungan Kerajaan dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan, langkah intervensi melalui perundangan akan dilaksanakan bagi membendung peningkatan kadar penyakit kardiovaskular dan penyakit tidak berjangkit (NCD). Intervensi ini termasuk penetapan penggunaan lemak trans, garam dan gula dalam penghasilan produk makanan.

Penambahbaikan sistem perlindungan sosial untuk lebih menyeluruh dan terangkum akan dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan bantuan dan kecekapan perbelanjaan awam. Tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk mereformasi skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi memastikan persaraan yang mampan dan simpanan yang mencukupi. Dalam hubungan ini, pengasingan caruman KWSP kepada dua komponen, iaitu simpanan persaraan dan skim pencen akan diteroka. Platform digital khusus akan dibangunkan untuk menggalakkan pindahan tunai secara tetap daripada anak-anak kepada ibu bapa bagi menjamin kelangsungan hidup selepas usia persaraan dan memperkuat peranan institusi keluarga.

Strategi D2.4: Meningkatkan Kesejahteraan Warga Berusia

Langkah akan diambil untuk meningkatkan kesejahteraan warga berusia bagi memastikan kelangsungan hidup secara bermaruah. Perundangan khusus berkaitan warga berusia merangkumi aspek perlindungan, kebijakan dan penyertaan yang saksama dalam masyarakat akan digubal. Selain itu, akses terhadap program dan perkhidmatan sokongan yang lebih menyeluruh akan diperluas melibatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan serta penjagaan dan sokongan dalam komuniti. Aktiviti warga berusia berdasarkan konsep PAWE juga akan diperluas ke lebih banyak kawasan tanpa bergantung kepada ketersediaan kemudahan PAWE.

Khidmat sukarela kepada warga berusia akan dipergiat menerusi penglibatan komuniti dan CSO bagi memperkuat jalinan intergenerasi dan komuniti. Bagi tujuan ini, fasiliti sedia ada, seperti dewan serbaguna, pusat sukan dan pusat komuniti akan dijadikan hab bagi menjalankan aktiviti sosial berpusat. Inisiatif ini akan disokong melalui pembangunan sistem penjejak bersepadu mengguna pakai teknologi pintar bagi memantau keselamatan warga berusia, khususnya yang berisiko mengalami kemerosotan fungsi kognitif.

Pusat sehati bagi menyediakan penyelesaian berasaskan teknologi untuk masyarakat menua akan diwujudkan melalui gabungan kepakaran industri dan penyelidik tempatan. Pusat ini akan memberi tumpuan dalam penghasilan dan pengkomersialan peranti perubatan, peralatan sokongan dan makanan tambahan bernutrisi untuk warga berusia. Usaha ini akan meningkatkan potensi Malaysia sebagai hab teknologi global bagi pembangunan sistem sokongan menggunakan teknologi termaju dan inovasi terkini yang turut memanfaatkan warga berusia.

D3: Reformasi Kesihatan

Reformasi kesihatan menjadi prasyarat ke arah pewujudan sistem kesihatan negara yang saksama, mampan dan berdaya tahan. Pelaksanaan inisiatif dalam tempoh RMKe-12 adalah berdasarkan Kertas Putih Kesihatan yang meletakkan asas kukuh dalam mereformasi

sistem kesihatan negara secara menyeluruh dan berstruktur. Rakyat Malaysia secara amnya telah mencapai status kesihatan yang baik, namun sektor kesihatan masih berhadapan dengan pelbagai isu, termasuk inflasi perubatan yang memberi kesan kepada kualiti penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan. Selain itu, akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti dan mampu bayar masih perlu ditambah baik. Peningkatan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit akibat gaya hidup yang tidak sihat serta penuaan populasi turut menambahkan beban sistem kesihatan awam negara.

Matlamat

Dalam tempoh RMK13, reformasi kesihatan akan membolehkan rakyat mendapat akses yang saksama kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang bermutu dan mampu dibayar ke arah mencapai tahap kehidupan wajar. Peruntukan kewangan Kerajaan akan dioptimumkan dengan melaksanakan pendekatan proaktif dan inovatif dalam pembiayaan kesihatan, seperti perolehan perkhidmatan bernilai tinggi melalui penyumberluaran serta inisiatif mempelbagaikan sumber pembiayaan. Reformasi kesihatan ini dapat meningkatkan daya saing pemain industri dalam pengeluaran ubat-ubatan dan peranti perubatan tempatan melalui pengukuhan dan pementapan sistem regulatori kebangsaan.


Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan telah ditambah baik untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat. Indeks komponen kesihatan dalam Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia meningkat kepada 112.6 pada tahun 2023. Sehingga pertengahan tahun 2025, perkhidmatan kardiologi di hospital awam telah diperkukuh melalui pengoperasian 24 makmal kardiologi invasif. Dalam tempoh 2021 hingga 2025, sebanyak RM936.86 juta telah diperuntukkan bagi menaik taraf, mengubah suai dan membaik pulih 2,215 klinik daif, manakala sebanyak RM11.95 bilion telah diperuntukkan untuk melaksanakan 255 projek menaik taraf hospital di seluruh negara. Selain itu, perkhidmatan penjagaan kesihatan warga emas telah diperkukuh melalui

pengintegrasian tujuh hospital dengan 20 klinik kesihatan. Sehingga Jun 2025, sebanyak 2,485 daripada 4,042 klinik swasta yang berdaftar dengan Skim Perubatan MADANI masih aktif menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada rakyat yang kurang berkemampuan.

Sasaran

Empat sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk memastikan sistem kesihatan negara yang saksama, mampan dan berdaya tahan dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Reformasi kesihatan akan ditumpukan kepada usaha menambah baik struktur pembiayaan dan tadbir urus kesihatan, mempergiat aktiviti promosi dan kesedaran kesihatan dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan. Tumpuan juga akan diberikan kepada usaha untuk menambah baik pendigitalan kesihatan dan memperkukuh keterjaminan ubat dan

peranti perubahan. Sebanyak lima strategi telah dikenal pasti dalam melaksanakan reformasi kesihatan dalam tempoh RMK13, seperti berikut:

Strategi D3.1: Mereformasi Pembiayaan dan Tadbir Urus Kesihatan

Reformasi sistem pembiayaan kesihatan akan dilaksana bagi membolehkan rakyat mendapat akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik. Pelaksanaan inisiatif Rakan KKM akan diperluas sebagai pilihan kepada syarikat swasta dan pemegang polisi insurans bagi mendapatkan perkhidmatan berbayar di fasiliti kesihatan awam. Golongan sasar yang layak akan terus mendapat perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti daripada semua fasiliti kesihatan awam.

Produk insurans atau takaful kesihatan asas yang seragam kendalian swasta akan diperkenalkan bagi membolehkan rakyat menikmati perkhidmatan kesihatan swasta dan Rakan KKM pada kadar yang berpatutan. Pembangunan produk ini akan mengambil kira amalan terbaik antarabangsa berlandaskan paradigma penjagaan kesihatan berasaskan nilai. Langkah ini bertujuan memastikan harga yang berpatutan serta perlindungan mudah dicapai sepanjang hayat.

Pewujudan dana kesihatan nasional dan pembangunan platform pembelian strategik akan diteroka dalam usaha memodenkan sistem pembiayaan kesihatan

negara. Selain itu, mekanisme cukai prokesihatan akan diperluas kepada produk berisiko tinggi seperti tembakau, rokok elektronik, *vape* dan alkohol. Pelaksanaan langkah ini akan dapat menggalakkan perubahan tingkah laku yang lebih menyeluruh.

Akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti akan dipertingkatkan melalui penyumberluaran perkhidmatan yang memerlukan pelaburan yang tinggi secara kerjasama awam dan swasta dengan lebih meluas. Perkhidmatan ini termasuk pengimejan diagnostik, prosedur pembedahan pilihan dan khidmat perundingan pakar secara maya. Bagi tujuan ini, model pembiayaan terangkum dan mekanisme perkongsian kos yang bersesuaian akan dibangunkan.

Strategi D3.2: Memperkukuh Promosi dan Sekuriti Kesihatan

Dasar dan program promosi secara bersepadu merentas sektor akan diperkukuh untuk mewujudkan masyarakat yang celik kesihatan bagi mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit. Selain itu, sekuriti kesihatan akan dipertingkatkan bagi melindungi rakyat dan ekonomi negara daripada ancaman kesihatan. Sistem penggredan akan dilaksanakan melalui pelabelan mandatori depan bungkusan untuk mengurangkan kandungan gula dan garam dalam produk makanan dan minuman. Langkah ini akan memperkasakan rakyat untuk membuat pilihan yang lebih sihat.

Ancaman penyakit baharu atau penyakit muncul semula serta ancaman kesihatan awam yang lain akan dibendung melalui pelaksanaan kerangka strategik kapasiti sekuriti kesihatan negara selaras dengan keperluan International Health Regulations 2005. Usaha akan dipergiat bagi membasmi, mengakhiri atau menghapuskan 12 penyakit berjangkit, seperti polio, malaria, tibi dan kusta menjelang tahun 2030 selaras dengan ketetapan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Selain itu, inisiatif untuk mengarusperdanakan penjagaan kesihatan supaya menyeluruh dan saksama berdasarkan konsep 'Health in All Policies' akan dilaksanakan melalui kerjasama merentas sektor.



Strategi D3.3: Memperkasakan Ekosistem Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan

Ekosistem penyampaian perkhidmatan kesihatan akan diperkukuh sebagai persediaan menuju negara tua. Jawatankuasa penyelaras dasar peringkat tinggi akan dibentuk untuk menyelaras dan memantau keperluan tenaga kerja kesihatan yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan. Selain itu, rangka kerja bagi pembangunan profesional peringkat kebangsaan akan dibangunkan untuk memastikan sistem pengurusan sumber manusia yang responsif terhadap keperluan rakyat. Keupayaan bakat kesihatan negara dalam bidang perubatan jitu akan dipertingkatkan melalui pengukuhan penyelidikan, inovasi dan komersial. Institusi penyelidikan kesihatan akan diperkasakan sebagai pusat kecemerlangan penyelidikan klinikal di rantau Asia Tenggara bagi menerajui bidang perubatan jitu.

Rangka perundangan kesihatan akan diperkemas untuk mengambil kira perubahan demografi, perkembangan epidemiologi penyakit dan kemajuan teknologi. Bagi tujuan ini, akta berkaitan pemindahan organ dan tisu akan ditambah baik, manakala rang undang-undang kapasiti mental akan digubal. Langkah ini akan memastikan sistem kesihatan negara yang beretika, berpaksikan hak asasi dan mampu melindungi kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.



Penyediaan fasiliti kesihatan berdasarkan konsep kluster bagi penjagaan bersepadu akan diperluas untuk merangkumi penjagaan peralihan. Dalam hubungan ini, lebih banyak hospital kluster sedia ada akan diintegrasikan dengan klinik kesihatan yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan primer. Inisiatif ini akan dapat memperluas perkhidmatan penjagaan kesihatan yang menyeluruh, terutama bagi golongan berusia dan penduduk di luar bandar.

Strategi D3.4: Mempertingkatkan Pendigitalan Pengurusan Maklumat Kesihatan

Pelaksanaan pendigitalan pengurusan maklumat kesihatan akan dipertingkat bagi memastikan perkongsian maklumat kesihatan yang lebih bersepadu, selamat dan dipercayai selaras dengan agenda GovTech. Platform digital perkongsian maklumat kesihatan akan dibangunkan bagi membolehkan penyedia perkhidmatan kesihatan, sama ada sektor awam atau swasta merentas institusi dan negeri, memberi perkhidmatan berkualiti kepada rakyat. Selain itu, penyumberluaran sistem rekod perubatan elektronik oleh semua fasiliti kesihatan Kerajaan akan mempertingkatkan lagi pengurusan maklumat kesihatan rakyat melalui penggunaan *big data*, kecerdasan buatan (AI) dan teknologi baru muncul.

Strategi D3.5: Memperkukuh Keterjaminan Ubat dan Peranti Perubatan

Keupayaan negara sebagai pengeluar produk farmaseutikal dan peranti perubatan secara mandiri serta kecekapan logistik bagi pengedaran produk akan dipertingkatkan untuk memastikan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi krisis kesihatan global. Pengilang farmaseutikal dan peranti perubatan tempatan akan digalakkan untuk meningkatkan kapasiti, keupayaan dan infrastruktur pengeluaran bagi mengurangkan kebergantungan terhadap ubat-ubatan dan peranti perubatan import. Selain itu, sistem regulatori farmaseutikal kebangsaan akan ditambah baik berdasarkan piawaian WHO bagi memastikan ekosistem pengeluaran produk farmaseutikal yang menyeluruh.

Program Dana Pembangunan dan Pengukuhan Penghasilan Vaksin Negara dan Latihan Program Vaksin akan dimantapkan bagi memperkukuh penyelidikan dan pembangunan serta bakat dalam penghasilan vaksin tempatan. Selain itu, penyertaan negara dalam rangkaian ekosistem produk farmaseutikal antarabangsa akan terus diperluas untuk memperkukuh kemampuan negara dalam menghasilkan produk farmaseutikal yang berkualiti dan selamat kepada rakyat. Rangkaian ini, termasuk Coalition for Epidemic Preparedness Innovations, International Council for Harmonisation of Technical Requirements for Pharmaceuticals for Human Use dan International Vaccine Institute.

Sistem pengesanan dan penjejakan produk farmaseutikal akan dibangunkan untuk memastikan pengurusan logistik farmaseutikal yang cekap, efektif, selamat, responsif dan berdaya tahan. Usaha pendigitalan ini akan menjamin rakyat mendapat akses yang berterusan kepada produk farmaseutikal yang selamat dan berkualiti. Di samping itu, penambahbaikan kecekapan pengurusan logistik akan dapat menyokong pertumbuhan industri farmaseutikal tempatan.

D4: Reformasi Perumahan

Reformasi perumahan akan memastikan rakyat mendapat akses kepada tempat tinggal yang berkualiti dan mampu dibayar dengan persekitaran yang sihat dan selamat. Komitmen ini direalisasikan melalui pelaksanaan pelbagai strategi dan inisiatif, termasuk pembinaan perumahan mampu milik yang memenuhi keperluan manusiawi, program penyelenggaraan, penyediaan dana dan insentif pembiayaan serta penambahbaikan pengurusan perumahan. Namun, masih terdapat isu struktur yang menjadi cabaran dalam penyediaan perumahan yang diperlukan oleh rakyat. Kenaikan harga rumah yang tidak sepadan dengan peningkatan pendapatan isi rumah serta jurang dalam perancangan dan penyelarasan menyebabkan ketidaksepadanan antara permintaan dan penawaran perumahan. Selain itu, akses kepada pembiayaan perumahan yang terhad menyumbang kepada pemilikan rumah yang rendah.

Matlamat

Dalam tempoh RMK13, reformasi perumahan bertujuan meningkatkan kemampanan ekosistem perumahan bagi menyediakan tempat tinggal yang berdaya huni, berkualiti dan terjangkau serta mampu dibayar oleh segenap lapisan masyarakat. Pendekatan baharu yang akan diperkenalkan memberi peluang kepada pemain industri hartanah, terutama dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana untuk meningkatkan kapasiti, skala dan daya saing. Peralihan tumpuan kepada model baharu pembiayaan dan pemilikan berdasarkan konsep sewa untuk beli (RTO) dapat meningkatkan keupayaan rakyat untuk memiliki rumah. Matlamat untuk membolehkan rakyat menjalani kehidupan wajar hanya akan dapat dicapai melalui kerjasama semua pihak, termasuk kerajaan negeri, sektor swasta, institusi kewangan dan wakil industri.

Pencapaian RMKe-12

Penyediaan perumahan mampu milik kepada rakyat telah ditingkatkan dengan 179,769 unit rumah siap dibina sehingga Mac 2025, iaitu 36% daripada sasaran 500,000 unit rumah dalam tempoh RMKe-12. Selain itu, sebanyak 312,591 unit rumah mampu milik lagi telah diluluskan dan dalam pelbagai peringkat pembinaan. Sehingga 31 Disember 2024, pembiayaan sebanyak RM17.86 bilion diluluskan di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan dan telah memberi manfaat kepada 76,664 peminjam. Penjenamaan semula Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada Program Residensi Rakyat (PRR) telah dilaksanakan pada Ogos 2024 bertujuan menambah baik reka bentuk, spesifikasi dan ciri-ciri perumahan supaya lebih berdaya huni, bersepadu, berkualiti dan mampan. Program penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah, termasuk penggantian lif telah memberi faedah kepada 150,218 penghuni di 46,365 unit rumah.

Sasaran

Dua sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk mereformasi perumahan negara dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Nota: ^a termasuk sekurang-kurangnya 70% siap

Strategi

Reformasi perumahan merupakan antara keutamaan dalam RMK13 untuk menangani kos sara hidup bagi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat. Reformasi ini akan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan penawaran perumahan berkualiti, berdaya huni dan terangkum, menambah baik akses pembiayaan serta memantapkan kecekapan kawal selia dan pengurusan perumahan. Tiga strategi telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam tempoh RMK13, seperti berikut:

Strategi D4.1: Meningkatkan Penyediaan Perumahan Berkualiti, Berdaya Huni dan Terangkum

Penyediaan perumahan yang berkualiti kepada rakyat akan dipertingkatkan melalui penambahbaikan dalam perancangan, penstrukturan semula tadbir urus dan pengukuhan kaedah pembinaan serta penggunaan sumber secara optimum. Reformasi perumahan menyasarkan penyediaan satu juta rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun. Dalam hubungan ini, agensi tunggal perumahan negara akan ditubuhkan melalui rasionalisasi semua agensi perumahan Persekutuan bagi merancang, menyelaras dan mengurus penyediaan rumah mampu milik. Repositori maklumat perumahan bersepadu akan

diwujudkan sebagai rujukan tunggal dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program perumahan awam melalui pengintegrasian semua sistem perumahan pada peringkat Persekutuan dan negeri.

Peralihan kepada sistem binaan menggunakan teknologi Industrialised Building System (IBS) pada skala yang besar dan penggunaan Building Information Modeling (BIM) secara lebih meluas, terutama bagi rumah mampu milik akan dipercepat. Usaha ini akan disokong melalui penubuhan atau pemilihan sebuah syarikat berkaitan kerajaan atau pihak swasta yang akan bertanggungjawab untuk membina infrastruktur IBS di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak. Inisiatif ini akan mengoptimumkan kos dalam jangka masa panjang dan mempercepat tempoh masa pembinaan.



Penggunaan tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, tanah Rizab Melayu dan tanah wakaf akan diperluas melalui kerjasama antara pelbagai pihak untuk meningkatkan penyediaan perumahan mampu milik. Penyediaan perumahan mampu milik juga akan dipergiat melalui pembangunan semula kawasan usang dan terbiar seiring dengan pengenalan perundangan di bawah akta berkaitan pembaharuan semula bandar. Pembinaan rumah berdasarkan konsep bina dan jual secara perkongsian risiko pula akan dijadikan mandatori melalui pindaan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Kaedah ini akan dapat mengatasi isu rumah terbengkalai serta

meningkatkan akauntabiliti pemaju. Pindaan Akta 118 ini juga akan dapat meningkatkan kawal selia ke atas pembinaan perumahan bercampur serta mengukuhkan peranan tribunal perumahan.

Strategi D4.2: Meningkatkan Pemilikan Rumah

Kaedah pemilikan rumah melalui skim RTO akan diperluas bagi memberi peluang kepada isi rumah yang kekurangan deposit awalan dan tidak layak untuk mendapatkan pembiayaan komersial. Model baharu skim RTO akan diperkenalkan untuk menyediakan mekanisme sistem sewaan yang lebih fleksibel dan mampu milik. Cadangan penubuhan konsortium perumahan bagi memastikan pengurusan skim RTO dilaksanakan dengan lebih cekap dan mampan akan diteroka.

Skim pembiayaan rumah mampu milik sedia ada akan ditambah baik, termasuk dalam aspek penetapan kadar faedah secara berperingkat dan tempoh pembiayaan bagi membolehkan lebih ramai golongan sasar membeli

rumah pertama. Selain itu, skim pembiayaan atau sewaan jangka panjang kepada warga emas akan diperkenalkan sebagai persediaan menuju negara tua. Akta berkaitan sewaan kediaman juga akan diperkenalkan bagi memastikan perlindungan yang adil kepada penyewa dan pemilik rumah.

Strategi D4.3: Memantapkan Kecekapan Kawal Selia dan Pengurusan Perumahan

Kawal selia dan pengurusan perumahan yang cekap akan dapat memastikan tempat tinggal yang terangkum, selamat, berdaya tahan dan mampan bagi menjamin kesejahteraan penghuni. Dalam hubungan ini, perundangan berkaitan tadbir urus perumahan awam akan digubal bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan perumahan awam. Penetapan tempoh moratorium dan mekanisme jual balik rumah bersubsidi ke pasaran terbuka akan diliputi di bawah perundangan ini bagi memastikan kemampuan penyediaan perumahan mampu milik. Langkah ini akan



membolehkan mekanisme penetapan kadar sewa dan yuran penyelenggaraan ditambah baik berdasarkan kos sebenar. Pelantikan pihak ketiga, seperti agensi atau syarikat pengurus bangunan yang bertauliah dan berlesen juga akan dilaksanakan bagi memastikan pengurusan dan penyelenggaraan perumahan yang berkesan dan sistematik.

Inisiatif bagi menyelesaikan isu pemilikan strata akan diteroka bagi memastikan pembeli unit rumah berstrata tidak terus dibelenggu masalah kesukaran mendapatkan hak milik dan dilindungi oleh undang-undang. Pindaan Akta 118 akan mewajibkan pemaju menyerahkan hak milik strata semasa serahan milikan kosong kepada pembeli. Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] dan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] akan dipinda bagi mengasingkan bidang kuasa antara pemilikan dan pengurusan dalam usaha memantapkan pengurusan bangunan berstrata. Selain itu, pemaju perumahan digalakkan mematuhi Standard Perumahan Kebangsaan CIS 26: 2019 pada peringkat perancangan dan pembinaan bagi memastikan penyediaan rumah yang berkualiti dan penyelenggaraan dilakukan secara berkala untuk keselamatan dan ketahanan bangunan. Koordinasi dalam kalangan jabatan dan agensi yang terlibat akan diperkukuh bagi membolehkan pelaksanaan piawaian ini dipantau dengan berkesan. Pemaju perumahan juga akan digalakkan untuk mendapatkan pengiktirafan *Green Building Index* bagi memastikan bangunan yang lestari, cekap tenaga dan mesra alam.

Kerajaan negeri akan digalakkan untuk melaksanakan kawalan harga rumah mampu milik melalui dasar perumahan negeri bagi memastikan harga jualan adalah selaras dengan pendapatan isi rumah dan keperluan setempat. Indeks kos pembinaan mengikut jenis rumah akan dibangunkan sebagai panduan bagi memastikan harga rumah yang lebih berpatutan dan telus. Selain itu, kerajaan negeri akan diperkasa untuk melaksanakan projek perumahan awam, termasuk melalui pengenalan mekanisme perolehan perumahan awam secara pukal. Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan dalam penyediaan perumahan awam, tabung perumahan sedia ada, iaitu Kumpulan Wang Amanah Program Perumahan Rakyat Dimiliki akan ditambah baik. Langkah ini akan membolehkan sumber tabung diperluas, termasuk melalui terimaan bayaran penjualan semula rumah bersubsidi

yang boleh digunakan semula untuk penyediaan dan penyelenggaraan perumahan mampu milik. Pelaksanaan semua inisiatif ini akan dapat memastikan rakyat dapat mendiami rumah yang berkualiti dan mampu dibayar.

D5: Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan

Pengukuhan keselamatan dan pertahanan merupakan asas utama dalam menjamin keamanan negara dan kesejahteraan rakyat. Pelbagai dasar dan inisiatif telah dilaksanakan bagi memelihara keselamatan dan mempertahankan kedaulatan negara. Namun begitu, masih wujud pelbagai cabaran yang perlu ditangani secara tuntas, termasuk ancaman keselamatan rentas sempadan, jenayah siber, penyalahgunaan narkotik, kekurangan infrastruktur dan aset keselamatan serta isu berkaitan kebajikan anggota pasukan keselamatan dan veteran.

Matlamat

Keselamatan awam dan pertahanan negara yang kukuh akan memastikan negara sentiasa bersedia dan berupaya menangani pelbagai ancaman serta krisis yang semakin rencam, demi menjamin kehidupan wajar. Keamanan yang terpelihara akan membolehkan komuniti perniagaan menjalankan aktiviti ekonomi dalam persekitaran yang selamat dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Keamanan juga dapat memupuk semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat dan menjadi asas kepada pembentukan negara bangsa dan sistem sosial yang berteraskan insan MADANI.

Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, usaha memperkukuh keselamatan dan pertahanan ditumpukan kepada pengukuhan perundangan, peningkatan dan pemodenan aset serta kesiapsiagaan dan kesejahteraan anggota keselamatan. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] telah dipinda pada tahun 2024 bagi mengemas kini prosedur dan menambah baik definisi kesalahan keselamatan dan memperkukuh rangka tindakan keselamatan khas.

Akta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 [Akta 860] pula telah diluluskan bagi mewujudkan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) sebagai agensi penguatkuasaan tunggal di pintu masuk negara.

Bagi mengukuhkan kawalan sempadan, sebanyak RM1.2 bilion telah diperuntukkan kepada pelbagai agensi untuk melaksanakan program dan projek di kawasan sempadan negara. Antara projek yang dilaksanakan termasuk pemodenan aset secara menyeluruh melalui teknologi AI seperti biometrik, radar termal, imbasan bagasi pintar dan dron AI di pintu masuk dan keluar negara. Perolehan aset strategik, antara lain Light Combat Aircraft, Unmanned Aerial System dan Maritime Patrol Aircraft serta Littoral Mission Ship telah dan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan kesiapsiagaan pertahanan. Malaysia juga telah mencapai kedudukan ke-13 dalam Indeks Keamanan Global (GPI) pada tahun 2025, berbanding kedudukan ke-19 pada tahun 2023 dan meletakkan negara sebagai antara yang selamat di rantau ini. Nisbah jenayah indeks bagi tahun 2024 pula mencatatkan 164 kes bagi setiap 100,000 penduduk, lebih awal mencapai sasaran tahun 2025 yang ditetapkan sebanyak 238 kes.

Sasaran

Dua sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha memperkukuh keselamatan dan pertahanan dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Usaha yang strategik dan pendekatan secara menyeluruh akan diteruskan bagi menghadapi cabaran berkaitan ancaman keselamatan dan ketenteraman awam yang semakin rencam. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk mempertingkatkan keselamatan dan ketenteraman awam, memelihara kedaulatan negara, meningkatkan kesejahteraan anggota keselamatan dan menambah baik pengurusan dan pemulihan pesalah jenayah. Penekanan juga akan diberikan kepada inisiatif untuk menerapkan teknologi termaju dan pendigitalan sebagai pemboleh daya penting dalam pengukuhan keselamatan dan pertahanan. Empat strategi telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam tempoh RMK13, seperti berikut:

Strategi D5.1: Mempertingkatkan Keselamatan dan Ketenteraman Awam



Usaha pencegahan jenayah dan kesiapsiagaan dalam menghadapi krisis akan diperkukuh bagi meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam. Kerjasama strategik dalam kalangan pelbagai agensi penguat kuasa akan terus diperhebat dengan mempergiat operasi bersepadu dan rondaan bersasar bagi mencegah jenayah. Penggunaan teknologi AI, seperti pengimbas pintar, analitik video dan sistem pemantauan berautomasi akan dimanfaatkan dalam penugasan agensi keselamatan dan ketenteraman awam bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada rakyat. Pelaksanaan program pendidikan, advokasi dan kempen akan diteruskan bagi memupuk

kesedaran awam mengenai risiko jenayah dan langkah keselamatan yang perlu diambil. Program pencegahan jenayah, termasuk penyalahgunaan dadah akan turut dipergiat dengan kerjasama semua pihak berkepentingan. Selain itu, kawasan terbiar di bandar akan dibangunkan semula untuk membendung jenayah, manakala penanda aras keselamatan bandar akan diperkenalkan bagi mengukur tahap keselamatan penduduk.

Aktiviti kesukarelawanan berasaskan komuniti dalam pencegahan jenayah akan terus digalakkan melalui kerjasama strategik antara agensi penguatkuasaan dengan sektor swasta, NGO, CSO dan komuniti setempat. Penggunaan aplikasi keselamatan digital oleh orang awam untuk melaporkan kejadian yang mencurigakan secara terus kepada pihak berkuasa akan juga dipertingkatkan. Pelaksanaan inisiatif ini akan menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam menjaga keselamatan awam.

Usaha membanteras jenayah siber akan terus dipergiat melalui penambahbaikan infostruktur dan infrastruktur, pengukuhan penguatkuasaan dan perundangan, peningkatan kerjasama antarabangsa serta pembangunan kepakaran tempatan. Program pendidikan dan kempen kesedaran melalui media sosial dan platform digital akan diperluas bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai risiko dan langkah perlindungan daripada jenayah siber. Peranan Pusat Respons Penipuan Kebangsaan sebagai pusat sehati akan diperkasa dalam menangani penipuan kewangan dalam talian secara lebih berkesan.

Pengurusan krisis akan dimantapkan melalui penambahbaikan dasar dan prosedur operasi standard (SOP) serta peningkatan kapasiti. Dalam hubungan ini, latihan bersama oleh agensi keselamatan secara berkala akan dipergiat bagi memastikan respons yang bersepadu dan pantas. Pengurusan aset akan ditambah baik bagi meningkatkan keupayaan dan keberkesanan operasi agensi keselamatan.

Strategi D5.2: Memelihara Kedaulatan Negara

Kedaulatan negara akan dipelihara melalui pemerkasaan pertahanan, kawalan sempadan dan operasi penguatkuasaan serta pembangunan ekosistem industri pertahanan. Diplomasi berkesan akan diperluas melalui

kerjasama antarabangsa yang lebih erat. Tumpuan akan terus diberikan kepada usaha memperkukuh Angkatan Masa Hadapan supaya lebih bersepadu, tangkas dan berfokus. Langkah ini akan menjamin jalinan kebolehoperasian yang tinggi menggunakan teknologi canggih. Sehubungan itu, program meningkatkan kapasiti aset mobiliti darat Angkatan Tentera Malaysia akan dilaksanakan bagi menjamin ketersediaan aset dan penyelenggaraan yang lebih sistematik. Kerjasama pertahanan pada peringkat antarabangsa juga akan dipertingkatkan sebagai sebahagian daripada strategi diplomasi berkesan dalam menjaga kedaulatan negara. Malaysia akan juga meneruskan penglibatan dalam misi pengaman di bawah mandat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



Kawalan sempadan negara akan dipertingkatkan melalui pengukuhan pos keselamatan di utara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, serta pengoperasian sepenuhnya AKPS di semua pintu masuk negara. Selain itu, aset sedia ada dan proses imigresen akan ditambah baik melalui penggunaan AI, pendigitalan dan automasi bagi mengurangkan kesesakan dan meningkatkan kawalan di pintu masuk negara. Peranan semua agensi penguatkuasaan pula akan diselaraskan untuk mengoptimumkan penggunaan sumber bagi meningkatkan keberkesanan usaha membanteras aktiviti penyeludupan dan pemerdagangan manusia serta ancaman keselamatan di perairan negara.

Ekosistem industri pertahanan negara akan terus dibangunkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada teknologi dan kepakaran luar negara. Pembangunan

industri ini akan dipacu melalui pelaksanaan Dasar Industri Pertahanan Negara yang memberi tumpuan kepada penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) dalam bidang teknologi termaju. Langkah ini akan menyokong usaha mempelbagaikan sumber pertumbuhan baharu dan meningkatkan penciptaan produk 'Made by Malaysia' bagi menjadikan negara lebih berdaya saing dan mandiri dalam bidang pertahanan.

Kawalan terhadap pendatang asing tanpa izin (PATI) akan diperkukuh secara menyeluruh dan bersepadu menerusi kerjasama antara agensi berkaitan. Pendekatan utama yang akan dilaksanakan termasuk meningkatkan operasi penguatkuasaan, pengusiran dan kawalan di sempadan, menutup lorong haram serta menggunakan teknologi pemantauan secara meluas. Selain itu, sistem imigresen bersepadu sedia ada akan terus diperkukuh bagi meningkatkan kecekapan pengurusan warga asing.

Strategi D5.3: Meningkatkan Kesejahteraan Anggota Keselamatan

Usaha bagi meningkatkan kesejahteraan anggota keselamatan yang sedang berkhidmat dan telah bersara akan dipergiat melalui penyediaan kediaman, perkhidmatan penjagaan kesihatan dan sokongan sosial yang lebih baik. Penyediaan kuarters kepada anggota keselamatan akan dipercepat melalui beberapa pendekatan strategik, termasuk kerjasama awam swasta dan inisiatif sewaan secara berkelompok. Dalam hubungan ini, garis panduan sedia ada bagi penyediaan kuarters akan dikaji semula bagi mengurangkan kos per unit tanpa menjejaskan kualiti dan kuantiti. Kuarters sedia ada daripada perkhidmatan lain yang tidak didiami juga akan ditawarkan kepada anggota keselamatan bagi mengoptimumkan sumber. Selain itu, program Satu Anggota Satu Rumah akan diperluas untuk memberi peluang pemilikan rumah kepada lebih ramai anggota, termasuk pemberian 15% kuota untuk pesara tentera.

Program bantuan sokongan sosial akan ditambah baik bagi memastikan kebajikan pesara tentera dan keluarga sentiasa terjaga. Program ini termasuk latihan kemahiran di bawah TVET, keusahawanan dan pertanian moden untuk meningkatkan kebolehpasaran anggota

selepas bersara. Semua usaha ini akan meningkatkan kesejahteraan anggota dan memberi penghargaan kepada pesara tentera agar terus memberi sumbangan yang terbaik kepada negara.

Strategi D5.4: Menambah Baik Pengurusan dan Pemulihan Pesalah Jenayah

Pengurusan dan pemulihan pesalah jenayah yang cekap dan berkesan adalah penting bagi memastikan prinsip hak asasi manusia dipatuhi dan nilai kerohanian dan aspek manusiawi diterapkan serta memberi peluang kedua untuk kembali kepada masyarakat. Bagi tujuan ini, kapasiti infrastruktur asas akan ditambah baik dengan membina baharu, menaik taraf dan memodenkan fasiliti penjara. Pelaksanaan hukuman alternatif melalui kerja komuniti dan program pemulihan dalam masyarakat juga akan diperluas. Bagi menyokong inisiatif ini, teknologi terkini termasuk alat pemantauan elektronik akan digunakan untuk membolehkan pengawasan dan pengesanan yang lebih sistematik. Kemudahan depot tahanan imigresen akan ditambah baik bagi memastikan keselamatan dan kebajikan pegawai serta tahanan sentiasa terpelihara. Bagi mengurangkan kesesakan dan kos operasi depot tahanan, program pengusiran PATI dengan kerjasama kedutaan yang berkaitan akan dipertingkatkan.

Isu ketagihan dadah dan bahan terlarang dalam masyarakat akan ditangani dengan lebih berkesan melalui penambahbaikan program pencegahan, rawatan dan pemulihan serta penguatkuasaan. Sistem sokongan rehabilitasi kepada penagih dan individu yang menyalahgunakan dadah akan diperkukuh melalui pelaksanaan program pemulihan yang lebih menyeluruh dan bersepadu melibatkan semua agensi berkaitan. Usaha ini bertujuan memberi peluang kepada penagih untuk berhenti sepenuhnya, seterusnya kembali memberi sumbangan yang bermakna dalam masyarakat.

D6: Pemeliharaan Kesihatan Bumi

Pemeliharaan kesihatan bumi memberi penekanan kepada hubung kait antara penjagaan kesihatan manusia dengan ekosistem alam semula jadi. Usaha ini penting bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan berteraskan tatakelola baik serta memastikan kehidupan generasi hari ini dan masa hadapan kekal sejahtera.

Pelbagai dasar dan inisiatif telah diperkenalkan bagi memastikan kesihatan bumi terus terpelihara. Namun, krisis perubahan iklim terus menjadi cabaran utama yang perlu segera ditangani secara menyeluruh dan terangkum. Aktiviti pembangunan yang tidak dilaksanakan secara mampan memberi impak kepada ekosistem alam semula jadi dan memusnahkan biodiversiti. Peningkatan jumlah sisa turut menjejaskan kualiti alam sekitar.

Matlamat

Pemeliharaan kesihatan bumi akan dapat memastikan pemuliharaan alam sekitar dan sumber asli yang berterusan serta pembangunan ekonomi yang mampan. Justeru, bumi yang sihat akan mewujudkan persekitaran yang bersih, biodiversiti yang terpelihara serta sumber ekonomi yang terjamin, yang membolehkan pelaksanaan aktiviti ekonomi yang mampan. Ekosistem perniagaan yang mampan hasil aktiviti ekonomi kitaran akan membolehkan pemain industri meningkatkan keupayaan untuk bersaing dalam pasaran domestik dan global. Rakyat pula dapat mengecapi kehidupan yang wajar, sihat dan bermakna, hasil daripada bumi yang sihat dan ekonomi yang mampan.

Pencapaian RMKe-12


Dalam tempoh RMKe-12, pelbagai usaha dalam memelihara kesihatan bumi telah menunjukkan pencapaian yang baik. Kadar intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) kepada KDNK berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005 telah berkurang sebanyak 37.1% pada tahun 2021. Pencapaian ini adalah selari dengan sasaran pengurangan intensiti pelepasan GHG 45% pada tahun 2030. Kadar kitar semula isi rumah telah meningkat kepada 37.9% pada tahun 2024, daripada 35.4% pada tahun 2023. Sehingga tahun 2024, sebanyak 16% kawasan terestrial dan air daratan telah dipulihara. Selain itu, pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman Seratus Juta Pokok telah mencapai sasaran pada tahun 2024 dalam usaha meningkatkan kesedaran kepentingan kawasan litupan hijau dan hutan serta menambah baik ekosistem dan biodiversiti negara.

Beberapa dasar dan perundangan telah digubal dalam usaha menangani kesan perubahan iklim dan meningkatkan pengurusan sumber alam, antaranya Dasar

Perubahan Iklim Negara 2.0 dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030. Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] telah dipinda pada tahun 2022 bagi menambah baik pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan. Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon Malaysia telah dibangunkan bagi mencapai sasaran sifar bersih pada tahun 2050. Laporan Biennial Transparency Report Pertama Malaysia telah dikemukakan kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2024 bagi memenuhi obligasi pelaporan perubahan iklim negara. Selain itu, Pusat Gas Rumah Kaca Kebangsaan telah ditubuhkan pada tahun 2022 bagi memperkukuh tadbir urus pembangunan mampan.

Sasaran

Empat sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk memelihara kesihatan bumi dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Pemeliharaan kesihatan bumi merupakan prasyarat kepada pembangunan sosioekonomi negara yang mampan. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberikan kepada usaha menangani isu perubahan iklim dan alam sekitar, mempertingkatkan pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti serta memperkukuh pelaksanaan ekonomi kitaran dan pengurusan sisa. Tiga strategi telah dikenal pasti untuk memelihara kesihatan bumi, seperti berikut:

Strategi D6.1: Memantapkan Pengurusan Perubahan Iklim dan Alam Sekitar

Pengurusan perubahan iklim dan alam sekitar memerlukan dasar dan perundangan yang kukuh, mekanisme pelaksanaan yang teratur dan pendekatan yang berinovasi. Pelan Adaptasi Kebangsaan akan diperkenalkan bagi menangani ancaman perubahan iklim dalam pelbagai

bidang, termasuk pertanian dan keterjaminan makanan, perhutanan dan biodiversiti serta kesihatan awam. Perundangan khusus berkaitan perubahan iklim juga akan dikuatkuasakan bagi mengawal selia pelaksanaan inisiatif tindakan iklim secara menyeluruh. Selain itu, projek rintis bagi mengukur *embodied carbon*¹ dalam pembinaan infrastruktur Kerajaan akan dilaksanakan untuk mengurangkan pelepasan GHG dalam sektor pembinaan.

Dasar pasaran karbon kebangsaan akan dilaksanakan bagi memudahkan perdagangan karbon, sama ada melalui kaedah pematuhan atau secara sukarela. Forest Carbon Offset, sebagai instrumen perkreditan karbon negara yang mengambil kira keperluan dan keupayaan tempatan juga akan dibangunkan bagi memudahkan perdagangan kredit karbon sektor perhutanan. Forest Conservation Certificate yang merupakan instrumen



¹ Merujuk kepada jumlah keseluruhan pelepasan GHG di sepanjang kitaran hayat proses pembinaan, termasuk aktiviti pengestrakan dan pemprosesan bahan mentah, pengangkutan ke tapak pembinaan, pembinaan, penyelenggaraan serta pelupusan.

pembiayaan hijau bukan pasaran akan diperluas untuk menggalakkan pembiayaan sektor swasta bagi pelaksanaan aktiviti pemeliharaan dan perlindungan hutan. Inisiatif karbon biru di kawasan paya laut dan tanah bencah juga akan diteroka bagi meningkatkan usaha mitigasi perubahan iklim dan melindungi kawasan pesisir daripada ancaman banjir dan hakisan pantai.

Langkah untuk memelihara alam sekitar akan dipertingkatkan melalui pengukuhan dan penguatkuasaan perundangan berkaitan alam sekitar serta pengurusan bahan kimia. Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] akan disemak semula bagi meningkatkan kecekapan penguatkuasaan. Perundangan sedia ada dan program kesedaran berkaitan pengurusan kumbahan *greywater* di premis pelepasan akan diperkukuh. Sistem pengurusan bersepadu akan dibangunkan untuk memantau keseluruhan kitar hayat bahan kimia, bermula pada peringkat kemasukan dari luar negara atau pengeluaran tempatan sehingga pelupusan. Inisiatif ini akan menjadi asas untuk Malaysia meratifikasi Konvensyen Stockholm dan Konvensyen Minamata bagi mengurangkan impak negatif terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar.

Inisiatif bagi mengurangkan air tidak berhasil dan penggunaan air mentah serta mempelbagaikan penggunaan air pulih guna secara mampan akan terus dilaksanakan. Tumpuan turut diberikan kepada pembangunan teknologi air tempatan yang inovatif, cekap air dan berdaya saing, terutamanya dalam sistem rawatan dan kitar semula air serta pengurusan dan pemantauan pintar sumber dan perkhidmatan air. Usaha ini adalah sebahagian daripada Pelan Transformasi Sektor Air 2040 bagi memperkukuh kelestarian dan daya tahan sektor air negara.

Pengurusan perubahan iklim dan alam sekitar memerlukan ekosistem yang menyokong dan terangkum. Sehubungan itu, aspek komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam dengan penerapan *behavioural insights* seperti kempen gaya hidup hijau akan diperkukuh untuk mempercepat perubahan tingkah laku masyarakat. Bagi meningkatkan kelestarian alam sekitar, aktiviti R&D&C&I akan dipergiat melalui kerjasama strategik pelbagai pihak, termasuk pemain industri dan institusi penyelidikan. Selain itu, bantuan teknikal melalui kerjasama dengan

pelbagai pihak berkepentingan serta pembiayaan antarabangsa, seperti Global Environment Facility, Green Climate Fund dan Adaptation Fund akan dimanfaatkan. Intervensi dan proses membuat keputusan berasaskan data akan dimudah cara melalui peningkatan perkongsian dan akses kepada maklumat yang lebih bersepadu.

Strategi D6.2: Mempertingkatkan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Biodiversiti

Pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti akan dipertingkatkan merangkumi langkah untuk memperkukuh perancangan dan pelaksanaan pembangunan serta menambah baik dasar, perundangan dan tadbir urus. Pengurusan konflik antara manusia dan hidupan liar serta pemeliharaan khazanah hutan, flora dan fauna di kawasan yang berisiko akan diberi penekanan melalui pengukuhan perancangan pembangunan pada setiap peringkat kerajaan. Penerapan pendekatan penyelesaian berasaskan alam semula jadi dalam pemuliharaan biodiversiti seperti restorasi kawasan hutan paya laut dan pemulihan terumbu karang akan diperluas.

Lebih banyak tapak berkepentingan biodiversiti dan kawasan perlindungan, seperti taman negara, tapak Ramsar, tapak rizab biosfera serta kawasan hutan paya laut dan hutan paya gambut akan diwartakan bagi memelihara keseimbangan dan kelestarian alam semula jadi. Penguatkuasaan melalui model operasi secara bersepadu akan diperkukuh dalam membanteras sebarang bentuk jenayah berkaitan flora dan fauna. Langkah ini akan memastikan aktiviti haram, seperti pemerdagangan flora dan fauna, pencerobohan hutan serta pelepasan spesies asing invasif yang merosakkan ekosistem tempatan dapat dikurangkan.

Strategi D6.3: Memperkukuh Pelaksanaan Ekonomi Kitaran dan Menambah Baik Pengurusan Sisa

Usaha memperkukuh pelaksanaan ekonomi kitaran dan menambah baik pengurusan sisa akan dipertingkatkan melalui penambahbaikan dasar, kawal selia dan mekanisme pelaksanaan serta penyediaan infrastruktur moden. Perundangan berkaitan ekonomi kitaran merentas pelbagai sektor akan digubal bagi mengawal selia aktiviti di sepanjang rantai nilai, daripada pengeluaran

sehingga pelupusan. Selain itu, mekanisme dalam menerima guna ekonomi kitaran akan ditambah baik, merangkumi pelestarian plastik, pengurusan biojisim dan buangan terjadual, pembangunan bahan api penerbangan mampan tempatan dan peluasan tanggungjawab pengeluaran. Pembiayaan campuran dan insentif cukai yang bersesuaian bagi menggalakkan rawatan sisa makanan di punca juga akan diperluas untuk turut merangkumi sektor komersial, industri dan institusi.



Pengurusan sisa pepejal akan ditambah baik melalui peralihan kepada pendekatan yang lebih bersepadu, berteknologi tinggi dan mampan, dilengkapi infrastruktur kitar semula moden, termasuk kemudahan pemerolehan bahan. Penglibatan komuniti akan diperkukuh melalui pelbagai inisiatif, seperti peluasan Program Komuniti Sifar Sisa, pelaksanaan skim bayar-semasa-buang serta penyediaan pusat beli balik dan kitar semula pintar. Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di kawasan luar bandar akan ditambah baik melalui kerjasama antara pejabat daerah, PBT dan komuniti setempat. Selain itu, cadangan penyelarasan pengurusan sisa secara berpusat di bawah satu agensi khusus akan diteroka.

Dasar larangan pembukaan tapak pelupusan baharu akan dilaksanakan bagi mempercepat ekonomi kitaran dan menambah baik pengurusan sisa. Pembinaan loji *waste-to-energy* akan diperluas melalui kerjasama awam swasta untuk mengurangkan kebergantungan terhadap tapak pelupusan. Selain itu, usaha akan ditumpukan

untuk memulihkan tapak pelupusan sedia ada dan menggalakkan kaedah pengurusan sisa alternatif, seperti pengkomposan, pemprosesan biojisim dan pelaksanaan pendekatan 5R². Pusat repositori sisa radioaktif kebangsaan yang lengkap dengan kemudahan penstoran, rawatan, pengkondisian dan pelupusan juga akan dibangunkan bagi mengurus sisa radioaktif secara lebih selamat dan mampan.

D7: Pemantapan Pengurusan Bencana

Bencana, terutama bencana alam akan memberi impak yang besar kepada kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar sekiranya tidak diuruskan dengan cekap. Pelbagai dasar dan inisiatif telah diperkenalkan bagi mengurangkan impak bencana ke atas kehidupan rakyat dan kelangsungan aktiviti ekonomi. Namun, cabaran menguruskan bencana semakin meningkat akibat daripada kejadian bencana yang kerap dan bertambah kompleks.

Matlamat

Langkah untuk terus memantapkan pengurusan bencana dapat mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan dan mempercepat tindak balas, sekali gus memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara. Pengurusan bencana yang terangkum dan bersepadu dapat mengurangkan risiko dan impak bencana serta meningkatkan kecekapan penggunaan sumber. Pemain industri berupaya meneruskan kelangsungan operasi perniagaan dan hanya menanggung kos kerosakan aset perniagaan yang minimum. Peningkatan tahap kesiapsiagaan dan kepantasan tindak balas melalui pengukuhan tatakelola akan meningkatkan keyakinan rakyat dan komuniti perniagaan bahawa keselamatan diri dan harta mereka sentiasa dilindungi.

Pencapaian RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, pelbagai usaha yang diambil bagi mempertingkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana telah membantu rakyat untuk

² Merujuk kepada pendekatan menolak, mengurangkan, mengguna semula, mengitar semula dan memulih.

lebih bersedia menghadapi situasi di luar jangka. Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 dan Arahan NADMA No. 1: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana telah dibangunkan pada tahun 2024 sebagai rujukan utama pengurusan bencana. Sistem amaran meteorologi telah ditambah baik dalam usaha menyediakan maklumat amaran cuaca lebih awal kepada semua pihak berkepentingan. Kerjasama dalam pengurusan bencana pada peringkat antarabangsa, termasuk ASEAN melalui platform global Kerangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030 telah diperkukuh dengan penglibatan pelbagai agensi dalam latihan bersama. Seramai 577,107 ketua isi rumah telah menerima Bantuan Wang Ihsan berjumlah RM578.4 juta akibat bencana, seperti banjir, tanah runtuh dan insiden kepala air dalam tempoh 2021 hingga 2024.

Sasaran

Empat sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha memantapkan pengurusan bencana dalam tempoh RMK13, seperti berikut:



Strategi

Pengurusan bencana merupakan antara komponen penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberikan kepada usaha meningkatkan kecekapan tadbir urus, perancangan dan penyelarasan mitigasi bencana serta kesiapsiagaan agensi keselamatan dalam mengurus bencana. Dua strategi telah dikenal pasti dalam memantapkan pengurusan bencana, seperti berikut:

Strategi D7.1: Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus

Langkah untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus dalam pengurusan risiko bencana akan dilaksanakan melalui pemantapan dasar, strategi dan tatakelola serta penggunaan teknologi termaju. Pelaksanaan Dasar Pengurangan Risiko Bencana akan diperluas ke peringkat negeri dan PBT sebagai panduan dalam pengurusan risiko bencana. Pelan tindakan pengurusan risiko bencana akan dijadikan sebagai sebahagian daripada Rancangan Tempatan bagi meningkatkan daya tahan kawasan penempatan dan perbandaran. Tatakelola Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara, termasuk garis panduan akan ditambah baik untuk mempercepat proses pengendalian pascabencana.

Penyelesaian berasaskan alam semula jadi akan digunakan untuk mengurangkan impak bencana akibat perubahan iklim. Selain itu, pemetaan geologi dan utiliti bawah tanah akan dipergiat bagi mempertingkatkan keselamatan rakyat. Sistem Amaran Awal Meteorologi untuk Semua pula akan ditambah baik bagi mempertingkatkan kesiapsiagaan negara menghadapi bencana. Penerimgunaan Climate Disaster Resilience Index akan diperluas untuk menilai komponen utama daya tahan bandar bagi meningkatkan keupayaan bandar dalam pengurusan bencana.

Strategi D7.2: Mempertingkatkan Kesiapsiagaan dan Program Sokongan Bencana

Pengurusan bencana yang berkesan perlu melibatkan keseluruhan ekosistem, termasuk SOP, kesiapsiagaan petugas, pemodenan aset dan program sokongan. SOP sedia ada akan diperkemas bagi meningkatkan penyelarasan dalam kalangan semua agensi berkaitan. Di samping itu, latihan bersama yang melibatkan pelbagai agensi akan dipergiat bagi memastikan respons yang pantas dan bersepadu. Pemodenan aset pula akan diteruskan untuk meningkatkan keupayaan dan

keberkesanan operasi. Reka bentuk infrastruktur awam terpilih akan disesuaikan sebagai pusat perlindungan bencana pelbagai guna selain memperluas penggunaan infrastruktur sedia ada. Program sokongan, termasuk penyediaan perkhidmatan kaunseling juga akan diperluas untuk membantu mangsa bencana meneruskan kehidupan pascabencana. Penglibatan semua pihak, termasuk sektor swasta, CSO dan NGO di bawah pendekatan keseluruhan negara akan dipergiat dalam menyediakan sokongan kepada golongan yang terkesan akibat bencana.



Rumusan

Dalam tempoh RMK13, usaha berterusan akan dilaksanakan bagi mengatasi isu dan cabaran utama yang menjejaskan kesejahteraan rakyat, terutama beban kos sara hidup dan kelestarian alam sekitar. Keutamaan akan diberikan kepada pembentukan negara bangsa yang akan mewujudkan rakyat Malaysia dengan nilai manusiawi serta persediaan menuju negara tua yang dapat memastikan rakyat terus menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Tumpuan juga akan diberikan kepada reformasi kesihatan dan perumahan, pengukuhan keselamatan dan pertahanan, pemeliharaan kesihatan bumi serta pemantapan pengurusan bencana untuk menaikkan lantai dan memperkukuh tatakelola. Semua usaha ini akan menjadikan Malaysia sebuah negara bangsa yang berdaulat, progresif dan dikenali di persada dunia, seiring dengan aspirasi Ekonomi MADANI, dengan rakyat yang menjalani kehidupan lebih sihat, produktif dan bermaruah dalam persekitaran yang bersih dan sumber alam yang terpelihara.





PEMANTAUAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS

PENGENALAN **6-2**

KERANGKA PEMANTAUAN RMK13 **6-3**

Mekanisme Pemantauan **6-3**

Tadbir Urus Pemantauan **6-4**

RUMUSAN **6-7**

Pengenalan

Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030 (RMK13) menyediakan hala tuju untuk negara mencapai aspirasi kerangka 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat'. Bagi menyokong usaha mencapai aspirasi ini, RMK13 dengan tema 'Melakar Semula Pembangunan' akan berpaksikan kepada empat tonggak, iaitu Meningkatkan Kerencaman Ekonomi, Meningkatkan Mobiliti Sosial, Mempercepat Pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam serta Mempertingkatkan Kesejahteraan Rakyat dan Kelestarian Alam Sekitar. Di bawah empat tonggak ini, sebanyak 27 bidang keutamaan dan sasaran khusus diketengahkan untuk memandu pelaksanaan strategi dan inisiatif serta memantau pencapaian RMK13. Beberapa isu utama yang menjejaskan keberkesanan pemantauan telah dikenal pasti, seperti data dan maklumat yang kurang lengkap serta kelemahan dalam pelaporan prestasi dan penyelarasan tindakan intervensi merentas kementerian. Dalam hubungan ini, mekanisme pemantauan akan ditambah baik bagi membolehkan pemantauan RMK13 dilaksanakan secara lebih telus, sistematik, menyeluruh dan berkesan dengan komitmen daripada semua peringkat kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan masyarakat sivil.

Kerangka Pemantauan RMK13

Kerangka pemantauan RMK13 ditambah baik dengan mewujudkan mekanisme pemantauan dan struktur tadbir urus khusus. Mekanisme pemantauan RMK13 akan melibatkan pembangunan Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) RMK13 dan sistem pemantauan PPD, MyRMK. Struktur tadbir urus RMK13 akan memanfaatkan beberapa jawatankuasa sedia ada yang ditambah baik dari segi peranan dan keanggotaan. Pemantapan struktur tadbir urus ini adalah untuk memastikan pemantauan RMK13 berdasarkan PPD dapat menyokong pencapaian sasaran yang ditetapkan. Kerangka pemantauan RMK13 ini juga melibatkan penyelarasan pemantauan melalui mekanisme sedia ada di bawah kementerian dan agensi pusat, seperti MyBelanjawan di bawah Kementerian Kewangan (MoF) dan MyProjek di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). Selain itu, penyelarasan juga akan melibatkan Unit Pantau MADANI (PMU), Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) dan Pusat SDG Negara (PSN). Dalam hubungan ini, pemantauan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) akan ditambah baik melalui pembangunan mekanisme pemantauan dan penilaian nasional yang dijangka dengan inisiatif RMK13.

Mekanisme Pemantauan

Penambahbaikan mekanisme pemantauan melalui PPD akan melibatkan penyediaan dokumen khusus berdasarkan kerangka RMK13, pembangunan sistem pemantauan dan pemantapan peranan serta tanggungjawab semua kementerian dan agensi dalam penyediaan input serta pelaporan secara berkala. Dokumen PPD memperincikan strategi dan inisiatif yang akan dilaksanakan oleh semua kementerian dan agensi yang telah dikenal pasti sebagai peneraju atau pelaksana. Setiap strategi dan inisiatif mempunyai sasaran petunjuk prestasi utama dengan output, keberhasilan dan garis masa yang jelas. Di samping itu, setiap strategi juga dijangka dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

Sistem MyRMK yang sedang dibangunkan oleh Kementerian Ekonomi secara dalaman boleh diakses oleh semua pihak berkepentingan bagi memudahkan cara pelaporan dan pemantauan. Sistem ini menyediakan aliran kerja yang lebih teratur bagi menjajarkan perancangan, mengemas kini kemajuan pelaksanaan dan menjana laporan pemantauan. Pangkalan data dan maklumat yang terhasil daripada sistem ini akan membantu proses membuat keputusan yang lebih tepat dalam menyediakan langkah intervensi serta merancang dasar pembangunan negara.

Pelaporan PPD RMK13 melalui sistem MyRMK akan dilaksanakan oleh semua kementerian, jabatan, agensi, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan pada setiap suku tahun berdasarkan peranan sebagai peneraju atau pelaksana. Pelaporan secara berkala ini membolehkan pemantauan bersepadu dan menyeluruh serta tindakan intervensi dan penyesuaian dilaksanakan secara sistematik. Garis panduan pelaporan akan turut disediakan bagi memudahkan cara peranan kementerian dan agensi dalam menyediakan pelaporan yang lengkap mengikut garis masa yang ditetapkan.




Tadbir Urus Pemantauan

Pewujudan kerangka tadbir urus pemantauan RMK13 yang menyeluruh berdasarkan jawatankuasa sedia ada akan dapat mengoptimumkan sumber, mengelakkan pertindihan fungsi dan meningkatkan keberkesanan pemantauan. Secara keseluruhan, RMK13 akan dipantau pada pelbagai peringkat, iaitu bermula daripada Jawatankuasa Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) sehingga kepada Jemaah Menteri sebagai peringkat tertinggi. Kerangka tadbir urus pemantauan RMK13 adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan 6-1*.

Fungsi dan peranan unit atau bahagian di kementerian yang bertanggungjawab ke atas penyelarasan serta pemantauan akan diperkasakan untuk bertindak sebagai *focal point* dalam menyelaraskan penyediaan dan membuat pelaporan PPD. Unit atau bahagian ini digalakkan untuk menerapkan budaya pemantauan secara dalaman bagi mengenal pasti kelemahan dan mengambil tindakan penambahbaikan secara menyeluruh dan teratur. *Focal point* juga bertanggungjawab menyediakan pelaporan kepada jawatankuasa pada peringkat teknikal secara berkala.

Paparan 6-1: Kerangka Tadbir Urus Pemantauan RMK13



Pemantauan RMK13 pada peringkat teknikal akan dilaksanakan melalui peluasan peranan dua jawatankuasa sedia ada yang telah ditubuhkan oleh Kementerian Ekonomi, iaitu TWG dan Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG). TWG diberikan tanggungjawab tambahan pada peringkat perancangan untuk menyelaras perincian PPD berdasarkan bidang keutamaan, termasuk penetapan Kementerian dan agensi peneraju serta pelaksana. Peranan ini akan membolehkan TWG memantau prestasi pencapaian Kementerian dan agensi secara terperinci berdasarkan input daripada sistem MyRMK. Prestasi RMK13 dan cadangan tindakan intervensi terhadap isu dan cabaran pelaksanaan PPD akan dibentangkan kepada IAPG setiap suku tahun. IAPG juga diberi

peranan tambahan untuk memuktamadkan perincian PPD mengikut tonggak, termasuk perincian sasaran output yang jelas mengikut garis masa yang ditetapkan serta menyelaras strategi dan inisiatif merentas Kementerian. Selain itu, IAPG bertanggungjawab untuk melaporkan prestasi RMK13 kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) secara sukuan. Mesyuarat IAPG akan turut membincangkan isu yang dibangkitkan melalui mekanisme pemantauan MyBelanjawan, MyProjek dan SDG serta yang dipantau di bawah PMU dan PACU. Dalam hubungan ini, IAPG akan turut dianggotai oleh wakil daripada agensi yang berkaitan, termasuk Pejabat Belanjawan Negara (NBO), PMU, PACU dan PSN.



Pemantauan pada peringkat tertinggi pegawai kanan kerajaan akan dilaksanakan oleh JPPN yang bertanggungjawab dalam penggubalan dan penyelarasan perkara berkaitan dasar sosioekonomi. JPPN menjadi platform bagi menimbang dan memperaku langkah intervensi yang bersesuaian sebelum diangkat kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Pembentangan prestasi RMK13 dalam mesyuarat JPPN akan diadakan setiap suku tahun.

Penglibatan MTEN dalam kerangka tadbir urus pemantauan RMK13 adalah penting mengambil kira peranan Majlis ini sebagai penasihat ekonomi dan badan perundingan kepada Jemaah Menteri dalam menangani masalah ekonomi negara. Sehubungan itu, pencapaian RMK13 akan dibentangkan dalam mesyuarat MTEN dua kali setahun bagi memuktamadkan tindakan intervensi yang bersesuaian. Pelaporan pelaksanaan RMK13 juga akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri secara tahunan yang merangkumi kemajuan pelaksanaan, pencapaian keberhasilan, isu dan cabaran serta cadangan penyelesaian yang memerlukan keputusan dasar.



Rumusan

Pemantauan RMK13 akan dilaksanakan secara menyeluruh melalui penambahbaikan mekanisme pemantauan dan pengukuhan tadbir urus pada semua peringkat. Pembangunan PPD dan sistem MyRMK akan memudahkan cara semua pihak berkepentingan memainkan peranan masing-masing dalam pemantauan secara telus, sistematik, menyeluruh dan berkesan. Pengukuhan tadbir urus yang melibatkan kementerian, jabatan, agensi dan kerajaan negeri secara aktif akan memastikan RMK13 dapat mencapai aspirasi 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat'.







MEREALISAKAN MALAYSIA MADANI: ASPIRASI 2040

PENDAHULUAN 7-2

ASPIRASI 2040 7-3

Masyarakat yang Saksama 7-3

Ekonomi yang Terangkum dan
Progresif 7-4

Bumi yang Sihat dan Berdaya
Tahan 7-5

Tatakelola Baik 7-6

PENUTUP 7-7

ASPIRASI

2040

Pendahuluan

Malaysia berada dalam kalangan negara membangun dengan pendapatan per kapita menghampiri negara maju sejak 29 tahun yang lalu. Majoriti rakyat Malaysia menikmati taraf hidup yang semakin baik dengan ketersediaan perumahan dan infrastruktur moden serta keupayaan untuk mengakses perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan kemudahan asas lain secara meluas. Mobiliti sosial berada pada tahap sederhana disokong oleh peluang pekerjaan berpendapatan sederhana tinggi dan gaji yang lebih kompetitif berbanding beberapa negara jiran.

Pembangunan sosioekonomi akan diteruskan bagi membolehkan negara mencapai kemajuan secara progresif dan mampan dengan membuat penyesuaian mengambil kira perubahan ke atas landskap global yang kompleks, dinamik dan saling terkait. Pembangunan ini tidak hanya menjadi tanggungjawab kerajaan tetapi turut menuntut komitmen daripada semua pihak lain, termasuk sektor swasta, sektor ketiga, pemimpin masyarakat dan rakyat secara amnya. Tumpuan pembangunan pula tidak hanya terhad kepada aspek pertumbuhan ekonomi, malah turut merangkumi pemantapan tatakelola baik, pembentukan masyarakat saksama dan pemeliharaan kesihatan bumi.

Hasil dan manfaat pembangunan sebahagiannya akan dapat dinikmati dalam jangka masa pendek, sebahagian lagi hanya akan dapat dikecapi dalam jangka masa panjang. Dalam hubungan ini, 15 tahun akan datang adalah tempoh yang bersesuaian untuk kita melihat dengan jelas impak besar hasil daripada perancangan sosioekonomi yang bermula hari ini. Pada tahun 2040, kita menjangkakan Malaysia berjaya membuat perubahan bermakna yang dikecapi oleh semua.

ASPIRASI 2040

Masyarakat yang Saksama



Pada tahun 2040, Malaysia sebagai satu negara bangsa mempunyai rakyat yang hidup sebagai masyarakat saksama. Masyarakat ini berpegang teguh kepada prinsip Rukun Negara, bersatu, memiliki nilai insaniah serta meraikan kepelbagaian agama, etnik dan latar belakang. Komitmen untuk menjamin kehidupan selamat dan aman dipikul bersama. Setiap individu dalam masyarakat menikmati kehidupan bermaruah dengan kesaksamaan peluang, mendapat akses kepada penjagaan kesihatan dan pendidikan berkualiti serta kekal produktif dalam usia emas.

Setiap rakyat Malaysia mengamalkan akhlak yang terpuji, sikap hormat-menghormati dan toleransi, di samping sentiasa menyuntik semangat perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat. Komuniti setempat pula mewujudkan persekitaran yang terang-kum untuk menyokong anggota masyarakat yang memerlukan bantuan tanpa mengabaikan golongan rentan. Selain itu, masyarakat bertindak sebagai satu unit dalam menyokong perubahan sosial bagi membentuk negara bangsa.

Sektor swasta menyumbang kepada kesaksamaan sosial melalui pelaksanaan amalan perniagaan yang terang-kum. Syarikat menawarkan kesaksamaan peluang pekerjaan serta membayar upah yang adil dan wajar. Syarikat turut serta bersama rakyat memikul tanggungjawab dalam

menangani masalah sosial setempat melalui penglibatan dalam ekonomi sosial untuk memastikan pembentukan masyarakat yang saksama. Selain itu, syarikat secara sukarela menyumbang kepada masyarakat melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat yang tidak terkait dengan insentif daripada kerajaan.

Kerajaan menjamin kesaksamaan sosial rakyat melalui penggubalan dasar dan perundangan berkaitan pembangunan sosial yang menyeluruh. Kerajaan juga bertanggungjawab memastikan pengagihan sumber yang saksama mengikut keperluan rakyat. Sistem perlindungan sosial yang menyeluruh sepanjang hayat disediakan bagi memastikan golongan sasaran dapat menjalani kehidupan bermaruah.

Ekonomi yang Terangkum dan Progresif

Individu dan masyarakat memainkan peranan penting dalam mewujudkan ekonomi yang terangkum dengan mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti ekonomi dan memakmurkan perniagaan tempatan. Individu menjadi modal insan yang kalis cabaran masa hadapan dan sentiasa berusaha untuk menyumbang tenaga dan kemahiran yang tinggi dalam pelbagai bidang. Di samping itu, individu, dengan minda strategik, sentiasa mencari dan mencipta peluang melalui keusahawanan untuk menjana nilai, pendapatan dan kekayaan. Masyarakat bertindak sebagai ejen perubahan dengan memikul tanggungjawab bersama dalam memupuk budaya inovasi dan menyokong aktiviti ekonomi tempatan.

Syarikat di Malaysia sentiasa meningkatkan kapasiti dan keupayaan untuk memperhebat kelebihan daya saing dalam pasaran global serta berani menceburi industri baharu yang berpotensi. Syarikat juga aktif berkolaborasi dengan institusi penyelidikan dan pelabur untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan disruptif dalam mencipta nilai yang memberi pulangan yang tinggi. Majikan menyediakan gaji progresif dan adil,

mewujudkan persekitaran dan aturan kerja yang mesra pekerja serta melabur awal dalam mengenal pasti dan membangunkan bakat dan kemahiran secara berterusan bagi meningkatkan produktiviti pekerja.

Kerajaan menjadi pemudah cara yang responsif dalam memperkuat ekosistem ekonomi bagi membolehkan semua ejen ekonomi memainkan peranan masing-masing secara cekap dan berkesan. Kerajaan juga menetapkan dasar dan hala tuju strategik yang jelas, konsisten dan sesuai bagi membolehkan semua pihak membuat keputusan yang tepat dan selari dengan visi pembangunan ekonomi negara. Kerajaan juga bertanggungjawab untuk memastikan ketersediaan infrastruktur dan kemudahan awam yang menyeluruh, bersepadu dan berkualiti bagi memenuhi keperluan perniagaan, masyarakat dan rakyat dalam menjalankan aktiviti ekonomi. Selain itu, sokongan kerajaan seperti pembiayaan, insentif dan program bersasar sentiasa ditambah baik bagi menjamin keterangkuman dan menangani ketempangan yang wujud dalam ekonomi.

Pada tahun 2040, Malaysia, yang terus berkembang sebagai negara maju mengikut takrifan dan nilai tersendiri, mengamalkan sistem pasaran bebas, menjadi destinasi utama pelaburan global dan menerajui pasaran serantau. Industri di Malaysia dikenali sebagai pengeluar teknologi termaju yang dicipta menerusi R&D&C&I oleh rakyat tempatan. Kejayaan ini adalah hasil daripada peralihan kepada ekonomi yang lebih rencam yang membolehkan pengeluaran produk bernilai tinggi di sepanjang rantai nilai global. Peralihan ini juga memberi peluang yang saksama kepada bakat tempatan berkemahiran untuk terus meningkatkan produktiviti yang dihargai dengan gaji progresif.



Bumi yang Sihat dan Berdaya Tahan

Pada tahun 2040, komitmen dan usaha kita secara kolektif dalam mitigasi dan adaptasi telah dapat mengurangkan kesan perubahan iklim ke arah menjadikan bumi lebih lestari, bersih dan sihat. Malaysia menerajui usaha menangani krisis perubahan iklim pada peringkat global melalui komitmen dan kejayaan negara dalam peralihan tenaga serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan biodiversiti. Pembangunan ekonomi negara dipacu oleh aktiviti ekonomi hijau, ekonomi biru dan ekonomi kitaran yang memaksimumkan kecekapan sumber dan memelihara kelestarian alam. Masyarakat mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan memelihara bumi dan mengamalkan gaya hidup lestari.



Setiap individu memainkan peranan penting dalam memelihara kesihatan bumi melalui amalan dan gaya hidup berteraskan kelestarian alam, seperti mengurangkan sisa, mengamalkan kitar semula dan menggunakan sumber tenaga secara berhemah. Masyarakat juga menggunakan sumber alam dengan cekap, menjaga persekitaran dengan baik, mengutamakan mobiliti hijau dan memilih produk mesra alam. Selain itu, masyarakat pada segenap lapisan mengambil tanggungjawab dalam memupuk budaya cintakan alam sekitar, yang diterapkan seawal usia kanak-kanak, dan menjadikan budaya ini sebahagian daripada identiti masyarakat.

Sektor swasta mengamalkan pengeluaran dan penggunaan mampan termasuk melabur dalam teknologi rendah karbon, mempertingkatkan penggunaan tenaga boleh baharu serta menerima pakai konsep ekonomi kitaran bagi memelihara kesihatan bumi. Syarikat mengurangkan jejak karbon melalui pelaksanaan aktiviti dan operasi perniagaan yang membudayakan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) sebagai piawaian perniagaan. Syarikat, dengan kerjasama komuniti juga terlibat aktif menerajui pengurusan alam sekitar dan sumber asli serta melaksanakan program pemuliharaan. Selain itu, sektor ketiga turut terlibat secara aktif dalam usaha memelihara dan memulihara khazanah biodiversiti melalui pengenalan inovasi untuk menyelesaikan isu setempat.

Kerajaan terus memastikan bahawa penggubalan dasar dan undang-undang merentas sektor mengutamakan alam sekitar dan penggunaan sumber yang lestari, manakala mekanisme intervensi yang diperkenalkan dapat memotivasi semua pihak untuk beralih kepada amalan lestari. Kerajaan juga memainkan peranan aktif pada peringkat antarabangsa dalam menyuarakan pendirian Malaysia mengenai pengurusan alam sekitar dan pemeliharaan biodiversiti melalui pelbagai platform rundingan dan kerjasama.

Tatakelola Baik

Individu dan masyarakat memainkan peranan aktif dalam proses demokrasi dan pembangunan sosioekonomi negara. Sebagai anggota masyarakat, setiap individu sentiasa berusaha memupuk rasa kekitaan untuk menyumbang kepada pembangunan, keharmonian dan keamanan negara demi kesejahteraan bersama. Rakyat bebas dan bertanggungjawab dalam menyuarakan pandangan secara konstruktif melalui saluran yang betul berlandaskan prinsip akauntabiliti, integriti dan ketelusan. Selain itu, rakyat dan masyarakat, termasuk pemimpin tempatan berperanan sebagai mata dan telinga bagi memastikan proses semak dan imbang yang berkesan dalam pentadbiran negara.

Sektor swasta mengamalkan tadbir urus korporat yang telus, beretika, terangkum dan selaras dengan prinsip ESG. Syarikat juga memperkukuh tadbir urus korporat melalui keterbukaan dalam pelaporan. Syarikat turut aktif membangunkan bakat dan keupayaan serta berkongsi amalan terbaik sebagai teladan dalam memastikan penambahbaikan tadbir urus berterusan.

Kerajaan menerajui tatakelola baik melalui pengukuhan dasar, perundangan dan amalan terbaik yang dilaksanakan secara menyeluruh pada semua peringkat. Institusi kerajaan berkaitan diberi kuasa, keupayaan dan kebebasan dalam menjalankan fungsinya tanpa dipengaruhi kepentingan mana-mana pihak. Data dan maklumat yang mempunyai kepentingan awam dikongsi secara terbuka untuk membolehkan rakyat menilai kecekapan dan keberkesanan pentadbiran kerajaan. Pemimpin pada pelbagai peringkat mempunyai kredibiliti dan integriti tinggi serta mengamalkan prinsip berkhidmat untuk negara dan rakyat tanpa bergantung kepada manfaat dan ganjaran daripada jawatan.

Pada tahun 2040, Malaysia mengekalkan kedudukan 12 teratas dalam aspek daya saing global dan berada di kedudukan 20 teratas dalam aspek pencegahan rasuah. Tatakelola baik yang berlandaskan prinsip keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang, akauntabiliti, integriti dan ketelusan menjadi amalan semua, baik individu, ahli perniagaan mahupun pentadbir negara. Demokrasi yang matang memberi keyakinan dan kepercayaan terhadap kepimpinan dan institusi kerajaan serta membolehkan rakyat dan masyarakat mengambil bahagian yang aktif dalam proses membuat keputusan.



Penutup

Malaysia pada tahun 2040 akan menjadi sebuah negara maju yang mempunyai masyarakat yang saksama dan ekonomi yang terangkum dan progresif, mementingkan kesihatan bumi serta mendukung tatakelola baik. Aspirasi ini menuntut komitmen dan sinergi yang mantap daripada semua pihak, iaitu individu, masyarakat, sektor swasta dan kerajaan. Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030 yang berlandaskan kerangka Malaysia MADANI adalah kesinambungan usaha untuk membawa negara mencapai aspirasi ini.



Lampiran



LAMPIRAN

Jadual

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2020-2030 (pada harga malar 2015)	A-2	Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2020-2030	A-15
Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2020-2030 (pada harga semasa)	A-3	Produktiviti Buruh mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2020-2030 (pada harga malar 2015)	A-16
Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2020-2030 (pada harga malar 2015)	A-4	Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2020-2030	A-17
Keluaran Dalam Negeri Kasar Berdasarkan Pendapatan, 2020-2030 (pada harga semasa)	A-5	Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah mengikut Strata dan Negeri, 2012-2024	A-18
Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2020-2030 (pada harga malar 2015)	A-6	Guna Tenaga mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2020-2030	A-19
Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Wilayah, 2020-2030 (pada harga malar 2015)	A-11	Guna Tenaga mengikut Kategori Kemahiran dan Kumpulan Pekerjaan Utama	A-20
Barangan Dagangan, 2020-2030	A-12	Glosari	A-21
Imbangan Pembayaran, 2020-2030	A-13	Indeks	A-26

Jadual 1

**Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2020-2030
(pada harga malar 2015)**

Perkara	RM juta						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar					Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2030	2021-2025 ¹	2026-2030
Perbelanjaan Swasta	1,013,400	1,033,605	1,142,583	1,195,115	1,273,594	1,756,365	5.7	5.6
Penggunaan	802,747	817,103	910,364	952,397	1,000,999	1,368,586	5.5	5.5
Pelaburan	210,653	216,502	232,219	242,719	272,595	387,780	6.5	6.0
Perbelanjaan Awam	250,243	252,950	267,069	279,546	297,284	379,837	4.6	3.9
Penggunaan	179,721	190,210	200,948	207,808	217,563	278,577	4.9	4.1
Pelaburan	70,522	62,740	66,121	71,738	79,721	101,260	3.8	3.6
Eksport Bersih	87,070	83,578	82,344	64,077	69,941	71,237	-5.8	2.0
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	830,157	984,094	1,126,873	1,038,085	1,124,259	1,421,000	6.9	4.1
Import Barangan dan Perkhidmatan	743,087	900,516	1,044,529	974,008	1,054,317	1,349,764	8.1	4.3
Keluaran Dalam Negeri Kasar	1,346,249	1,390,882	1,516,503	1,570,142	1,650,305	2,195,116	5.1	4.5 - 5.5

Nota: ¹ Data bagi tahun 2025 merupakan anggaran Kementerian Ekonomi.
Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

Jadual 2

**Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2020-2030
(pada harga semasa)**

Perkara	RM juta						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar					Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2030	2021-2025 ¹	2026-2030
Perbelanjaan Swasta	1,087,709	1,129,876	1,288,384	1,373,607	1,481,099	2,313,887	7.8	7.9
Penggunaan	865,450	898,359	1,034,028	1,102,875	1,174,092	1,823,756	7.7	7.8
Pelaburan	222,259	231,517	254,356	270,732	307,007	490,131	8.2	8.3
Perbelanjaan Awam	258,274	262,894	280,907	298,310	321,134	449,423	6.0	5.4
Penggunaan	183,869	195,707	208,446	218,331	231,196	327,150	6.2	5.7
Pelaburan	74,405	67,186	72,461	79,980	89,938	122,273	5.4	4.8
Eksport Bersih	90,325	111,973	129,071	86,904	102,790	146,200	2.8	7.1
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	873,477	1,093,895	1,378,618	1,252,717	1,378,518	1,924,246	10.6	5.9
Import Barangan dan Perkhidmatan	783,152	981,922	1,249,547	1,165,812	1,275,728	1,778,046	11.4	5.8
Keluaran Dalam Negeri Kasar	1,418,491	1,548,701	1,794,893	1,824,019	1,932,291	2,894,025	7.6	7.2
Pendapatan Negara Kasar	1,389,971	1,506,548	1,737,950	1,768,358	1,866,181	2,820,503	7.4	7.3
Pendapatan Negara Kasar Per Kapita								
RM	42,838	46,247	53,151	52,942	54,793	77,289	6.1	6.0
AS\$	10,191	11,162	12,077	11,608	11,974	17,470	4.6	6.5
Inflasi, %	-1.2	2.5	3.3	2.5	1.8	2.0-3.0	2.6	2.0-3.0
Pengangguran, %	4.5	4.6	3.9	3.4	3.2	3.0	-	-

Nota: ¹ Data bagi tahun 2025 merupakan anggaran Kementerian Ekonomi.
Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

Jadual 3

**Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2020–2030
(pada harga malar 2015)**

Perkara	RM juta						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar					Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2030	2021–2025 ¹	2026–2030
Pertanian	99,109	98,843	100,164	100,393	103,458	113,412	1.2	1.5
Perlombongan dan Pengkuarian	92,879	93,717	97,004	97,537	98,432	112,915	1.1	2.8
Pembinaan	53,616	50,839	53,455	56,663	66,580	93,938	6.5	5.0
Pembuatan	307,606	336,724	364,226	366,793	382,034	522,309	5.1	5.8
Perkhidmatan	777,693	795,116	884,870	930,363	980,110	1,327,570	5.8	5.2
Elektrik, Gas dan Air	37,950	39,021	40,399	41,487	42,983	55,712	3.8	4.0
Perdagangan, Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan	265,100	266,308	309,838	328,732	343,662	459,973	6.3	5.0
Pengangkutan dan Penyimpanan, Maklumat dan Komunikasi	131,281	137,203	154,728	165,804	176,028	243,574	7.2	5.6
Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	154,869	159,192	172,367	175,463	187,399	260,084	5.0	5.7
Perkhidmatan Kerajaan	124,699	131,482	137,784	144,593	151,515	202,018	5.2	4.7
Perkhidmatan Lain	63,795	61,910	69,755	74,286	78,523	106,209	4.9	5.5
Campur : Duti Import	15,346	15,642	16,784	18,392	19,692	24,971	6.0	4.0
Keluaran Dalam Negeri Kasar	1,346,249	1,390,882	1,516,503	1,570,142	1,650,305	2,195,116	5.1	4.5 ~ 5.5

Nota: ¹ Data bagi tahun 2025 merupakan anggaran Kementerian Ekonomi.
Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

Jadual 4

Keluaran Dalam Negeri Kasar Berdasarkan Pendapatan, 2020–2030 (pada harga semasa)

Perkara	RM juta					Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar				Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2030	2021–2025 ¹	2026–2030
Pampasan Pekerja	529,996	543,375	578,719	603,270	1,157,610	5.3	11.1
Lebihan Kendalian Kasar	849,920	968,984	1,204,175	1,181,981	1,663,822	9.0	4.9
Cukai Tolak Subsidi	38,575	36,342	11,009	37,653	72,593	5.4	7.6
Keluaran Dalam Negeri Kasar	1,418,491	1,548,701	1,793,903	1,822,904	2,894,025	7.6	7.2
Bahagian kepada KDNK, %							
Pampasan Pekerja	37.4	35.1	32.3	33.1	40.0	-	-
Lebihan Kendalian Kasar	59.9	62.6	67.1	64.8	57.5	-	-
Cukai Tolak Subsidi	2.7	2.3	0.6	2.1	2.5	-	-

Nota: ¹ Data bagi tahun 2024 dan 2025 merupakan anggaran Kementerian Ekonomi.
Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

Jadual 5

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2020-2030 (pada harga malar 2015)

Perkara	RM juta						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar					Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2030	2021-2025 ¹	2026-2030
Johor								
Pertanian	16,857	16,883	17,426	17,205	17,934	19,640	1.5	1.6
Perlombongan dan Pengkuarian	658	587	649	692	771	1,081	2.2	8.1
Pembinaan	4,176	3,418	3,961	4,465	6,374	7,416	9.1	2.8
Pembuatan	38,651	40,727	42,948	44,165	46,000	65,498	4.7	6.2
Perkhidmatan	66,406	68,360	76,217	80,329	85,161	113,107	5.6	5.4
KDNK	128,074	131,243	142,734	148,554	158,017	208,928	4.9	5.1
KDNK Per Kapita	33,861	36,465	41,114	41,847	44,762	64,117	-	-
Kedah								
Pertanian	5,518	5,669	5,665	5,510	5,728	6,283	1.3	1.3
Perlombongan dan Pengkuarian	112	103	114	122	118	158	1.5	5.6
Pembinaan	1,113	1,019	1,204	1,600	1,422	2,413	9.7	6.4
Pembuatan	13,619	14,465	15,633	15,138	16,135	22,459	4.2	6.0
Perkhidmatan	25,434	25,925	28,065	29,206	30,310	42,431	5.4	5.1
KDNK	46,042	47,505	51,031	51,877	54,036	74,169	4.7	5.1
KDNK Per Kapita	22,701	23,597	26,100	26,387	27,268	39,999	-	-
Kelantan								
Pertanian	5,818	5,869	5,703	5,609	5,764	6,517	0.6	1.7
Perlombongan dan Pengkuarian	342	353	393	428	463	553	5.5	4.4
Pembinaan	396	401	430	465	562	863	7.8	8.4
Pembuatan	1,234	1,260	1,299	1,265	1,293	1,927	4.2	5.0
Perkhidmatan	17,374	17,866	19,096	19,854	20,534	28,885	5.1	5.3
KDNK	25,188	25,782	26,965	27,658	28,651	38,792	4.2	4.7
KDNK Per Kapita	14,956	15,590	16,588	16,914	17,368	25,196	-	-

Jadual 5

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2020–2030 (pada harga malar 2015)–samb.

Perkara	RM juta						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar					Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2030	2021–2025 ¹	2026–2030
Melaka								
Pertanian	4,584	4,517	4,524	4,706	4,656	5,308	0.9	2.0
Perlombongan dan Pengkuarian	59	55	61	65	70	85	2.7	4.6
Pembinaan	992	896	972	1,035	1,352	1,543	6.8	2.3
Pembuatan	15,322	15,835	16,905	16,951	17,588	24,966	4.5	5.5
Perkhidmatan	19,970	20,508	23,062	24,028	25,171	33,455	5.9	4.7
KDNK	41,030	41,872	45,590	46,850	48,929	65,506	4.8	4.7
KDNK Per Kapita	42,880	44,571	50,262	53,688	54,553	78,288	-	-
Negeri Sembilan								
Pertanian	3,319	3,304	3,315	3,131	3,438	3,811	0.7	2.1
Perlombongan dan Pengkuarian	200	186	207	226	214	287	2.0	5.4
Pembinaan	1,370	1,365	1,454	1,367	1,492	2,120	4.2	4.7
Pembuatan	16,761	17,962	19,394	19,628	20,399	28,100	4.9	5.7
Perkhidmatan	23,822	24,360	26,274	27,463	28,656	38,963	5.0	5.1
KDNK	46,336	47,787	50,962	51,912	54,322	73,480	4.3	5.2
KDNK Per Kapita	41,292	44,478	49,877	51,702	53,928	77,677	-	-
Pahang								
Pertanian	13,001	13,006	13,951	14,129	15,312	15,810	2.5	1.5
Perlombongan dan Pengkuarian	614	507	572	629	604	745	0.2	3.8
Pembinaan	1,352	1,601	1,596	2,271	2,564	3,658	16.3	4.9
Pembuatan	12,246	12,990	13,745	14,039	14,531	19,653	4.3	5.4
Perkhidmatan	27,597	27,285	31,928	33,862	35,536	47,793	5.9	5.4
KDNK	54,885	55,440	61,844	64,967	68,669	87,808	5.0	4.6
KDNK Per Kapita	38,022	41,304	47,387	46,085	49,617	69,374	-	-

Jadual 5

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2020-2030 (pada harga malar 2015)-samb.

Perkara	RM juta						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar					Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2030	2021-2025 ¹	2026-2030
Pulau Pinang								
Pertanian	2,049	2,000	2,091	2,194	2,197	2,314	1.5	0.9
Perlombongan dan Pengkuarian	139	130	144	154	162	177	2.6	2.3
Pembinaan	2,234	2,521	2,746	3,379	3,865	5,561	14.2	5.1
Pembuatan	41,627	46,768	54,188	53,893	56,063	72,601	5.6	5.9
Perkhidmatan	45,979	47,080	52,543	55,674	58,433	78,229	5.8	5.2
KDNK	92,691	99,124	112,355	115,952	121,496	159,926	5.8	5.4
KDNK Per Kapita	55,783	59,934	69,779	72,532	76,033	105,847	-	-
Perak								
Pertanian	11,430	11,769	11,440	11,675	12,094	13,156	1.4	1.4
Perlombongan dan Pengkuarian	432	402	453	494	480	619	2.5	4.8
Pembinaan	2,057	1,919	2,066	2,016	2,248	3,207	4.0	5.1
Pembuatan	14,156	15,453	15,606	15,952	16,769	23,817	4.7	5.9
Perkhidmatan	46,137	47,323	50,857	52,441	54,579	78,326	5.2	5.6
KDNK	74,264	76,901	80,474	82,638	86,239	119,234	4.5	5.2
KDNK Per Kapita	31,633	34,382	37,147	37,026	38,996	57,277	-	-
Perlis								
Pertanian	1,088	1,024	1,056	1,089	1,121	1,259	0.6	2.4
Perlombongan dan Pengkuarian	30	29	31	33	34	38	2.3	2.5
Pembinaan	151	151	152	155	181	213	3.8	3.3
Pembuatan	444	468	489	484	491	654	3.5	4.4
Perkhidmatan	4,032	4,120	4,358	4,463	4,608	6,638	4.6	5.6
KDNK	5,785	5,867	6,216	6,338	6,549	8,942	4.0	4.9
KDNK Per Kapita	21,117	21,523	23,163	24,138	24,695	34,154	-	-

Jadual 5

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2020–2030 (pada harga malar 2015)–samb.

Perkara	RM juta						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar					Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2030	2021–2025 ¹	2026–2030
Selangor								
Pertanian	4,721	4,950	4,931	4,578	4,880	5,444	1.3	1.5
Perlombongan dan Pengkuarian	755	708	797	833	931	1,031	3.2	3.1
Pembinaan	18,665	17,474	18,145	19,870	22,502	33,812	6.4	5.8
Pembuatan	95,114	107,456	117,274	119,671	125,784	165,620	5.7	5.7
Perkhidmatan	200,127	205,430	233,979	248,307	263,947	341,982	6.3	4.8
KDNK	326,805	344,103	385,809	406,623	432,116	565,279	6.3	5.0
KDNK Per Kapita	48,591	52,054	59,882	62,696	65,907	90,679	-	-
Terengganu								
Pertanian	2,903	2,752	2,658	2,830	2,941	3,085	0.1	1.1
Perlombongan dan Pengkuarian	176	178	197	208	236	248	4.8	2.2
Pembinaan	1,080	1,106	1,147	1,166	1,370	1,635	5.1	3.3
Pembuatan	11,862	12,984	14,061	14,084	14,628	19,564	5.2	5.0
Perkhidmatan	17,943	18,201	19,320	19,917	20,710	29,021	4.6	5.3
KDNK	33,994	35,236	37,392	38,219	39,922	53,611	4.5	4.8
KDNK Per Kapita	29,508	30,937	32,295	31,163	32,442	46,404	-	-
Sabah								
Pertanian	12,798	12,518	12,549	12,628	12,205	13,825	0.4	1.2
Perlombongan dan Pengkuarian	19,936	20,574	20,455	19,535	18,551	24,841	-0.9	5.4
Pembinaan	2,197	2,368	2,517	2,490	2,958	3,737	7.2	3.8
Pembuatan	6,042	5,931	5,780	6,033	6,103	9,402	3.1	5.9
Perkhidmatan	36,597	37,369	40,605	42,413	44,209	67,706	5.6	7.1
KDNK	77,840	79,000	82,176	83,363	84,303	120,135	3.1	5.8
KDNK Per Kapita	24,657	29,997	35,893	31,235	30,605	48,200	-	-

Jadual 5

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2020–2030 (pada harga malar 2015)–samb.

Perkara	RM juta						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar					Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2030	2021–2025 ¹	2026–2030
Sarawak								
Pertanian	14,907	14,466	14,731	14,984	15,059	16,817	0.7	1.7
Perlombongan dan Pengkuarian	28,591	27,875	29,911	29,868	31,098	34,575	1.3	2.5
Pembinaan	4,082	4,490	4,706	5,125	6,082	8,127	9.7	4.7
Pembuatan	33,428	37,092	39,229	37,696	38,190	57,033	5.1	5.9
Perkhidmatan	46,160	47,315	51,912	54,612	57,264	78,881	5.7	5.4
KDNK	127,556	131,594	140,917	142,704	148,200	196,090	4.2	4.6
KDNK Per Kapita	55,907	65,750	81,233	72,283	73,426	105,577	-	-
WP Kuala Lumpur²								
Pertanian	2	2	2	1	1	2	-2.5	3.3
Perlombongan dan Pengkuarian	138	134	148	154	158	194	2.5	4.4
Pembinaan	13,589	11,966	12,209	11,111	13,454	19,398	2.3	5.0
Pembuatan	5,733	5,978	6,297	6,412	6,689	9,116	5.1	4.4
Perkhidmatan	194,204	197,979	220,354	231,366	244,152	332,194	6.0	5.1
KDNK	217,447	219,884	241,185	250,267	265,758	362,611	5.4	5.0
KDNK Per Kapita	108,985	112,184	127,182	131,165	136,365	188,986	-	-
WP Labuan								
Pertanian	115	117	122	126	129	144	2.2	2.3
Perlombongan dan Pengkuarian	0	0	0	0	0	0	0.0	0.0
Pembinaan	163	143	148	148	156	235	-0.1	7.7
Pembuatan	1,368	1,354	1,377	1,382	1,373	1,898	2.1	4.6
Perkhidmatan	5,910	5,997	6,299	6,428	6,840	9,961	5.1	5.6
KDNK	7,613	7,650	7,980	8,123	8,559	12,322	4.5	5.4
KDNK Per Kapita	80,602	81,588	85,401	83,841	87,003	163,813	-	-

Nota: ¹ Data bagi tahun 2025 merupakan anggaran Kementerian Ekonomi.² Termasuk WP Putrajaya.

Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

KDNK per kapita merujuk kepada nilai harga semasa.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

Jadual 6

**Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Wilayah, 2020-2030
(pada harga malar 2015)**

Perkara	RM juta						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar					Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2030	2021-2025 ¹	2026-2030
Wilayah Selatan	128,074	131,243	142,734	148,554	158,017	208,928	4.9	5.1
Johor	128,074	131,243	142,734	148,554	158,017	208,928	4.9	5.1
Wilayah Utara	218,782	229,397	250,075	256,806	268,320	362,271	5.1	5.2
Kedah	46,042	47,505	51,031	51,877	54,036	74,169	4.7	5.1
Pulau Pinang	92,691	99,124	112,355	115,952	121,496	159,926	5.8	5.4
Perak	74,264	76,901	80,474	82,638	86,239	119,234	4.5	5.2
Perlis	5,785	5,867	6,216	6,338	6,549	8,942	4.0	4.9
Wilayah Timur	114,067	116,458	126,201	130,845	137,242	180,211	4.7	4.7
Kelantan	25,188	25,782	26,965	27,658	28,651	38,792	4.2	4.7
Pahang	54,885	55,440	61,844	64,967	68,669	87,808	5.0	4.6
Terengganu	33,994	35,236	37,392	38,219	39,922	53,611	4.5	4.8
Wilayah Tengah	631,619	653,645	723,546	755,652	801,124	1,066,877	5.7	5.0
Melaka	41,030	41,872	45,590	46,850	48,929	65,506	4.8	4.7
Negeri Sembilan	46,336	47,787	50,962	51,912	54,322	73,480	4.3	5.2
Selangor	326,805	344,103	385,809	406,623	432,116	565,279	6.3	5.0
WP Kuala Lumpur ²	217,447	219,884	241,185	250,267	265,758	362,611	5.4	5.0
Wilayah Sabah	85,453	86,650	90,156	91,486	92,861	132,457	3.2	5.8
Sabah	77,840	79,000	82,176	83,363	84,303	120,135	3.1	5.8
WP Labuan	7,613	7,650	7,980	8,123	8,559	12,322	4.5	5.4
Wilayah Sarawak	127,556	131,594	140,917	142,704	148,200	196,090	4.2	4.6
Sarawak	127,556	131,594	140,917	142,704	148,200	196,090	4.2	4.6

Nota: ¹ Data bagi tahun 2025 merupakan anggaran Kementerian Ekonomi.² Termasuk WP Putrajaya.

Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

KDNK per kapita merujuk kepada nilai harga semasa.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

Jadual 7

Barangan Dagangan, 2020–2030

Perkara	RM juta						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar					Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2030	2021–2025 ¹	2026–2030
Eksport Kasar	983,827	1,241,022	1,550,009	1,426,199	1,507,683	2,089,104	9.8	5.8
Pertanian	71,724	98,093	120,903	94,818	105,664	148,243	10.0	5.1
Perlombongan	58,414	69,757	117,346	106,078	102,832	125,346	10.5	5.4
Pembuatan	849,498	1,068,431	1,304,668	1,216,283	1,288,783	1,801,936	9.7	6.0
Lain-lain	4,191	4,740	7,092	9,020	10,405	13,579	24.6	1.5
Import Kasar	800,481	987,344	1,293,811	1,211,044	1,370,842	1,972,827	12.9	6.1
Import Tertangguh	615,852	758,323	965,836	895,910	1,077,386	1,588,126	13.7	6.3
Barangan Modal	90,733	103,823	120,231	128,743	166,833	252,522	14.5	7.2
Barangan Pengantara	429,190	545,801	706,551	620,607	748,895	1,104,783	13.6	6.4
Barangan Penggunaan	74,134	83,893	104,017	104,118	117,410	157,826	10.2	5.6
Lain-lain ²	21,794	24,805	35,036	42,442	44,247	72,995	23.4	3.2
Import untuk Eksport Semula	184,630	229,021	327,975	315,134	293,456	384,701	9.9	5.4
Jumlah Perdagangan	1,784,308	2,228,366	2,843,821	2,637,243	2,878,526	4,061,931	11.2	6.0
Bahagian kepada KDNK, %	125.8	143.9	158.4	144.6	149.0	140.4	-	-
Imbangan Perdagangan	183,345	253,678	256,198	215,155	136,841	116,277	-10.4	1.9

Nota: ¹ Data bagi tahun 2025 merupakan anggaran Kementerian Ekonomi.² Barangan dua guna, barangan tidak dinyatakan di bawah mana-mana kategori dan transaksi di bawah RM5,000.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

Jadual 8

Imbangan Pembayaran, 2020–2030

Perkara	RM juta					
	Sebenar					Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2030
Barangan dan Perkhidmatan, bersih	90,325	111,973	129,071	86,904	102,790	146,200
Barangan, bersih	137,486	177,634	187,275	130,897	114,462	159,491
Eksport	780,511	1,005,841	1,237,226	1,057,736	1,135,655	1,575,821
Import	643,024	828,206	1,049,951	926,839	1,021,193	1,416,329
Perkhidmatan, bersih	-47,161	-65,661	-58,204	-43,993	-11,672	-13,291
Pengangkutan	-27,427	-31,863	-34,194	-32,005	-30,197	-41,392
Perjalanan	-7,569	-14,857	-1,188	17,279	37,379	52,679
Perkhidmatan Lain	-11,551	-18,037	-22,147	-28,532	-18,210	-23,260
Urus Niaga Kerajaan t.d.t. ¹	-614	-904	-675	-736	-644	-1,318
Pendapatan Primer, bersih	-28,520	-42,153	-56,943	-55,661	-66,111	-73,522
Pampasan Pekerja	-8,061	-6,659	-7,339	-8,140	-9,941	-12,100
Pendapatan Pelaburan	-20,459	-35,494	-49,603	-47,521	-56,170	-61,422
Pendapatan Sekunder, bersih	-2,714	-9,642	-14,905	-11,195	-8,963	-9,251
Imbangan Akaun Semasa	59,091	60,178	57,223	20,048	27,716	63,427
% kepada PNK	4.3	4.0	3.3	1.1	1.5	2.2

Jadual 8

Imbangan Pembayaran, 2020-2030-samb.

Perkara	RM juta				
	Sebenar				
	2020	2021	2022	2023	2024
Akaun Modal, bersih	-419	-469	-454	-259	-8
Pindahan Modal	-242	-204	-226	-118	123
Aset Bukan Kewangan Bukan Pengeluaran	-178	-264	-227	-141	-131
Akaun Kewangan, bersih	-77,396	16,242	8,533	-7,150	-4,928
Pelaburan Langsung	3,111	31,065	12,593	8,473	17,664
Di Luar Negeri	-10,170	-19,373	-62,825	-30,147	-33,862
Di Malaysia	13,281	50,438	75,417	38,619	51,526
Pelaburan Portfolio	-49,584	18,802	-50,114	-36,528	-84,140
Pelaburan Lain	-31,330	-31,375	48,267	24,784	58,734
Sektor Awam	-324	-178	-268	-245	-226
Sektor Swasta	-31,006	-31,197	48,535	25,029	58,960
Imbangan Akaun Modal dan Kewangan	-77,815	15,774	8,079	-7,408	-4,936
Kesilapan dan Ketinggalan Bersih	-572	-30,266	-11,943	-33,140	-7,038
Imbangan Keseluruhan	-19,297	45,686	53,359	-20,500	15,742
Rizab Antarabangsa BNM, bersih	432,244	486,793	503,285	520,753	520,156
Bilangan Bulan Import Tertangguh	8.6	7.7	5.2	5.4	5.0

Nota: ¹ t.d.t.l. - yang tidak dicatat di tempat lain.

Angka adalah berdasarkan pengiraan mengikut Manual Imbangan Pembayaran 6 (BMP6).

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

Jadual 9

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2020–2030

Perkara	RM juta					Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar				Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2030	2021–2025 ¹	2026–2030
Kesejahteraan Ekonomi	123.9	125.2	130.0	130.7	143.6	1.5	1.4
Pendapatan dan Pengagihan	115.4	118.1	129.0	128.9	137.4	2.0	1.5
Persekitaran Kerja	123.8	125.4	125.3	124.5	141.2	0.9	1.8
Pengangkutan	124.9	123.4	131.6	134.7	154.3	2.4	1.9
Komunikasi	126.0	128.5	129.2	129.4	138.7	0.9	1.0
Pendidikan	129.4	130.6	134.8	135.9	146.4	1.4	1.1
Kesejahteraan Sosial	112.7	113.1	115.1	116.0	130.6	1.3	1.7
Kesihatan	115.2	112.2	111.7	112.6	128.8	0.4	1.9
Perumahan	118.5	118.7	118.4	118.2	133.9	0.7	1.8
Alam Sekitar	104.9	106.9	110.3	106.0	132.9	1.4	3.4
Keluarga	98.5	99.2	100.2	102.4	111.3	1.3	1.2
Penyertaan Sosial	130.9	129.4	129.3	130.8	144.9	0.6	1.5
Keselamatan Awam	132.6	137.0	129.3	127.6	139.9	0.1	1.0
Kebudayaan	92.2	89.4	95.7	101.4	115.6	2.7	1.9
Hiburan dan Rekreasi	106.7	102.7	122.5	125.2	136.6	3.8	1.2
Tadbir Urus	115.2	122.5	118.7	119.9	131.5	1.4	1.3
Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia	116.7	117.4	120.4	121.3	135.2	1.4	1.6

Nota: ¹ Data bagi tahun 2024 dan 2025 merupakan anggaran Kementerian Ekonomi.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

Jadual 10

Produktiviti Buruh mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2020–2030
(pada harga malar 2015)

Perkara	RM juta						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar					Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2030	2021–2025 ¹	2026–2030
Pertanian	53,116	52,756	53,826	53,584	54,762	58,814	0.7	1.3
Perlombongan dan Pengkuarian	1,259,637	1,249,966	1,277,878	1,278,721	1,287,906	1,533,303	0.7	3.3
Pembuatan	120,550	128,618	133,937	131,147	134,532	170,976	2.7	4.4
Pembinaan	38,322	36,696	38,668	40,555	47,223	64,754	6.2	4.6
Perkhidmatan	84,480	85,150	91,002	92,504	94,152	116,699	3.0	3.5
Keseluruhan	89,179	90,968	96,211	96,914	99,265	122,745	2.9	3.6

Nota: ¹ Data bagi tahun 2025 merupakan anggaran Kementerian Ekonomi.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

Jadual 11

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2020-2030

Perkara	RM juta					
	Sebenar					Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2026-2030
Hasil	225,072	233,752	294,357	314,959	324,618	1,820,606
Perbelanjaan Mengurus	224,600	231,516	292,673	311,267	321,509	1,808,308
Baki Semasa	472	2,236	1,684	3,692	3,109	12,298
Perbelanjaan Pembangunan Kasar	51,360	64,257	71,574	96,091	84,012	430,000
Tolak: Terimaan Balik Pinjaman	1,259	992	1,407	1,007	1,737	6,251
Perbelanjaan Pembangunan Bersih	50,101	63,265	70,167	95,084	82,275	423,749
Kumpulan Wang COVID	38,019	37,711	30,979	-	-	-
Baki Keseluruhan	-87,648	-98,740	-99,462	-91,392	-79,166	-411,451
% kepada KDNK	-6.2	-6.4	-5.5	-5.0	-4.1	< -3.0 ¹

Nota: ¹ Pada akhir tempoh.

Sumber: Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan

Jadual 12**Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah mengikut Strata dan Negeri, 2012-2024**

Perkara	Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, RM					
	2012	2014	2016	2019	2022	2024 ^p
Malaysia	3,626	4,585	5,228	5,873	6,338	7,064
Strata						
Bandar	4,238	5,156	5,860	6,561	7,243	8,219
Luar Bandar	2,372	3,123	3,471	3,828	4,094	4,520
Negeri						
Johor	3,650	5,197	5,652	6,427	6,879	7,744
Kedah	2,633	3,451	3,811	4,325	4,402	4,737
Kelantan	2,276	2,716	3,079	3,563	3,614	4,026
Melaka	3,923	5,029	5,588	6,054	6,210	6,836
Negeri Sembilan	3,575	4,128	4,579	5,005	5,226	5,545
Pahang	3,067	3,389	3,979	4,440	4,753	4,983
Pulau Pinang	4,039	4,702	5,409	6,169	6,502	7,342
Perak	2,665	3,451	4,006	4,273	4,494	4,652
Perlis	2,387	3,500	4,204	4,594	4,713	4,880
Selangor	5,353	6,214	7,225	8,210	9,983	11,089
Terengganu	3,034	3,777	4,694	5,545	5,878	6,500
Sabah	2,860	3,745	4,110	4,235	4,577	4,861
Sarawak	3,047	3,778	4,163	4,544	4,978	5,440
WP Kuala Lumpur	5,847	7,620	9,073	10,549	10,234	10,758
WP Labuan	5,063	5,684	5,928	6,726	6,904	7,447
WP Putrajaya	6,486	7,512	8,275	9,983	10,056	11,088

Nota: Data adalah berdasarkan kepada warganegara Malaysia.

^p Merujuk kepada data awalan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2024.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 13
Guna Tenaga mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2020–2030

Perkara	'000 orang						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar					Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2030	2021–2025 ¹	2026–2030
Pertanian	1,866	1,874	1,861	1,874	1,889	1,928	0.4	0.2
Perlombongan dan Pengkuarian	74	75	76	76	76	74	0.4	-0.5
Pembuatan	2,552	2,618	2,719	2,797	2,840	3,055	2.4	1.3
Pembinaan	1,399	1,385	1,382	1,397	1,410	1,451	0.3	0.4
Perkhidmatan	9,206	9,338	9,724	10,058	10,410	11,376	2.7	1.6
Jumlah Guna Tenaga²	15,096	15,290	15,762	16,201	16,625	17,884	2.1	1.3

Nota: ¹ Data bagi tahun 2025 merupakan anggaran Kementerian Ekonomi.

² Penerbitan Produktiviti Buruh menggunakan pendekatan pertumbuhan dan isi rumah. Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

Jadual 14

Guna Tenaga mengikut Kategori Kemahiran dan Kumpulan Pekerjaan Utama, 2020-2030

Perkara	'000 orang						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar					Sasaran	RMKe-12	Sasaran RMK13
	2020	2021	2022	2023	2024	2030	2021-2025 ¹	2026-2030
Mahir	4,473	4,766	4,670	4,929	5,237	6,027	4.4	1.7
Pengurus	847	726	729	781	831	894	1.0	0.1
Profesional	1,994	2,113	2,041	2,194	2,244	2,361	2.3	1.1
Juruteknik dan Profesional Bersekutu	1,632	1,926	1,900	1,954	2,161	2,772	8.2	2.8
Separuh Mahir	8,912	8,688	9,203	9,268	9,559	10,247	1.4	1.4
Pekerja Sokongan Perkeranian	1,290	1,565	1,572	1,601	1,663	1,520	3.2	0.1
Pekerja Perkhidmatan dan Jualan	3,561	3,546	3,854	3,836	3,824	3,756	0.7	0.3
Pekerja Kemahiran Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan	897	694	741	720	798	1,270	2.4	4.7
Pekerja Kemahiran dan Pertukangan yang Berkaitan	1,453	1,298	1,414	1,437	1,613	2,182	4.9	3.4
Operator Mesin dan Loji dan Pemasang	1,710	1,585	1,623	1,674	1,663	1,520	-2.5	0.1
Berkemahiran Rendah	1,711	1,836	1,889	2,004	1,829	1,610	-0.4	-0.8
Pekerja Asas	1,711	1,836	1,889	2,004	1,829	1,610	-0.4	-0.8
Jumlah Guna Tenaga²	15,096	15,290	15,762	16,201	16,625	17,884	2.1	1.3

Nota: ¹ Data bagi tahun 2025 merupakan anggaran Kementerian Ekonomi.² Penerbitan Produktiviti Buruh menggunakan pendekatan pertumbuhan dan isi rumah. Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

Glosari

AKRONIM	DEFINISI
3D	kotor, bahaya dan sukar
4IR	Dasar Revolusi Perindustrian Keempat
5R	menolak, mengurangkan, mengguna semula, mengitar semula dan memulih
AAM	Mobiliti Udara Lanjutan
ACTF-BE	ASEAN Coordinating Task Force on Blue Economy
ADI	Akademi Dalam Industri
AI	kecerdasan buatan
AR	Realiti Terimbuh
AKPS	Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia
ARPA	Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam
AS	Amerika Syarikat
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
BERD	Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan oleh Sektor Swasta
BI	<i>behavioural insights</i>
BIM	Building Information Modelling
BIMP-EAGA	Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area
BRICS	Brazil, Rusia, India, China, Afrika Selatan
CAB	akaun semasa imbalan pembayaran
CCUS	Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon
CE	bahagian pampasan pekerja
CEPA	komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam
CPI	Indeks Persepsi Rasuah
CPTPP	Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership
CSO	pertubuhan masyarakat sivil
DASH	Damansara-Shah Alam
DDI	pelaburan langsung domestik
DE	perbelanjaan pembangunan
DGP	Dasar Gaji Progresif
DPOA	Pelan Tindakan Dasar Pembangunan Orang Asli
DRT	Transit Atas Permintaan
E&E	elektrik dan elektronik
EA	<i>Enterprise Architecture</i>
ECRL	Laluan Rel Pantai Timur
ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus
FDI	pelaburan langsung asing

AKRONIM	DEFINISI
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FTA	perjanjian perdagangan bebas
GEAR-uP	Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan
GBI	Green Building Index
GERD	Perbelanjaan Kasar Penyelidikan dan Pembangunan
GGP	Perolehan Hijau Kerajaan
GHG	gas rumah kaca
GII	Global Innovation Index
GLIC	syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan
GLC	syarikat berkaitan kerajaan
GMT	cukai global minimum
GPI	Indeks Keamanan Global
GRI	Institusi Penyelidikan Kerajaan
GS	perkhidmatan global
HCFC	hidroklorofluorokarbon
HGHV	pertumbuhan dan nilai yang tinggi
HLO	Harmonised Learning Outcome
HVHT	bernilai tinggi berteknologi tinggi
IAPG	Kumpulan Perancang Antara Agensi
IBS	Industrialised Building System
ICU, JPM	Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri
IKPM	Indeks Komposit Pembangunan Malaysia
IMT-GT	Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle
IP	harta intelek
IPR	Inisiatif Pendapatan Rakyat
IPT	institusi pendidikan tinggi
JPKK	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung
JPPN	Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara
JS-SEZ	Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura
K11	Sekolah Model Khas Komprehensif 11
K9	Sekolah Model Khas Komprehensif 9
KBT	Kelompok Bakat Terbaik Perkhidmatan Awam
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KHTP	Taman Teknologi Tinggi Kulim
KIGIP	Pembangunan Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian
KKIP	Taman Perindustrian Kota Kinabalu
KPI	petunjuk prestasi utama
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad

AKRONIM	DEFINISI
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LKW	lembaga kemajuan wilayah
LPV	Latihan Program Vaksin
LRT	Transit Aliran Ringan
LTC	penjagaan jangka panjang
LNG	gas asli cecair
MEKAR	Menyemai Kasih Rakyat
MIFC	Majlis Kepimpinan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa
MoF	Kementerian Kewangan
MPB	Malaysia Productivity Blueprint
MSE	<i>Malaysia Science Endowment</i>
MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
MTFTA	Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki
MTLM	Mekanisme Levi Pelbagai Peringkat
MTRS	Strategi Hasil Jangka Sederhana
MyWI	Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia
NAB	Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan, 2025-2045
NACS	Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional, 2024-2028
NAIO	Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan
NBO	Pejabat Belanjawan Negara
NCD	penyakit tidak berjangkit
NCR	Hak Adat Anak Negeri
NDI	Pendapatan Boleh Guna Bersih
NESP	Pelan Strategik ESG Kebangsaan
NETF	Kemudahan Peralihan Tenaga Negara
NETR	Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara
NGO	badan bukan kerajaan
NIMP 2030	Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030
NSS	Strategi Semikonduktor Nasional
NTBp 2.0	Rangka Tindakan Perdagangan Nasional 2.0
OGSE	perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas
OKU	orang kurang upaya
PACU	Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi
PADU	Pangkalan Data Utama
PATI	pendatang asing tanpa izin
PAWE	Pusat Aktiviti Warga Emas
PBT	pihak berkuasa tempatan
PEKB	Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial

AKRONIM	DEFINISI
PGM	Perintah Gaji Minimum
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
PIKAS	Pelan Induk Kerjasama Awam Swasta 2030
PISA	Program for International Student Assessment
PKEN	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
PKS	perusahaan kecil dan sederhana
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
PLKS	Pas Lawatan Kerja Sementara
PLSB	Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu
PLUS	Lebuhraya Utara-Selatan
PMKS	perusahaan mikro, kecil dan sederhana
PMU	Unit Pantau MADANI
PNK	pendapatan negara kasar
PPD	Pelan Pelaksanaan Dasar
PPP	kerjasama awam swasta
PPR	Program Perumahan Rakyat
PRC	Republik Rakyat China
PRR	Program Residenasi Rakyat
PSH	pembelajaran sepanjang hayat
PSN	Pusat SDG Negara
PTP	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
PuTERA35	Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035
R&D	penyelidikan dan pembangunan
R&D&C&I	penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi
RAC	Perbadanan Aset Keretapi
RCEP	Regional Comprehensive Economic Partnership
REE	unsur nadir bumi
RMK13	Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030
RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025
RTB	Rancangan Tebatan Banjir
RTEDM	Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia
RTO	sewa untuk beli
RTS	<i>Rapid Transit System</i>
RUU	Rang Undang-Undang
SABK	syarikat awam bukan kewangan
SAF	bahan api penerbangan mampan
SARA	Sumbangan Asas Rahmah
SBSR	<i>shipbuilding and ship repair</i>
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan

AKRONIM	DEFINISI
SE	perusahaan sosial
SEA	Asia Tenggara
SejaTi MADANI	Sejahtera Komuniti MADANI
SIB	<i>Social Impact Bonds</i>
SOP	prosedur operasi standard
SPKR	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat
SPE	Lebuhraya Setiawangsa-Pantai
SSR	kadar sara diri
SST	cukai jualan dan perkhidmatan
STAR	Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi
STEM	sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik
STI	sains, teknologi dan inovasi
STR	Sumbangan Tunai Rahmah
SUKE	lebuhraya bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang
TBB	tenaga boleh baharu
TBBT	tebatan banjir berkeutamaan tinggi
TEH	Perbelanjaan Kesihatan Keseluruhan
TEU	unit bersamaan dua puluh kaki
TIMSS	Trends in Mathematics and Science Study
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TOD	pembangunan berorientasikan transit
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
TWG	Kumpulan Kerja Teknikal
UAS	Sistem Pesawat Tanpa Pemandu
UI	Unit Integriti
UNHCR	Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian
VAE	<i>value at entry</i>
WCE	Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia

Indeks

A

AI, 2-2, 2-4, 2-5, 2-8, 2-11, 2-15, 2-26, 2-31, 2-36, 2-39, 3-4, 3-8, 3-12, 3-14, 3-26, 5-12, 5-16, 5-17, 5-18
AR, 2-12, 2-24, 2-26
agrikomoditi, 2-1, 2-4, 2-10, 2-18, 2-21
agromakanan, 2-4, 2-5, 2-10, 2-21, 2-22, 2-23, 2-24
Akademi Dalam Industri, 3-9
akaun semasa imbalan pembayaran (CAB), 1-14, 1-19
Akta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 [Akta 860], 5-16
Akta Hakmilik Strata 1985, 5-15
Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747], 5-16
Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850], 1-7, 1-19, 1-27, 4-12
Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, 5-14
Akta Pengurusan Strata 2013, 5-14, 5-15
akuakultur, 2-20
analitik video, 5-17
Angkatan Masa Hadapan, 5-18
Angkatan Tentera Malaysia, 5-18
alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), 2-10, 2-12, 2-34, 2-35, 2-36, 2-38
Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS), 5-16, 5-18
ARPA, 4-9

B

bahan api penerbangan mampan (SAF), 2-6, 2-11, 5-22
banjir, 2-2, 2-3, 2-29, 2-30, 2-31, 2-32, 5-23, 5-25
bernilai tinggi berteknologi tinggi (HVHT), 2-5, 2-8
behavioural insights, 3-15, 5-23
bidang bitara, 2-27
bidang keutamaan, 6-2, 6-4
biodiesel, 2-10
biojisim, 2-5, 2-10, 5-24
biometrik, 5-16
bioseutikal, 2-10
Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East Asian Growth Area (BIMP-EAGA), 3-24, 3-26
Building Information Modelling (BIM), 5-16
Buy Social, 2-38

C

Climate Disaster Resilience Index, 5-25

Community Renewable Energy Aggregation Mechanism, 2-9
consumption powerhouse, 1-8, 1-29, 2-2, 2-4, 2-27, 2-39
Corporate Renewable Energy Supply Scheme, 2-9

D

Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030, 1-5
Dasar Agromakanan Negara 2021-2030, 1-5
Dasar Industri Pertahanan Negara, 5-20
Dasar Keusahawanan Nasional 2030, 4-15
Dasar Gaji Progresif (DGP), 1-6, 2-29, 3-9, 3-11, 3-15
Dasar Pengurangan Risiko Bencana, 1-7, 5-25
dasar pasaran karbon kebangsaan, 2-16, 2-17, 5-22
Dasar Sosial Negara 2030, 1-7, 3-17, 4-15
Dasar Revolusi Perindustrian Keempat, 2021-2025, 1-15 4-6
daya cipta, 1-22, 2-8, 2-34
daya tahan, 1-19, 2-2, 2-5, 2-9, 2-10, 2-14, 2-17, 2-18, 2-21, 2-23, 2-30, 2-31, 2-32, 2-38, 5-23, 5-24, 5-25
defisit fiskal, 1-3, 1-4, 1-7, 1-14, 1-26, 1-27, 1-28, 4-12
dron AI, 5-18

E

EA, 1-26, 4-7
e-Gov 3.0, 4-6
ekonomi berasaskan penciptaan nilai, 1-14, 1-15, 1-38, 1-31, 2-2, 2-38
ekonomi biru, 1-16, 1-28, 1-29 2-1, 2-2, 2-3, 2-18, 2-19, 2-20, 2-21, 7-5
ekonomi digital, 1-19, 2-1, 2-5, 2-7, 2-8, 2-10
ekonomi hijau, 1-16, 1-28, 1-29, 2-1, 2-2, 2-3, 2-15, 2-16, 2-17, 7-5
ekonomi kitaran, 1-16, 1-24, 1-29, 2-8, 2-10, 5-21, 5-22, 5-23, 5-24, 7-5
ekonomi perkongsian, 2-11, 3-15
ekonomi sosial, 1-18, 1-26, 1-27, 1-28, 1-29, 2-36, 2-37, 2-38, 3-27, 4-1, 4-2, 4-3, 4-15, 4-16, 4-17, 7-3
Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat, 1-2, 1-8, 2-2, 2-4, 2-14
ekosistem R&D&C&I, 1-9, 1-28, 1-29, 2-1, 2-3, 2-4, 2-24, 2-25, 2-26, 7-4
elektrik dan elektronik (E&E), 1-4, 2-4, 2-6
export trial, 2-10

F

farmaseutikal, 1-17, 1-19, 2-27, 2-28, 5-13, 5-14
fasiliti kesihatan, 1-20, 5-12, 5-13

fasiliti pengangkutan awam, 2-34

focal point, 6-4

Forest Carbon Offset, 5-22

G

gas asli, 1-5, 1-17, 2-1, 2-8

gas rumah kaca (GHG), 2-4, 2-15, 2-16, 2-17, 5-21, 5-22

gig, 2-15, 3-11

GovTech, 1-10, 1-12, 1-26, 1-28, 1-29, 4-1, 4-2, 4-3, 4-6, 4-7, 4-8, 4-17 5-13

Global Innovation Index, 1-15, 2-24, 2-25

Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley, 2-32

Green Building Index, 5-16

greywater, 5-23

H

hab gaya hidup, 2-34

hab penyelidikan, 2-26

Harmonised Learning Outcome, 3-2

harta intelek (IP), 1-15, 2-1, 2-4, 2-26

I

ILTIZAM, 1-26, 1-28, 1-29, 4-1, 4-2, 4-3, 4-4, 4-5, 4-7, 4-17

imbangan perdagangan, 1-19

Indeks Keamanan Global (GPI), 5-18

Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi, 3-13

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI), 1-6, 5-11

Indeks Komposit Pembangunan Malaysia (IKPM), 3-27

Indeks Kecekapan Kerajaan, 4-2, 4-9

Indeks Persepsi Rasuah (CPI), 1-3, 1-4, 1-28, 4-2, 4-9

Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT), 1-19, 3-24, 3-26, 3-28

industri asas tani, 2-4, 2-5, 2-21

industri kreatif, 1-16, 2-5, 2-13

industri pelancongan, 1-4, 1-16, 2-5, 2-7, 2-8, 2-12 2-18

Industrialised Building System (IBS), 1-17, 4-14, 5-15

inflasi, 1-3, 1-14

infrastruktur pengangkutan awam, 1-28, 1-29, 2-1, 2-2, 2-3, 2-32, 2-33, 2-34

Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR), 4-12

Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), 1-20, 2-23, 3-13, 3-15

insan MADANI, 1-2, 1-8, 1-19, 1-21, 1-22, 1-23, 1-28, 1-29, 1-31, 3-2, 3-4, 4-10, 5-4, 5-17

intervensi, 1-9, 1-25, 2-29, 2-32, 3-6, 3-12, 3-14, 3-21, 4-10, 6-2, 6-3, 6-5, 6-6

J

jagung bijian, 2-22

jaringan pengangkutan awam, 2-33, 2-34

Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), 3-28

Jemaah Menteri, 1-26, 6-4, 6-6

jenayah siber, 1-24, 5-17, 5-19

K

kadar pengangguran, 1-3, 1-6, 3-9

kajian Pelan Strategik Pengangkutan Awam Lembah Klang, 2-33

Kampung Orang Asli (KOA), 3-16

karbon biru, 2-19, 2-20, 5-23

Kawasan Perindustrian Lembah Chuping, 3-24

kawasan perlindungan marin, 2-18

keberhasilan, 1-7, 1-21, 1-26, 2-4, 2-11, 3-4, 3-6, 3-7, 3-13, 3-15, 4-9, 4-10, 4-12, 4-14, 4-15, 6-3, 6-6

kebolehejekan produk agrikomoditi, 2-18, 4-11

kelestarian alam sekitar, 1-6, 1-7, 1-28, 1-30, 2-17, 2-24, 5-2, 5-3, 5-23, 5-24, 5-25

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), 1-3, 1-4, 1-5, 1-6, 1-7, 1-14, 1-19, 1-26, 1-27, 2-5, 2-7, 2-12, 2-15, 2-16, 2-25, 2-34, 2-35, 3-2, 3-10, 3-25

kemampuan fiskal, 4-12

kerjasama awam swasta (PPP), 1-16, 1-24, 2-23, 4-13, 5-20, 5-24

Kerajaan sebagai Platform, 4-7

kesejahteraan sosial, 3-20

keselamatan awam, 1-24, 5-2, 5-17, 5-19

kesihatan awam, 1-20, 5-11, 5-12, 5-22

kesihatan bumi, 1-9, 1-13, 1-23, 1-24, 1-28, 1-30, 5-2, 5-3, 5-20, 5-21, 5-22

keterjaminan makanan, 1-23, 1-28, 1-29, 2-1, 2-2, 2-3, 2-21, 2-22, 2-23, 2-24

Ketua Isi Rumah, 3-22

kewangan Islam, 1-16, 2-6, 2-14

kerencaman ekonomi, 1-8, 1-15, 1-16, 1-28, 1-29, 2-2, 2-3, 2-18, 2-24, 2-27, 2-35, 2-39

konsolidasi fiskal, 1-27, 1-29, 4-12, 4-13

Kos Kitaran Hayat, 1-27, 4-14

kredit karbon, 2-16, 2-17, 2-19, 2-20, 4-14, 5-22

Kumpulan Wang Amanah Program Perumahan Rakyat Dimiliki, 5-17

L

landskap pintar, 2-18

Light Combat Aircraft, 5-18

Littoral Mission Ship, 5-18

M

Made by Malaysia, 2-2, 2-4, 2-8, 2-13, 2-15, 2-24, 2-38, 2-39, 5-19

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara, 3-13
 Maritime Patrol Aircraft, 5-18
 Mass Rapid Transit, 2-33
 Mekanisme Levi Pelbagai Peringkat (MTLM), 1-25, 3-9, 3-10
 mitigasi dan adaptasi, 1-24, 1-29, 2-1, 2-2, 2-3, 2-29, 2-30, 2-31
 mobiliti rakyat, 2-31, 2-32
 mobiliti sosial, 1-2, 1-9, 1-12, 1-13, 1-28, 1-29, 2-4, 2-27, 2-37, 3-2, 3-3, 3-12, 3-14, 3-16, 3-18, 3-19, 3-20, 3-21, 3-22, 3-23, 3-24, 3-29, 4-15
 mobiliti udara, 2-11
 MyPOWER Corporation, 2-9

N

NACS, 4-9, 4-10
 negara berpendapatan tinggi, 1-14, 1-15, 1-28, 2-2, 2-34, 3-28, 4-9
 negara AI, 1-8, 1-9, 1-10, 1-11, 1-12, 1-15, 1-26, 1-29, 2-4, 2-39, 4-6
 NETF, 2-5, 2-17
 Nisbah Jenayah Indeks, 5-18

O

Orang Asli, 1-25, 3-5, 3-7, 3-16, 3-19
 orang kurang upaya (OKU), 2-13, 2-33, 5-6, 5-8, 5-9
 operator pengangkutan awam, 2-1, 2-32, 2-33
 operator rel, 2-34

P

pampasan pekerja (CE), 1-3, 1-4, 1-19, 3-2, 3-10, 3-11
 panel fotovolt, 2-11
 Pangkalan Data Utama (PADU), 3-13, 3-14
 Pasukan Petugas Khas CPI, 1-26, 4-9, 4-10
 Pendapatan Garis Kemiskinan, 3-13
 pasaran buruh, 1-3, 1-6, 1-9, 1-28, 1-29, 3-2, 3-3, 3-9, 3-10, 3-11, 3-12, 3-15, 3-17, 3-29, 5-1, 5-8, 5-9
 pasaran tenaga elektrik, 2-9
 Pas Lawatan Kerja Sementara, 3-10
 pas perjalanan MY50, 2-33
 Pelabuhan Darat Perlis, 1-17, 3-24
 pelaburan awam, 1-14, 1-15
 pelaburan swasta, 1-15, 1-14, 2-8
 pelaksana, 2-17, 2-31, 6-3, 6-5
 pelaporan, 1-26, 2-6, 6-2, 6-3, 6-4, 6-6
 Pelan Adaptasi Kebangsaan, 5-22
 pelancongan lestari, 2-12, 2-20
 Pelan Hala Tuju Gas Asli, 1-16, 2-8
 Pelan Hala Tuju Penyahkarbonan Sektor Penerbangan Malaysia, 2-11

Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, 1-4, 1-14, 1-16, 2-4, 2-5, 2-6, 2-8, 2-17
 Pelan Sektor Kewangan, 2022-2026, 2-14
 Pelan Strategik ESG Kebangsaan (NESP), 2-35, 2-36
 Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam, 2021-2025, 1-7, 4-6
 Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030, 1-10, 1-15, 1-26, 2-11, 4-7
 Pelan Tindakan Biojisim Negara 2023-2030, 2-5
 Pelan Tindakan Kepenggunaan 2030, 3-14
 Pelan Tindakan Masyarakat India, 1-25, 3-19
 Pelan Tindakan Sara Hidup Negara, 3-14
 Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035, 3-16
 peluasan tanggungjawab pengeluaran, 5-24
 pemaju perumahan, 5-16
 pemantauan, 1-8, 1-9, 1-26, 1-27, 2-11, 2-12, 2-14, 2-15, 2-17, 2-20, 2-27, 2-29, 2-31, 4-10, 4-12, 4-16, 6-1, 6-2, 6-3, 6-4, 6-5, 6-6, 6-7
 pembangunan berorientasikan transit (TOD), 2-1, 2-33, 3-27
 Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian, 1-18, 3-8, 3-24
 pembelajaran sepanjang hayat, 3-8, 5-8, 5-10
 pembiayaan alternatif, 1-15, 1-20
 pembiayaan campuran, 2-14, 2-17, 2-20, 2-38
 pembiayaan hijau, 2-1, 2-14, 2-17, 5-23
 pembiayaan perumahan, 5-14
 pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS), 1-16, 2-1, 2-16, 2-17
 pemilikan rumah, 3-21, 5-1, 5-14, 5-16, 5-20
 pendanaan awam, 2-38
 Pendapatan Boleh Guna Bersih, 1-20, 3-15
 pendapatan negara kasar (PNK), 1-3
 pendidikan awal kanak-kanak, 1-21, 3-6, 3-14
 pendatang asing tanpa izin (PATI), 1-24, 5-20
 Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), 1-6, 1-16, 1-18, 1-20, 1-21, 2-13, 2-25, 3-8, 3-11, 3-15, 3-19, 3-20, 3-26, 5-9, 5-10, 5-20
 pendigitalan, 1-2, 1-6, 1-7, 1-8, 1-9, 1-10, 1-15, 1-17, 1-20, 1-23, 1-26, 1-27, 2-4, 2-8, 2-13, 2-14, 2-24, 2-28, 2-35, 3-4, 3-12, 3-14, 3-20, 4-1, 4-4, 4-6, 4-7, 4-8, 4-14, 4-17, 5-1, 5-6, 5-11, 5-13, 5-14, 5-18, 5-19
 peneraju, 1-2, 1-16, 1-17, 2-8, 2-12, 2-13, 2-14, 2-17, 2-18, 6-3, 6-5
 pengangkutan awam, 1-15, 1-17, 1-19, 1-20, 2-1, 2-2, 2-3, 2-32, 2-33, 2-34
 penggunaan dan pelaburan swasta, 1-14
 penjagaan kesihatan, 1-9, 1-23, 2-28, 5-2, 5-7, 5-8, 5-9, 5-10, 5-11, 5-12, 5-13, 5-19, 5-20
 pensijilan hijau, 2-18
 penyakit tidak berjangkit (NCD), 1-23, 5-10, 5-11, 5-12
 penyalahgunaan narkotik/ dadah, 5-17, 5-19
 penyelesaian berasaskan alam semula jadi, 2-31, 5-23, 5-25

penyelidikan dan pembangunan (R&D), 2-9, 5-14
 penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I), 1-9, 1-15, 2-2, 5-20, 5-23
 peralihan tenaga, 1-16, 2-4, 2-5, 2-8, 2-17
 perancangan spatial marin, 2-20
 peranti perubatan, 1-17, 1-23, 2-27, 5-1, 5-8, 5-10, 5-11, 5-13
 Perbadanan Aset Keretapi, 2-33
 Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), 3-27
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, 3-7
 Perbankan digital, 2-13
 Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar, 3-13, 3-15
 Perbelanjaan Kasar Penyelidikan dan Pembangunan (GERD), 1-5
 perdagangan karbon, 1-16, 2-1, 2-17, 5-22
 perikanan, 1-17, 1-19, 2-18, 2-20, 2-21, 2-22, 2-23
 Perintah Gaji Minimum (PGM), 3-9, 3-15
 perjanjian perdagangan bebas (FTA), 1-18
 perkhidmatan global, 1-16, 2-1, 2-8, 2-13
 pengamal profesional tempatan, 2-13
 perkongsian mod, 2-33, 2-34
 perniagaan inklusif, 1-18, 2-1, 2-37, 2-38, 4-16
 perolehan hijau Kerajaan, 2-15, 2-16, 2-18
 Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), 1-18, 2-18, 5-5, 5-25
 pertanian pintar, 2-10, 2-23
 pertindihan fungsi, 4-8, 6-4
 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 1-7, 2-17, 5-19, 5-21
 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 5-12, 5-13
 pertumbuhan dan nilai yang tinggi (HGHV), 1-15, 1-16, 1-18, 2-2, 3-8, 3-18, 3-27
 perubahan iklim, 1-13, 1-24, 2-17, 2-21, 5-1, 5-2, 5-21, 5-22, 5-23, 5-24, 5-25
 perubatan jitu, 5-13
 perumahan awam, 5-15, 5-16
 perumahan bercampur, 5-16
 perumahan berstrata, 5-14
 perumahan mampu milik, 1-15, 1-20, 5-14, 5-15, 5-16
 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), 1-4, 1-5, 1-6, 1-16, 1-17, 1-18, 2-1, 2-2, 2-3, 2-6, 2-27, 2-29, 2-32, 2-34, 2-35, 2-36, 5-9
 perusahaan sosial, 1-6, 2-37, 2-38, 3-12, 3-19, 4-15
 penswastan berasaskan bayaran, 4-12
 Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, 5-15
 petunjuk prestasi utama, 6-3
 pihak berkepentingan, 1-11, 1-17, 1-23, 1-24, 2-10, 2-13, 2-24, 2-32, 6-3, 6-7
 pihak berkuasa tempatan (PBT), 1-7, 1-26, 2-18, 2-31, 3-22, 3-25, 3-27, 4-5, 4-10, 5-9, 5-24, 5-25
 produktiviti, 1-5, 1-8, 1-14, 1-15, 1-16, 1-17, 1-18, 2-1, 2-2, 2-3, 2-4, 2-5, 2-10, 2-11, 2-12, 2-14, 2-21, 2-23, 2-27, 2-28,

2-29, 2-34, 2-35, 2-36, 3-9, 3-10, 3-11, 3-12, 3-14, 3-18, 4-4, 4-5, 4-11
 Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru, 2-33
 Programme for International Student Assessment (PISA), 3-5
 Program Inisiatif Pembangunan Rangkaian Nilai Perniagaan Inklusif, 2-37
 Program Jualan RAHMAH MADANI, 1-20, 3-14
 Program Khas Anak Negeri, 3-17
 program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA), 2-9, 2-15
 Program Pembasmian Miskin Tegar, 3-13
 program penyelidikan kebangsaan berasaskan misi, 2-27
 Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB), 3-15
 Program Perumahan Rakyat (PPR), 5-14, 5-16
 Program Residensi Rakyat (PRR), 5-14
 prosedur operasi standard (SOP), 5-19, 5-26
 Pusat Respons Penipuan Kebangsaan, 5-19
 pusat inkubasi, 1-9, 2-26

Q

R

radar termal, 5-18
 Rancangan Tebatan Banjir (RTB), 1-24, 2-30, 2-31, 2-32
 Rancangan Tempatan, 5-25
 Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030, 2-37, 4-15
 rangkaian rel, 2-34
 rangkaian bekalan makanan, 1-19, 1-23, 2-1, 2-21, 2-24
 rasionalisasi subsidi, 4-14
 reformasi, 1-21, 1-23, 1-24, 1-26, 1-27, 3-3, 3-4, 3-6, 3-9, 3-10, 3-15, 3-29, 4-1, 4-2, 4-3, 4-4, 4-5, 4-7, 4-9, 4-11, 5-2, 5-3, 5-10, 5-11, 5-12, 5-14, 5-15, 5-27
 reka dan bina, 4-13
 rendah karbon, 1-9, 2-4, 2-11, 2-16, 2-17, 2-20
 rumah mampu milik, 1-6, 1-17, 1-20, 3-27, 5-14, 5-15, 5-16
 rumah terbengkalai, 5-16
 Rangka Tindakan Ekonomi Perkongsian, 2-11

S

sandbox, 1-9, 1-17, 2-11, 2-13, 2-26, 2-36
 Satu Anggota Satu Rumah, 5-20
 Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9), 3-16
 Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11), 3-16
 sektor ketiga, 1-4, 1-6, 1-16, 1-18, 1-27, 1-28, 1-292-1, 2-2, 2-3, 2-36, 2-37, 2-38, 4-1, 4-3, 4-15, 4-16,
 sektor komersial, industri dan institusi, 5-23
 sektor perkhidmatan, 1-3, 1-4, 1-5, 1-14, 1-16, 2-7

sektor pembuatan, 1-4, 1-5, 1-17, 2-6, 2-8, 2-17
 sektor pembinaan, 1-5, 1-17, 2-27, 5-22
 sektor perlombongan, 1-5, 1-17
 sektor pertanian, 1-5, 1-8, 1-17, 2-5, 2-7, 2-21
 sektor swasta, 1-3, 1-5, 1-11, 1-16, 1-17, 2-10, 2-13, 2-20, 2-24, 2-25, 2-26, 4-10, 4-14, 5-14, 5-19, 5-23, 5-26
 sewa untuk beli, 1-20, 5-14
shipbuilding and ship repair (SBSR), 2-20
 Shuttle Timuran, 2-33
 sisa pepejal, 1-16, 5-24
 sisa pertanian, 2-10
 Sistem Amaran Awal Meteorologi untuk Semua, 5-25
 sistem invois elektronik, 1-27, 4-13
 sistem MyProjek, 4-12
 sistem MyRMK, 1-26, 6-3, 6-4, 6-5, 6-7
 Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia, 3-4
 Skim Jaminan Kredit Perumahan, 5-14
 Skim Masa Penggunaan, 1-20, 2-9
 Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), 1-20, 3-15
 Skim Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti, 2-33
Sludge Audit, 4-8
sponge city, 2-31
 sukan, 1-17, 1-23, 1-24, 2-1, 2-5, 2-8, 2-15, 5-4, 5-5, 5-6, 5-7, 5-10
 sukuk sosial, 2-38
 Sumbangan Asas Rahmah, 1-20, 3-13
 Sumbangan Tunai Rahmah (STR), 1-20, 3-13
 sumber asli, 5-21
 Suruhanjaya Khas Diraja, 4-12
 Subindeks Perkhidmatan Dalam Talian, 1-7, 4-2, 4-7
 syarikat berkaitan kerajaan (GLC), 1-6, 1-16, 2-36, 2-38, 4-10, 5-15
 Standard Perumahan Kebangsaan CIS 26:2019, 5-16
 Strategi Semikonduktor Nasional (NSS), 1-4, 1-14, 1-16, 2-5, 2-8

T

Tabung Kewangan Antarabangsa, 1-13
 tadbir urus, 1-2, 1-15, 1-21, 1-22, 1-23, 1-25, 1-26, 1-27, 2-1, 2-8, 2-9, 2-10, 2-11, 2-13, 2-17, 2-18, 2-19, 2-20, 2-24, 2-26, 2-27, 2-29, 2-31, 2-32, 2-33, 2-34, 3-6, 3-8, 3-14, 3-16, 3-19, 3-20, 3-23, 3-26, 3-27, 3-28, 4-1, 4-2, 4-8, 4-9, 4-12, 4-13, 4-15, 4-16, 6-3, 6-4, 6-6, 6-7
 Tanah Hak Adat Anak Negeri (NCR), 1-25, 3-17, 3-19
 tanggungjawab sosial korporat, 1-20, 2-37, 3-15
 tanah Rizab Melayu, 5-15
 tanah wakaf, 5-15
 tarif, 1-3, 1-13, 1-182-9, 2-33
 tebatan banjir berkeutamaan tinggi (TBBT), 2-30, 2-31

teknologi disruptif, 1-13, 2-27
 tenaga boleh baharu (TBB), 1-8, 2-9, 2-11, 2-17, 2-18, 3-26
 TBB biru, 2-20,
 tenaga nuklear, 1-16, 2-1, 2-9
 Terminal Bersepadu Gombak, 2-33
 Transit Atas Permintaan (DRT), 2-32
 Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS), 1-6, 3-5
 tribunal perumahan, 5-16

U

Unmanned Aerial System, 5-18
 United Nations e-Government Development Index, 4-2, 4-7

V

value at entry (VAE), 4-12

W

wakaf, 2-38, 4-15

X

Y

Z

zakat, 2-38, 4-15
 Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), 1-19, 2-8, 3-8, 3-24, 3-28

Kementerian Ekonomi
Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
MALAYSIA

T: +603 8000 8000

W: <http://www.ekonomi.gov.my>